

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 41**

**Selasa**

**19 November 2013**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2014	
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b>	
<b><u>Jadual:-</u></b>	
B.13	(Halaman 22)
B.41	(Halaman 51)
B.21	(Halaman 132)
<b>USUL-USUL:</b>	
Usul Anggaran Pembangunan 2014	
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b>	
P.13	(Halaman 22)
P.41	(Halaman 51)
P.21	(Halaman 132)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 21)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

**Selasa, 19 November 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah persempadanan Wilayah Kota Iskandar ditetapkan selama-lamanya dan bilakah persempadanan akan dikaji semula untuk memasukkan kawasan Simpang Renggam yang mempunyai lokasi yang strategik.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian semula persempadanan bahagian-bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri yang terakhir bagi negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah ialah pada 21 Mac 2003. Sehubungan dengannya, tempoh lapan tahun seperti yang ditetapkan di bawah Perkara 113(2), Perlembagaan Persekutuan sepatutnya berakhir pada 21 Mac 2011. Tarikh bermulanya kajian semula itu akan dikira dari tarikh tersiarnya notis yang akan diwartakan menurut Perkara 4, Jadual Ketigabelas, Perlembagaan Persekutuan.

Namun, pada pertengahan tahun 2011, Suruhanjaya Pilihan Raya telah membuat keputusan berdasarkan kepada Perkara 113(2)(i), Perlembagaan Persekutuan untuk melaksanakan semula persempadanan bahagian-bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri bagi negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah dimulakan secara rasmi selepas Pilihan Raya Umum Ke-13.

Bagi Negeri Sarawak kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya yang terakhir ialah pada 10 Jun 2005 dan berdasarkan kepada Perkara 113(2), Perlembagaan Persekutuan. Urusan kajian semula persempadanan bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri bagi negeri Sarawak hanya boleh dilaksanakan selepas 10 Jun 2013 iaitu selepas cukup tempoh lat lapan tahun selepas siapnya urusan kajian semula persempadanan sebelum ini. Memandangkan lat tempoh lapan tahun bagi negeri-negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak telah tiba, SPR telah membuat keputusan untuk menjalankan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya secara serentak.

Perkara yang diambil kira dalam membahagikan mana-mana unit kajian semula kepada bahagian-bahagian pilihan raya termasuklah di kawasan Simpang Renggam adalah berdasarkan kepada penetapan dan prinsip yang diperuntukkan di bawah Jadual Ketigabelas, Bahagian I dan Bahagian II, Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

- (i) kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri;
- (ii) mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian; dan
- (iii) jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam satu negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar. Luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- (iv) mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan.

Mengikut Perkara 4, Bahagian II, Jadual Ketigabelas, Perlembagaan Persekutuan, jika SPR telah memutuskan untuk buat syor di bawah fasal (2), Perkara 113 berhubung dengan mana-mana bahagian pilihan raya, SPR akan memaklumkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri. SPR seterusnya akan menyiarkan dalam warta dan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar yang diedarkan dalam pilihan raya itu satu notis yang menyatakan antara lain kesan syor SPR tersebut dan representasi mengenai syor tersebut boleh dibuat kepada SPR dalam tempoh satu bulan selepas penyiaran notis.

Berdasarkan kepada seksyen 10, Bahagian II, Jadual Ketigabelas, Perlembagaan Persekutuan, setelah dilaporkan persempadanan diterima separuh daripada Ahli Dewan Rakyat perlu menyokong bagi meluluskan cadangan persempadanan yang dibentangkan. Bagi meminda Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat, ia perlu mendapat sokongan 2/3 daripada Ahli Dewan Rakyat selaras dengan Perkara 159, Perlembagaan Persekutuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya soalan saya disalah tafsir. Saya sebenarnya ingin tujukan kepada EPU dan bertanyakan sama ada Wilayah Iskandar dapat masukkan Simpang Renggam? Bagaimana kerajaan membantu meningkatkan ekonomi di sekitar kawasan Iskandar seperti Simpang Renggam ini? Jadi, boleh atau tidak selepas ini saya minta EPU menjawab secara bertulis kepada saya dan saya meneliti jawapan juga dari segi SPR jugalah. Saya dengar keempat-empat perkara yang disampaikan, yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mencadangkan supaya elemen pembangunan ekonomi ini juga harus diambil kira dalam menggariskan dalam persempadanan semula, persempadanan Parlimen yang baru. Terima kasih. Saya mohon penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, soalan ini sepatutnya pergi ke EPU. Iaitu untuk memasukkan Simpang Renggam dalam Wilayah Iskandar.

■1010

Akan tetapi kita juga memikirkan sebab soalan ini terlampau umum kemungkinan Yang Berhormat hendak mengetahui supaya semasa persempadanan semula ini sama ada Simpang Renggam boleh dimasukkan secara automatik dalam Wilayah Iskandar. Jadi dua-dua itu diberi pertimbangan yang sewajarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gombak. Ya hendak soalan yang mana Yang Berhormat, sSoalan yang sekarang inikah?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Itulah saya hendak beritahulah ini Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat berkenaan SPR.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Simpang Renggam. Soalan yg dikemukakan agak jelas dan terang, soal Wilayah Iskandar yang dicadangkan oleh beliau sama ada boleh dimasukkan dalam cadangan yang dikemukakan. Akan tetapi oleh sebab Yang Berhormat Menteri keliru dalam memberikan jawapan maka saya ingin memberi soalan tambahan kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Yang Berhormat menyatakan bahawa peranan SPR hari ini ialah selain daripada menguruskan pilihan raya, kita juga sedia maklum bahawa peranan yang dipertanggungjawabkan kepada SPR juga untuk mengemaskinikan **Daftar Pemilih** dan mencadangkan persempadanan semula mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Sudah tentulah beban tugas ini akan menimbulkan kekeliruan dan juga tidak ada prinsip *check and balance* yang sering menjadi pertikaian pada hari ini.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah kerajaan bersedia untuk menimbangakan pembentukan *Boundary Commission* seperti yang telah diamalkan di beberapa negara maju khususnya United Kingdom di mana *Election Commission* di sana berperanan hanya untuk *conduct a free and fair election*. Sementara *Boundary Commission* hanya bertanggungjawab untuk memberikan cadangan kepada kerajaan tentang persempadanan baru yang akan dilaksanakan setelah ada konsultasi dengan *stakeholders* dan pihak-pihak yang berkenaan.

Maka cadangan ini telah pun kita bincang panjang dalam Jawatankuasa Parlimen Penambahbaikan Sistem Pilihan Raya kita. Namun tidak ada sebarang respons daripada kerajaan, maka saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah kerajaan bersedia untuk menimbangakan untuk membentuk *Boundary Commission* bagi mencapai matlamat yang telah saya gariskan sebentar tadi. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama tentang kekeliruan soalan ini, kita telah menjawab bagi pihak SPR. Oleh sebab persempadanan itu akan muncul dalam kepala semua pihak bahawa ialah persempadanan pilihan raya. Kita maklumkan

bahawa kalau persempadanan pilihan raya itu sudah masuk ke kawasan Iskandar itu lebih bagus sebab dia akan kekal masuk di sana.

Akan tetapi dalam masa yang sama untuk tujuan pembangunan, sama ada Simpang Renggam patut dimasukkan di sana atau tidak kerana keadaan lokasi yang strategik hal itu akan dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Yang keduanya apa-apa penambahbaikan pada pandangan Yang Berhormat ataupun apa-apa pindaan yang kita hendak buat berhubung dengan persempadanan ini mesti kita pinda Perlembagaan. Sebab ini telah termaktub dalam Perlembagaan bahawa SPR akan menjalankan kajian mengenai persempadanan selama dua tahun, maksimumnya dua tahun. Selepas itu kita ada ruang, ada ruang untuk memberi pandangan ataupun mempertikaikannya terpulang kepada kita sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan.

Sekarang ini kita berdiri di atas dasar Perlembagaan. Cadangan Yang Berhormat sama ada kita hendak buat *Boundary Commission*, dengan izin, kerana Yang Berhormat selalu membandingkan England adalah terbaik dan sebagainya. Pada pandangan saya perbandingan dengan England adalah tidak sesuai untuk tujuan tersebut sebab di England pendapatan dia lain, di Malaysia lain. Kemudian dari segi pemahaman di sana lain, kadar pemahaman di sini lain. Di sini ada orang yang buta huruf tetapi ada orang yang tidak buta huruf pun kadang-kadang tidak faham.

Jadi kita mengambil satu pendekatan di mana Perlembagaan itu penting tetapi Jawatankuasa Penambahbaikan Pilihan Raya itu boleh kita cadang dan kita bincangkan memberi cadangan kepada SPR. Akan tetapi SPR mempunyai kuasa penuh dari segi Perlembagaan untuk menjalankan persempadanan semula. Kita boleh masuk di bawah notis-notis yang telah diberikan termasuk juga daftar pemilih dan juga lain-lain lagi. Ruang untuk kita untuk sama-sama terlibat dalam persempadanan ini telah ada dalam Perlembagaan dan kita akan laksanakan mengikut Perlembagaan. Tidak tambahlah.

**2. Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh]** minta Perdana Menteri menyatakan, jumlah hasil kutipan zakat setiap tahun mengikut negeri. Adakah Kerajaan bercadang untuk memotong 2.5% daripada gaji penjawat awam yang layak untuk mengeluarkan zakat dipotong terus kepada pusat pungutan zakat.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum di bawah Butiran I Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal-ehwal Agama Islam termasuklah urusan zakat terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh itu persoalan mengenai jumlah hasil kutipan zakat setiap tahun di negeri-negeri perlu dirujuk kepada pihak berkuasa agama negeri masing-masing.

Di dalam konteks ini kita mendapat maklumat melalui negeri-negeri di mana kutipan yang telah mereka lakukan, di mana kutipan zakat termasuk zakat harta dan juga zakat fitrah bagi Wilayah Persekutuan ialah sebanyak RM410,411,327.58. Selangor sebanyak RM451,325,027.00, Johor sebanyak RM171,939,397.69, manakala Terengganu ialah sebanyak RM107,080,441.25. Bagi negeri Perak ialah sebanyak RM79,577,582.60, Pulau Pinang ialah sebanyak RM76,501,447.71, Pahang – RM102,875,834.89, manakala Kelantan ialah sebanyak RM113,163,004.70, Kedah – RM106,471,950.65, Negeri Sembilan – RM65,352,483.87, Melaka – RM43,950,976.99, Sabah – RM48,929,401.12 dan Perlis ialah RM78,912,426.00.

Berhubung dengan cadangan pembayaran zakat mengenai potongan gaji penjawat awam yang layak secara terus kepada pusat pungutan zakat, perkara tersebut telah dilaksanakan oleh agensi-agensinya di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri seperti Tabung Haji, MAWIP dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Wakaf Malaysia, Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM) mulai Jun 2013. Manakala cadangan bagi pemotongan gaji bagi seluruh penjawat awam di Wilayah Persekutuan, MAWIP telah menyediakan kertas cadangan agar satu pekeliling am bagi pelaksanaan pembayaran zakat melalui pemotongan gaji kakitangan awam beragama Islam di Wilayah Persekutuan dikeluarkan.

Cadangan tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan Kerajaan Persekutuan pada 12 November 2013. Pekeliling tersebut merupakan arahan pentadbiran yang berbentuk sukarela di mana hanya penjawat awam yang bersetuju sahaja akan diberikan potongan gaji. Manakala negeri-negeri yang telah melaksanakan potongan gaji zakat pendapatan bagi sektor awam ialah Selangor, Johor, Kedah, Melaka dan juga Pulau Pinang. Terima kasih.

#### ■1020

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Untuk soalan tambahan. Sebagaimana kita tahu, zakat adalah satu ibadat *ijtimaiyyah* (kemasyarakatan) untuk merealisasikan keadilan Islam itu sendiri dan zakat juga untuk menyucikan harta dan juga untuk mempersempit jurang pemisah antara orang kaya dengan orang miskin. Soalan tambahan saya, ialah adakah pihak kerajaan- ada dua soalan.

Pertama ialah berkenaan dengan zakat penggajian, *salary*. Apakah pendirian Kerajaan Pusat Persekutuan tentang zakat penggajian ini? Adakah diterangkan tentang zakat penggajian ini kepada pegawai-pegawai atau rakyat semua, tentang wajibnya zakat penggajian ini? Sebagaimana zakat harta juga. Itu soalan yang pertama.

Soalan yang kedua ialah tentang wang yang dikeluarkan, yang dihasilkan daripada hasil yang dikeluarkan daripada tanah, daripada bumi maksud saya. Seperti mana firman Allah SWT [Membaca sepotong ayat al-Quran] "Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu infak atau keluarkan zakat daripada apa yang baik, yang kamu usahakan..." iaitu gaji. Kedua [Membaca sepotong ayat al-Quran] Bermaksud, daripada tanaman dan satu lagi, minyak. Soalan saya ialah, adakah Petronas yang mengeluarkan minyak daripada bumi juga kena keluarkan zakat? Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Puteh berdasarkan kepada soalan tambahan yang pertama tadi berkenaan dengan penggajian gaji. Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia, selalu saya memulakan jawapan saya berkaitan dengan zakat adalah merupakan hak negeri. Sebagaimana juga tanah dan juga hasil-hasil yang ada di bumi negeri. Oleh sebab itu, selalu saya ulang bahawa Jadual Kesembilan, Perlembagaan Negara menyebut secara jelas ialah sama ada kutipan zakat itu telah pun dibuat dan sebab itu jawapan ia juga adalah merupakan yang saya berikan kepada kutipan itu berdasarkan daripada maklumat negeri. Oleh kerana ini dikutip oleh negeri, satu.

Sehubungan dengan persoalan tadi di peringkat Persekutuan, di peringkat Pusat, kita sudah ada muzakarah fatwa telah memutuskan bahawa zakat pendapatan mengikut pandangan walaupun dahulunya zakat pendapatan tidak dimasukkan. Pendapat-pendapat baru termasuk Sheikh Yusuf Al Qaradawi berpandangan bahawa zakat pendapatan adalah wajib dikenakan. Akan tetapi kembali sekali lagi kepada persoalan Jadual Kesembilan, dalam Perlembagaan Negara. Kuasa agama ini, negeri-negeri sebahagian besarnya menggazet fatwa ini di negeri perlu untuk dibayarkan zakat. Untuk negeri-negeri dan *collection* ataupun kutipan.

Jadi maknanya, secara mudah Yang Berhormat Pasir Puteh, keputusannya ialah zakat bagi pendapatan yang penggajian yang didapati adalah merupakan perkara yang diputuskan wajib dan pelaksanaan kutipan itu pula adalah kuasa sepenuhnya kepada negeri. Adalah sesuatu yang amat sensitif kalau sekiranya zakat ini dikutip melangkaui daripada *border* atau sempadan. Sebagai contoh, Selangor dan juga Wilayah mempunyai sempadan-sempadan tersendiri tetapi sebahagiannya bekerja di Wilayah tetapi menetap di Selangor ataupun bekerja di Selangor dan menetap di Wilayah. Dia duduk di kawasan Putrajaya tetapi isteri dia bekerja di luar daripada kawasan Putrajaya, di Kajang dan sebagainya.

Jadi, ini menyebabkan ada negeri-negeri yang cukup sensitif tentang kutipan seperti ini. Akan tetapi apa pun berdasarkan kepada soalan tadi, saya jelaskan bahawa kutipan zakat adalah merupakan pandangan yang difatwakan bahawa wajib. Kemudian untuk supaya fatwa ini menjadi satu fatwa yang bersifat, bertaraf mempunyai kekuatan undang-undang dan kuasa, ia mesti digazet di negeri masing-masing, satu.

Keduanya ialah berkenaan dengan penggalian ataupun harta-harta yang tersimpan. Termasuklah bukan sahaja harta, yang bersifat cecair yang ditemui di dalam tanah, baik dalam bentuk yang beku, keras seperti mana emas, perak dan sebagainya galian-galian yang lain. Juga termasuk yang cair seperti mana minyak yang ditemui. Kalau Yang Berhormat ingat dalam penggulungan saya yang lalu pada bajet yang lepas. Saya telah menyebutkan secara jelas bahawa fatwa yang telah digazet, dua kali Majlis Fatwa Kebangsaan yang telah pun bermesyuarat pada tahun kalau tidak silap saya tahun 1986 dan begitu juga tahun yang berikutnya tahun 2009. Kalau boleh semak balik dalam *Hansard* yang lalu di mana zakat dikenakan kepada penemuan sama ada dalam bentuk galian dan sebagainya ini adalah wajib. Akan tetapi oleh sebab Petronas milik sepenuhnya kerajaan, ia bukan merupakan syarikat yang dikongsi ataupun syarikat yang dimiliki oleh individu secara bersama. Maka, Petronas tidak perlu untuk membayar zakat mengikut

kedua-dua pandangan fatwa yang telah dibuat pada dua kali yang sebagaimana di harmonis terbaru. Jadi maknanya Yang Berhormat, ini maklumat Petronas tidak dikenakan zakat, dalam konteks ia milik sepenuhnya kerajaan.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan terima kasih pada Yang Berhormat Pasir Puteh kerana membangkitkan soalan ini, kerana saya fikir penting sebagai seorang Islam. Saya pertama hendak ucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan Barisan Nasional kerana banyak benda yang telah dilakukan dalam menjulang amalan-amalan syariat. Sama ada dalam bentuk muamalat, sama ada dalam bentuk pengembangan ilmu, sama ada dalam bentuk dakwah, mahupun dalam bentuk ibadah, *khususiah* ataupun umum.

Namun dalam soal zakat, saya rasa saya bersetuju juga dengan Yang Berhormat Pasir Puteh. Kalau saya hitungkan semua tadi yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, walaupun berada dalam kawalan negeri, kutipannya semua sekitar dalam RM2.4 bilion. Kalau hendak diambil perkiraan kutipan Lembaga Hasil Dalam Negeri pada tahun ini diunjurkan RM127 bilion. Bererti perbezaan hampir 51 kali ganda. Sedangkan ini adalah benda yang fardu, ini adalah benda yang wajib, tadi disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Puteh. Dalam al-Quran pun sebut [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Ini benda yang Allah SWT arah, ambil.

Saya fikir mungkin pihak kerajaan ada kaedah dalam membuat suatu benda yang mungkin menyeragamkan. Walaupun berada dalam, contohnya kerajaan negeri tetapi boleh di integrasikan. Contohnya, boleh diperkenalkan borang, kalau dalam kutipan Lembaga Hasil Dalam Negeri ada Borang 'J'. Kenapa tidak boleh kita perkenalkan umpamanya Borang 'Z'? Atau pun kalau kita ada potongan cukai berjadual atau PCB. Apakah kita tidak boleh ada potongan zakat berjadual? [*Disampuk*] Benda ini benda yang mungkin kita katakan [*Berucap dalam bahasa Arab*] "*Islam tinggi, tidak ada yang lebih tinggi*", takkanlah soal kutipan zakat pun kita tidak boleh julang di negara kita ini.

Keduanya, saya hendak bertanya tetapi sekadar memberi penegasan tentang soalan hasil galian, Sheikh Yusuf Al Qaradawi dengan Dr. Ahmed Shawqi telah menyatakan bahawa hasil galian yang terpulang dalam *hukumah* tidak termasuk dalam soal zakat. Ini dinyatakan dalam Persidangan Islam 1976 sebagai jawapan. Terima kasih [*Disampuk*]

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Kepala Batas dengan maklumat, dengan kupasan dan juga pandangan-pandangan yang begitu kukuh dan juga mempunyai maklumat yang tinggi. Saya suka hendak jelaskan Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bukan soal menolak bidang tugas dan juga kerja. Ini kerana menjulang institusi zakat inilah sebab itu kita ada maklumat yang saya sampaikan kepada Dewan, jumlah kutipan yang sebanyak ini. Oleh kerana usaha-usaha yang dibuat.

■1030

Cuma borang itu pun ada. Cuma dia tak tulislah Borang 'Z' yang sebagaimana cadangan Yang Berhormat Kepala Batas tadi. Akan tetapi ada borang yang telah disediakan tetapi kita



meletakkan, fatwa mengatakan zakat itu wajib cumanya cara kutipan itu ada yang bersifat secara bulanan dan ada juga yang dibuat secara tahunan. Jadi, zakat dikenakan apabila cukup haul dan juga nisabnya. Jadi maka sebab cukup haul dalam pengertian tempoh dan juga dalam jumlah yang tertentu yang dihadkan untuk dibayar zakat tersebut.

Selain daripada itu juga, sebenarnya untuk maklumat memang secara jumlahnya kutipan agak besar yang ditanggung tetapi daripada kutipan itulah sebenarnya digunakan oleh negeri masing-masing. Ambil contoh sebab sahabat saya dari Arau ada ini, saya sebut sebab Perlis negeri kecil sahaja tetapi kutipan dia RM77 juta. Jadi kutipan yang agak besar dimiliki oleh Perlis, RM77 juta ini itulah wang yang disalurkan untuk membayar tambahan elaun tok imam dan bagi elaun siak dan noja yang tak dibayar. Jadi negeri mengambil tanggungjawab untuk membayar tersebut.

Begitu juga untuk membantu sekolah-sekolah agama di seluruh negeri masing-masing yang bukan hanya soal prasarana, kadang-kadang gaji guru dan juga gaji tenaga pengajar pun tidak sampai kepada tahap pembayaran mengikut skim skala gaji yang diamalkan secara standard.

Jadi, peruntukan-peruntukan ini kelihatannya semacam besar bila dikumpulkan, 14 buah negeri cuma yang agak besar sedikit kutipan ialah Wilayah Persekutuan dan juga negeri Selangor. Lain-lain negeri parasnya ialah RM100 juta pada persekitaran. Bahkan ada beberapa buah negeri yang lebih kurang RM40 juta dan sebagainya. Ini untuk menampung keperluan pembaikan masjid, prasarana masjid, siak dan bilal dan tampungan sedikit kepada elaun imam, meraikan mereka lebih-lebih lagi guru-guru agama kampung yang mengajar Quran, guru yang menguruskan mandi jenazah dan sebagainya. Jadi kalau dipecahkecilkan jumlah ini menjadi kecil kalau dibandingkan dengan semua sekali dicantumkan satu kutipan yang besar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**3. Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kejatuhan nilai Ringgit Malaysia yang jatuh berbanding kebanyakan wang asing.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kalabakan. Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Kalabakan bersama soalan daripada Yang Berhormat Pokok Sena pada 3 Disember 2013 kerana soalan-soalan tersebut menyentuh mengenai perkara dan isu yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pergerakan kadar pertukaran ringgit seperti juga mata wang lain secara amnya dipengaruhi oleh dua perkembangan utama. Dalam jangka masa panjang, pergerakan ringgit mencerminkan asas ekonomi negara, bagi jangka pendek, pergerakan ringgit ditentukan oleh kuasa pasaran mencerminkan perkembangan global dan domestik semasa yang mempengaruhi sentimen pasaran. Sehubungan dengan itu, Bank Negara sentiasa memastikan bahawa keadaan pasaran

pertukaran asing kekal teratur bagi membolehkan ekonomi negara membuat penyesuaian yang wajar memandangkan pergerakan ringgit boleh turun naik dalam jangka pendek.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Malaysia beralih kepada sistem kadar pertukaran apungan terurus, dengan izin, *manage float* pada Julai 2005, nilai ringgit telah meningkat 18.9% berbanding dolar Amerika Syarikat semalam pada 18 November 2013. Peningkatan ini mencerminkan asas ekonomi negara yang bertambah baik. Walau bagaimanapun dalam tempoh ini ada kalanya ringgit menyusut atau menambah nilai berbanding Dolar Amerika Syarikat sebagai tindak balas terhadap perkembangan pasaran.

Sebagai contoh, antara 22 Mei hingga 11 Oktober tahun ini, Ringgit Malaysia menyusut 5.3% berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat sejajar dengan trend serantau berikutan reaksi terhadap pengumuman mengenai kemungkinan pengecilan program pelonggaran kuantitatif dengan izin, *quantitative easing (QE)* di Amerika Syarikat.

Seperti mana-mana sistem kadar pertukaran, terdapat segmen ekonomi yang akan mendapat manfaat daripada nilai ringgit yang lemah dan ada juga segmen yang akan terjejas. Contohnya apabila Ringgit Malaysia menyusut nilai, pengeksporth akan memperoleh manfaat kerana barangan dan perkhidmatan buatan Malaysia kini lebih murah bagi negara-negara luar. Sebaliknya harga barangan perkhidmatan yang diimport menjadi lebih mahal.

Walaupun bagaimanapun, kesan keseluruhan terhadap inflasi berikutan nilai ringgit yang lemah adalah terkawal kerana barangan yang diimport hanya mencakupi 16% daripada indeks harga pengguna. Tambahan pula input yang diimport hanya mencakupi 34% daripada jumlah input pengeluaran pengusaha tempatan yang menjual kepada pasaran domestik.

Para peniaga juga mengambil kira faktor-faktor bukan kos termasuk keadaan permintaan apabila menetapkan harga barangan. Dalam keadaan sedemikian, pengeksporth dan pengimport boleh dan sepatutnya dapat menguruskan kesan pergerakan mata wang terhadap operasi perniagaan mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh nilai ringgit yang lemah pada bulan Julai hingga Ogos 2013, nilai eksport negara telah meningkat sebanyak RM8.4% berbanding -3.8% pada separuh pertama 2013. Langkah-langkah pengukuhan ringgit antaranya:

- (i) mengukuhkan permintaan dalam negeri sejak tahun 2000 yang merupakan pemacu kepada pertumbuhan ekonomi. Ini termasuk penggunaan dan pelaburan swasta dan kerajaan;
- (ii) mengukuhkan sistem kewangan melalui perbankan yang berdaya tahan serta pasaran bon domestik yang lebih pelbagai dan meluas;
- (iii) mengukuhkan paras rizab antarabangsa. Contohnya pada 31 Oktober 2013 berjumlah USD137.1 bilion bersamaan RM446.2 bilion yang cukup membiayai 9.7 bulan import tertangguh;
- (iv) mengukuhkan eksport dengan membina produk PKS yang lebih pelbagai dan berkualiti serta mencari pasaran baru di luar negara dan;

- (v) mengekalkan kaedah *manage float*, dengan izin, atau kaedah apungan terurus dan tidak mengguna kadar tukaran tetap atau *fix exchange rate* dan tidak juga mengamalkan apungan bebas atau *free float*.

Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Kita memang faham apa yang diterangkan oleh Timbalan Menteri, ada kuasa ekonomi dan ada kuasa pasaran tetapi kejadian di *Pom Pom Island* baru-baru ini di mana dua orang warga ....

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Ya lah, dengar dulu. Dua orang warga Taiwan, satu ditembak mati dan isterinya dilarikan. Ini menjejaskan kepada *tourism*. Kalau *tourism* ini di mana pendapatan daripada *tourism* ini memang yang terbesar juga dalam negara. Adakah ia kesan kepada ekonomi? Adakah ia kesan kepada penurunan wang ringgit? Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua, pelawat asing memang sama sekali takut untuk datang ke Pantai Timur.

Jangan bilang pelawat asing, Ahli-ahli Parlimen di Pantai Timur pun takut. Takut kenapa? Oleh kerana Abu Sayyaf atau penceroboh-penceroboh ini mereka ini mahu menculik orang-orang yang ada nilai. Jadi di kawasan saya, di Kampung Titingan, lima minit sahaja sampai rumah saya, lima minit. Jadi kalau orang beritahu kita tidak takut, itu bohong. Lima minit walaupun saya ada kawalan di rumah, dia boleh mati macam katak sahaja. Kemudian dia culik ini Ahli-ahli Parlimen, besar dia punya publisiti di dunia, CNN, BBC.

Jadi saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, ini menjejaskan ekonomi atau tidak? Tentu terjejas. Kalau terjejas, wang ringgit kita akan menjunam jatuh ke bawah lagi kerana sekarang ini dulu 2.50 *Dollar Singapore* dengan kita punya RM2 dahulu. Sekarang US\$2.60 sudah, Julai sampai sekarang US\$2.60. Jadi kita mahu minta Yang Berhormat Menteri buat penjelasan di Dewan ini. Kalau tidak ada terjejas, beritahu kenapa tidak terjejas. Terima kasih [Tepuk]

■1040

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, terima kasih. Soalan ini lain tetapi tidak apa lah. Pelancongan [Ketawa] Malaysia ini agak luas. Itu berlaku di satu pulau *Pom Pom Island*. Satu pulau di Semporna, Sabah. Memang hampir dengan Kalabakan. Saya sendiri sudah melihat-lihat di kawasan itu tetapi tidak lah pergi ke pulau itu. Memang kita tidak nafikan bahawa *travel agent* memberikan lampu yang tertentu untuk melawat Sabah ini. Ada *alert* yang tertentu, warnanya *orange alert* kah, tetapi kita ada lagi Sarawak yang luas, kita ada lagi Semenanjung yang luas.

Kalau disebut Sabah tidak disebut Malaysia, Kuala Lumpur masih lagi tidak terjejas. Bukan begitu? Kuala Lumpur masih lagi nombor 4 dalam dunia merupakan *shopping paradise* selepas New York, London, Tokyo. Nombor 4 Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur dengan Pulau Pom Pom ini jauh Yang Berhormat, jauh. Lihat di atas sana ada 109 orang anak-anak daripada Sekolah Antarabangsa Kuala Lumpur, kita ucapkan selamat

datang kepada mereka yang daripada pelbagai negara di atas sana. Jadi, mungkin terjejas sedikit tetapi saya kira ia tidak menjejaskan kerana polis sedang menangani tentang isu itu. Kita harap geng-geng mungkin Abu Sayyaf ini akan segera kita tangani, dan yang diculik itu akan kita segera tangkap dan Tahun Melawat Malaysia 2014 mudah-mudahan tidak akan terjejas.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih. Saya hendak balik kepada isu nilai mata wang, Ringgit. Tentulah seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri maklumkan tadi, penurunan nilai mata wang Ringgit ada kebaikan dari segi daya saing produk-produk dari Malaysia dan juga tentulah menjadi sektor-sektor tertentu lebih menarik. Akan tetapi kita pun haruslah memberikan tumpuan kepada kesan negatifnya. Salah satu kesan yang utama ialah tentang hutang yang dipinjam dalam mata wang asing *or*, dengan izin, *the nominated in foreign currency loans*.

So, di sini saya ingin tahu, apakah kesan ekoran daripada penurunan nilai mata wang ringgit ke atas hutang-hutang dalam mata wang asing, khususnya bukan sahaja oleh Kerajaan Persekutuan secara langsung, tetapi dalam bentuk jaminan atau *guarantee* ke atas pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh syarikat-syarikat GLC atau pun dengan kaitan Kerajaan Persekutuan seperti 1MDB kerana ia adalah dalam mata wang asing. So sejauh manakah tambahan yang perlu ditanggung, ekoran daripada penurunan nilai mata wang asing ini? Ini yang pertama.

Kedua, ini tentu dari aspek sektor awam tetapi dari segi sektor swasta, apakah kesannya juga? Ini kerana ia juga akan membawa implikasi apabila penambahan pembayaran balik. Apakah kesan dari segi sektor swasta juga? Bolehkah berikan satu unjuran, sekiranya ia berterusan implikasi secara keseluruhan kepada negara? Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya hendak maklumkan, apabila kita sebut penyusutan, tadi saya sebut 5.3% nilai Ringgit dibandingkan *Dollar* Amerika daripada 22 Mei tahun ini hingga 11 Oktober. Ia juga berlaku kepada Peso Filipina merosot 4.5%, Baht Thailand merosot kepada 5%, Rupiah Indonesia merosot 14.8%, Renminbi 0.2%, *Singapore Dollar* 0.5%. Bukan hanya Malaysia yang merosot akibat daripada fenomena *quantitative easing* yang berlaku di Amerika itu. Dia baru buat pengumuman, belum lakukan pun.

Seperkara lagi yang saya ingin kongsi di sini sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Bagan, Ringgit menyusut dibandingkan dengan *Singapore Dollar*. Tadi disebutkan juga oleh Yang Berhormat Kalabakan merosot 12% dengan *Chinese Renminbi* 12.5%, *Australian Dollar* 4%, *Thai Baht* 10.4%. Namun, antara 21 Julai 2005 hingga 18 November 2013 bermula kita melaksanakan *manage float*, Ringgit mengukuh dibandingkan *US Dollar* antara dua tarikh itu. Semalam dengan 21 Julai 2005, mengukuh dibandingkan dengan *US Dollar* 18.9%, mengukuh dibandingkan dengan *Pound Sterling* 28.6%, mengukuh dibandingkan dengan Euro 7.2%, mengukuh dibandingkan dengan *Japanese Yen* 5.8%, mengukuh dibandingkan dengan *Korean Won* 21.7%, dan mengukuh dibandingkan dengan Rupiah Indonesia 40.7%.

Mengenai hutang. Kesan daripada penurunan nilai Ringgit kepada hutang Kerajaan Persekutuan adalah kecil. Ini kerana jumlah hutang terkumpul dalam mata wang asing adalah rendah iaitu hanya 3% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan. Pada akhir Jun 2013, jumlah hutang dalam mata wang asing adalah hanya RM16.5 bilion atau 1.6% daripada anggaran

KDNK bagi tahun 2013. Pada jumlah ini, hanya RM40 juta yang perlu dibayar balik tahun ini. Oleh itu, kesan penurunan nilai Ringgit ke atas khidmat bayaran hutang dan pembayaran balik adalah kecil. Tentang swasta, saya jawab kemudian. Terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Penurunan nilai Ringgit ini adalah persepsi negatif pasaran. Antara lain disebabkan *rating* kita agak rendah, dan *revenue* atau pun pendapatan kita sempit, banyak bergantung pada petroleum dan juga gas. Dalam masa yang sama, hutang kita besar berbanding dengan negara-negara yang ekonominya lebih kuat lagi seperti Singapura dan juga Australia. Bagaimanapun, kita mempunyai kekuatan iaitu seperti berikut:

- (i) inflasi kita rendah;
- (ii) kita *full employment*; dan
- (iii) *fiscal deficit* kita kecil dan *trade surplus*;

Di dalam keadaan penurunan nilai Ringgit kita ini, sebenarnya kita kena ambil peluang, apabila harga eksport kita lebih murah secara relatif. Jadi, saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, apakah sebenarnya usaha konkrit yang dibuat oleh kerajaan bagi kita melonjakkan eksport kita, supaya kita dapat mengambil keuntungan daripada segi *volume* dan faedah yang maksimum.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan nilai mata wang kita yang lemah ini sebenarnya ada baik dan buruknya. Jadi, dalam konteks kita hendak menjadikan Malaysia daripada sekarang sehingga tahun 2020, saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, apakah sebenarnya rejim dan jajaran Ringgit yang lebih baik supaya kita dapat optimum kan apa juga usaha-usaha kita berbanding dengan mata wang negara-negara yang menjadi rakan dagang utama kita? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kita ada tiga rejim Yang Berhormat Jasin. Yang pertama tadi saya sudah sebut *fix exchange rate*, yang kedua *floating exchange rate*, dan satu lagi ialah *manage float* yang kita gunakan sekarang ini atau pun kadar pertukaran yang terurus. Memanglah kita ada hasil daripada petroleum. Kalau kita melihat hasil daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri iaitu cukai langsung jumlahnya RM130 bilion, cukai tidak langsung yang dipungut oleh kastam RM33 bilion. Pendapatan daripada petroleum ini RM27 bilion. Akan tetapi kita ada lagi kaedah-kaedah untuk kita menambahkan hasil negara ini.

Yang disebut, bagaimanakah cara untuk kita meningkatkan eksport? Cara yang termudah, terkini yang telah diumumkan, kita memberikan bantuan pakej PKS yang pelbagai dalam kita punya Bajet 2014. Satu lagi ialah mencari pasaran-pasaran baru. Itu sebab pemimpin kita selepas Timbalan Perdana Menteri tiba, Perdana Menteri pergi mencari segala pasaran baru di luar negara. Sekarang berada di Bangladesh, sebelum itu di Sri Lanka. Timbalan Perdana Menteri di Amerika Syarikat. Segala-galanya itu untuk mencari pasaran-pasaran baru ke negara-negara asing.

Namun, satu perkara yang penting ialah apabila kita mengamalkan GST, satu lagi kebaikan GST selain daripada yang saya sebutkan pada malam tadi, untuk kita menutup ekonomi

gelap daripada 30%, kepada 10% hingga 15% sahaja, satu lagi kebaikan GST yang amat-amat ketara yang saya ingin kongsi di sini dengan Ahli-ahli Yang Berhormat ialah barang-barang yang kita eksport ke luar negara tidak dikenakan GST.

■1050

Sekarang ini ada cukai jualan sebanyak 10%. Barang-barang itu terlibat bererti mahal sekitar 10%, namun 10% itu tidak akan ada lagi kerana cukai jualan akan dimansuhkan. Sebanyak 6% juga tidak dikenakan pada sebarang barangan eksport. Oleh kerana itu, sekali lagi apabila duit menyusut dengan cukai GST tidak dikenakan pada barangan-barangan eksport, eksport kita *insya-Allah* akan melonjak. Terima kasih.

**4. Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, persediaan fizikal dan tenaga pengajar yang telah dan akan dilakukan untuk UiTM susulan pengumuman yang telah dibuat untuk menambah jumlah pelajar kepada 250,000 orang serta kajian tentang kesan kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Belum jawab sudah keliru Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Semalam soalan nombor empat, hari ini pun nombor empat. Soalan pun saya hendak cakap cantik tetapi tidak mengapalah. Tidak tahu siapa yang keliru. Tidak kesahlah. Saya jawab soalan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu usaha untuk menjayakan agenda pemerksaan ekonomi bumiputera adalah dengan meningkatkan enrolmen pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) kepada 250,000 pelajar menjelang tahun 2020. Pihak kerajaan telah meluluskan sebanyak 14 projek kepada UiTM untuk dilaksanakan melalui kerjasama awam swasta iaitu *public-private partnership*, dengan izin. Projek-projek yang telah diluluskan tersebut meliputi pembinaan kampus cawangan baru, pusat asasi, pembinaan 10 kolej kediaman, pembinaan institut latihan UiTM dan hospital pengajar UiTM di Puncak Alam, Kuala Selangor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak UiTM juga telah dan sedang merancang untuk melatih tenaga pengajar untuk memenuhi hasrat kerajaan menaikkan enrolmen pelajar kepada 250,000 pelajar bagi mengekalkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. UiTM memastikan program-program akademik memenuhi akreditasi badan-badan profesional dan *Malaysian Qualification Agency*, dengan izin. UiTM merupakan universiti yang disokong penuh oleh kerajaan dalam mencapai visi dan misi dengan memperuntukkan sumber kewangan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang setanding dengan institusi pengajian tinggi yang lain.

Untuk tenaga pengajarnya pula Yang Berhormat, kita menggalakkan pengajar-pengajar supaya mengambil kursus-kursus tertentu untuk meningkatkan lagi profesionalisme dan pada masa yang sama, pensyarah-pensyarah juga digalakkan membuat kajian tindakan untuk mendapat

kemahiran, teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kepada teori-teori *andragogy* terkini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya fikir soalan ini penting kerana kita prihatin dan bimbang terhadap prestasi UiTM ini.

Menurut yang terbaru, QS World Ranking, salah satu daripada penarafan yang berpengaruh di dunia meletakkan UiTM sekarang ini pada tangga 701 daripada 800 universiti. Merosot daripada tahun 2011. Tahun 2011 dan tahun 2012 - 601, sekarang 701. Oleh sebab itu saya fikir nampak macam kita sudah masuk kelas 'E' atau pun 'F' dari segi status dan kedudukan universiti.

Oleh sebab itu saya fikir pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini walaupun meletakkan sasaran 250,000, saya fikir tidak praktikal. Apa yang saya bimbangkan ini adalah sekadar retorik politik semata-mata. Kalau pun kerajaan mempunyai strategi, saya minta jelaskan apakah strategi yang akan dikemukakan. Ini kerana saya difahamkan antara program yang telah diperkenalkan ialah Program Mengubah Destini Anak Bangsa. Dalam polisi atau program ini, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah ini adalah satu program dan polisi yang tepat memasukkan mereka ke program-program akademik walhal mereka mungkin lebih sesuai dan menyerlah untuk program kemahiran, misalnya di Kolej Komuniti, GiatMARA dan sebagainya. Adakah program ini dapat meningkatkan kualiti pencapaian akademik UiTM secara keseluruhannya atau pun akhirnya kaki tangan akademik terpaksa bertolak ansur dengan kebolehan akademik mereka?

Oleh sebab itu saya fikir jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai pembinaan 14 projek itu jangan dilihat dari segi kerangka mengayakan syarikat dan juga kroni, tetapi juga pengisian dalaman terhadap pencapaian akademik UiTM termasuk pembangunan staf dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat, isu ranking ini satu isu bukan sahaja melibatkan UiTM sahaja. Isu ranking ini keseluruhan dan tanggungjawab kementerian ialah untuk memastikan ranking semua universiti ini dapat ditambah baik dan hasrat kita ikhlas. Kita akan melakukan apa yang patut dalam proses penambahbaikan ini dan kita dalam proses untuk menambahbaikkan semua universiti. Kita pasti, saya pasti, kementerian pasti, pengajian tinggi pasti kita boleh melakukan yang terbaik untuk menambah baik mutu perkhidmatan, kualiti pembelajaran dan UiTM ini akan sentiasa kita utamakan. Isu retorik politik ini tidak wujud sama sekali kerana UiTM ini sudah ada di bumi Malaysia sejak beberapa puluh tahun. Politik atau tidak, yang penting pendidikan [*Tepuk*] Ramai pemimpin-pemimpin di sini dan di sana keluaran UiTM. Apa retorik politiknya? Itu tidak penting Yang Berhormat. Apa yang penting ialah masa depan pendidikan negara. Itu penting. Kita akan melaksanakan apa yang patut untuk memastikan UiTM ini bukan sahaja naik di tangga dunia. Bukan sahaja UiTM tetapi semua IPTA. Itu kita akan pastikan.

Kerjasama daripada Yang Berhormat, kita alu-alukan. Tolonglah bantu kita bersama-sama menaikkan prestasi universiti ini dan pada masa yang sama kita beri pengkhususan dalam

akademik dan kemahiran juga. Kita tidak mengatakan UiTM ini semata-mata untuk menambahbaikkan bidang akademik sahaja. Tidak sama sekali.

Ada ruang untuk bidang-bidang kemahiran. Ia juga diperkasakan. Itu kita akan sentiasa lakukan dan sama ada kita mengambil tahu apa yang berlaku di UiTM, keperluan semasa, semua dilakukan. Hanya di UiTM Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, hanya di UiTM sahaja kita lakukan kajian dua kali setahun dengan siswazah-siswazah. Kita beri tumpuan kepada lima perkara penting iaitu kurikulum, sistem penilaian, bimbingan kerjaya, tenaga pengajar dan juga kemudahan prasarana. Dua kali setahun kita mendapat input daripada siswazah dan syukur kepada Tuhan, setiap kali kita lakukan ini kita mendapat empat di atas lima markah. Ini terbaik.

Terima kasih di atas kerjasama yang telah diberi. Saya tidak ingin memutarbelitkan. Ini hakikat. Tidak *confuse* ya, dengan izin. Terima kasih.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional atas inisiatif menjadikan UiTM sebahagian dalam Program Pemerksaan Ekonomi Bumiputera.

Sebagai contoh dengan wujudnya UiTM Puncak Alam di dalam Parlimen saya Kuala Selangor, keyakinan rakyat semakin bertambah terutamanya jawapan Yang Berhormat Menteri semalam yang mana kerajaan akan mewujudkan dan menyegerakan pembinaan Hospital Perubatan UiTM Puncak Alam, Kuala Selangor.

Soalan saya, saya pohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimanakah tahap kebolehpasaran graduan-graduan UiTM negara kita dan apakah tahap keyakinan majikan untuk mengambil graduan-graduan UiTM untuk bekerja serta kelebihan-kelebihan penuntut-penuntut UiTM dalam meyakinkan majikan untuk mengambil mereka bekerja apabila jumlah pelajar dipertingkatkan kepada 250,000 orang? Di sini juga saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan dan juga UiTM untuk dapat mewujudkan dana pendidikan tinggi UiTM atau bumiputera bagi membantu anak-anak bumiputera miskin untuk melanjutkan pengajian di UiTM? Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Soalan yang sama semalam tentang isu UiTM yang akan dibina – Hospital Pengajian UiTM. Untuk maklumat Yang Berhormat, untuk memperincikan kerana menanya soalan sekali lagi projek ini dijangka mula pada tahun hadapan. Saya harap bukan sahaja Kuala Selangor, Hulu Selangor pun akan dapat tempias kejayaan tersebut.

Cadangan yang diberi tentang dana pendidikan akan kita teliti dan tengok sama ada ia dapat dilaksanakan.

Dalam aspek kebolehpasaran graduan seperti mana yang telah saya jawab sebentar tadi, dalam kajian yang dilakukan dua kali setahun oleh UiTM, maklumat yang diperolehi daripada para siswazah adalah positif dan meyakinkan. Mereka diterima baik oleh pihak swasta dan kerajaan untuk pasaran pekerjaan. Dalam aspek kebolehpasaran graduan UiTM, ciri-ciri yang ditekankan



adalah aspek kurikulum, Bimbingan Kerjaya, Sistem Penilaian dan kemahiran 'softskills'. Respons yang diterima daripada responden adalah positif.

#### ■1100

**5. Yang Berhormat Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, apakah perancangan kerajaan bagi memastikan semua empangan di seluruh negara berada dalam keadaan yang selamat. Apakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan Badan Kawal Selia empangan bagi memastikan semua empangan dipantau dan diselenggarakan mengikut piawai dan tahap keselamatan yang terjamin sepanjang masa.

**Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Tuan Yang di-Pertua, mengambil iktibar daripada kesan bencana yang berlaku di China dan Amerika Syarikat akibat kegagalan pengurusan empangan yang berkesan, kerajaan pada 29 Ogos 2012 telah mengarahkan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (PEMANDU), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk mengadakan satu makmal bagi mengkaji tahap keselamatan struktur binaan empangan di Malaysia.

Justeru, satu makmal telah diadakan pada 29 Oktober hingga 9 November 2012 bagi mengkaji tahap keselamatan struktur binaan empangan di Malaysia. Di samping itu, makmal turut membincangkan mengenai pengurusan keselamatan struktur empangan di Malaysia dan langkah-langkah penambahbaikan yang perlu dilaksanakan segera bagi memastikan tahap keselamatan struktur empangan sentiasa terjamin dalam menangani ancaman risiko.

Makmal tersebut telah merumuskan beberapa perkara termasuk keperluan penubuhan sebuah jawatankuasa khas bagi mengawal selia pengurusan keselamatan empangan di Malaysia supaya kerja-kerja operasi, penyelenggaraan dan membaik pulih struktur empangan dilaksanakan mengikut piawai pengurusan keselamatan empangan yang ditetapkan di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Hasil terperinci perbincangan makmal tersebut akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri dalam masa terdekat sebelum sebarang cadangan yang dikemukakan oleh Makmal tersebut dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab untuk memantau tahap keselamatan struktur empangan bukan sahaja terletak pada Kerajaan Persekutuan, malah kerajaan-kerajaan negeri juga perlu sama-sama memainkan peranan bagi memastikan pengurusan keselamatan empangan sentiasa dipatuhi oleh pihak operator empangan, terutamanya bagi struktur empangan yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, justeru adalah menjadi harapan Kerajaan Persekutuan agar sebarang keputusan oleh Jemaah Menteri kelak akan mendapat sokongan dan komitmen daripada semua pihak.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Empangan lazimnya dikaitkan dengan hidro jana kuasa elektrik, sumber bekalan air bersih, pengairan tanaman padi dan mengawal banjir. Bagi pengairan tanaman padi contohnya di kawasan MADA, terdapat tiga empangan iaitu Ahning, Pedu dan Muda. Jumlah keluasan tiga

empangan ini ialah 28 km persegi bagi kawasan permukaan. Jumlah air yang ditakung ialah 1.5 *billion cubic* meter. Isu yang sering dikaitkan dengan empangan adalah kawasan tadahan hujan, pembalakan berleluasa, pemendapan serta penyenggaraan oleh pelbagai agensi. Soalan saya, adakah kerajaan akan mengadakan SOP dan syarat piawai yang perlu diikuti untuk pemeriksaan dan penyenggaraan berkala dan sama ada terdapat penggunaan pakar tempatan dan luar negara untuk tujuan itu?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Untuk makluman Yang Berhormat, semua empangan di Malaysia telah mempunyai *Standard Operating Procedure* – SOP dan juga manual *Operating and Maintenance* – O&M dalam mengendalikan operasi harian empangan dan manual bagi *Emergency Action Plan* untuk menguruskan sesuatu insiden yang berlaku daripada aktiviti empangan.

Semua kerja pengemaskinian dan pengukuhan SOP dan manual bagi empangan dijalankan oleh operator-operator empangan dan juru perunding tempatan. Garis panduan *International Commission of Large Dam* menyarankan supaya pemerhatian dan pemantauan empangan yang rapi dilaksanakan oleh setiap operator empangan secara berjadual dan melantik pihak ketiga untuk membuat pemeriksaan dan pengesahan keutuhan struktur empangan secara berkala.

**Tuan Er. Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan akan bekerjasama dengan pihak swasta dari segi pengalaman dan kepakaran dalam mengurus dan menyelia empangan-empangan?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Untuk makluman Yang Berhormat, kerjasama sememangnya telah wujud. Ini dapat dilihat apabila ada kerjasama antara pihak ketiga iaitu perunding telah dilantik untuk melaksanakan pemerhatian dan pemantauan empangan yang rapi manakala setiap operator empangan pula perlu membuat pemeriksaan dan pengesahan keutuhan struktur empangan secara berkala.

*[Gangguan sistem rakaman]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya ingin tahu tentang kejadian di Cameron Highlands yang mana sama ada adakah TNB tidak mengikut 'standard of procedure' – SOP yang ditetapkan?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat, saya sendiri telah membuat lawatan ke sana dan telah berbincang dengan pihak berkuasa di Cameron Highlands. Didapati bahawa TNB telah mematuhi SOP yang ditetapkan. Saya dapati bahawa Cameron Highlands masih terdedah dengan bencana kerana persekitaran dan situasi sedia ada yang wujud.

#### ■1110

6. **Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, jumlah bilangan tahanan di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping dan Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam serta nyatakan sebab-sebab penahanan tersebut.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 19 November 2013 iaitu hari ini, seramai enam orang tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tahun 1960 masih ditahan di Tempat Tahanan Perlindungan (TTP) Taiping, Perak kerana terlibat dalam aktiviti keganasan. Mereka ini masih di dalam proses pemulihan dan masih menjadi ancaman kepada keselamatan negara. Penahanan mereka ini adalah selari dengan peruntukan seksyen 32(2), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 yang membolehkan penahanan terhadap orang tahanan ISA 1960 diteruskan sehingga tamat tempoh perintah tahananannya atau perintah tersebut dibatalkan terlebih dahulu oleh Menteri.

Dalam tempoh yang sama, seramai 244 orang masih ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Simpang Renggam di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 kerana terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Yang Berhormat menteri. Walaupun Akta ISA telah dimansuhkan lebih dua tahun, saya hairan kerana ada lagi yang ditahan. Kenapa mereka ditahan? Adakah kerana mereka fikiran politik? Saya difahamkan sekarang anak-anak kepada banduan yang kurang 12 umur ditahan di penjara, boleh saya diberitahu berapa ramai kanak-kanak ditahan dan adakah ia mengikut *Convention on the Right of the Child*?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, soalan ini keluar daripada soalan asal....

*[Gangguan sistem rakaman]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya ingin tahu apakah langkah-langkah konkrit yang diambil oleh kementerian ke arah memastikan tahanan di Simpang Renggam dan lain-lain tahanan apabila mereka keluar nanti, mereka benar-benar insaf dan menjadi masyarakat yang mempunyai jati diri dan menjadi warganegara yang baik.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat, pemulihan diberikan berbentuk spiritual iaitu ajaran agama kepada tahanan mengikut pegangan agama masing-masing. Selain itu, latihan vokasional seperti *business method* supaya apabila mereka keluar nanti dapat mereka berdikari. Kajian impak dengan kerjasama dengan UPM mengkaji tentang pemulihan yang dilakukan adalah betul atau salah, kajian menunjukkan hasil yang memuaskan.

■ 1120

7. **Tuan Rozman bin Isli [Labuan]** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah strategi jangka masa panjang bagi meningkatkan kadar penggunaan pengangkutan awam di negara ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Tuan Yang di-Pertua, strategi jangka masa panjang yang telah dikenal pasti untuk meningkatkan kadar penggunaan pengangkutan awam di negara ini adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan kesalinghubungan rangkaian pengangkutan awam darat merentas kelompok bandar dan laluan di kawasan luar bandar;
- (ii) memastikan perkhidmatan pengangkutan awam yang mampu dibayar dan dapat diakses dengan mengukuhkan struktur industri pengangkutan awam;
- (iii) meningkatkan tahap perkhidmatan dan keselesaan dengan meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan serta integrasi mudah (*soft integration*);
- (iv) meningkatkan tahap keselamatan pengangkutan awam; dan
- (v) mengurangkan kesesakan dan pencemaran melalui peningkatan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Menteri. Tahniah kepada kerajaan atas strategi dan usaha yang telah dan sedang dilakukan dalam meningkatkan kuantiti dan kualiti pasarana dan penggunaan pengangkutan awam terutamanya di kawasan bandar besar. Walau bagaimanapun, di bandar-bandar saiz sederhana juga sudah mula mengalami peningkatan kesesakan lalu lintas. Soalan tambahan saya, selaras dengan program rasionalisasi subsidi dan Bajet 2014 ini, tidakkah kita perlu untuk memberi peruntukan khas kepada bandar saiz sederhana tertentu untuk kegunaan subsidi tambang dan infrastruktur tambahan seperti '*park and ride*' supaya perubahan cara hidup dan perpindahan kepada menggunakan pengangkutan awam menjadi mudah dipromosikan? Sebagai contoh, bandar Labuan yang sedang pesat membangun sudah sesak terutamanya masa puncak dan hari keramaian. Statistik dari JPJ Labuan mencatatkan penambahan kadar peningkatan pendaftaran kenderaan sejak 10 tahun lepas sudah mencecah hampir 4000 unit setahun, menjadi semakin sesak dan ia cuma sebuah pulau yang kecil. Mohon jawapan Menteri.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Labuan di atas pertanyaan tadi. Sebenarnya Yang Berhormat, ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa hala tuju pengangkutan awam darat negara telah digariskan dalam Rancangan Induk Pengangkutan Awam Negara, iaitu dengan menyediakan strategi yang komprehensif bagi mencapai visi untuk menjadikan pengangkutan awam darat sebagai pilihan mobiliti rakyat menjelang tahun 2030.

Rancangan Induk Pengangkutan Awam Negara ini menetapkan siri tindakan yang akan meningkatkan penggunaan pengangkutan awam darat di Malaysia. Objektifnya ialah mencapai perkongsian mod pengangkutan awam darat sebanyak 40 peratus di kawasan bandar, meningkatkan akses di kawasan luar bandar yang kurang liputan, serta meningkatkan kesalinghubungan antara kawasan.

Rancangan Induk Pengangkutan Awam Negara ini juga mencadangkan garis panduan, prinsip dan penyelesaian pada peringkat negara, meliputi mobiliti antara wilayah dan di seluruh negara. Tadi Yang Berhormat Labuan ada mengatakan tumpuan hanya diberikan kepada bandar-

bandar besar dan tidak di tempat-tempat yang sederhana besar. Saya ingin jelaskan di sini oleh kerana permintaan terhadap mobiliti lebih tinggi di kawasan bandar dengan bilangan populasi yang lebih padat, tumpuan lebih kepada keperluan pengangkutan bandar dan melibatkan pelaburan untuk membangunkan infrastruktur yang berskala besar.

Walau bagaimanapun, kerajaan melalui Rancangan Induk Pengangkutan Awam Negara ini tidak hanya memberikan tumpuan kepada sesetengah kawasan bandar sahaja, tetapi menyediakan penyelesaian secara menyeluruh untuk semua isu pada peringkat negara, seiring dengan aspirasi pengangkutan awam darat negara.

■1130

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan Menteri tadi yang menyatakan bahawa salah satu langkah yang dikenal pasti untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam adalah dari segi keselesaan pengguna. Akan tetapi saya hendak tahu apakah rancangan kerajaan untuk memastikan kenderaan-kenderaan teksi yang berusia 30-40 tahun di Ipoh dan belum digantikan dengan kenderaan baru.

Satu lagi isu adalah bagaimana kerajaan memantau caj perkhidmatan yang dikenakan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. Sebagai contoh, caj tambang teksi dari Pavilion ke KL Sentral adalah RM40. Soalan tambahan saya ialah bagaimana kerajaan memantau dan penguatkuasaan agar pemandu-pemandu teksi mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan?

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Terima kasih di atas keprihatinan. Saya nak maklum pihak SPAD dari semasa ke semasa membuat penguatkuasaan untuk memastikan undang-undang dipatuhi dan tidak ada teksi yang tidak menggunakan meter. Harga kalau ikut meter ini memang diselaraskan. Tetapi di sini saya ingin mengambil peluang di sini untuk mengajak Yang Berhormat atau mana-mana orang awam di luar sana yang menghadapi masalah ini, saya menyeru untuk semua tampil dan membuat laporan kepada SPAD agar kita sama-sama dapat membanteras gejala teksi yang tak menggunakan meter ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekianlah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.33 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 20 November 2013”.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Biar pun dia masalah, kita bersetuju Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Penjelasan apa Yang Berhormat?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi saya peluang. Saya ada buat satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) mengenai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, lanjutan daripada pertanyaan Yang Berhormat itu...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Usul ini Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar. Berkenaan dengan penjelasan yang dipohon oleh Yang Berhormat itu, saya ingin maklumkan bahawa semalam Parlimen telah menerima tiga usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1). Mengikut Peraturan Mesyuarat, hanya satu usul yang datang awal, yang terdahulu akan dibawa untuk diurus oleh Pejabat Tuan Yang di-Pertua. Luar daripada usul itu tidak boleh diurus, tidak boleh diambil tindakan kerana tiga usul datang pada satu ketika dan usul yang terdahulu. Usul Yang Berhormat Kota Kinabalu adalah usul yang diangkat. Walau bagaimanapun, usul Yang

Berhormat itu telah ditolak seperti yang ditulis secara rasmi oleh Yang di-Pertua Dewan. Saya tidak berhasrat untuk mengizinkan Yang Berhormat untuk membaca usul ini pada ketika ini.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Akan tetapi usul ini mestilah diambil berat kerana ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ia bukan soal usul mesti usul penting ataupun usul mesti dibahaskan. Kita melihat bahawa ia tidak memenuhi syarat Peraturan Mesyuarat 18(1).

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Setakat itu Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Peraturan Mesyuarat, ya? Saya telah mengemukakan satu usul yang berkenaan ialah ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua atas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya telah jelaskan Yang Berhormat. Usul tidak boleh diurus kerana ada tiga usul bertindih yang dihantar pada hari semalam. Cuma satu usul sahaja yang diambil tindakan mengikut Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ini penting.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2014**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

#### **DAN**

#### **USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2014**

#### **Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dan Anggaran Pembangunan 2014 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Ketiga]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Maksud B.13 [Jadual]-**

**Maksud P.13 [Anggaran Pembangunan 2014] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Batu untuk menyambung perbahasan. Seperti yang kita putuskan semalam. Selepas Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Sepang, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mana boleh Tuan Pengerusi. Isu luar negara ini isu penting.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah diputuskan Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Perlu juga kita bahaskan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, saya pun setuju.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau boleh minta izin untuk satu lagilah daripada Barisan Nasional sebab kita ada *spy game* dalam dunia kita. Jadi, kita kena bicara juga.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Semalam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apalah. Semalam Barisan Nasional sudah berucap Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak apa. Kalau boleh saya minta jugalah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Batu.

**11.37 pg.**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas di bawah Butiran 020100 – Bahagian Eropah, Amerika, Afrika dan ANZAP sebagai tajuk Hubungan Dua Hala.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, **mempengerusikan Jawatankuasa**)*

Seperti yang kita telah maklum dan dapat pengesahan daripada pihak Amerika Syarikat dan Australia bahawa aktiviti pengintipan telah berlaku di atas premis Kedutaan Negara Amerika dan Australia ini. Kita nampak pihak Menteri Luar Negeri tidak mengambil satu pendirian yang sangat tegas selain daripada mengatakan beliau menyesal dan juga ada penghantaran surat protes. Akan tetapi nampaknya tidak mencukupi.

Di negara lain saya ambil contoh *Germany*, sebagai anggota dalam NATO. Mereka juga mendesak supaya Amerika Syarikat untuk menandatangani satu *agreement* yang dipanggil *No-Spying Agreement*. Kita harus menyatakan kedaulatan kita tidak boleh diancam sebegitu. Banyak lagi seruan seperti kita *suspend* perbincangan TPPA, menghentikan segala kerjasama secara ketenteraan atau kita menghalang lawatan kapal perang ke pelabuhan-pelabuhan Malaysia sehingga Amerika Syarikat bersetuju untuk tidak lagi mengintip dan juga tidak mencero bohi kedaulatan negara. Saya tidak nampak kenapa Kementerian Luar Negeri ini sangat lembut sekali daripada segi perkara ini.

■1140

Boleh dikatakan juga kita mengesahkan kita tidak ada, tidak akan menjejaskan hubungan dua hala. Bagaimana kita tidak menjejaskan hubungan dua hala kalau kedaulatan kita dan keselamatan kita dicero bohi. So saya harap dapatkan penjelasan dan saya juga ingin lihat ada ketegasan daripada Kementerian Luar Negeri.



Kemudian saya juga ingin bahas dalam Butiran 030100 - Politik Keselamatan Pelbagai dan Gencatan Senjata. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melawati Sri Lanka untuk sidang kemuncak CHOGM. Walaupun banyak pihak telah mendesak supaya untuk menunjukkan keprihatinan kita dan pendirian kita dalam hak asasi manusia sejagat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak melawat banyak negara lain termasuk *Canada* dan negara-negara Eropah mereka boikot atau memulau persidangan ini. Saya ingin dapat penjelasan kenapa kita tidak mengikuti jejak yang lain...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Apakah hasil daripada kunjungan ke Sri Lanka ini?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat bangun.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, sila.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Batu, adakah Yang Berhormat Batu tahu bahawa baru-baru ini *Tamil Diaspora* telah mengadakan satu mesyuarat di Mauritius, yang mana mesyuarat itu dibuka dengan rasminya oleh Presiden Mauritius. Selepas itu ketetapan telah diambil supaya negara Mauritius itu sendiri tidak pergi ke CHOGM.

Di antara masa itu Presiden negara *Mauritius* mengatakan bahawa kerajaan beliau akan pergi ke Sri Lanka tetapi selepas mendengar sedalamnya apa yang kita kata, saya dan Profesor Ramasamy dan banyak lagi peserta Malaysia yang telah menghadiri dan atas *representation* kami, Kerajaan Mauritius telah membuat satu keputusan yang bijak untuk tidak menghadiri majlis tersebut.

Akan tetapi yang lebih mustahak adalah di mana tentangan yang tertentu, pandangan yang tertentu telah dibuat oleh berbagai-bagai masyarakat di seluruh negara menentang kehadiran Malaysia di CHOGM. Kenapa Yang Berhormat pertentangan ini? Ini adalah kerana apa yang berada di negara Sri Lanka di mana lebih dari 100 ribu orang telah mati akibat *Civil War* di sana, dan ramai anak Tamil dan juga anak-anak *Muslim* telah dirogol oleh askar Sri Lanka. Ini semua diketahui fakta-fakta. Bukan kah ini menjadi satu *foreign policy blunder* oleh kerajaan di mana tidak mengakui, malah memberi pengiktirafan bahawa apa yang dibuat oleh Sri Lanka adalah bagus, dengan kehadiran mereka.

Baru-baru ini Yang Berhormat Batu, di mana David Cameron Perdana Menteri *show an example* di mana dia telah pergi ke Jafna untuk melihat, *on the ground*. Kenapa kita sendiri- ramai di antara rakyat Malaysia Tuan Pengerusi tidak tahu, ada lebih kurang 200 ribu orang Melayu yang duduk di sana. *What about them, so many were killed?* Saya sendiri tahu, saya ada kawan-kawan Melayu di sana. *They are from here, descendant* dari sini.

Kenapa kita punya Perdana Menteri tidak tahu? *Pretend not to know?* Tidak mengapa lah Tamil okey. Macam mana orang Melayu, tak mustahak kah? *[Disampuk] This are* - bukan, bila

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi sana dia tahu tapi mungkin dia tidak tahu bahawa ada orang Melayu di sana, 200 ribu orang. Ramai di antara orang Melayu juga telah dibunuh dalam *Civil War* kerana mereka beragama Islam, agama Hindu dan sebagainya. Macam mana *we make a political blunder, foreign office blunder*. Adakah kerana ini *advised* dari *High Commissioner* dari Colombo tidak tepat? Walaupun ada tentangan yang tertentu. Jadi, maka pandangan rakyat kenapa ia tidak diambil alih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey, terima kasih, saya amat setuju dan masukkan sebahagian daripada ucapan saya. Akan tetapi saya ingin tegaskan ialah termasuk Sungai Petani, mereka yang dalam misi untuk melawat dan untuk mendapatkan fakta-fakta pelanggaran hak asasi manusia di Sri Lanka ini, Sungai Petani juga dihalang untuk masuk sebagai ketua kumpulan prihatin Ahli-ahli Parlimen terhadap hak asasi manusia ini di Sri Lanka.

Seterusnya saya juga di tajuk Butiran 030200 - Hak Asasi Manusia dan Kebudayaan, yang selanjutnya termasuk Ekonomi Kepelbagaian Hala dan Kerjasama Serantau Hal Ehwal Islam Pelbagai Hala. Dalam tajuk ini saya ingin dapatkan penjelasan pendirian Kementerian Luar Negeri, apakah pendirian Malaysia terhadap yang pertama ialah kudeta yang tidak mematuhi lunas undang-undang dan hak asasi manusia yang berlaku di Mesir di mana presiden yang dipilih secara demokratik telah digulingkan.

Apakah pendirian kita? Adakah kita iktiraf sebuah rejim yang mengambil alih kuasa melalui kekerasan tentera? Apakah juga pendirian Malaysia dan peranan Malaysia terhadap pembunuhan beramai-ramai yang berlaku pada Ogos tahun ini, di mana peratusan orang awam yang tidak bersenjata di bunuh di Mesir, di kota-kota yang besar termasuk *Cairo* dan beberapa lagi Iskandariah dan beberapa lagi kota besar yang perhimpunan yang aman itu ditindas begitu kejam sekali.

Dengan imej Perdana Menteri yang cuba menyatakan beliau adalah pemimpin *wasatiyyah* di *World Moderate Movement* ini sepatutnya kementerian mengambil satu inisiatif yang lebih proaktif untuk ketengahkan isu ini. Kita telah menandatangani *International Convention on World Crime* sama ada Kerajaan Malaysia bercadang untuk failkan satu aduan di Mahkamah Antarabangsa untuk membicarakan pihak-pihak tentera yang telah melakukan satu kekejaman terhadap nilai-nilai kemanusiaan ini, *crime against humanity?*...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu gulung ya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sedikit lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Seterusnya saya juga ingin dapatkan pendirian dalam isu yang sama iaitu pendirian kerajaan Malaysia terhadap sekatan ekonomi di Iran. Saya dapati bahawa ada tindakan seolah-olah ada kita menyokong *sanction* terhadap Iran ini.

Akhir sekali ada satu lagi isu iaitu di bawah tajuk Butiran 100100 Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan. Saya masih ingat pusat ini, SEARCCT ini ditubuhkan pada tahun 2003 untuk menangani dan untuk mengutip maklumat tentang keganasan aktiviti-aktiviti keganasan. Setelah penubuhan *center* ini sehingga hari ini, bukan sahaja kita telah menghadapi serangan daripada Abu Sayyaf, kita dapat masalah krisis di Lahad Datu. Terbaru sahaja di Pulau Pom Pom.

Sehingga sekarang nampaknya tidak ada koordinasi *center* ini dengan pihak polis. Polis pun tidak tahu siapa pengganas ini. Apakah fungsi pusat ini kalau pusat ini tidak menjalankan *on going investigation* terhadap aktiviti-aktiviti pengganas-pengganas di rantau ini. Saya ingin penjelasan daripada kementerian, apakah program-program koordinasi di antara pihak polis dan penguat kuasa dan juga informasi yang telah dikutip oleh pusat ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang tiada dalam Dewan. Sila Yang Berhormat Kinabatangan. Sepuluh minit selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara Hal Ehwal Pelbagai Hala dan juga Hal Ehwal Islam Pelbagai Hala. Pertama kita, dunia sepatutnya memang dikejutkan dengan tindakan Amerika Syarikat dengan beberapa sekutunya seperti Australia, Kanada dan juga Britain membuat pengintipan ke atas beberapa buah negara dan termasuk negara Malaysia.

■1150

Pengintipan ini begitu terancang sehingga mungkin tanpa kita sedari dan akhirnya kita dikejutkan dengan seorang perisikan NATO yang telah bersara Snowden, yang telah memaklumkan bahawa termasuk negara Malaysia telah diintip oleh Amerika Syarikat dengan sekutu-sekutunya dengan tanpa segan silu, tanpa ada rasa malu di atas hubungan yang baik di antara negara kita dengan Amerika, maka mereka telah mengakui bahawa mereka melakukan pengintipan atas dasar pengganas dan keganasan.

Memang benar, saya bersetuju dengan rakan saya Yang Berhormat Batu iaitu beberapa buah negara termasuk Jerman dan Indonesia telah mengetengahkan beberapa syor dan bantahan yang tegas termasuk mencadangkan *Agreement No-Spying Game* untuk ditandatangani. Saya berasa negara kita juga walaupun kita ini negara yang kecil tetapi kita harus melihat bahawa kita sudah terdedah dengan pelbagai intipan dan intipan ini sama ada melalui media massa elektronik seperti *Instagram, Facebook, Twitter* dan macam-macam lagi dia boleh ceroboh, dia boleh dapat tahu dan dapat kesan dengan sesiapa kita berbual, apa inti pati mesej yang kita hantar dan sebagainya. Jadi apakah pendirian negara kita? Apakah kita berdiam diri ataupun kita juga harus mengikuti langkah-langkah negara untuk mempertahankan maruah bangsa kita. Kita ini terkenal dengan pendirian kita mempertahankan maruah bangsa kita, seinci pun kita tidak undur dan tidak lari. [Tepuk]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Lenggong bangun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya bersependapat dengan Yang Berhormat Kinabatangan. Ini soal maruah negara yang mesti kita pertahankan. Namun demikian, kita tahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengetuai kerajaan negara kita telah pun memberikan isyarat yang begitu jelas mengenai pendirian Malaysia terhadap kegiatan pengintipan yang disyaki berpunca di Pejabat Kedutaan Amerika dan juga Suruhanjaya Tinggi Australia di Malaysia. Saya difahamkan bahawa Wisma Putra sendiri telah menghantar nota bantahan..

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam sakit tekak.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** ... Kepada pihak berkaitan untuk memperlihatkan bahawa kita memang membantah di atas pencerobohan negara kita walaupun Yang Berhormat Shah Alam tidak yakin dengan kekuatan kita untuk mempertahankan maruah negara. Soalnya Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat Kinabatangan boleh memberikan pandangan, apakah perlu kita meningkatkan lagi bantahan kita atau kita hendak tahu apakah respons daripada Amerika Syarikat mengenai nota bantahan yang telah pun kita hantar.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Lenggong. Pertama saya rasa kerajaan perlu mencari dua pendekatan. Pertama menyekat, bagaimana pengintipan ini boleh berlaku iaitu dengan mungkin bekerjasama dengan SKMM dengan kementerian-kementerian yang lain sebab kita tidak mahu suatu hari nanti negara-negara lain juga akan membuat pelbagai pengintipan dengan mana-mana agensi kerajaan ataupun keselamatan negara kita. Kedua, bukan sahaja nota bantahan, kalau perlu kita akan melakukan sesuatu yang lebih tegas untuk memastikan bahawa kita tidak mahu kerja kotor yang dilakukan oleh Amerika yang berlagak selaku polis dunia tetapi sebenarnya merekalah penyamun yang paling besar dalam dunia ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Krai bangun. Sila.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kami kelmarin sama-sama solat, jadi tidak ngam kalau saya tidak bagi.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, *very friendly today*. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Adakah Yang Berhormat Kinabatangan sedar bahawa siri terbaru pengintipan oleh Amerika Syarikat ini ialah ke atas pimpinan tinggi negara-negara termasuk di Jerman, Brazil dan ini merupakan suatu ancaman besar kepada negara kita kerana tumpuannya bukan lagi pembangkang, penjenayah kecil tetapi pimpinan negara. Jadi mungkin ini akan dijadikan suatu cara untuk *blackmail* apa?

**Seorang Ahli:** Peras ugut.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Peras ugut terhadap kepimpinan negara kita. Jadi adakah cadangan Yang Berhormat Kinabatangan tadi supaya kita menghantar memo dan

langkah-langkah lain itu cukup kuat untuk menunjukkan kemarahan kita? Hantar memo ini biar NGO lah buat kerja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat rakan saya. Sebetulnya apa yang perlu kita katakan iaitu ketegasan kita. Kalau hendak buat demonstrasi ini memang kerja macam Yang Berhormat Shah Alam. Jadi kalau boleh...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ....Untuk kecintaan kepada negara, saya mengesyorkan Yang Berhormat Shah Alam mengetuai demonstrasi di jalanan. Kita sokong sebab dia kepala demonstrasi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Untuk kebaikan negara. Ada lagi?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik, terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya mengucapkan terima kasih atas kesudian Yang Berhormat Kinabatangan mengiktiraf dan memperakui kemahiran yang ada pada pembangkang yang mana tidak ada pada pihak kerajaan. Ya, yang mana pihak kerajaan dan pihak *backbenchers* pun selama ini apa yang mereka mampu ialah untuk mengganggu dan kata ya, sahaja kepada semua. *[Tepuk]* Lalu apabila ada isu yang seperti ini mereka terkapai-kepali tidak tahu hendak buat apa. Hendak buat demo pun tidak pandai, kadang-kadang...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Ya. Membuat demo dalam Dewan sahaja pandai. Akan tetapi saya hendak mengingatkan Yang Berhormat...

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** ....Hendak mengingatkan Yang Berhormat Kinabatangan...

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** *[Menyampuk]* Ini kempen baru bertanding ini.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** ... Dan Ahli Parlimen Barisan Nasional bahawa persoalan pengintipan Amerika Syarikat ini telah lama kita persoalkan dan kita timbulkan di dalam Dewan termasuklah isu pelantikan UPCO dahulu sebagai penasihat kepada kerajaan termasuk dalam bidang-bidang yang boleh dikatakan sulit, strategik di Bukit Aman dan sebagainya. Apabila ini berlaku bagi kami ia tidak menghairankan. Inilah sikap yang ada pada pihak kerajaan yang mengintip pembangkang, inilah sikap yang ada pada Amerika yang mengintip dunia lain.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini berucap Yang Berhormat Shah Alam bukan mencelah.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** ... Tidak apalah sebab hendak menggunakan laluan yang diberikan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini kadang-kadang saya tidak memberikan laluan kepada Yang Berhormat Shah Alam. Dia salah guna, salah guna kuasa [*Ketawa*] tetapi untuk dia berkempen selaku Majlis Tertinggi dalam PAS itu kita bagilah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila-sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sebetulnya Tuan Pengerusi, kita memang serius untuk melaksanakan sesuatu langkah semata-mata untuk mempertahankan negara kita. Negara ini dicakupi oleh tanah dan air. Sebab itulah orang tua-tua kita berkata jangan sekali-kali menjual tanah air kita. Jangan jual tanah, jangan jual air. Sebab kalau jual tanah dan air itu jual tanah air.

Jadi apa yang berlaku untuk mempertahankan kedaulatan negara ini, kerajaan perlu melakukan sesuatu tindakan yang lebih tegas. Amaran kepada Amerika yang menganggap dirinya terlalu besar tetapi kerja mencerooboh ini dia tidak malu pun. Kalau negara lain yang mencerooboh negara mereka, bayangkan apa tindakan yang akan diambil oleh Amerika. Kita lihat bagaimana yang berlaku di Mesir, Amerika campur tangan mengguling pemimpin yang ada di Mesir. Selepas itu dia melantik seorang pemimpin dan selepas itu digulingkan pula oleh tentera, Amerika berdiam diri. Sekarang rakyat di Mesir menderita, merana disebabkan tindakan pimpinan dalam negara mereka yang tidak bertanggungjawab. Jadi apakah peranan Malaysia dalam mengekalkan keamanan di kalangan negara-negara Islam, kerana kita mempunyai dasar hal ehwal Islam pelbagai hala. Peranan kita, jangan hanya ada dasar. Peranan ke arah untuk memastikan rakan-rakan kita di Mesir, Syria, Palestin – Yang Berhormat Shah Alam cukuplah. Nanti salah guna kuasa.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Shah Alam. Selepas ini Yang Berhormat Kinabatangan gulung ya.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih.

■1200

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, saya hendak ucapkan Yang Berhormat Kinabatangan, hari ini dia dalam bahasa Inggeris dia kata *enlighten*lah. Selama ini dia kabur [*Ketawa*] Apa yang berlaku dekat Mesir, UMNO-Barisan Nasional diam. Apa yang berlaku dekat Iraq, apa yang berlaku di Syria selama ini, tidak kenal, tidak perasan, macam tidak tahu sedang adanya satu perancangan pengintipan yang sedang berlaku hasil daripada campur tangan Amerika Syarikat.

Maka, saya sokong sepenuhnya pandangan Yang Berhormat Kinabatangan dan syornya untuk Kerajaan Malaysia menunjukkan satu sikap yang lebih tegas terhadap campur

tangan Amerika Syarikat, khususnya di negara-negara umat Islam dengan tujuan untuk menimbulkan masalah dan menentukan arah dan hala tuju politik negara.

Saya harap bahawa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional khususnya daripada UMNO juga akan memberikan sokongan. Bila saya turun, buat demonstrasi, saya hendak tengok Yang Berhormat Kinabatangan di tepi saya, di saf terdepan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kinabatangan, mencelah sedikit.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau demonstrasi untuk menentang, menegakkan kedaulatan negara, saya ikutlah Yang Berhormat Shah Alam [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Tinggi di belakang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya? Okey. *Last, lastlah.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya rasa isu fasal pengintipan ini mestilah kita kutuk sekeras-kerasnya. Akan tetapi dalam pada yang sama juga, kita kena ada konsistensi. Jangan kita mengutuk Amerika, tetapi banyak perkara-perkara lain kita seolah-olah bersekongkol dengan Amerika [*Disampuk*] Kita ada orang-orang kita pergi sana dan banyak perkara kita sudah bercakap. Dulu kalau satu ketika, Timbalan Presiden Amerika datang ke sini aibkan negara dalam majlis yang begitu besar. Sama siapa itu?

Saya hendak tahu, kalau kita bercakap fasal konsistensi, semalam Yang Berhormat Tumpat dengan Yang Berhormat Kuala Krai bercakap fasal kenapa tidak ada *ambasador*. Kita Gaza ini, ditentang dia dikepung. Masalahnya amat rumit. Kita hantar macam-macam, kita hantar bantuan dan Perdana Menteri kita pun pergi dalam satu suasana yang amat bahaya. Akan tetapi suatu ketika lain, orang-orang lain kata kita *support the security of Israel, the aggressor*. Jadi kita kena konsisten.

Negara kita Yang Berhormat Kinabatangan, konsisten dari segi luar kita *consider* dari zaman China, Tun Razak pergi ke China, sampai sekarang kita ada hubungan yang baik. Hubungan *prosper-thy-neighbour*. Kita menghormati jiran-jiran supaya kita tidak masuk campur. Kita pun ada masalah orang-orang Melayu di Patani. Kita ada masalah orang-orang Melayu di Southern Philippines. Akan tetapi kita buat secara berhemah sebab kita mesti menangi secara terbaik bukan secara reaktif, bukan cari gimik atau polemik.

Sebenarnya, benda ini kita lihat dari suatu sudut yang panjang 50 tahun, 40 tahun sebab ini sudah kita laksanakan dasar luar yang amat mapan dan sebab itu kita tidak ditakuti tetapi disegani. Di Sudan orang-orang lain tidak boleh berniaga, Petronas boleh berniaga walaupun dua negara berbeza, bergaduh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Kinabatangan. Dalam kita mempertahankan, kita tegas, kita akan sanggah Amerika mengenai pengintipan itu tidak baik. Akan tetapi kita juga hendak tahu, rakyat kita kena konsisten dan jangan jadi tali barut kepada bangsa-bangsa lain. Terima kasih, apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Sebetulnya mesej Yang Berhormat Kota Tinggi itu kepada Yang Berhormat Shah Alam. Cuma dia berlapik. Yang Berhormat Kota Tinggi ini orangnya berhemah. Jadi memang betul, kita perlu ada konsistensi kerana ada *continuous*, kena ada berpanjangan. Kalau kita bantah, kita bantahlah. Jangan bantah dalam suatu ketika tetapi kita bersekolong dalam suatu ketika, itu tidak baik. Itu namanya musuh dalam selimut.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sila, sila, sila.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tuan Pengerusi, saya tidak akan ambil peluang untuk berbahas.

Jadi, beri saya beberapa minit untuk minta penjelasan sahaja iaitu pertama, cara pembohongan Yang Berhormat Kota Tinggi itu berterusan, walaupun sudah kita ambil tindakan mahkamah kepada Yang Berhormat Rembau kerana berbohong. Kita tidak pernah sebut *support the security of Israel*. Dia sama ada tidak tahu bahasa Inggeris, jahil atau memang menipu di Dewan ini. Kita katakan "*contingent*". Apa syarat dia? Syarat pertama, Israel iktiraf Palestin. Syarat kedua, hentikan kepungan. Syarat ketiga, hentikan pembunuhan, kekang kezaliman. Andai, syarat-syarat itu dipatuhi, barulah kita kata kita memberikan pertimbangan untuk *to study the protection of security*. *Because* Tuan Pengerusi, tidak boleh kita bicara soal *security* Israel tanpa pertahankan hak Palestin. Saya tidak pertikai hak siapa berucap. Akan tetapi hendak bohong di Dewan ini, di mesyuarat UMNO cawangan boleh bohong kerana tidak ada orang ulas. Dalam *Utusan* boleh tetapi tidak boleh guna Dewan ini bohong. Kalau *repeat* di luar, saya tahu ambil tindakan. *Repeat* di dalam, saya minta Pengerusi rujuk kepada Jawatankuasa kalau betul Jawatankuasa itu adil tidak seperti sebelum ini. Itu pertama.

Keduanya, soal konsistensi. Saya bangkitkan semalam, minta Yang Berhormat Kinabatangan kerana agak positif dalam bidang ini. Semua, semalam Indonesia tarik Duta Besar Indonesia dari Australia kerana pengintipan terhadap Presiden Indonesia. [*Tepuk*] Maka, Presiden wanita mempunyai keberanian lebih tegas daripada Perdana Menteri Malaysia. Sampai sekarang, berminggu-minggu keluar kenyataan Snowden dan Tun Dr. Mahathir memanggil perjumpaan bangkitkan soal dua CIA Operators. Cuma apa jawapan Timbalan Menteri? Tidak ada bukti, tidak



ada apa. Siasat! Kalau tidak benar, beritahu kepada Tun Dr. Mahathir, alasan itu tidak benar. Tidak boleh hanya mengetepikan.

Ini Peguam Negara memang kontroversial kedudukannya, yang takut sangat sebab apa? Jadi *dua CIA Operators* di Pejabat AG. Tadi Yang Berhormat Shah Alam sebut di Kementerian Dalam Negeri. Perkara ini bukan perkara kecil. Tidak boleh sama umpamanya kalau saya berucap di Washington atau Perdana Menteri berucap ataupun bekas Perdana Menteri dulu yang berucap, yang menegur beberapa dasar Malaysia. Apa jadi isunya? Ataupun pemimpin Amerika datang memberi pandangan dan teguran, kita boleh sanggah. Dia berbeza dengan pengintipan. Konsistensi apa?

Konsistensi ini soal pengintipan terhadap pimpinan dan Kerajaan Malaysia yang belum dibuat kenyataan tegas, melainkan Menteri Luar panggil kata apa? Nasihatlah, lain kali janganlah buat macam itu. Bolehkah orang sabotaj, *espionage* dalam negara kita dan kita jawab ringan. Saya setakat ini saya tidak tahu Tuan Pengerusi, belum ada negara selembik ini dalam sikap terhadap Amerika dan Australia [*Tepuk*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Ada dua isu.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sekejap. Pertama, saya bukan mahu pertahankan Yang Berhormat Kota Tinggi, tetapi dia tidak pun menghala hujah dia kepada mana-mana pihak. Saya kata Yang Berhormat Shah Alam, saya katakan.

Jadi Yang Berhormat Permatang Pauh jelas tadi, kalau boleh dengar hujah Yang Berhormat Kota Tinggi balik. "*Contingency*" itu tidak ditujukan kepada mana-mana pihak. Cuma saya kelakar dengan Yang Berhormat Shah Alam, itu sahaja. Jadi, itu sahaja. Kedua, saya memang bersetuju bahawa kita kerajaan perlu bersikap tegas untuk memastikan kita sentiasa dihormati. Oleh sebab itu, hujah saya awal-awal iaitu meminta pendirian kerajaan kita ke arah memastikan bahawa tidak akan ada lagi pengintipan demi pengintipan. Ini kerana pengintipan ini kepada ketua negara, kepada keselamatan negara. Apabila keselamatan negara dicerobohi, bermakna negara kita tidak selamat. Jadi apakah kita...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Minta penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Menggadaikan keselamatan negara ini semata-mata sebab hubungan baik itu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cukuplah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Sedangkan hubungan baik itu telah disalahgunakan macam Yang Berhormat Shah Alam. Hubungan baik saya bagi, talian hayat saya bagi, dia salah guna.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Gulung Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Begitulah Amerika.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Gulung, gulung. Cukuplah.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Minta penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi oleh sebab itu saya meminta..

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Kota Tinggi..

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kinabatangan, gulung. Celahan saya tidak benarkan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya hormati Tuan Pengerusi iaitu celahan tidak dibenarkan walaupun kawan, saya bukan macam Yang Berhormat Shah Alam salah guna talian hayat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kinabatangan gulung.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akhirnya saya mahu meminta kementerian bersikap tegas ke arah untuk memberi amaran yang tegas sekeras-kerasnya dan mengambil langkah-langkah bijak memastikan kedaulatan negara kita terjamin, keselamatan rakyat terpelihara iaitu jangan hanya bersikap mungkin melihat bahawa hubungan baik antara sebuah negara dengan negara itu, maka kita biarkan apa yang berlaku, biarkan, biarkan, biarkan. Tidak boleh. Saya mahu ketegasan harus dibuat untuk menjamin rakyat senantiasa memihak kepada pemerintah yang ada ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri jawab.

■1210

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengerusi, kenapa, kenapa? Kami di sini ada ramai lagi mahu berucap, tidak diberi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Semalam kita sudah berucap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, semalam...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh minta beri peluang kepada kita?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Oleh sebab itu semalam kita sudah sampai 10.30. Bila Usul tangguh 10.30, kita kena tunggu dan kita diberi peluang. Tadi Yang Berhormat Sepang saya sudah sebut, dia tidak hadir. Yang Berhormat Sepang boleh mencelah. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Isu macam mana celah macam ini? Tidak boleh buat keputusan semalam pukul 10.30.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, semalam saya diberi kebenaran.

12.10 tgh.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya lah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya sudah panggil tadi, Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan. Okey Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Menteri bagi peluang nanti. Saya cakap lagi, boleh?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Boleh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih, terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Alamak.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri sila.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Pasal pakai lawa cantik, tidak apa kita bagi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia baru masuk, baru *punch card* itu.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Sabarlah dulu. Apa ini tidak sabar? Baru sebut-sebut lawa sahaja sudah...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sekarang saya boleh bentangkan satu kes?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Sudah tidak lawa. Tidak lawa. Tadi lawa. Tiba-tiba sudah tidak lawa sudah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Ketawa]*

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya ingin ucapkan terima kasih banyak kepada mereka yang telah pun membangkitkan beberapa isu...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, bukan mereka. Ahli-ahli Yang Berhormat *[Ketawa]*

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa isu tentang Kementerian Luar Negeri ini.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tahniah Tuan Pengerusi.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Pertamanya Yang Berhormat Kapar. Ada? Hadir? Yang Berhormat telah membangkitkan pelantikan Datuk Seri Zahrain, Duta Besar Malaysia ke Indonesia. Juga dicelah bersama dengan Yang Berhormat Tumpat. Saya hendak jelaskan bahawa proses lantikan duta besar ini sama ada lantikan politik ataupun karier diplomat adalah berdasarkan kepada Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan. Jadi, bermakna apabila kita mengikut Perlembagaan Persekutuan, kita serahkan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam selaku pihak berkuasa bagi meninjau, meneliti di atas cadangan untuk kita melantik sesiapa sahaja sebagai duta besar kita dalam semua perwakilan kita di seluruh dunia.

Kemudian kerajaan akan menyembah perakuan tersebut untuk diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Maka saya ingin jelaskan proses itu telah pun kita buat dan diterima baik dan akhirnya *agreemo* telah pun kita dapat daripada Indonesia untuk bersetuju melantik Datuk Seri Zahrain Duta Besar Malaysia ke Indonesia.

Maka tidak timbul soal sama ada ianya merupakan satu balasan dari segi politik dan sebagainya. Kalau hendak marah sangat pun dia, tidak payahlah buat macam ini. Saya rasa kadang-kala pelantikan itu kena pada tempatnya kerana kita hantar ke Indonesia kerana kita rasa hendak menangani banyak isu-isu. Musuh kita ini bukan hanya di luar sana tetapi di dalam negara pun adalah merupakan musuh yang menggunakan luar negara. Ini kerana Kementerian Luar Negeri ini adalah merupakan satu kementerian yang kita rasa sebagai satu dengan izin, *line of defense* kita. Oleh sebab itu kadang-kadang kita hendak menangani sesuatu masalah, kita lantik dia dan beliau dilantik atas Gred Utama JUSA B.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tempoh perkhidmatan beliau ialah selama dua tahun daripada Oktober 2013 sehingga Oktober 2015. Apa lagi Yang Berhormat Batu?

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Penjelasan sedikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu. Sila.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Menteri jawab tentang menangani musuh. So, saya ingin mendapat pengesahan. Adakah ini bermaksud Datuk Seri Zahrain ini mempunyai kepakaran tertentu dengan misinya yang agak spesifik iaitu menangani musuh yang diserang kemungkinan dari tanah Indonesia? Saya hendak dapat pengesahan dari Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya sudah jelaskan tadi musuh kita ini bukan hanya di luar negara tetapi datang juga daripada dalam negara. Kalau kita rasa beliau mampu, jadi kita lantik. Jadi, tidak kisahlah sama ada dia dalam ataupun luar negara.

Kemudiannya Yang Berhormat Tumpat ada membangkitkan tentang isu...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bayan Baru bangun.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sekejap. Isu yang sama. Isu yang sama.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Itu mudah sahaja. Tentang musuh ini hendak jadi isu besar kenapa?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Isu sama. Sekejap sahaja.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ya lah tetapi jawapannya sana. Kita sudah jelas, kita lantik dan dia tidak menjadi masalah kepada Malaysia. Sehingga setakat ini, sehingga bulan November dia sudah sebulan di sana, tidak timbul pun masalah kita dengan Indonesia dan berjalan baik.

Banyak *information gathering* yang telah pun dia dapat, telah pun diserahkan kepada kita. Jadi, nampaknya dalam masa sebulan ini dia amat baik sekali.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Musuh negara siapa, boleh bagi contoh kah?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Musuhnya kalau contohnya macam Yang Berhormat Bagan hendak buat hal sesuatu perkara di sana contohnya. Oleh kerana kita rasa kawan baik dengan Yang Berhormat Bagan, jadi dia akan dapat *information* dengan lebih baik.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Oh, jadi musuhnya daripada Pakatan?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya sudah- apa ini? Tuan Pengerusi, kadang-kadang saya hairan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, senang sahaja. Yang Berhormat Menteri, tidak bagi, saya pun tidak bagi. Itu sahaja. Tidak bagi? Sila duduk Yang Berhormat Bayan Baru. Sila teruskan jawapan.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Pasal *mic* pun mereka hendak marah. Yang Berhormat Tumpat ada membangkitkan isu tribunal jenayah antarabangsa Bangladesh. Saya hendak jelaskan di sini bahawa sebenarnya Bangladesh telah pun menubuhkan Tribunal Jenayah Antarabangsa ini pada 25 Mac 2010 seperti yang telah pun dilaungkan oleh kerajaan semasa dalam pilihan raya. Mereka telah pun menubuhkan itu untuk membawa penjenayah perang pembebasan yang tercetus pada tahun 1971 ke muka pengadilan. Ini adalah proses undang-undang negara tersebut dan melibatkan hal ehwal dalaman Bangladesh.

Dasar luar Malaysia dalam perkara ini adalah jelas, Malaysia mengamalkan dasar menghormati kedaulatan dan sistem perundangan serta tidak campur tangan dalam urusan dalaman tersebut, maka sebab itu kita serahkan untuk kepentingan negara tersebut. Mereka telah pun menubuhkannya, maka prinsip kita ialah kita sentiasa melihat kalau ada sesuatu yang boleh kita bangkitkan, maka akan kita bangkitkan melalui kaedah pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang lain. Mengenai isu surat terbuka yang dibuat oleh Lord Carlile..

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Shah Alam.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Kerajaan mengambil maklum akan kritikan yang dibuat oleh Lord Carlile tersebut. Saya hendak jelaskan Yang Berhormat. Dia ini adalah seorang yang begitu liberal. Oleh sebab itu saya pun hairan bahawa dia membawa isu ini. Kerajaan berpendapat dia hanyalah memberi pendapat beliau dan itu adalah *freedom of expression* yang kita rasa sesiapa pun boleh buat di mana-mana mengikut kaedah masing-masing. Jadi, prinsip kita ialah kita sentiasa melihat oleh kerana Bangladesh itu negara yang berdaulat dan mempunyai hak untuk menentukan sama ada untuk menerima ataupun menolak kritikan tersebut. Maka, kita Malaysia mengambil prinsip yang sama dan bersikap yang sama tentang...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Permatang Pauh bangun. Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat Menteri, mencelah sekejap. Terima kasih penjelasan itu. Akan tetapi dalam kes Bangladesh ini, pemimpin-pemimpin parti Islam khususnya Jamaat-e-Islami, itu dihadap ke mahkamah dan prosedur itu memang di bantah bukan sahaja oleh negeri barat. Saya faham dari sudut rangka diplomatik, pemerintah Turki dan Arab Saudi juga menunjukkan keprihatinan. Soal tidak mendedahkan itu soal pertimbangan negara masing-masing.

■1220

Sebabnya ialah kerana yang didakwa itu adalah kes, bukan pemberontakan ya [*Disampuk*] Peperangan di antara, yang sehingga menubuhkan Bangladesh dengan Pakistan dan mereka ini dihadapkan tanpa ruang untuk pertahan dan bela negeri. Oleh sebab itu digunakan sebagai satu sistem, kaedah yang lain.

Jadi soalnya, saya faham hubungan baik Malaysia-Bangladesh yang harus dipertahankan sehinggakan hendak bawa 500,000 pekerja Bangladesh dan mengetepikan kepentingan penganggur di Malaysia. Itu satu soal lain, mungkin akan didaftar oleh SPR kemudian. Itu soal lain ya tetapi yang ditekankan ini sesuatu yang serius. Mereka ini dihukum gantung, dihukum bunuh. Di antaranya itu ulama-ulama besar termasuk *Amir*, bekas *Amir Jamaat*.

Jadi, kalau pun dari segi Kementerian Luar Negeri menganggap dan saya faham tidak perlu ada bantahan terbuka, sekurang-kurangnya *a diplomatic note* secara bijak supaya menyederhanakan ketegangan politik berlarutan. Akan tetapi yang nyata ialah proses undang-undang yang bebas dan telus tidak dipatuhi dan kita harus bantah sama ada terang atau secara baik. Diplomatik harus lakukan seperti mana yang dilakukan oleh Arab Saudi dan Turki.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Yang Berhormat telah pun mengakui bahawa ada beberapa cara yang boleh kita buat sama ada secara terbuka ataupun secara mengikut apa yang kita buat kalau pun ada bantahan mengikut atau melalui lanas-lanas yang lain. Kaedah yang lain seperti pertubuhan antarabangsa yang ada, yang mana kita menjadi ahlinya. Setakat itu yang saya jelaskan tadi dan kena faham bahawa kadang-kadang kalau dalam isu ini saya sudah kata prinsip kita masih lagi tegas, sama iaitu tidak mahu campur tangan tentang sesuatu yang melibatkan hal ehwal dalaman sesebuah negara. Maka sebab itu isu ini kita faham. Kalau ada yang boleh kita timbulkan, maka kita akan timbulkan mengikut kaedah yang lain.

Jadi saya masuk lain, Yang Berhormat Tumpat ada satu lagi yang dibangkitkan tentang...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Fasal apa pula ini Yang Berhormat Shah Alam, benda yang sama?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau beri laluan saya akan ceritalah. Kalau tidak beri laluan, tidak payahlah. Fasal Yang Berhormat Permatang Pauh kata Bangladesh...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Cuma saya hendak jelaskan Yang Berhormat Permatang Pauh kata hendak bawa 500,000 orang Bangladesh untuk ke Malaysia dan akhirnya akan diregisterkan sebagai pengundi. Itu seperti pembohongan yang dibuat dan dikatakan oleh Yang Berhormat tadi [*Tepuk*] Cerita pembohongan ini Yang Berhormat yang sebut.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat okey.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Kalau Yang Berhormat boleh sebut...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ada rekod, saya minta *check*. Saya minta *check Hansard*.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ini *floor* saya. Yang Berhormat duduk dulu. Duduk dulu.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Apakah saya kata...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Duduk dulu. Ini apa pasal? [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya tidak *check Hansard*, ada atau tidak saya kata akan didaftar...

**Tuan Shamsul Iskandar @Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Berilah laluan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya kata jangan didaftarkan [*Dewan riuh*] Boleh bohong macam itu kah?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat...

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *You accuse people...*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya kata jangan, bukan saya kata didaftarkan. Semua ada dengar. Saya minta orang UMNO kalau berani, cakap yang benar. Tuan Pengerusi ada.

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Saya tidak kata 500,000 didaftarkan sebagai SPR, oleh SPR. Saya kata jangan ulang daftar.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Pengerusi, saya tidak bagi *floor* ini kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Duduk dulu...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tidak beri *floor*... Kita hendak suruh bohong. Bukan hendak suruh bohong.

**Tuan Shamsul Iskandar @Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Ini satu tuduhan. Tarik balik Menteri. Tarik balik! [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** ...Yang Berhormat Permatang Pauh bohong, saya bantah sebab dia kata saya bohong. Saya bantah sebab ada tuduhan pembohongan. *I challenge*, esok *check Hansard exactly* apa saya kata dan *you must withdraw* kalau saya tidak tuduh kata 500,000 ini akan didaftar. Kalau *you* sanggup begitu *then we take it*. Kalau *you cannot* - Tuan Pengerusi, tidak boleh guna *floor*. Dia anggap dia boleh senang begitu kerana suara majoriti [*Dewan riuh*]

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat tuduh satu pembohongan. Saya kata tadi kalau Yang Berhormat kata akan kita gunakan itu nanti mungkin atau akan ataupun satu hari nanti

mungkin, itu juga adalah satu kaedah untuk membuat satu pembohongan [*Tepuk*] [*Dewan riuh*] Jadi, ini yang saya katakan. Apa Yang Berhormat hendak...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang lain-lain diam. Yang lain diam. Duduk Yang Berhormat. Ya.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** ...Kata kalaupun kita hendak bawa 500,000 orang, saya tidak marah cuma Yang Berhormat Permatang Pauh yang hendak melenting marah ini fasal apa [*Dewan riuh*]

**Tuan Shamsul Iskandar @Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Menteri duduk [*Ketawa*]

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat Menteri ada standard sedikitlah. Kalau hendak jadi Menteri biar standard sedikitlah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh saya...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya hendak sambung semula seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tumpat. Lepas ini Yang Berhormat Shah Alam saya berikan. Beliau minta kalau boleh duta besar juga akan kita lantik untuk menjadi duta di Palestin. Saya hendak jelaskan di sini bahawa dalam keadaan ini akhirnya kerajaan telah pun memutuskan untuk melantik Duta Besar Malaysia di Mesir yang ada hari ini sebagai Duta Besar Malaysia ke Palestin secara serentak atau *concurrent accreditation from Cairo*, dengan izin Tuan Pengerusi, pada 12 Jun tahun ini.

Jadi kita telah pun mula untuk menghantar. Kerajaan telah memohon persetujuan daripada kerajaan Palestin untuk pelantikan tersebut. Jadi, tidak timbul lagi sudah. Terima kasih. Jadi, Yang Berhormat Shah Alam, ada yang hendak dibangkitkan?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Shah Alam

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak balik kepada isu Bangladesh. Saya faham bahawa memang apa yang dilakukan oleh kerajaan boleh mengambil beberapa bentuk. Ada yang secara melalui organisasi antarabangsa, melalui secara *direct* dan sebagainya tetapi saya merasakan bahawa memandangkan bagaimana Malaysia memberikan sokongan dan bantuan ekonomi kepada Bangladesh, yang mana ramainya pekerja-pekerja Bangladesh datang dan bergantung nasib dengan negara Malaysia dan sebagainya.

Semestinya kerajaan Malaysia mempunyai pengaruh yang agak kuat ke atas kerajaan Bangladesh untuk menasihati mereka sama ada cara terbuka ataupun secara tertutup. Ini Yang Berhormat Arau pergi sebelah sana, pergi kacau Yang Berhormat Menteri apa hal? [*Ketawa*] Saya tengah cakap dengan Yang Berhormat Menteri. Kalau Yang Berhormat Arau pun cakap dengan Menteri. Dia ada dua telinga tetapi dia boleh dengar satu saja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam. Ini pun tidak mengikut peraturan Yang Berhormat Shah Alam.



**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Minta maaf ya [*Ketawa*] Nampak macam mengganggu pula Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Arau, saya ingat Tuan Pengerusi kena suruh balik ke kerusi dia [*Ketawa*] Minta maaf. Yang Berhormat Menteri ya, saya rasa bahawa Malaysia boleh memainkan peranan yang lebih berkesan ya. Tidak semestinya secara terbuka tetapi kita ada pengaruh. So, untuk memberitahu kepada kerajaan Bangladesh dunia sedang melihat. Alim ulama yang sudah berusia 90 tahun dipenjarakan, 80 tahun dipenjarakan untuk 90 tahun. Ada yang dihukum ke tali gantung semata-mata atas sejarah perang saudara. Bila *East* Pakistan hendak dijadikan sebagai Bangladesh, hendak pisah daripada Pakistan

Banyak kisah-kisah yang kita telah membaca buku-buku yang meriwayatkan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku, tidak membabitkan individu-individu yang telah dituduh. Lalu saya rasa kerajaan bertanggungjawab untuk menggunakan pengaruhnya supaya menentukan keadilan itu terlaksana. Saya harap bahawa kerajaan tidak mengambil sikap ini, soal dalam negara, lalu kita tidak ada kena mengena dan sebagainya. Saya harap atas semangat persaudaraan Islam dan sebagainya. *Universal value for justice*, kita menasihati Bangladesh dalam perkara ini. Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam baik pada pagi ini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya selalu baik. Kalau Yang Berhormat Kinabatangan kacau saja yang jadi jahat sedikit.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri, Lenggong.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Cuma saya jelaskan sekali lagi dasar luar kita sama, perkara ini jelas. Saya sudah bagi tahu bahawa kita mengamalkan dasar menghormati kedaulatan dan sistem perundangan serta tidak campur tangan dalam urusan dalam sesebuah negara. Jadi, bab kalau kita tidak puas hati, kita akan bawa dalam mana-mana lagi pertubuhan yang lain, yang mana kita jadi ahlinya. Itu jelas telah pun saya jawab tadi. Jadi tidak timbul lagilah Yang Berhormat Shah Alam. Isu ini pun saya ingat telah selesai.

#### ■1230

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri ...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Kita hendak masuk bab lain. Yang Berhormat Seputeh tadi mana?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang bangun.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Sudah keluar. Jadi tidak mengapalah. Kita hendak masuk Bangladesh tadi sudah selesai.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Bangladesh ini kita tak daftarkan 500,000, tidak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Menteri bagi laluan tidak, Menteri?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak tanya fasal yang jawapan dari Yang Berhormat Tumpat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Kalau yang Bangladesh, isu itu sudah habis. Yang Berhormat hendak...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak kata hendak cerita fasal Bangladesh. Saya hendak cerita hal lain.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Lain nanti. Nanti kita berikan kalau bab lain.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bab Bangladesh tidak habis lagi. Saya harap Yang Berhormat Menteri janganlah ambil sikap sudah habis pasal tidak habis lagi.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tidak, tidak.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Oleh kerana satu penyelewengan dan kezaliman sedang berlaku. Kita tidak boleh lepas tangan begitu.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Shah Alam, Tuan Pengerusi saya tidak suruh dia bercakap. Ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tadi saya kata sudah baik.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak pasal Yang Berhormat Menteri kata sudah habis, tidak habis lagi. *We have a role to play please.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri ...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Okey, *alright and that was my answer. No talk.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Your answer* sudah habis, tidak habis lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam baru sahaja dapat pujian tadi. Yang Berhormat Sepang duduk dahulu. Sila Menteri.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Lenggong.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Lenggong boleh pula.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Dasar Luar Negara kita. Dalam kita hendak melakukan sesuatu, kita juga mahu supaya negara kita dihormati sebagai sebuah negara berdaulat. Kita pun tentu ada sensitiviti. Biasa dibangkitkan oleh Yang Berhormat Shah Alam berkaitan dengan isu-isu yang berlaku di luar negara, di Bangladesh misalnya tetapi tentu sebagai negara yang berdaulat yang mengharapkan supaya orang lain menghormati kita, kita juga tentu tahu bahawa negara berkenaan juga mahu dihormati.

Oleh sebab itu saya rasa polisi negara kita menghormati negara dan kita ada kaedah-kaedah tertentu misalnya untuk kita membuat bantahan, untuk membatalkan. Kita mesti tentu ada kaedah-kaedah tertentu yang mana kita buat bagi memastikan supaya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini bila Yang Berhormat Lenggong jadi Menteri Tuan Pengerusi?

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bukan Tuan Pengerusi, dia tadi tidak boleh bercakap macam saya bercakap. Itu dia kecil hati, dia marah sedikit.

Cuma saya hendak dapat penjelasan daripada kerajaan, tentang polisi dan pendekatan yang kita buat ini. Apakah masih cara lama atau pun kita ada kaedah dan pendekatan baru dalam usaha kita hendak menyampaikan apa juga mesej negara kepada negara luar. Kadang-kadang banyak orang tidak faham terutama sekali Yang Berhormat Shah Alam ini. Dia ingat untuk buat bantahan kena ada demonstrasi dan sebagainya. Itu mungkin satu kaedah, tetapi kaedah yang tidak sesuai di negara kita.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya sudah jelas tadi bahawa dasar luar kita ini konsisten. Sistem kita memang konsisten daripada dahulu sehingga sekarang kita tidak ubah. Masa dahulu Ketua Pembangkang dalam negara pun prinsip yang sama, dasar yang sama. Jadi ketika itu dan sekarang sama iaitu jelas Malaysia mengamalkan dasar menghormati kedaulatan dan sistem perundangan serta tidak campur tangan dalam urusan dalaman sesebuah negara. Itu jelas. Tentang isu ini juga saya telah jelaskan dan kalau tidak puas hati kita akan gunakan dalam penggunaan dalam mana-mana pertubuhan yang kita juga menjadi ahlinya. Saya hendak bangkitkan tentang Yang Berhormat Tumpat mengenai Rohingya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang bangun.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** ...yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai melalui ucapan Yang Berhormat semalam. Saya...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Sepang. Hendak bagi laluan atau tidak Yang Berhormat Sepang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Rohingya tadi, boleh?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Sekejap. Saya sebenarnya baru sahaja balik daripada Myanmar, lawatan kerja dan delegasi OIC yang diketuai oleh Setiausaha Agung OIC. Dalam semasa saya di sana kita berpeluang untuk mengadakan perjumpaan dan perbincangan bersama dengan Presiden Myanmar, Timbalan Presiden Myanmar, Menteri Luar Negeri, Menteri Negeri Imigresen dan Kependudukan Myanmar dan juga Menteri Hal Ehwal Persempadanan Myanmar.

Saya mengadakan perbincangan dengan mereka dan juga ada perbincangan yang kita buat bersama dengan kumpulan dialog antara kepercayaan Myanmar ataupun *Interfaith Dialogue Group* serta Ketua-ketua dari kaum Buddha, Hindu, Muslim dan Kristian. Perbincangan ini telah pun kita buat di Napito iaitu bandar *capital* Myanmar, dengan izin.

Dalam semua itu, mesej yang kita dapat jelas bahawa kerajaan mereka mahu melihat supaya ada *engagement* dibuat kepada semua kaum. Bukan hanya masalah di Rakhine tetapi juga di seluruh negara Myanmar kerana mereka mempunyai pandangan yang jauh untuk membangunkan negara ini dan beberapa program transformasi untuk kepentingan *political institution* yang diwujudkan di Myanmar untuk melihat sebagai sebuah negara yang demokratik berlaku hari ini.

Oleh sebab itu mereka mahu kalau boleh OIC melalui dengan negara Asean seperti Malaysia, Indonesia dan Brunei bekerjasama dengan mereka untuk melihat bagaimana caranya untuk kita dapat membantu terutamanya Malaysia yang agak relevan menangani masalah perkauman, *religion*, masalah agama yang ada dalam negara kita.

Ini melalui perbincangan tersebut, kita akan bawa semula lawatan ini dengan satu resolusi melalui OIC dan apa pendekatan, cadangan yang akan kita berikan kepada Kerajaan Myanmar yang sanggup untuk bekerjasama dan menyelesaikan masalah yang ada dalam *Rakhine State* yang berlaku di Myanmar pada ketika ini...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** [*Bangun*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun. Yang Berhormat Tumpat dan juga Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri ...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Tumpat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri... [*Gangguan sistem audio*]

Dibenarkan untuk menubuhkan pejabat untuk mengawasi pergolakan di Myanmar sebelum ini. Adakah ini bermakna bahawa hasil daripada penerimaan lawatan oleh [*Gangguan sistem audio*] Dalam buku ini masih disebut OIC dengan nama panjang yang lama. Adakah ini bermakna OIC dibenarkan untuk mengadakan, mewujudkan pejabatnya di Myanmar? Keduanya adakah Yang Berhormat dapat menyaksikan laporan-laporan yang kita dengar Yang Berhormat Baling sempat melawat bahawa kaedah kehidupan orang-orang Rakhine Rohingya ini di Myanmar amat teruk sekali.

Laporan yang saya dengar lebih teruk daripada suasana rakyat Kulit Hitam di Afrika Selatan pada zaman *Apartheid* lagi. Adakah ini penyaksian Yang Berhormat sendiri lihat? Dan adakah ini sebahagian daripada perubahan ke arah kebaikan yang OIC yang Malaysia terlibat sama ingin perubahan yang lebih positif terhadap keadaan seperti ini. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Inilah apa yang kita tinjau dan pendapat kita hari ini bahawa Kerajaan Myanmar memang benar-benar *sincere*, dengan izin, Tuan Pengerusi untuk melihat supaya masalah ini dapat diselesaikan mengikut cara mereka sendiri. Tentang lawatan saya di *Rakhine State* itu kita bukan hanya pergi melawat di tempat yang berlakunya peristiwa tersebut tetapi juga kita melawat di mana kem yang telah pun ditubuhkan oleh kerajaan itu.

#### ■1240

Kita tinjau dari segi cara mereka membangunkan kawasan tersebut dan kita tanya dengan kerajaan. Apakah setakat hendak meletakkan mereka di kem tersebut, maka sudah selesai

masalah ini. Mereka mengatakan bukan. Sebenarnya itu adalah untuk pertama dari segi kaedah *security*. Di mana mereka boleh dikawal oleh kerajaan.

Kedua, mereka akan dibangunkan sekolah di kawasan tersebut untuk menentukan bahawa bagi kanak-kanak yang berada di situ boleh masuk sekolah mengikut Kerajaan Myanmar. Kemudian diberikan peluang-peluang pekerjaan yang akan dibawa masuk. Inilah perjanjian yang telah pun mereka jelaskan kepada kita. Daripada dahulu dan sekarang memang betul, ada perubahan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Dahulu, kem di mana Yang Berhormat Baling pergi ketika itu, agak teruk keadaannya. Akan tetapi hari ini sudah nampak mula ada perubahan di mana kem-kem yang dibangunkan itu juga agak lebih baik daripada asalnya. Manakala pejabat yang diminta oleh OIC untuk ditubuhkan di Myanmar, Myanmar masih lagi minta supaya kita tangguhkan. Ini kerana ketika kita buat lawatan tersebut kita perhatikan ada beberapa kumpulan yang masih lagi membuat demonstrasi jalanan seperti yang dilaungkan oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi.

Maka, kerajaan kata oleh kerana masih lagi ada kumpulan-kumpulan yang tidak memahami bagaimana OIC hendak membantu dari segi penyelesaian masalah ataupun konflik yang ada di situ. Maka, Myanmar minta kita tangguhkan dahulu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya hendak bangkitkan tentang tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa dasar kerajaan tidak campur tangan ke atas urusan domestik negara-negara lain.

Jadi, persoalan saya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa baru-baru ini ada salah seorang Ahli Parlimen Iraq telah mengeluarkan kenyataan. Boleh kata dia mempertikaikan tindakan Kerajaan Malaysia berkaitan dengan pengendalian isu mazhab ini, khususnya mazhab Syiah ini. Di mana dalam kenyataan itu, Ahli Parlimen ini yang boleh dilihat dalam *YouTube*, mengatakan bahawa tindakan Kerajaan Malaysia ini seolah-olah menafikan. Dalam bahasanya, maknanya seolah-olah tidak mengakui keislaman penganut-penganut mazhab lain ini yang majoriti di Iraq, di Iran, di Bahrain dan sebagainya.

Persoalan saya, pertamanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah dasar Kerajaan Malaysia berkaitan dengan mazhab Syiah ini. Sebab saya mengatakan begini kerana pada 27 Ramadhan 1425, iaitu bertarikh 9 November 2004, Kerajaan Malaysia telah menghantar wakil-wakil yang menjadi *signatory* kepada apa yang dipanggil "*Amman Message*". Iaitu salah satu usaha daripada bekas Presiden Jordan. Di mana- saya bacakan ada lebih kurang lapan orang *signatory* daripada Malaysia. Yang nombor 287 daripada bekas Perdana Menteri- Tun Abdullah Badawi, 288 daripada Datuk Seri Anwar Ibrahim- Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh, 289 nombor *signatory* ini Almarhum Dato' Dr. Abdul Hamid Othman, 290 Profesor Dr. Kamal Hasan.

291 Profesor Dato' Mohd. Hashim Kamali, 292 iaitu Mr. Shahidan Kassim- Ahli Parlimen Arau, 293 Tuan Khairy Jamaluddin- Yang Berhormat Menteri dan akhirnya Dr. Solah Fadhri Khan daripada UIA.

Jadi, kesemua mereka ini yang menjadi *signatory* kepada *Amman Message* di mana antara *Amman Message* ini mengatakan mereka menerima wujudnya empat mazhab Sunni itu dan juga dua mazhab Syiah iaitu Jaafari dan juga Zaidi dan juga mazhab Ibari dan sebagainya.

Jadi, persoalan saya kalau kita sudah menjadi *signatory* kepada *Amman Message* ini, mengapakah kita masih lagi bertindak seolah-olah menyimpang daripada apa yang kita telah persetujuan tadi itu. Jadi, saya harap ada satu penjelasan dan mungkin kita kena jawab, kena beritahu kepada Parlimen Iraq tentang pendirian Malaysia ini. Itu yang pertama.

Yang keduanya, bagaimanakah hubungan Malaysia pula selain daripada isu kalimah "Allah" ini dengan Vatican dan sebagainya. Jadi, saya hendak supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah dasar kita dan bagaimanakah tindakan kita ini seolah-olah menyimpang daripada apa yang telah kita persetujuan di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri habiskan sebelum pukul 1 ya.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Jadi, tidak payah hendak mencelah lagilah pasal banyak isu yang telah dibangkitkan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita ada dua lagi kementerian hari ini.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya hendak jelaskan bahawa tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang ini. Saya sudah kata ini jelas dasar kita. Kita tidak campur tangan. Iraq atau Iran dia hendak mazhab apa pun, Syiah kah, apakah, kita tidak campur tangan pun. Yang ini jadi masalah Yang Berhormat Sepang ini. Saya kata dasar dalam negara dengan luar negara untuk negara itu dia bebas. Itu tidak timbul masalah ini Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak faham soalan kah Yang Berhormat? Yang Berhormat Timbalan Menteri soalan saya ialah apa tindakan orang bantai kita. Ahli Parlimen Iraq menyelar tindakan kita. Jadi, itu maksud saya. Apa kita punya jawapan kepada persoalan itu. Bukan saya kata dasar kita kepada Iraq dan sebagainya. Apalah Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan pun tidak faham [*Dewan riu*]

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Pengerusi, saya hendak jelaskan. Ini yang saya kata Yang Berhormat Sepang ini. Saya sudah kata, dia hendak cakap apa pasal kita, cara apa kita jawab, cara apa kita hendak buat, itu hal kita. Kalau Yang Berhormat Sepang hendak cakap dia seorang sebagai Ahli Parlimen di dalam Malaysia ini, dia hendak tunjuk pandai dia, hendak cakap pasal negara lain, hendak kondem negara lain, contohnya Amerika...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ini hal negara, bukan hal peribadi.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** ...Kalau hak dia hendak bercakap, itu hak dia. Hak dia hendak bercakap pasal orang tapi yang pentingnya dasar kita. Jadi, dasar kita tidak mahu campur tangan pasal negara tersebut dan terpulang kepada Ahli Parlimen itu hendak cakap, itu hak dia. Saya sudah cakap awal tadi lagi.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ini Menteri dari mana ini?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya sudah kata *this is freedom of expression*. Siapa sahaja dalam dunia ini boleh cakap apa sahaja. Yang masalahnya dasar kita saya sudah sebut, sudah jelas. Itu yang saya maksudkan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Jadi, yang ketiga tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tumpat tentang pengintipan yang berlaku dalam negara kita yang telah pun juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya hendak jelaskan bahawa pendirian kita jelas, saya telah pun jawab dalam masa penggulungan dasar.

Saya kata dalam kenyataan yang kita buat oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri pada 31 Oktober 2013, menyatakan bahawa Wisma Putra akan mengambil langkah-langkah sewajarnya jika terdapat bukti yang kukuh. Pada 5 November, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa dari segi prinsipnya Malaysia menোক sebarang bentuk pengintipan dan *surveillance* oleh mana-mana pihak yang menjejaskan kedaulatan negara serta menjejaskan hubungan dua hala. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut menyatakan bahawa Malaysia sedang menanti penjelasan Amerika Syarikat mengenai kajian semula program pengintipan mereka yang telah pun diumumkan oleh Presiden Amerika.

Saya juga hendak jelaskan di sini, dalam kaedah diplomasi yang kita buat. Nota bantahan adalah merupakan satu nota yang agak serius bagi mana-mana negara yang mempunyai persahabatan yang baik yang baik di antara dua hala. Maka, sebab itu kita melakukannya dengan menghantar nota bantahan, diterima oleh *embassy* tersebut. Mereka telah pun menghantar ke pejabat negara masing-masing. Oleh sebab itu Presiden Amerika telah pun membuat pengumuman untuk mengkaji semula dan mengeluarkan arahan untuk *review* daripada apa sahaja polisi, dasar mereka tentang isu pengintipan yang berlaku di seluruh dunia. Maka kita tunggu dan kita buat untuk...

■1250

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yes.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apakah kerajaan berhasrat ataupun bercadang kita mungkin mengemukakan perjanjian seperti yang dilakukan oleh negara-negara lain

seperti *Germany* iaitu untuk mengadakan satu perjanjian iaitu *no spy game* ataupun *no spy agreement* di antara Malaysia dan mana-mana negara.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, saya boleh mencelah sedikit.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ya, Yang Berhormat Batu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya setuju nota bantahan ini adalah perkara serius. Akan tetapi kita banding dengan negara-negara lain yang mengambil pendirian jauh lebih tegas kerana ini pengesahan yang telah dikemukakan dan kita tidak ada satu tuntutan supaya pengintipan harus dihentikan serta-merta. Kita tidak boleh tunggu Presiden Amerika Syarikat hendak kaji semula, hendak buat *review* dan lain-lain lagi. Itu sepatutnya bukan pendirian kita sebagai *frontline* untuk mempertahankan kedaulatan negara.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ya. Bukankah saya sudah jelaskan, saya sudah beritahu tadi kita akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya sekiranya terdapat bukti yang kukuh. Maka sebab itu ini jelas kalau kita dapat bukti yang kukuh, *we go to the next step*. Akan tetapi sekarang ini kita...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Maksud kementerian belum ada bukti yang kukuh, kementerian tidak yakin dengan perkara yang berlaku?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Perkara ini berbangkit pada penghujung bulan Oktober. Sekarang baru lebih kurang dua atau tiga minggu. Maka selepas itu nanti kita akan jelaskan apakah tindakan yang kita ambil selepas menerima bukti-bukti yang nyata dan kukuh. Yang Berhormat Batu hanya dengar daripada satu pihak tetapi belum tahu dari segi maklumat keseluruhannya. Mungkin di *Germany* sudah ada bukti *spy on their leaders*. Malaysia kita akan buat kajian yang akan menyeluruh dan kita akan ambil tindakan selepas itu.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** [Bangun]

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Kemudian, saya hendak bangkitkan tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuaran. Pertama, tentang Tuaran mengenai Filipina yang menuntut Sabah. Saya hendak jelaskan perkara ini tidak timbul kerana kita tidak mengiktiraf tuntutan mana-mana negara atau Filipina yang hendak menuntut Sabah sebagai salah satu kawasan milik negara Filipina. Oleh kerana pada tahun 1962 melalui *Cobbold Commission* telah pun mengiktiraf bahawa referendum yang telah pun dibuat ketika itu telah mengiktiraf bahawa rakyat Sabah telah pun bersetuju untuk menyertai Malaysia. Maka dengan ini kita akan mempertahankan Sabah terus menjadi hak negara Malaysia [Tepuk]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Kemudian kita hendak jelaskan tentang nama untuk ditukarkan nama Laut China Selatan itu kepada nama yang lain. Saya hendak jelaskan di sini bahawa sebenarnya nama lautan di seluruh dunia berpandukan kepada dokumen yang dikenali



sebagai *Limits of Oceans and Seas* yang diterbitkan oleh *International Hydrographic of Organization*. Jadi maknanya ia tidak ada kena-mengena walaupun nama laut itu Laut China Selatan, tidak bererti maka laut itu dipunyai oleh negara China. Jadi kita tidak akan minta untuk laut ini ditukar nama kepada nama yang lain.

Yang Berhormat Batu ada membangkitkan tentang masalah CHOGM...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya tidak ada masa tinggal 6 minit sahaja lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, duduk.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** CHOGM, CHOGM.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** CHOGM, okey. Yang Berhormat Batu telah membangkitkan isu CHOGM juga dicelah oleh Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya hendak jelaskan bahawa yang penting kepada kita ketika ini adalah apa yang...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Cari makan...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Apa yang kita buat di sana sehingga memberikan..

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Apa rasional kita untuk menghadiri CHOGM..

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Walaupun ada bantahan-bantahan dan juga kenapa Perdana Menteri kita pergi ke...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri tidak tengok pun lagi.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Okey saya jawab Yang Berhormat Ipoh Barat. Hasil daripada mesyuarat CHOGM di sana, pertamanya kita telah pun dapat berbincang mengenai pembangunan saksama secara *inclusive* yang dibuat oleh negara Sri Lanka dan akhirnya keputusan Ketua-ketua Komanwel bersetuju untuk mewujudkan satu kumpulan kerja untuk membentuk agenda pembangunan, agenda pasca 2015 dari perspektif Komanwel. Melalui proses ini Malaysia akan dapat mengetengahkan dan mempertahankan pendirian dan dasar Malaysia maka memelihara kepentingan Malaysia tentang isu itu.

Jadi yang pentingnya dalam mesyuarat tersebut *this is about CHOGM in Sri Lanka and* bukannya CHOGM *on* Sri Lanka. Itu telah pun dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat saya hendak tanya, adakah...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ada perbezaan di antara CHOGM yang bermesyuarat di Sri Lanka dengan CHOGM untuk Sri Lanka. Jadi...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Political, political speech rhetoric*. Akan tetapi saya hendak tahu dengan khususnya...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Sama juga *political speech* dibuat oleh Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *No, have you address- no, adakah kita address question cabuli hak-hak asasi di sana. Ada Perdana Menteri open his mouth or keep shut and just make money and come back. Business sahaja, business sahaja. Has his spoken or not because macam David Cameron dan lain-lain Perdana Menteri ada menyatakan mencabuli hak asasi negara, that is the core values.*

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Okey.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Apa *core value* Komanwel? Satu di antaranya ialah *human values* kan? *He is giving the chair now.* Tidak malu kah?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya sudah bagi peluang, pendek-pendek sudahlah. Saya hendak jawab.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Adakah Perdana Menteri mengatakan atau mengambil tahu mengenai perkara itu atau memberitahu kepada Perdana Menteri atau kepada kerajaan di sana, ada atau tidak? [*Dewan riuh*]

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya hendak jelaskan, mula-mula Yang Berhormat kata kita patut *boycott*. Kemudian Yang Berhormat kata, tengok, bagus David Cameron pergi mesyuarat CHOGM. Ini apa ini. Ini yang retorik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat ini.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Konsisten, konsisten. Nombor satu kita pun bangkang David Cameron ini.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ini tidak konsisten langsung.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *At least they man enough* untuk membuat sesuatu. *We all showmanship Yang Berhormat, showmanship, showmanship...*

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** *This is what we are doing, this is what we are doing.*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Pergi sana untuk perniagaan, cari makan untuk kroni-kroni kita bukan untuk mempertahankan hak asasi. *The core value of Komanwel.* Apa *core value* Yang Berhormat tahu tidak?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Okey duduk, duduk.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *What is the core issues?*

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Duduk Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Duduk boleh Yang Berhormat tetapi tidak boleh..

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya hendak jelaskan di sini bahawa Yang Berhormat Ipoh Barat buat pembohongan yang paling besar [*Tepuk*] Paling konon-kononnya...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Apa itu pembohongan? Apa yang saya cakap benar. Semua yang saya cakap benar. Yang Berhormat cakap mungkin tidak benar.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat, sebab itu Yang Berhormat hanya tahu satu perkara mengenai masalah *Tamil Tigers* tetapi yang penting kepada kita hendak menyelesaikan masalah...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [*Bangun*]

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Untuk menentukan supaya Sri Lanka sebagai satu ahli dalam CHOGM dapat membangunkan negara itu mengikut kaedah-kaedah antarabangsa yang paling baik [*Tepuk*]

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Orang Melayu di Sri Lanka?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Oleh kerana kita mempunyai sikap dasar kita untuk lihat bahawa apa *approach* yang kita buat adalah melalui sejarah Islam.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Apa perlindungan yang diberikan oleh Malaysia? Orang Melayu Islam yang di Sri Lanka 200,000 orang. *Two hundred thousand people Malays are staying there*, dicabuli hak asasi.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi saya hendak kata. Tadi dalam pencelahan dia kata 100,000 orang Sekarang dia kata 200,000 orang. Sudah naik.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ini, ini pekak sedikitlah. Dia pekak Yang Berhormat, dia pekak. *Hearing problem!*

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Inilah dia pembohongan. Tadi dalam pencelahan saya catat di sini dia kata 100,000 orang mati. Sekarang dia kata 200,000 orang.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** No, 100,000 orang mati.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, Ipoh Barat. Ya, ya. Tidak dijemput lagi Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ipoh Barat [*Dewan riuh*] Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat cakap pun tidak direkodkan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Akhirnya saya hendak jelaskan tentang apa yang telah dibangkitkan oleh beberapa pihak mengenai rampasan kuasa termasuklah...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita sambung 2.30 petang nanti.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ini yang *last*, Tuan Pengerusi. Bolehkah satu minit? Satu minit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak saya tidak ada kuasa untuk tambah satu minit dua minit. Ya. Habis sudah?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Jadi saya jawab secara bertulis isu yang akhir ini iaitu mengenai dengan Mesir dan saya menyudahi dengan *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM641,837,000 untuk Maksud B.13 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM641,837,000 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM205,000,000 untuk Maksud P.13 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM205,000,000 untuk Maksud P.13 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

*[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang]*

■1430

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Maksud B.41 [Jadual] –  
Maksud P.41 [Anggaran Pembangunan 2014] –**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.41 dan Kepala Pembangunan P.41 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Lembah Pantai.

**2.33 ptg**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang untuk saya turut serta dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa dan saya merujuk kepada Maksud Bekalan 41 di bawah Kementerian Pendidikan. Secara khusus Butiran 010000 di bawah Pengurusan Kementerian akan saya rujuk. Kedua, Butiran 050000 - Pengukuhan Operasi Pendidikan dan juga Operasi Pendidikan sendiri di bawah Butiran 020000.

Pertamanya Tuan Pengerusi, isu pertukaran guru. Sememangnya pihak kementerian telah menjawab bahawa dasar sekarang telah banyak bertambah baik di mana dikurangkan kadar pemisahan di antara isteri dan suami bila diberikan mana-mana penempatan baru untuk pekerjaan. Malangnya, ada juga jumlah, walaupun kecil, yang masih lagi wujud para guru dipisahkan daripada suami ataupun isteri masing-masing sehingga ada juga kes di mana, melalui pemantauan saya,

sudah lima tahun pasangan berjauhan dan pertukaran yang dipinta tidak diluluskan. Pihak kementerian juga, pada hemat saya, gagal melaksanakan satu model pertukaran guru yang lebih sistematik untuk menyelesaikan isu pertukaran guru dengan baik yang dapat menjamin kualiti hidup mereka selaku tenaga pengajar anak-anak kita.

Justeru penjelasan dan persoalan saya, minta pihak kementerian menjawab, adakah boleh kementerian memaparkan secara umum setiap pertukaran yang dipinta oleh para guru di laman kementerian sebab pertukaran, tempoh berkhidmat, pertukaran dari satu destinasi ke destinasi yang lain dan opsyen pertukaran yang ada. Setakat carian dan pengetahuan saya, boleh diperbetulkan kalau ada silap, pihak kementerian tidak pernah memaparkan data terbabit dan selalunya dakwaan bahawa siapa yang kenal dengan pihak Menteri atau pak Menteri, dapat penukaran walhal yang tidak mengenali orang yang berkuasa terpaksa menunggu sehingga kekosongan opsyen pertukaran itu wujud. Jadi saya pohon difikirkan semula, dijawab dan diambil kira termasuklah sama ada kementerian dapat memutuskan kalau permohonan untuk pertukaran guru lebih elok dilakukan dua tahun seperti sebelumnya ataupun akan diteruskan dengan hanya sekali setahun.

Kedua Tuan Pengerusi, isu Pengukuhan Operasi Pendidikan di mana kita lihat di bawahnya isu bantuan dan kebajikan pendidikan itu mencecah hampir RM500 juta. Jadi bila minggu ini dibangkitkan tentang hutang PTPTN dan penyenaian hitam para graduan, kita juga memang gusar. Sememangnya seramai 132,801 peminjam di bawah PTPTN telah disenaraihitamkan termasuk oleh Jabatan Imigresen sehinggalah 30 September 2013. Anggaran ini melibatkan pinjaman Tuan Pengerusi, berjumlah RM2.11 bilion.

Saya fikir kementerian tidak begitu sensitif dengan bebanan hutang yang menekan kehidupan graduan kerana setelah habis belajar sahaja hutang pinjaman perlu dibayar walaupun pekerjaan itu tidak tetap. Sememangnya Ahli Parlimen Pakatan Rakyat menganjurkan dan menyatakan komitmen kita untuk menghapuskan hutang pinjaman dengan hemat bahawa graduan-graduan ini sedang menempuh kehidupan yang baru, tidak harus dibebankan dan diberikan tindakan yang begitu drastik sebegini.

Saya hendak bandingkan dan bawakan di sini contoh di United Kingdom kerana di England sememangnya bagi graduan-graduan, mereka terpaksa mendapatkan gaji. Mereka hanya dipinta membayar semula setelah mendapat gaji £21,000 setahun ke atas. Gaji minimum hanyalah pada £6.31 bagi satu jam. Boleh melibatkan bagi setahun £13,125. Maksudnya dalam setahun. Maksudnya, gaji yang kita kenakan pembayaran semula itu mengambil kira gaji minimum, mengambil kira kebolehan mereka mendapatkan gaji yang sebaik mungkin untuk menempa kehidupan yang berkualiti.

Saya hanya pinta- kerana persoalannya sekarang sememangnya kementerian telah memperkenalkan Sistem Ujrah yang diluluskan oleh Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 2008. Ini kita alu-alukan. Maksudnya tidak perlu membayar dengan kadar faedah yang tinggi. Akan tetapi persoalan pertama, adakah kementerian akan membaik pulih sistem ikut model seperti di United Kingdom supaya ada gaji minima yang didapati oleh para graduan yang

memberikan kelayakan dan juga sebab-sebab perikemanusiaan untuk mereka membayar kembali? Sekarang ini tidak ada had yang ditetapkan. Mungkin mereka hanya mendapat RM800 sebulan ataupun RM1,100. Jadi pada saya ini harus diambil kira bila mengambil kira bebanan lain yang termasuklah cukai GST yang akan diperkenalkan tahun depan.

Khusus bagi Sistem Ujrah, pertanyaan saya mudah. Bagi pihak kementerian, adakah seseorang peminjam yang telah memohon penukaran kepada Sistem Ujrah untuk bayaran balik itu disenaraihitamkan sementara belum melunaskan bayaran? Ini saya pohon penjelasan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, dua lagi isu. Satu, hanya Program MyBrain15 di mana Belanjawan 2014 mengumumkan sebanyak RM110 juta untuk pembiayaan yuran pengajian di peringkat pascaijazah. Rungutan yang saya hendak bawakan di sini adalah tempoh pembiayaan pengajian hanyalah 18 bulan sahaja, walaupun terdahulunya dinyatakan tempoh pembiayaan 24 bulan. Kita harus faham, bila dilaksanakan pelajar peringkat *master*, ijazah sarjana hanya dapat menghabiskan sesi pengajian selama dua tahun, empat semester. Jika dasar Kementerian Pendidikan hanya menetapkan 18 bulan sahaja, bagaimana yuran pengajian bagi baki semester seterusnya? Saya harap dapat dinilai dan diperbaiki.

■1440

Terakhir Tuan Pengerusi, tentunya isu Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di bawah operasi pendidikan. Butiran 020000 di mana walaupun terdahulunya ada hibrid program tersebut dilaksanakan peringkat 2004, setelah diumumkan Pelan Pembangunan Pendidikan mula dilaksanakan di sekolah rendah pada tahun 2011 bagi peringkat UPSR. Sistem yang hanya berfungsi sekiranya ada talian *internet* kerana ia berfungsi secara *online* dan komponen SPPBS ini, para gurunya terdiri daripada dua kategori akademik dan bukan akademik.

Kita harus faham Tuan Pengerusi, pihak Menteri pun menjawab mengakui ada lebih kurang 400,000 para guru dibebankan dengan sistem yang tidak mesra kerana banyak data yang dimasukkan itu mengalami masalah akses di kala *internet* tidak jelas ataupun aksesnya. Kelemahan sistem ini adalah penggunaan sistem di mana datanya tidak boleh dibebankan mengikut masa-masa tertentu. Jadi akhirnya para guru bila cuba memasukkan keputusan para pelajar di waktu sekolah sedang berlangsung, terpaksa menunggu selepas tengah malam, dua pagi, tiga pagi untuk memastikan keputusan bagi setiap pelajar dilunaskan...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Silakan Yang Berhormat Bukit Katil, harap dapat cepat. Tuan Pengerusi tidak bagi banyak masa.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Lembah Pantai, saya ingin bangkitkan hal berkaitan dengan PBS iaitu Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Saya fikir setuju tidak Yang Berhormat Lembah Pantai dengan gesaan daripada Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia yang meminta Kementerian Pendidikan memansuhkan pelaksanaan ini dan dibuat dalam bentuk skala kecil

dahulu iaitu dalam bentuk *pilot project* sebelum memastikan diteruskan di sekolah-sekolah yang lain. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil, saya harap dapat dimasukkan poin beliau dalam perbahasan saya Tuan Pengerusi kerana kita bercakap tentang Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia. Badan yang memantau rungutan dan juga maklum balas daripada para guru. Sistem PBS ini dikatakan mengikut *international baccarat*, kurikulum tersebut. Akan tetapi kita harus faham sebelum ini pihak Menteri Pendidikan saya rasa bawah Tan Sri Muhyiddin ketika itu mengumumkan satu program jawatankuasa mengkaji beban guru tetapi dalam sistem PBS yang diperkenalkan selepas jawatankuasa itu mulai dibentuk, menambah bebanan kerana tidak ada para kerani yang membantu para guru dalam menaip dan memasukkan data-data bagi setiap *band* mengikut kemampuan pelajar.

Jadi peringkat pelaksanaan saya pinta sangat-sangat kerana kita bercakap tentang bulan demi bulan. Lebih enam bulan dilaksanakan dan akhirnya pada guru dibebankan dengan kerja perkeranian dan mereka bukanlah jadi tenaga pengajar yang seharusnya memberi fokus kepada setiap guru. Saya nak bangkitkan bukan sahaja sistem PBS, ada juga sistem e-Prestasi bagi menilai prestasi guru yang pada awalnya akan dikuatkuasakan pelaksanaannya pada 2015 namun, dipercepatkan pada tahun ini.

Saya pinta ini akan menjadikan masalah kepada banyak guru. Hendak naik pangkatnya, hendak mendapatkan sedikit pengiktirafan kerana akhirnya tidak ada jalan pelaksanaan yang jelas dimaklumkan oleh pihak kementerian di mana para guru sendiri, para pengetua sendiri dibebankan lagi. Tidak cukup dengan PBS, untuk e-Prestasi dengan laporan-laporan yang harus disiapkan, kursus-kursus yang harus mereka hadiri sedangkan kalau saya sebagai produk sekolah kebangsaan dan anak saya juga yang akan saya daftar di sekolah kebangsaan, kita mahu para guru yang berkualiti mengajar anak-anak kita.

Kebanyakan guru Tuan Pengerusi tidak hadir kelas kerana dia sibuk kena hadir kursus di bawah kementerian. Jadi saya pinta sangat-sangat kerana isu pendidikan ini tidak ada perbezaan politik. Saya minta kalau program ini kementerian tidak boleh lengahkan lagi. Kalau benar tidak dapat diperbaiki, pohonlah carilah satu program, buatlah kaji selidik terlebih dahulu sebelum kita teruskan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tenom.

**2.44 ptg.**

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh maksud B.41, Butiran 100000 berkenaan dengan IPTA yang mana saya lihat pada peruntukan yang telah dianggarkan pada tahun hadapan sebanyak RM7.31 bilion berbanding pada tahun yang lalu sebanyak RM7.28 bilion. Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan butiran tersebut dengan mengutarakan beberapa isu yang berkaitan dengan hal ehwal mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan kita tahu di negara kita mempunyai lebih kurang 20 IPTA di seluruh

negara. Seperti diketahui, setiap universiti mempunyai pendapatan sendiri yang dijana menerusi pelbagai bentuk peruntukan, bayaran yuran, sewaan dan juga sebagainya. Peruntukan kerajaan lebih memfokuskan kepada pembangunan di universiti seperti pembinaan bangunan dan juga sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa isu yang perlu diambil perhatian oleh pihak kementerian iaitu yang pertama, berkenaan dengan perkhidmatan *WiFi* dengan perkhidmatan bas kitaran kampus dan juga hostel ataupun penginapan mahasiswa. Seperti yang kita sedia maklum, perkhidmatan *WiFi* atau jalur lebar adalah sangat penting bagi mahasiswa bukan sahaja dalam aspek pembelajaran, tugas sosial malahan juga dalam aspek pra pembelajaran seperti penyusunan jadual kelas kerana kebanyakan urusan dilakukan dalam bentuk *online*. Masalah paling utama dalam isu ini adalah berkenaan dengan capaian *internet* yang saya lihat terlalu perlahan dan kebanyakan pihak universiti mengenakan yuran penggunaan *internet* kepada mahasiswa. Ada setengah universiti yang mengenakan yuran yang agak tinggi tetapi capaian *internet* yang bermasalah dan terlalu perlahan tidak setimpal dengan bayaran yuran yang dikenakan.

Ini menjadi masalah bagi mahasiswa terutamanya bagi mencari maklumat yang berkaitan dengan tugas. Kapasiti penggunaan *internet* juga pada kadar yang minimum. Apabila terlalu ramai menggunakan *internet* pada masa yang sama, capaian menjadi sangat perlahan. Bayangkan ribuan mahasiswa cuba melayari laman yang sama pada masa yang sama, hasilnya hanya menyebabkan kata-kata negatif yang dilemparkan disebabkan kegagalan melayari akibat capaian yang perlahan. Justeru, kelajuan dan kapasiti penggunaan *internet* perlu ditingkatkan di sekitar kampus. Disebabkan itu juga, ada di kalangan mahasiswa juga mengambil inisiatif dengan melanggan data *internet broadband* menerusi penyediaan telekomunikasi tetapi ianya membebankan pula kepada mereka kerana terpaksa menanggung bayaran yang agak mahal.

Tidak semua pelajar mampu menggunakan tetapi apabila terpaksa berhadapan dengan masalah ini, mereka terpaksa mencari inisiatif lain bagi mengatasinya. Dalam masa yang sama juga Tuan Pengerusi, ada juga segelintir mahasiswa yang bersikap mementingkan diri sendiri. Sudahlah capaian *internet* perlahan, ada pula yang menggunakan *booster* bagi menarik talian *internet* menyebabkan semakin ramai tidak dapat menggunakan *internet* disebabkan tiada capaian. Mereka ini merupakan antara musuh dalam selimut yang perlu dikenal pasti dan perlu diambil tindakan disebabkan sikap mereka yang tidak beretika dan menyusahkan para mahasiswa yang lain. Kesannya akan timbul pula isu lain. Kami membayar yuran yang sama tetapi kami tidak dapat menikmati kemudahan pada tahap yang sama dan lebih baik.

Justeru itu Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya mewujudkan *free WiFi* kepada mahasiswa-mahasiswa ini dengan kapasiti dan juga kelajuan yang tinggi kepada semua mahasiswa IPTA di bawah pihak kementerian supaya ...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Berhenti dulu situ Yang Berhormat, ada perkara yang saya ingin umumkan.



**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Baik Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa bersama kita di Dewan yang mulia ini delegasi daripada *Commonwealth Parliamentary Association United Kingdom* dan anggota seramai enam orang yang diketuai oleh Yang Berhormat, Honorable Ian Liddell-Grainger. Kepada Yang Berhormat Ian Liddell serta delegasi, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran mereka ke Dewan yang mulia ini [*Tepuk*]

Sila, teruskan.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Tenom.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ya.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh?

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Sikit sahaja?

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh?

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Boleh, boleh. Jangan lama.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Tenom. Cuma bila saya mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Tenom tadi bercakap tentang soal infrastruktur ataupun teknikal tentang universiti.

#### ■1450

Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat Tenom. Adakah Yang Berhormat Tenom bersetuju bahawa sesuatu yang drastik perlu dilakukan untuk memastikan agar universiti-universiti awam ini paling tidak pun berada pada *ranking* yang terbaik di dunia. Misalnya kita lihat paling tidak pun Universiti Malaya. Kalau kita hendak melihat negara jiran macam *National University of Singapore* (NUS) sekarang ini berada pada *ranking* yang ke-24 dan *non polytechnic university* yang sekarang ini berada pada tangga yang ke-41.

Akan tetapi, Universiti Malaya misalnya tidak berada dalam *ranking* dalam 50 pula. Maksudnya, selain daripada perkara infrastruktur dan fizikal Yang Berhormat Tenom bangkitkan apakah suatu yang lebih penting perlu dilakukan oleh kementerian bagi memastikan paling tidak universiti-universiti yang kita tahu sekian lama ini berada dalam penarafan yang terbaik bagi memastikan kita tidak malu di mata dunia. Sekian, terima kasih.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ya saya bersetuju Yang Berhormat Bukit Katil. Selain pada untuk soal-soal pembangunan-pembangunan fizikal, pembangunan-pembangunan yang lain juga perlu untuk universiti-universiti kita yang ada di negara kita. Jadi, saya ingin sambung balik perbincangan saya Tuan Pengerusi. Saya kira hendak mencadangkan kepada pihak kementerian supaya mewujudkan *free WiFi* dengan kapasiti dan kelajuan yang tinggi kepada semua IPTA di bawah kementerian supaya mahasiswa tidak mengalami masalah di dalam capaian Internet bagi tujuan pembelajaran.

Sebagai timbal balik dan inisiatif lain, sekat laman web yang tidak perlu supaya mahasiswa dapat menumpukan perhatian dan pencarian maklumat sahaja. Ia mungkin akan menelan kos yang agak tinggi tetapi akan memberi kesan yang positif dalam jangka masa yang panjang.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh isu yang berkenaan dengan sedikit isu bas kitaran kampus ini. Di setiap universiti mempunyai bas kitaran kampus sendiri yang berfungsi memudahkan pergerakan mahasiswa untuk ke kampus dan juga kolej pengajian. Isu yang timbul Tuan Pengerusi daripada perkhidmatan bas kitaran kampus adalah jadual perjalanan bas yang tidak mengikut jadual dan kekerapan perjalanan bas.

Walaupun terdapat jadual bas disediakan tetapi tidak semua bas kitaran mengikut jadual tersebut sebaliknya pergerakan bas bergantung kepada kuantiti pelajar yang menaiki bas. Jika bas belum penuh maka tidak bergeraklah bas itu sehinggalah ia penuh walaupun sepatutnya ia sudah bergerak mengikut jadual yang tersedia.

Ini memberikan masalah kepada mahasiswa terutama yang tinggal jauh dari kolej pengajian dan bergantung sepenuhnya kepada perkhidmatan bas kitaran kampus. Terpaksa menunggu lama di dalam bas tetapi bas tidak akan bergerak sehingga penuh. Apabila lewat tiba ke kelas, dimarahi pula oleh pensyarah.

Justeru, diharap pihak kementerian dapat memantau setiap universiti supaya universiti dapat memastikan penyeliaan perkhidmatan bas, mematuhi jadual dan kekerapan bas serta menambah keperluan pengangkutan bas dengan berpandu aras kan kepada jumlah mahasiswa yang menggunakan perkhidmatan ini.

Sebagai cadangan Tuan Pengerusi, sebagai pihak universiti dengan pembantuan pihak kementerian dapat menyediakan bas mini bagi membantu penyediaan bas kitaran kampus daripada mengalami kerugian jika hanya membawa beberapa pelajar pada bukan waktu puncak. Manakala pada waktu puncak lebih banyak bas disediakan dan dengan lebih kekerapan perkhidmatan, kebiasaan kekurangan bas pada waktu puncak inilah yang menimbulkan rasa tidak puas hati kepada mahasiswa kerana terpaksa berasak-asak dan berebut-rebut untuk menaiki bas.

Namun begitu, masalah ini bukan hanya disediakan oleh jadual bas sebaliknya juga berpunca daripada sikap mahasiswa itu sendiri yang sepatutnya mempunyai kesedaran dan juga kepekaan tentang disiplin diri.

Isu yang terakhir Tuan Pengerusi saya ingin bangkitkan berkenaan dengan hostel atau pun kolej kediaman mahasiswa. Kebanyakan IPT menyediakan hostel bagi pelajar sama dalam kawasan kampus atau pun di luar kampus. Bagi perkhidmatan ini, yuran juga dikenakan kepada mahasiswa yang menyewa di hostel yang disediakan.

Isu yang timbul Tuan Pengerusi adalah apabila ada mahasiswa yang terpaksa menyewa di luar disebabkan hostel yang disediakan tidak mampu menampung kapasiti mahasiswa yang semakin meningkat saban tahun. Malah, ada kes di mana mahasiswa senior terpaksa ditendang keluar dari hostel disebabkan enrolmen pelajar baru yang terlalu ramai dan memberi keutamaan kepada mahasiswa baru. Ini menyebabkan mereka terpaksa mencari sewa rumah di luar kampus dan menyewa bersama dengan orang luar, bukan pelajar.

Sekali gus menyebabkan mereka terpaksa menanggung bebanan kewangan yang lebih tinggi kerana kebiasaannya kos sewa yang dibayar adalah sama dengan kos sewa oleh bukan pelajar. Lebih mahal daripada yuran hostel. Ditambah pula mereka tidak dapat menikmati kemudahan lain yang disediakan oleh universiti disebabkan tinggal jauh dari universiti. Ada juga mahasiswa yang terpaksa menyewa beramai-ramai dalam satu bilik atau rumah. Ini menimbulkan suasana yang tidak kondusif terutama apabila melibatkan pembelajaran mereka.

Jadi, saya mencadangkan supaya IPTA di bawah kawal selia dan pemantauan Kementerian mewujudkan dan juga memperluaskan rumah mampu sewa di sekitar kawasan universiti bagi memudahkan dan meringankan para pelajar yang mana saya nyatakan tadi. Pihak Kementerian juga perlu memberi tumpuan dan memastikan universiti tidak mengenakan yuran yang terlalu tinggi untuk membebaskan pelajar. Berapa sangat lah baki pinjaman PTPTN yang tinggal jika yuran serba serbi sudah cukup membebaskan pelajar.

Justeru, dalam peruntukan bajet yang diberikan kepada universiti saya harap pihak Kementerian dapat melaksanakan pemantauan yang berkesan kepada setiap IPTA supaya isu-isu yang timbul ini dapat diatasi atau dapat ditambah baik. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Parit Buntar.

## 2.56 ptg

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya memulakan bahas di peringkat jawatankuasa dengan merujuk kepada Butiran utama 040000 di bawah Pembangunan Profesionalisme yang menyentuh secara khusus 040200. Ini berkaitan dengan profesionalisme guru. *Now*, kita sedia maklum bahawa guru adalah merupakan '*epic center*' kepada pendidikan dalam negara ini. Kalau tidak ada guru yang cemerlang, tidak ada guru yang berfungsi, maka sudah tentulah sistem pendidikan itu akan jadi tersasar daripada objektif yang telah digariskan.

Saya ingin merujuk kepada Institut Pendidikan Guru (IPG) yakni di negara kita hampir 27 dan satu universiti yang khusus tentang pendidikan yang kita sedia maklum iaitu UPSI. Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya proses melahirkan guru ini pada awalnya perlu dilihat sebagai satu sumbangan yang besar kepada negara dan ia tidak boleh dilihat sebagai melahirkan robot-robot. Apabila yang kita lahirkan adalah robot, maka yang dia lahirkan juga adalah robot.

Di sinilah saya tengok antara beberapa pengistilahan yang perlu diberikan pembaik pulih ataupun baik tambah antara lainnya kita menggunakan istilah guru pelatih. *So*, itu sendiri satu konotasi yang agak meletakkan guru itu dalam satu tahap yang macam sekolah, macam di peringkat sekolah begitu. Sedangkan mereka sudah lalui dan mereka sedang melalui satu proses besar dan sudah tentu konotasi itu sendiri dan cara bagaimana kita menguruskan mereka di peringkat IPG ini juga perlu dipertingkatkan dan melayan mereka seperti mahasiswa, bukan seperti pelatih PLKN.

Lebih penting ialah bagaimanakah mereka hendak didedahkan dengan pendedahan intelek supaya mereka dapat menjalankan tugas bukan hanya sebagai guru tetapi memiliki satu daya intelektual yang tinggi dan juga mempunyai satu keupayaan untuk membetuli dasar-dasar pendidikan yang ada. Sepanjang saya duduk di dalam Dewan ini, selalunya kita melihat bahawa semua dasar-dasar itu dibuat *top-down*. Sedangkan mereka adalah *stakeholders* kerana merekalah yang akan menjayakan program-program dan dasar-dasar yang diperkenalkan.

Saya bagi contoh sahabat daripada Yang Berhormat Pantai dan mungkin ramai lagi akan berbicara tentang prestasi berasaskan sekolah pun juga lah satu masalah yang tidak melalui proses di mana akhirnya *bottom line* dia ialah guru sendiri yang akan jadi pelaksana dan dia tidak *involve*, dia tidak dilibatkan dalam proses tersebut.

#### ■1500

Maka akhirnya segala dasar yang dengan niat baik kerajaan itu hendak dibuat tetapi tidak mendapat satu *bottom up* punya proses. Di situ saya rasa guru-guru juga perlu terlibat dalam *advocacy* dasar-dasar pendidikan. Tidak hanya kerajaan tetapi guru perlu ada satu pandangan kerana dia yang *on the ground*. Dia yang melaksanakan. *The last thing* yang kita tidak mahu berlaku dengan izin, Tuan Pengerusi ialah datang Menteri baru, bawa keluar satu dasar baru. Datang Menteri baru bawa keluar satu dasar baru. Adakah dasar pendidikan itu satu *political campaign* untuk Menteri itu atau dasar pendidikan itu di tanggap secara serius dan perlu melihat *across* kepentingan diri atau pun politik kepada kepentingan nasional?

Jadi, saya melihat guru-guru perlu menjadi *advocator* yang akan menentukan dasar selain daripada kerajaan yang mempunyai kuasa untuk berbuat demikian. Perlu ada di sana satu saling hubung antara guru dan juga melahirkan proses guru dengan kerajaan supaya dasar yang hendak dibuat itu adalah dasar yang konsisten dan yang penting ialah mencapai matlamat pendidikan negara. Dulu ada pengajian bahasa Inggeris, timbul masalah. Kemudian hendak tukar balik, hendak buang itu. Sekarang ini timbul pula hendak lulus bahasa Inggeris dan sebagainya. *So*, perkara-perkara ini menimbulkan satu keresahan di kalangan *stakeholders* yang duduk di bawah, melaksanakan tugas-tugas.

Saya hendak ambil satu contoh apabila guru-guru ini tidak ada satu *independent* dalam melaksanakan tugasnya, akan berlaku di sana pihak orang-orang politik menggunakan guru-guru ini untuk kepentingan mereka. Tidak kira mana-mana pihaklah, baik pembangkang atau pun kerajaan. Saya hendak merakamkan di dalam Parlimen ini apa yang berlaku dan saya kira mungkin sahabat-sahabat lain juga mengalami masalah yang sama. Tolong catat Yang Berhormat Menteri ya. Ada premis-premis sekolah yang menjadikan tempat untuk diadakan mesyuarat parti politik. Ini amat memalukan. Sepanjang kita duduk di Dewan, Yang Berhormat Menteri selalu sebut sekolah itu bebas. Ia tidak ada kaitan politik. Ia hanya melaksanakan dasar dan ditegur beberapa kali. Akan tetapi apa yang berlaku baru-baru ini di Parit Buntar, pada 19 Oktober 2013, pukul 8.30 pagi berlangsung Mesyuarat Bahagian UMNO di premis sekolah. Ini bukan program PIBG dengan wakil rakyat atau pun penyelaras. Ini program parti politik. Apabila kita tanya, orang yang menjadi

penganjur itu menyatakan "*Kita tidak ada tempat hendak buat sebab ada pemilihan. Perlu dewan*". Jadi, saya rasa itu bukan alasan.

Saya hendak minta- tolong catat kementerian. Guru besar macam mana boleh beri ruang? Guru besar mana yang boleh beri ruang, satu mesyuarat bahagian dibuat dalam premis sekolah? Ini bukan *joke*. Ini sesuatu yang serius. Saya minta, macam mana guru besar itu boleh mengizinkan satu mesyuarat dibuat? Bukan setakat itu. Dibuat gambar besar tunjuk di Dataran Mahathir, Sekolah Menengah Sri Perak. Saya minta, kalaulah guru besar ini buat di atas tekanan maka Jabatan Pendidikan Daerah perlu tengok tekanan siapa yang dia buat ini? Arahan siapa yang dia buat ini? Ini kerana kalau guru itu betul-betul profesional, dia akan beri dasar kerajaan bahawa parti politik tidak boleh guna premis sekolah dan dia kena *stand firm* dengan keputusannya. Ini baru seorang guru besar yang profesional.

Akan tetapi kalau pengetua ada parti politik bahagian boleh tekan dia supaya buat majlis mesyuarat perhubungan atau mesyuarat bahagian, saya tidak tahu jenis guru besar apa ini. Ada kalanya kadang-kadang guru besar takut kepada tukang kebun, kerana apa? Tukang kebun ini, dia orang kuat UMNO. Bagi saya ini satu penghinaan kepada profesionalisme dan saya bercakap tidak kiralah parti politik mana. Kita sedang bincang dengan pembangunan apa? Saya hendak minta catat dan saya minta penjelasan bagaimana guru itu boleh beri ruang untuk satu mesyuarat bahagian UMNO.

Saya beralih kepada Butiran 020000 - Operasi Pendidikan, Butiran 020500 - Pendidikan Tinggi. Ini *point* saya yang terakhir Tuan Pengerusi iaitu tentang Laporan Bank Dunia 2007. Laporan Bank Dunia 2007 dalam satu *finding* nya, "*Malaysia and the Knowledge Economy: Building a World Class Higher Education System*" telah melaporkan bahawa berlaku di sana satu perkara iaitu masalah graduan melebihi kehendak pasaran. Laporan ini dibuat pada tahun 2007. Mungkin sekarang sudah ada perubahan. Saya minta penjelasan.

Akan tetapi apa yang saya hendak beritahu di sini adalah, pada masa kita berbicara tentang isu *unemployment* atau pengangguran, banyak faktor yang kita telah sebut di sini. Antaranya ialah soal yang menyumbang kepada itu ialah banjir pekerja berkemahiran tinggi dari luar yang datang dan begitu juga sektor-sektor tertentu industri lebih suka ambil pendaatang dari luar untuk bekerja kerana gaji yang lebih rendah. Itu saya tidak mahu sentuh. Saya mahu fokus kepada tanggungjawab pendidikan.

Walau pun secara menyeluruh pengangguran di negara kita tidaklah tinggi seperti yang dicatat 3.3%. Akan tetapi kita *zoom* atau fokus kepada golongan muda, orang yang keluar daripada universiti, maka di sana kita dapati ia agak tinggi berbanding dengan negara-negara lain di Asia iaitu 10.3% di kalangan para graduan yang tidak dapat kerja. Maksudnya dari sektor orang muda. Di Thailand hanya 2.8%, di Singapura 6.7%. Malaysia mencatatkan sektor orang muda yang keluar tidak ada kerja di antara 10.3%.

Satu lagi masalah yang memantulkan masalah pendidikan kita, *it is a reflection*. Kita bercakap tentang pengangguran. Apa masalahnya? *So*, isunya ialah kita tengok semua aspek dan salah satu aspeknya ialah sistem pendidikan kita di mana *under employment*. *Under employment*

ini maknanya tidak sesuai dengan kelayakan. Sijil dia tidak sesuai dengan kelayakan kerja dia, tinggi iaitu 15.1%. Ini sudah tentu timbul macam mana boleh jadi *mismatching* di dalam memenuhi kehendak pasaran dan ini ada kena mengena dengan sistem pendidikan. Ada pula yang tinggi lagi iaitu kelompok yang ada ijazah tetapi dia bekerja dalam sektor yang tidak perlu ijazah. Maknanya tidak ada kerjalah. Dia mengisi sektor yang tidak perlu ijazah dan bilangan mereka ialah 21%.

Kenapa saya bawa keluar statistik ini adalah kerana dia mesti ada masalah di situ tentang sistem pendidikan dan saya mengandaikan salah satu daripada faktornya puncanya ialah pertumbuhan IPTS yang tidak melihat kepada keperluan pasaran tetapi hanya melihat kepada orientasi keuntungan semata-mata. Saya ada fakta untuk menyebut sedemikian. Sebanyak 478 IPTS yang ada di negara kita, 37 universiti swasta, 20 kolej universiti, tujuh cawangan dari luar negara yang buka cawangan di Malaysia dan bertaraf kolej swasta sebanyak 414. Apa masalahnya kementerian? Saya rasa pegawai-pegawai pun ada di belakang sana, boleh catat. Saya melihat dari sudut pertumbuhan yang tidak normal ini dari sudut *[Disampuk]* Siapa itu? Saya sedang berucap, kalau hendak sila bangun. Tidak ada? Okey, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Sahabat saya, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Sabarlah, nanti dia orang boleh bercakap.

Okey, pertama ialah staf akademik di IPTS kerana ia berkembang secara tidak normal. Maka dia tidak boleh mengisi perkembangan itu, berlaku staf akademik yang ajar di dalam IPTS. Kita tengok 50% hanya memiliki sarjana muda sahaja.

#### ■1510

Seramai 50% yang mengajar di IPTS ini ialah daripada mereka yang memiliki Sarjana Muda. Adapun nisbah pelajar dari sudut seorang pelajar dengan pensyarah yang ada PhD ialah kadar dia adalah 221 pelajar nisbah dengan seorang PhD. So, ini satu yang agak ganjil kerana kita bercakap tentang kualiti dan juga matlamat IPTS itu sendiri. Adapun nisbah pelajar dengan fakulti ialah 21 pelajar kepada satu fakulti yang mana ia jauh dari standard *world class* di mana Oxford iaitu 5:1 dan Harvard 7:1.

Jadi soalan saya ataupun pandangan saya melihat dalam soal IPTS ini, sejauh manakah kementerian memastikan kadar perkembangan tidak normal IPTS ini dikembalikan kepada treknya yang asal, jalurnya yang asal di mana dalam laporan ini ada menyebut bahawa 40 IPTS telah diambil tindakan.

Saya hendak tahu nama-nama IPTS itu kerana saya kuarir ada di kalangan ibu bapa yang hantar anak-anak ke IPTS ini kerana tidak ada ruang di IPTA lalu mereka keluar tidak ada kerja. Oleh kerana IPTS ini hanya mementingkan kursus tetapi tidak pentingkan kebolehpayaan melahirkan orang yang memenuhi kehendak pasaran. Kalau kita tidak kawal yang ini, saya kuarir, ia akan melibatkan ibu bapa yang tidak ada pilihan, menghantar anak-anak, terpaksa bayar PTPTN, balik yang untung IPTS kerana mereka tidak bertanggungjawab atas pasaran kerja di luar tanggungjawab mereka, mereka akan dapat habuan dari PTPTN itu dan yang akan membayar kos itu ialah anak-anak kita. Itu...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mencilah, boleh?

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Boleh, silakan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih rakan saya Yang Berhormat Parit Buntar. Saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat Parit Buntar setuju dengan saya, bukan sahaja IPTS, malahan ada juga IPTA yang menawarkan kursus-kursus yang akhirnya didapati kursus itu tidak diiktiraf oleh badan-badan profesional. Sebagai contoh USIM menawarkan kuliah undang-undang tetapi saya difahamkan sehingga kini, pelajar-pelajar yang mengikuti jurusan undang-undang di USIM ini tidak boleh diterima sebagai peguam kerana tidak diiktiraf oleh Majlis Peguam, itu yang pertama.

Begitu juga Universiti Malaysia Kelantan kalau tidak silap saya, ada juga kursus-kursus yang ditawarkan yang tidak diiktiraf juga. Jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Parit Buntar. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih. Saya masukkan itu sebagai sebahagian daripada ucapan saya dan akhirnya saya ingin minta penjelasan. Pada tahun 2011 Yang Amat Berhormat Pekan selaku Perdana Menteri telah mengumumkan SL1M iaitu Sistem Latihan 1Malaysia, yang memakan belanja RM500 juta. Kenyataan bahawa wujudnya SL1M itu sendiri adalah sebagai satu refleksi kepada kegagalan IPT dan IPTS kita kerana terpaksa *retrain* balik. Saya tahu RM500 juta yang dibelanjakan itu, sejauh manakah berjayanya kita melokasikan semula graduan-graduan dalam pasaran kita. Kalau tidak RM500 juta itu, ia akan untung hanyalah pihak yang mengendalikan kursus-kursus dan latihan sahaja, tetapi akhirnya ia tidak kembali kepada kepentingan rakyat.

Tuan Pengerusi, sekian dahulu saya harap kementerian dapat ambil catatan. Terima Kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kinabatangan.

### 3.14 ptg.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima Kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan beberapa isu iaitu satu berhubung dengan pengukuhan operasi pendidikan, pendidikan dan pembangunan dan juga institusi pengajian tinggi awam. Saya ingin bertanya kepada kementerian, sebab pelaksanaan sistem PBS telah mendatangkan banyak masalah kepada guru-guru khususnya dan juga pelajar-pelajar. Di mana PBS ini diselaraskan oleh kementerian, konon-kononnya untuk memperkukuhkan sistem pendidikan yang sedia ada tetapi di sebaliknya pelaksanaan sistem PBS ini ataupun Pentafsiran Berasaskan Sekolah ini.

Saya melihat bahawa saya menerima lebih kurang 35 aduan daripada guru-guru di seluruh negara berhubung dengan masalah-masalah yang mereka hadapi. Iaitu banyak implikasi yang perlu dilalui. Implikasi pertama iaitu di mana mula diperkenalkan pada tahun 2011 untuk murid Darjah 1 dan tahun 2012 untuk murid Tingkatan 1. Berasaskan PIPP atau Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 dan 2009, tujuan konon PBS ini ialah untuk melahirkan modal

insan yang holistik. Saya tidak nampak sejauh mana holistik dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan diinspirasikan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kategori akademik iaitu pentafsiran sekolah (PS) dan pentafsiran pusat. Kategori bukan akademik terdiri daripada pentaksiran eskometrik, pentafsiran aktiviti jasmani, sukan dan kurikulum. Saya melihat bahawa implikasinya Tuan Pengerusi, iaitu masalah capaian *internet* sangat lemah khususnya di pedalaman. Ini tidak di fikir oleh mereka-mereka yang ingin melaksanakan sistem ini. Akhirnya murid-murid di luar bandar itu akan ketinggalan dan guru-guru akan berhadapan dengan masalah. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengambil perhatian yang jelas sebab ramai yang ingin penjelasan sebenarnya.

Kedua, penyediaan *evidence* instrumen pentafsiran, masalah penyediaan bahan bukti atau *instrument* bagi ujian PBS itu sendiri. Bayangkan jika satu subjek ada 30 tajuk.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat, hendak tanya tadi fasal PBS itu tadi. Terima Kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik tadi dengan apa Yang Berhormat Kinabatangan ada mengatakan mengenai bebanan guru, kekangan wifi ataupun *internet*. Yang Berhormat setuju tidak dengan saya, sebab apabila dia tidak boleh hendak *key in* waktu siang hari dia mengambil masa. *Sometimes* dia mengambil masa itu waktu malam, sampai pukul dua pagi untuk dia *key in*, dengan izin, menyiapkan data tersebut. Selepas itu setengah jalan apabila dia *key in* kadang-kadang dia tertutup dia kena *key in* semula. Jadi sedikit sebanyak ini boleh merenggangkan hubungan antara suami dan isteri.

[Ketawa]

Betul, itu kekeluargaan. Jadinya itu emosi seorang guru juga akan terganggu disebabkan perkara ini. Bagaimana pendapat Yang Berhormat?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itulah Yang Berhormat Parit Sulong saya berdiri membahar akta ini sebab banyak yang diganggu emosi Tuan Pengerusi. Emosi kekeluargaan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Kinabatangan, boleh bagi sedikit. Terima Kasih Tuan Pengerusi, Terima Kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Parit Sulong tadi saya pun kongsilah. Kadang-kadang proses *key in*, suami isteri pun terjejas juga [Ketawa] Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatangan, tadi Yang Berhormat sebut masalah yang dihadapi untuk melaksanakan PBS ini. Antaranya ialah prasarana yang tidak sepadan dengan program yang dilaksanakan. Setuju dengan saya bahawa boleh jadi yang berlaku begini kerana pembekal ataupun *supplier* kepada *instrument* ini ataupun program-program *internet* yang dibekalkan kepada Kementerian Pendidikan ini mungkin dibekalkan oleh mereka yang tidak berkepakaran tinggi. Syarikat yang bagi servis atau *supply* itu, mereka ini tidak mempunyai kemampuan sama ada bentuk programnya ataupun *instrument* yang diberikan. Setuju atau tidak? Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak boleh mengatakan tidak setuju kemungkinan dia memang ada.



Sebab yang merencanakan program ini yang saya tahu sudah bersara. Jadi, apabila ditanya kenapa program begini, dia kata saya tidak tahu. Oleh sebab yang mula-mula melaksanakan, menyelaras program ini sudah bersara dia kata. Itu masalah. Sudah bersara. Jadi, yang lain tidak tahu dan tidak mahu bertanggungjawab. Jadi, selain daripada gangguan-gangguan emosi tersebut, memang guru-guru terjejas Tuan Pengerusi. Bayangkan jika satu subjek ada 30 tajuk, bermakna setiap satu tajuk mesti ada 6 *evidence* dan untuk 6 *band*, bermakna 36 helai kertas diguna untuk ke semua 6 *band* bagi setiap tajuk.

30 bermakna 1,080 keping helai kertas diperlukan bagi setiap pelajar. Jika di dalam sebuah kelas ada 40 pelajar, bermakna setiap kelas memerlukan 43,200 helai kertas diperlukan. Jika ada dua atau tiga kelas setiap tingkatan, maka 43,200 kali dua, kali tiga Tuan Pengerusi. Saya punya kalkulator sudah bingung Tuan Pengerusi. Jadi, fikirkanlah Yang Berhormat, berapa kos kertas yang perlu diguna pakai dengan pelaksanaan sistem baru ini. Antara *band* nya, saya tengok- saya pun sebetulnya malas mahu tegur kementerian ini sebab kalau saya tegur ada yang kecil hati.

Akan tetapi untuk kepentingan rakyat, saya kena tegur jugalah. Kita ini bukan macam pembangkang, bukan semualah. Macam Yang Berhormat Kota Baharu, dia okey. Akan tetapi macam Yang Berhormat Sepang, dia tidak okey [*Ketawa*]

la punya *band* 6 Tuan Pengerusi, iaitu:

- Tahap 6 - tahu, faham dan boleh buat dengan beradab mithali;
- Tahap 5 - tahu, faham dan boleh buat dengan beradab terpuji;
- Tahap 4 - tahu, faham dan boleh buat dengan beradab;
- Tahap 3 - tahu, faham dan boleh buat;
- Tahap 2 - tahu dan faham; dan
- Tahap 1 - tahu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang tidak faham-faham ada tidak?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang tidak faham-faham macam mana Tuan Pengerusi? Akhirnya, tercicirlah dia. Jadi, masalahnya yang timbul, memang betul kata rakan-rakan saya tadi. Guru-guru kena berhadapan dengan komputer lebih kurang 6 jam untuk menyiapkan kerja. Esok, dia tidur jam 4 pagi kena bangun jam 6 pagi, kena pergi kelas, dalam kelas dia punya *mood* sudah berbeza. Pertama, tidak cukup tidur. Kedua, *key in* suami isteri sudah berenggang. Macam mana hendak ada tumpuan dengan pelajar.

Jadi, ini masalah. Akhirnya, dia akan kategorikan murid semua di Tahap 3 dan dia kena buat laporan pula. Setiap satu murid dia akan nilai laporan demi laporan. Jadi, saya tidak nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri, sistem PBS ini baik untuk keperluan negara kita. Pertama, prasarana seperti Yang Berhormat Kota Baharu bangkit tadi.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Boleh Yang Berhormat Batu Pahat mencelah? [*Disampuk*] Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Kinabatangan. Saya berapa bulan dalam Parlimen ini, ini kali pertama saya kena iktiraf Yang Berhormat Kinabatangan buat kerja

cukup bercermat. *Thorough research on PBS*. Jadi, kita ucap tahniah kepada beliau. Saya hendak tambah Tuan Pengerusi. Saya tidak hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Bukan sahaja yang disebutkan tadi masalah PBS, masalah *storage of information*. Bila maklumat-maklumat tentang murid-murid tadi disimpan, akhirnya tidak cukup tempat hendak disimpan.

Kemudian, apabila maklumat mahu diminta daripada Kementerian, dari Pusat, yang sudah dihantar tadi, sampai pukul 3, pukul 4 pagi hantar maklumat. Bila hendak maklumat, kementerian minta pula dari sekolah lagi. Jadi, kalau kita lihat, hampir seluruh perbincangan menyebutkan tentang PBS ini ia tidak mempunyai persiapan yang lengkap untuk melaksanakannya. Kaedah mengajar masih serupa, penaksirannya berbeza. Jadi, saya jadi cikgu sejak tahun 1967 sampai tahun 1997. Bagaimana kalau Yang Berhormat Kinabatangan, kalau kami mencadangkan nanti dia kata pembangkang mencadangkan. Biar Yang Berhormat Kinabatangan menanggungkan program ini supaya tidak akhirnya jadi cacamarba pendidikan kita.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebetulnya saya akan sampai ke situ. Oleh sebab itu saya melihat pertama, di luar bandar tidak ada cukup prasarana untuk *internet*. Kemudian, guru-guru ini pula bertanggungjawab dengan penyelia dia. Kalau tidak ada laporan, dimarah. Macam mana mahu lapor? Komputer *stuck*, tidak boleh *key in*. Jadi, saya dengan ikhlaslah mencadangkan pelaksanaan ini kalau boleh tangguhkanlah dulu. Oleh sebab kita belum lagi menuju [*Tepuk*] Sampai ke tahap yang begitu. Lain-lain negara pun sebetulnya tidak ada sistem yang sebegini.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Kinabatangan laluan sikit.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Kinabatangan tahu. Bagus Yang Berhormat Kinabatangan! Hebat punya orang.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tuan Pengerusi, kalau dibahaskan tadi tentang isu sekolah kerajaan bermasalah dari sudut untuk masukkan data dalam PBS. Bagaimana pula sekolah agama rakyat yang lagilah bermasalah dari sudut capaian *internetnya* untuk mengisi maklumat tersebut. Ini yang saya terima banyak aduan juga. Ini kerana sekolah agama rakyat ataupun sekolah persendirian yang memang mempunyai masalah besar dalam proses seumpama ini. Maka, saya sangat bersetuju sekiranya Yang Berhormat Kinabatangan bangkitkan atau buat cadangan ditangguhkan PBS ini. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, memang Yang Berhormat Kuala Nerus, memang sebetulnya saya ikhlas mencadangkan kepada kementerian. Rakan-rakan saya pun di Barisan Nasional pun menyuarakan yang sama Tuan Pengerusi, supaya program ini dapat dinilai. Oleh sebab tidak ada manfaat dia. Tujuan kita untuk melahirkan modal insan yang memahami akan erti hidup dan kehidupan. Bukan modal insan yang dibebankan dengan perkara-perkara yang baru yang tidak ada manfaat langsung. Saya cukup hairan kenapa kementerian boleh menerima sistem yang sebegini tanpa duduk, menilai dan meneliti.

Kita sebagai orang yang diberi amanah, seharusnya meneliti dulu Tuan Pengerusi. Mana perkara yang boleh, mana yang tidak boleh. Ini bukan soal politik sebetulnya, ini soal kepentingan orang ramai, kepentingan anak-anak kita. Anak bangsa kita iaitu sistem yang ada ini betul-betul banyak mendatangkan masalah. Terlalu banyak masa dihabiskan untuk PBS sehinggakan proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) terus yang lain. Masalah pengurusan fail, *evidence* terlalu banyak dan masalah penyimpanan fail, masalah mencetak instrumen, banyak mesin cetak rosak. Kena marah lagi, kenapa tidak dicetak? Apa macam mahu dicetak? Jem sikit, mati.

Ini tidak difikir. Jadi, semua ini masalah. Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, bawalah balik kepada kementerian. Kita semua wakil rakyat bersetuju perkara ini ditangguhkan [*Tepuk*] Oleh sebab tidak ada manfaat dia langsung. Tidak ada kebaikan untuk pelajar-pelajar kita terutama sekali di luar bandar, termasuk sekolah agama rakyat dan sebagainya. Apa sahaja bentuk sekolah sebab sekolah itu sebetulnya adalah untuk menimba ilmu, untuk mempertingkatkan penguasaan pemikiran. Kalau di Eropah, di Amerika, dia berbeza. Dia lebih mementingkan kepada penguasaan teknologi tetapi di negara kita belum sampai ke tahap itu.

Tahap kita masih *based on exam oriented*. Masih peperiksaan. Siapa gagal peperiksaan, alamat hidup dia meranalah. Kecuali orang-orang yang terpilih sahaja Tuan Pengerusi. Jadi, macam saya. Jadi [*Ketawa*] ..

Tuan Pengerusi, saya menyentuh sikit institusi pengajian tinggi awam. Saya hairan, kadang-kadang murid-murid lepasan SPM ini memohon untuk memasuki universiti. Dia memilih, contohnya bahagian kursus lain. Akan tetapi dibagi lain.

#### ■1530

Inilah yang melambakkan pengangguran dalam negara kita. Dia boleh lulus tetapi tidak berkualiti. Dia tidak berpasaran dan tidak laku-laku macam lagu "*Cari Jodoh*". Dia tidak laku-laku langsung. Saya pun hairan kenapa dia tidak laku-laku.

**Seorang Ahli:** Memilih itu...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [*Ketawa*] Yang Berhormat Ipoh Barat, relaks dahulu. Jadi oleh kerana itu, apa cara kita untuk menyelesaikan masalah ini, kenapa tidak dikaji? Apa yang dia pohon, itulah yang dia minat. Lahir daripada jiwa dan hati dia. Akan tetapi kita beri tempat lain.

**Seorang Ahli:** Minat tidak ada.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minat tidak ada, kita beri jurusan guaman. Akhirnya dia gagal jadi peguam. Tidak ada yang jadi peguam dari Chow Kit pula yang tidak...

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Seorang Ahli:** Sokong pembangkang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, sokong pembangkang. Inilah masalah [*Ketawa*] Akan tetapi kalau Yang Berhormat Kota Baharu Tuan Pengerusi saya akui, dia memang *first class*. Dia ada standard. Dia tidak sembarangan pukul. Kalau dia pukul pasti kena punya. Itu saya suka dia Tuan Pengerusi. Walaupun dia di sebelah tetapi saya suka cara begitu.

Biar *gentlemen*. Macam *Gangnam style*. Bukan macam Yang Berhormat Sepang. Dia rambang sahaja.

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia nampak ikan dia rambat Tuan Pengerusi. Itu jadi masalah. Itu yang tidak jadilah. Oleh sebab itu, manusia ini sebetulnya Tuan Pengerusi, diukur dari sejauh mana keberkesanan dia dan keterampilan dia. Bukan dari segi macam mana mendorong dia untuk menjadi seseorang.

Jadi demikian juga dengan sistem pendidikan kita ini. Kalau kita longgok pelajar-pelajar kita dengan sistem yang tidak tentu arah, akhirnya mungkin negara kita ini akan menuju jalan kehancuran sebab saya ingat pepatah Hamka. Dia kata, "*Pembentukan sesebuah negara maju itu bergantung kepada bagaimana kita melahirkan generasi anak bangsa kita*".

Akan tetapi kalau kita lahirkan anak bangsa yang tidak berjenama, yang tahu perkara-perkara yang begitu sahaja, rasa saya kita menuju zaman kemunduran dan kita akan menyesal di atas tindakan yang kita buat nanti. Sebelum terlajak perahu Tuan Pengerusi, boleh diundur, terlajak perbuatan pedas rasanya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sekejap, saya tengok *list* dahulu Yang Berhormat. Saya terpaksa panggil daripada DAP.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ipoh Barat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bukit Bendera, sila.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020100.

**Tuan Pengerusi:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, sebagai makluman, biasanya saya diserahkan *list* daripada ketua-ketua *Whip* dari parti masing-masing kerana ini persetujuan daripada mula supaya menyenangkan kita tahu siapa berucap, sebelum, selepas dan sedemikianya. Sila.

### 3.33 ptg

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Ya, baik. Butiran 020100 - Pendidikan Awal, Butiran 020200 - Pendidikan Rendah, Butiran 05000 - Pengukuhan Operasi Pendidikan, Butiran 130200 - Memartabatkan Bahasa Melayu, Memperkukuhkan Bahasa Inggeris dan Butiran 10000 - IPTA dan Butiran 131700 - Bantuan Makanan Asrama.

Tuan Pengerusi, perkara ketiga dalam mukadimah strategi Kementerian Pendidikan dalam anggaran perbelanjaan Persekutuan 2014 dengan jelas menyatakan objektif untuk memastikan rakyat mendapat peluang yang adil dan saksama tanpa mengira lokasi, kaum, kelompok kurang upaya, Orang Asli dan suku minoriti yang lain. Jadi sehubungan dengan itu saya ingin menarik perhatian kepada sebuah janji yang tidak ditepati oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Semasa pembentangan Bajet 2013 setahun yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mencadangkan penubuhan projek perintis Taska OKU bagi enam kategori kanak-kanak OKU yang merangkumi *down syndrome*, *atheism*, penglihatan, pekak dan bisu, fizikal dan

juga masalah pembelajaran. Jadi saya ingin bertanya di manakah Taska OKU yang dijanjikan ini? Adakah ia sudah dilaksanakan dan jika tidak adakah kerajaan serius dalam objektif untuk memastikan semua rakyat Malaysia mendapat peluang yang adil dan saksama dalam pendidikan.

Ini kerana negara kita sangat terkebelakang dari segi pendidikan khas di mana tiada sekolah-sekolah kerajaan yang khusus yang dapat membezakan antara jenis-jenis OKU yang berlainan. Justeru itu, memberi bimbingan kepada anak-anak dengan cara yang sepatutnya. Jadi saya harap pihak kementerian dapat memberi perhatian yang sewajarnya dalam perkara ini.

Lanjutan kepada persoalan keterangkuman pendidikan ini juga, saya mendapat maklumat bahawa terdapat kurang lebih 20 penempatan Orang Asli yang tidak mempunyai sekolah. Maka saya menuntut penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung kenyataan ini kerana seandainya kenyataan ini benar, maka tidakkah ia bertentangan dengan seksyen 29A(2), Akta Pendidikan 1996 yang mewajibkan pendidikan rendah kepada semua murid.

Jika sekiranya prasarana asas tidak disediakan kepada anak-anak Orang Asli di 20 penempatan ini, siapakah yang bertanggungjawab? Adakah Kementerian Pendidikan boleh didakwa melalui akta ini kerana kanak-kanak tersebut tidak dapat bersekolah?

Tuan Pengerusi, semakan melalui statistik pendidikan Malaysia 2011 mendapati bahawa sehingga 30 Jun tahun tersebut, enrolmen pelajar sekolah rendah di negara ini mencapai 96%. Ini merupakan angka enrolmen yang baik dan setanding dengan negara-negara maju. Namun begitu, 4% kanak-kanak yang tidak bersekolah ini tidak harus diabaikan. Begitu juga di peringkat sekolah menengah di mana masih terdapat 14% remaja yang tidak mengikuti sistem pendidikan formal.

Maka saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan demografi anak-anak yang tercicir daripada pendidikan formal, dari segi latar belakang sosial ekonomi, geografi, kaum dan juga gender. Adakah kementerian telah menjalankan kajian terhadap anak-anak yang tercicir ini? Apakah langkah yang akan diambil untuk membantu mereka?

Pada masa yang sama kerajaan melalui GTP ataupun Program Transformasi Kerajaan Pendidikan 2010 telah mengumumkan pelaksanaan penarafan pra sekolah menggunakan standard kualiti pra sekolah kebangsaan bermula tahun ini terhadap 100% pra sekolah kerajaan dan 50% pra sekolah swasta. Maka sebelum kita memutuskan sama ada rang undang-undang yang berada di hadapan kita ini layak diluluskan adalah wajib kita pertimbangkan dahulu keputusan laporan penarafan memandangkan wujud kebimbangan besar masyarakat terhadap kualiti pendidikan dan tahap keselamatan setiap taska di negara ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang RM14 bilion yang diperuntukkan untuk pendidikan rendah iaitu satu perbelanjaan mengurus yang sangat besar. Akan tetapi sekiranya perbelanjaan itu dapat menjanakan hasil yang baik, maka ia harus digalakkan.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah saya pertegasan dalam ucapan Peringkat Dasar tempoh hari, Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia sendiri telah membuktikan bahawa perbelanjaan besar oleh kerajaan ataupun Kementerian Pendidikan tidak setimpal dengan hasil yang didapati. Dalam erti kata lain perbelanjaan Kementerian Pendidikan adalah tidak cekap

dan gagal diterjemahkan dalam bentuk kecemerlangan pelajar. Kenyataan ini disokong dengan keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) baru-baru ini yang dikeluarkan.

Walaupun diuar-uarkan kononnya keputusan yang terbaik dalam empat tahun tetapi apabila kita meneliti keputusan tersebut, kita dapati bahawa kertas Bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar ataupun murid sekolah kebangsaan telah menurun ataupun merosot di mana hanya 74% calon sekolah kebangsaan berjaya mencapai sekurang-kurangnya 'C' berbanding dengan 77% pada tahun lepas. Pada masa yang sama gred purata mata pelajaran untuk Bahasa Inggeris juga merosot.

Jadi saya rasa, kementerian ini Tuan Pengerusi sangat mengejutkan memandangkan kerajaan telah membelanjakan RM270 juta untuk mengupah syarikat-syarikat perunding untuk membawa mentor penuntut jati Bahasa Inggeris dari luar negara untuk membimbing guru-guru bahasa Inggeris di sekolah rendah kita. Program ini telah berlangsung dari tahun 2011 sehingga tahun ini. Sepatutnya 7,500 guru sekolah rendah telah dilatih.

Justeru, selepas tiga tahun pelaksanaan dan perbelanjaan RM270 juta bagaimanakah mungkin penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan murid-murid sekolah rendah di sekolah kebangsaan boleh merosot? Bukankah ini satu pembaziran Tuan Pengerusi? Tambahan kepada isu ini, RM270 juta telah diagihkan kepada tiga syarikat perunding iaitu *British Council*, *Brighton Education Group* dan juga *SMRHR Group*.

#### ■1540

Namun, sementara *British Council* dan *Brighton Education Group* ini memang syarikat yang terkenal dalam bidang pendidikan, saya ingin bertanya tentang syarikat perunding yang ketiga **SMR HR Group**. Apakah kelayakan syarikat tersebut sehingga boleh dibayar RM90 juta bagi program mentor? Ini kerana apabila saya meneliti laman web rasmi **SMR HR Group** ini, saya mendapati bahawa mereka merupakan agensi yang menyediakan khidmat nasihat dalam bidang sumber manusia. Jadi, sumber manusia dengan pendidikan adalah dua bidang yang sangat berlainan dan sebelum projek mentor bahasa Inggeris ini, adakah syarikat ini pernah mempunyai pengalaman dalam bidang pendidikan?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *[Bangun]*

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Jika tidak, apakah asas mereka dianugerahkan kontrak yang begitu lumayan? Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Bukit Bendera, saya menuntut semasa bapa kepada Yang Berhormat Bukit Bendera menjadi Menteri Pelajaran. Semasa itu dua sistem. Pak Khir Johari ketika itu Menteri Pelajaran dan dia memperkenalkan... *[Disampuk]* Bapa dia betul, bapa dia Khir Johari.

Jadi, dia memperkenalkan dua sistem iaitu sistem yang mana pelajar-pelajar boleh menuntut untuk mengambil jurusan bahasa Melayu ataupun jurusan bahasa Inggeris, medium. Akibat daripada itu, kita lihat ada kebangkitan kemampuan untuk anak-anak Melayu khususnya yang boleh menguasai bahasa Inggeris dengan baik sementara juga menguasai bahasa Melayu dengan baik. Akan tetapi akhirnya sistem itu tidak diadakan dan sekarang ini kita melihat masalah

itu terjadi akibat kita menghapuskan sistem bahasa Inggeris ataupun medium bahasa Inggeris itu. Sekarang ini kita membelanjakan pula duit untuk menyelesaikan masalah itu.

Adakah Yang Berhormat Bukit Bendera merasakan harus kita menghidupkan balik dua sistem ini agar rakyat mempunyai pilihan? Ini kerana di negara-negara luar sana seperti China, Brazil, berlumba-lumba untuk mempelajari bahasa tambahan, bahasa Inggeris, Mandarin dan bahasa-bahasa lain, sedangkan kita lihat bahawa kita tidak berkemampuan untuk mempunyai bahasa tambahan. Apakah pandangan Yang Berhormat Bukit Bendera tentang hal ini?

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani, rakan saya. Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Sungai Petani. Mungkin harus dipertimbangkan semula sekolah-sekolah aliran Inggeris. Pada masa yang sama, bukan sahaja penguasaan bahasa Inggeris sangat cemerlang dalam zaman arwah ayahanda saya tetapi juga semasa itu tidak ada AUKU dan universiti-universiti mempunyai autonomi yang mana pelajar-pelajar dapat ruang dan peluang yang setimpalnya dan secukupnya untuk menimba ilmu.

Jadi Tuan Pengerusi, saya ingin meneruskan dengan meminta kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan sama ada guru-guru sekolah-berkenaan dengan isu *virtual learning environment* (VLE), pelantar pembelajaran maya yang bakal dilaksanakan melalui projek 1BestariNet. Hal ini sangat penting kerana program ini mempunyai persamaan dengan Dasar PPSMI yang telah gagal dahulu. Ini kerana kedua-dua PPSMI dan VLE ini bergantung sangat kepada kemahiran guru sama ada guru ini dapat mengajar dan memahami sistem terdahulu sebelum mengajar kepada murid dan juga penggunaan teknologi.

Jadi oleh itu, saya ingin bertanya sama ada kajian rintis ataupun *pilot study* telah dilakukan sebelum pelaksanaan VLE yang bakal menelan belanja yang sangat besar ini? Saya khuatir, pengenalan projek tanpa kajian menyeluruh, bukan sahaja akan membazirkan wang rakyat tetapi memperjudikan masa depan anak bangsa sehingga menjadikan murid-murid kita sebagai tikus makmal.

Berbalik kepada soal perunding yang dibayar RM270 juta untuk program mentor bahasa Inggeris. Saya juga ingin ulas lanjut daripada Yang Berhormat Menteri sama ada program ini akan dilanjutkan atau tidak? Ini kerana mengikut jawapan Menteri, program ini akan berlangsung selama tiga tahun bermula dari tahun 2011 dan kini sudah tahun ketiga. Jadi saya minta penjelasan sama ada program ini akan dilanjutkan dan sekiranya tidak, saya ingin bertanya kerana dalam perincian perbelanjaan, butiran ini terdapat RM208 juta yang diperuntukkan di bawah program MBMMBI bagi tahun 2014. Jadi saya minta kalau boleh diperincikan perbelanjaan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Salah satu sasaran utama Jabatan Pengajian Tinggi adalah untuk memastikan sekurang-kurangnya 75% pensyarah IPTA mempunyai kelayakan ijazah PhD ataupun Doktor Falsafah atau setaraf dengannya. Namun begitu, semakan dengan Indikator Pengajian Tinggi 2009-2010 menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, kurang 30% pensyarah IPTA mempunyai PhD. Malah di universiti bertaraf penyelidikan atau *research university*, jumlah ini hanyalah 40% pada

tahun 2010. Justeru, apakah status terkini program MyBrain15 serta bilangan pensyarah dengan Ijazah Doktor Falsafah semasa di universiti yang terlibat? Jadi, saya harap penjelasan dapat diberi. Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Pandan ingin mencelah. Setujukah Yang Berhormat Bukit Bendera dan juga Menteri selepas ini bahawa soal untuk mewujudkan tenaga pengajar yang berkualiti di universiti ini bukan sahaja soal kelayakan tetapi juga soal kebajikan mereka perlu dijaga? Oleh itu, saya mohon supaya Menteri semasa menggulung dapat memberikan reaksi mengapakah melalui Pekeliling Am Bil. 116 yang dikeluarkan kepada tutor-tutor kita di universiti-universiti awam, mereka nampaknya tidak dibenarkan cuti bersalin? Mereka dapat kenaikan gaji tetapi tidak mendapat kemudahan untuk cuti bersalin.

Jadi, mohon supaya perkara ini dikaji semula oleh Kementerian Pendidikan supaya tutor-tutor ini yang merupakan tenaga pengajar utama kita di universiti-universiti, sebelum mereka mengambil PhD dan lain-lain, turut diberikan kemudahan cuti bersalin yang sama seperti pensyarah-pensyarah yang lain. Apakah pandangan Yang Berhormat Bukit Bendera? Terima kasih.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Ya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pandan. Harap dimasukkan ke dalam ucapan saya.

Berkenaan dengan isu IPTA ini, saya juga ingin merujuk kepada jawapan Yang Berhormat Menteri semasa peringkat Dasar yang telah menyatakan bahawa ranking bukan segala-galanya untuk menjawab kritikan ranking universiti-universiti negara kita yang semakin merosot khususnya ranking Universiti Sains Malaysia (USM), satu-satunya universiti APEX di negara kita. Ya, saya akur bahawa ranking itu bukan segala-galanya. Akan tetapi saya ingin tahu, jika bukan ranking, apakah *indicator* lain yang digunakan untuk mengukur prestasi IPTA khasnya bagi universiti APEX USM yang mana kalau mengikut ranking QS dan *Times University*, semakin merosot sejak diberi taraf universiti APEX?

Tuan Pengerusi, saya merujuk pula kepada Bantuan Makanan Asrama yang mana RM1.095 bilion bakal dibelanjakan untuk Bantuan Makanan Asrama. Saya harap Yang Berhormat Menteri juga dapat memberikan perincian lanjut mengenai perkara ini. Senaraikan berapa buah sekolah, sama ada sekolah harian mahupun asrama penuh yang menikmati peruntukan serta berapa ramai murid yang terlibat.

Tuan Pengerusi, saya mengakhiri dengan harapan bahawa Yang Berhormat Menteri akan menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan tidak seperti jawapan Menteri semasa peringkat Dasar yang sangat mengecewakan kerana tidak menjawab secara langsung kebanyakan daripada soalan-soalan yang saya ajukan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jerantut.

**15.48 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk bersama dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa



Kementerian Pendidikan pada petang ini. Keduanya, tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana telah berjaya membawa tahap pendidikan negara ke arah tingkatan yang lebih baik daripada sebelum ini. Walau bagaimanapun, saya ingin memberikan sedikit pandangan untuk beberapa perkara bagi diperbaiki.

Pertamanya tentang Butiran 010000 mengenai dengan Pengurusan Sumber Manusia iaitu di bawah Butiran 010300. Sejak akhir-akhir ini, kita sering mendengar rungutan mengenai dengan beban tugas guru yang begitu banyak dan hari ini pun kita turut mendengar pandangan daripada beberapa Ahli Yang Berhormat membicarakan tentang perkara yang sama. Saya juga mendapat respons daripada SMS daripada beberapa orang guru yang telah menyatakan, menanyakan kepada saya apakah pandangan Yang Berhormat mengenai senarai tugas guru tahun 2014.

■1550

Dia menyenaraikan ada 64 tugas guru. Saya pun terperanjat, sebagai seorang bekas guru begitu banyak beban tugas yang terkini yang akan dialami oleh para guru untuk tahun 2014. Bermula dengan nombor satu dikatakan e-Operasi hinggalah kepada yang 64 iaitu tuntutan yang diarahkan oleh pihak pengetua dan guru besar dari semasa ke semasa.

Berdasarkan kepada ini, saya sangat berharap agar Kementerian Pendidikan akan dapat menambah tenaga bukan guru dalam jumlah yang lebih banyak lagi. Kalau hanya setakat seorang untuk satu sekolah, ia sangat tidak memadai. Jadi diharapkan dalam peruntukan pengurusan tahun 2014 ini, tenaga bukan guru dapat ditambah dengan lebih banyak lagi bagi membantu guru mengambil tindakan terhadap tindakan-tindakan pengkeranian yang di luar daripada beban tugas guru.

Mengenai Butiran 030100 iaitu Pembangunan Kokurikulum. Saya ingin menyentuh pula mengenai dengan mata pelajaran Agama Islam. Kalau dilihat mata pelajaran Agama Islam ini, semakan atau perubahan ia telah dibuat begitu lama memandangkan kepada perkembangan terakhir sahlah pelajar terkini. Saya berpendapat bahawa pelajar-pelajar kita sebahagian besarnya gagal menghayati mata pelajaran Pendidikan Islam. Oleh yang demikian, saya sangat berharap agar mata pelajaran ini perlu dikaji dan lebih banyak lagi diberi penekanan ke arah aspek-aspek penghayatan seperti latihan-latihan amali.

Keduanya ialah dengan mata pelajaran j-QAF. Mata pelajaran j-QAF telah pun dilaksanakan di peringkat sekolah rendah. *Alhamdulillah* ia telah menunjukkan ke arah peningkatan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, ia terhenti di peringkat sekolah menengah. Adalah diharapkan agar mata pelajaran j-QAF ini dapat diperluaskan ke peringkat sekolah menengah.

Mengenai Butiran 050200 iaitu Teknologi Maklumat. Saya juga bersama dengan rakan-rakan yang lain mengambil perhatian tentang kemudahan capaian *internet* terutamanya di sekolah-sekolah pendalaman khususnya di Jerantut yang hampir sama tarafnya dengan di Sabah juga di Sarawak. Bagaimana mereka boleh bersama dalam melaksanakan PBS sedangkan kemudahan-kemudahan yang ada berada pada tahap yang sangat tidak memuaskan. Sekiranya PBS ini hendak kita laksanakan, saya sangat bersetuju juga kerana kebaikannya sudah pasti banyak.

Walau bagaimanapun, kemudahan-kemudahan sokongan yang sangat diperlukan oleh para guru ini perlu diperlengkapkan dengan kadar segera. Kalau tidak, ia juga menjadikan satu bahan yang boleh menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan para guru yang sudah pastilah ia memberikan aplikasi atau kesan kepada kerajaan selepas ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang Butiran 130400 mengenai dengan Penyelenggaraan Institusi Pendidikan KPM. Sejak akhir-akhir ini saya dapati rungutan daripada para pengetua dan guru besar kerana peruntukkan penyelenggaraan yang biasanya sampai kepada Pejabat Pelajaran Daerah, akhir-akhir ini ia sangat kurang. Ini menyebabkan beberapa perkara atau kemudahan yang sepatutnya dinikmati oleh anak-anak pelajar kita gagal disempurnakan. Malah di kawasan Jerantut sendiri terdapat dua sekolah yang mengalami masalah pembangunan yang agak serius iaitu bangunan yang pertamanya iaitu bangunan asramanya terbakar, hampir lima tahun tidak mampu dibaiki sehingga kini. Ini menyebabkan halangan untuk pelajar-pelajar tinggal di asrama di sekolah tersebut.

Kemudian sebuah sekolah lagi iaitu sekolah yang berada di kawasan Taman Negara di Jerantut juga saya dapati asramanya, bangunan asrama tidak dibaik pulih hampir juga empat tahun. Jadi diharapkan dengan tambahan Bajet 2014 ini, perkara-perkara ini dapat dipertingkatkan.

Di bawah Butiran 130800 kemudahan penyelenggaraan telaga tiub yang ada di sekolah-sekolah khususnya di pendalaman, ia tidak berfungsi dengan baik dan ini sudah pasti memberikan kepayahan kepada anak-anak pelajar kita yang berada di sekolah-sekolah tersebut.

Mengenai dengan Butiran 140100, saya sangat berharap agar Daerah Jerantut ini atau pun Parlimen Jerantut ini sekurang-kurangnya dalam tahun 2014 ini dapat dibina dua buah sekolah rendah yang sangat diperlukan iaitu Sekolah Kebangsaan Kampung Padang di Taman Negara Jerantut dan sebuah lagi ialah Sekolah Kebangsaan Jerantut Indah. Dengan adanya pembinaan dua buah sekolah ini, dapat mengurangkan kesesakan di sekolah yang berhampiran yang ada sekarang ini.

Tuan Pengerusi, itulah antara beberapa perkara yang saya harap mendapat perhatian daripada Kementerian Pendidikan untuk menambah baik lagi prasarana pendidikan di negara kita. Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Batu Pahat.

### 3.56 ptg.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** *Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* Tuan Pengerusi, Yang Berhormat sekalian.

Batu Pahat ingin membincangkan beberapa perkara khususnya tentang Butiran 040000 - Pembangunan Profesionalisme iaitu 040100, 040200, 040300, dan juga Butiran 050000 - Pengukuhan Operasi Pendidikan dan khusus dari segi pembangunan infra.

Tuan Pengerusi, saya mengajak rakan-rakan, Ahli-ahli Parlimen sekalian, Yang Berhormat sekalian merujuk konteks perbincangan kita. Seluruh perbincangan kita ini mengarah kepada mencapai objektif kementerian. Apa objektif Kementerian Pendidikan? Mewujudkan satu sistem

pendidikan bagi memperkembangkan sepenuhnya potensi setiap individu untuk mencapai ekspresi negara maju menjelang tahun 2020. Untuk mencapai matlamat ini Kementerian Pendidikan Malaysia menggariskan objektif berikut:

- (i) melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatu padu;
- (ii) melahirkan insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera;
- (iii) menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara; dan
- (iv) memberi peluang pendidikan kepada semua warga negara Malaysia.

Keduanya ialah mencapai sistem pengajian tinggi yang bertaraf dunia dan membantu memenuhi ekspresi negara dalam melahirkan bangsa Malaysia yang berpengetahuan luas dalam era globalisasi, mempunyai sahsiah akhlak dan rohani yang terpuji untuk menjadi sebuah bangsa yang cemerlang, gemilang dan terbilang, bukan berbelang-belang. Sekali gus menyediakan tenaga kerja yang mahir dan profesional untuk keperluan dalam memacu kemajuan negara selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan ini supaya kita tidak hanya leka dalam membicarakan program dan aktiviti, tetapi kita lupa sesuatu kriteria yang diletakkan oleh Menteri Kewangan sendiri tentang *outcome base program*. *Outcome base*, jadi ada *outcome* pada setiap program.

Tuan Pengerusi untuk mencapai matlamat pendidikan atau objektif pendidikan yang kita sebutkan tadi, pada hemat kita yang ada pengalaman lebih 30 tahun sebagai pendidik, elemen utamanya ialah pendidik itu sendiri, guru itu sendiri dan *combine* satu lagi, dengan izin, campur satu lagi elemen di peringkat sekolah ialah kepimpinan institusi iaitu pengetua atau guru besar.

#### ■1600

Akhirnya Tuan Pengerusi yang menentukan kejayaan sebuah institusi persekolahan itu ialah pengetua, guru besar dan guru bukannya kementerian. Kementerian ini selalunya menyusahkan kita sahaja. Kita boleh bincangkanlah. Ini pengalaman 40 tahun menjadi guru dari tahun 1967 hingga tahun 1997...

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Kita berbincang dalam konteks profesional Yang Berhormat.

**Beberapa Orang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** ...Yang Berhormat, okey...

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]:** [*Bangun*]

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Apa yang kita ingat bincangkan Tuan Pengerusi ialah soal Butiran 40100...

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]:** Yang Berhormat Batu Pahat bagi chance lah.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** ...Butiran 40200, 40300 ialah tentang pentingnya peranan guru...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Mersing tumpang tanya.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Oh boleh, sila.

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]:** Kakanda Yang Berhormat Batu Pahat, saya hendak tanya sedikit sahaja. Yang Berhormat Batu Pahat ini seorang guru, pendidik yang amat dihormati, pernah menjadi pengetua di institut- saya pun sudah lupa institut itu, tetapi takkanlah mengambil masa 40 tahun baru hendak sedar. Jadi adakah itu betul?

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Satu soalan yang baik ini. Sebenarnya kesedaran sudah lama dan tahap kesedaran itu diterjemahkan dalam pelbagai bidang dan medan yang kita boleh bincangkan, *insya-Allah* di luar Dewan. Tuan Pengerusi, saya menyebutkan tadi elemen utama dalam kejayaan pendidikan ini ialah yang mengoperasi segala dasar, program dan aktiviti di peringkat sekolah terutamanya sekali tentang P&P, pengajaran dan pembelajaran yang tadi disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan dengan baik.

Ini yang menuntut kita kepada program latihan pra-perkhidmatan, latihan dalam perkhidmatan dan latihan kepimpinan menterjemahkan konsep *continuous learning*. Kita ingin menanyakan kementerian berapa serius, apakah mereka serius, apakah kementerian serius dalam melaksanakan *continuous learning* ini apabila kita lihat peruntukan yang diberikan dalam tahun 2013 ialah sebanyak RM956 juta kemudian- sudah ditambah-tambah Tuan Pengerusi, kemudian dalam bajet yang akan datang ini tahun 2014 diturunkan kepada RM948,692,800.00 ya.

Kalaulah guru dianggap penting dan latihan pra itu dianggap penting. Kemudian latihan dalam perkhidmatan juga dianggap penting yang juga diturunkan bajetnya, jadi ini menggambarkan bahawa kita tidak serius sebenarnya dalam apa yang kita sebutkan mahu meningkatkan profesionalisme keguruan. Kita meminta supaya Yang Berhormat Menteri Pendidikan memberikan penjelasan tentang hal ini, apakah rasional pemetongan itu?

Tuan Pengerusi dalam latihan ini juga disebutkan tentang kursus yang hendak diberikan tumpuan itu tentang kompetensi keguruan. Saya fikir ini tidak mencukupi kerana ada pepatah atau kata-kata hukama ada menyebutkan, "*In order to give, you must have something to give*". Hendak memberikan kita mesti ada benda untuk diberikan. Yang kecil hendak diberikan kepada pelajar-pelajar kita ini ialah hendak melahirkan mereka insan yang beriman, insan yang berakhlak mulia, insan yang berilmu, berketerampilan dan sejahtera.

Jadi kalau kita hanya ada kompetensi, kita hanya ada keterampilan. Kalau para pendidik hanya ada keterampilan, skop latihan kita tidak perlu diperluaskan kepada soal karakter, soal otak. Dahulu kalau menjadi cikgu ini, macam teman saya tadi daripada Yang Berhormat Mersing menanyakan - watak guru ini, dia berjalan pun kita sudah tahu dia cikgu. Bercakap seperti cikgu, macam orang politiklah terutamanya kalau di sebelah sana, bercakap sahaja kita tahulah dia orang politik, UMNO [*Dewan riuh*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Batu Pahat...

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Saya minta maaf Tuan Pengerusi, saya belajar ini daripada –kawan-kawan semua. Jadi saya mula belajar. Saya *fast learner*. Jemput....

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Batu Pahat boleh ya?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Pahat. Yang Berhormat Batu Pahat, saya tertarik dengan Yang Berhormat Batu Pahat yang mengatakan bahawa daripada 40 tahun ini, apabila kita hendak mendidik anak murid berakhlak mulia dan sebagainya ini. Bersetuju tidak dengan saya bahawa berdasarkan 40 tahun pengalaman sebagai seorang guru, kita boleh katakan dari segi penekanan '*tazkiyatun nafs*' pemeriksaan jiwa ini boleh dikatakan tidak ada dalam *syllabus*.

Bersetuju tidak kalau saya mencadangkan bahawa kalau boleh kita mengesyorkan khususnya untuk pelajar-pelajar yang beragama Islam, buku "*Ayyuhal Walad*", karangan Imam Al-Ghazali. Walaupun buku tersebut ringkas tetapi dia memberikan satu *tasawur* yang sebenarnya apa dia konsep pendidikan itu. Kalau buku itu boleh menjadi teks sekolah, saya rasa guru-guru memahami buku itu, saya rasa dia boleh memberikan satu *tasawur*. Oleh sebab seperti mana dikatakan *[Berucap dalam bahasa Arab]* Ini As-Shawqi penyair Arab mengatakan, umat ini ia hanya relevan kalau dia ada akhlak tetapi kalau akhlak sudah tidak ada umat itu sudah menjadi tidak relevan lagi. Apakah pandangan Yang Berhormat Batu Pahat?

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Sepang, kalau kita lihat dari segi matlamat pendidikan hendak melahirkan insan yang beriman, maka input dan proses itu haruslah serasi. Input dan proses haruslah serasi. Antara input itu ialah buku teks dan mana-mana buku teks yang relevan serta dapat dimanfaatkan sama ada sebagai buku teks utama ataupun buku teks tambahan boleh saja dimanfaatkan. Ini dapat dilaksanakan Tuan Pengerusi kalau para pendidik diberikan latihan supaya mereka ada upaya untuk membuat pilihan sendiri berdasarkan satu pedoman daripada kementerian. Jadi, pedoman itu penting dan kalau tidak ada pedoman daripada kementerian pun tidak boleh juga nanti dia mengikut sesuka hati. Silakan.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sungguh hormat dengan Yang Berhormat Batu Pahat. Saya mengikuti perbahasan cikgu ini, Yang Berhormat cikgu ini. Saya tengok dalam buku ini butiran apa, mungkin saya tidak dengar tadi. Cuba sebut.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Butiran yang saya sebut dari awal tadi ialah tentang Pembangunan Profesionalisme Pendidikan. Iaitu di bawah Butiran 40100, 40200, 40300 tentang latihan yang berterusan. Ya. Sila.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Lenggong boleh? Yang Berhormat Batu Pahat, saya kenal Yang Berhormat Batu Pahat ini Yang Berhormat Mersing. Dahulu waktu kursus Biro Tata Negara, inilah tokoh yang bercakap soal perjuangan Melayu, perjuangan Islam. Inilah tetapi dia sudah berubah. Oleh sebab itu kadang-kadang sistemnya bagus, dasarnya baik tetapi individunya. Individu yang melaksanakan itu, kadang-kadang dia tidak menunjukkan contoh yang baik. Akhirnya dia menjadi tidak baik. Oleh sebab itu ...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Contohnya, contohnya siapa?

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Batu Pahat pun boleh menilai. Kadang-kadang apabila kita bercakap dahulu memberikan contoh yang baik tetapi apabila kita sendiri menunjukkan contoh yang tidak baik itu kadang-kadang menjadi bercelaru. Jadi bukan sistem, kadang-kadang individu itu sendiri. Boleh bagi pandangan Yang Berhormat Batu Pahat?

■1610

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Lenggong dan saya fikir beliau adalah murid saya yang baik [*Ketawa*] Dia tahu yang menentukan kejayaan itu adalah individunya. Jadi, kalaulah Yang Berhormat Lenggong boleh kekal baik macam murid saya dulu, saya fikir baik sistem kini ini, *insya-Allah*. Tuan Pengerusi, sebagai guru, selingan Tuan Pengerusi..

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Batu Pahat, satu sahaja selingan.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Saya tidak tahu boleh selingan atau tidak, guru bila mengajar anak murid, dia tak bagi semua buah kepada anak murid, terutama guru silat [*Ketawa*] Jadi, jangan mudah masuk gelanggang guru, nanti takut selak nanti [*Ketawa*] Akan tetapi tak apa, ini berdasarkan gelanggang perbahasan yang kita buat secara intelektual kerana ini dalam bidang pendidikan, jadi marilah kita sama-sama melihat.

*Point* saya yang terpenting Tuan Pengerusi ialah tentang keperluan melatih guru secara sepadu dan *continuous learning* daripada pra perkhidmatan, maksudnya dilatih sebelum perkhidmatan dengan *selection* yang baik. Dalam masa perkhidmatan memenuhi keperluan, selepas itu dipimpin oleh pendidik, pemimpin guru yang baik. Sila.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada persoalan yang agak timbul di sekolah ini ialah persoalan bagaimana kita mewujudkan '*bi-assolihah*' persekitaran yang baik. Walaupun kita katakan hasrat guru-guru itu bersemangat. Guru besarnya mungkin semangat, pengetuanya mungkin semangat, cikgunya pun mungkin semangat tetapi kadang-kadang dasar dan juga sistem itu tidak membantu.

Adakah contohnya kita katakan di sekolah solat *Dhuha*, solat Zuhur berjemaah menjadi sebahagian perkara wajib di sekolah sedangkan itu adalah sebahagian cara untuk mendidik akhlak. Hari ini saya lihat kebanyakan *aimed* guru-guru ialah untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mendapat 5A, 8A's, 10A, bangga dengan 'A' pada akademiknya sedangkan pada akhlaknya mungkin 'Z'. Adakah Yang Berhormat Batu Pahat bersetuju dengan pandangan saya?

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Batu Pahat sangat bersetuju kerana kalau-cuma masalahnya begini Tuan Pengerusi. Perubahan dalam Kementerian Pendidikan memang saya sebut tadi lama dalam sistem. Memang ada usaha kita untuk melahirkan insan sepadu. Akan tetapi guru selalu dan sering ditarik oleh populariti yang dipopularkan oleh media yang akhirnya pencapaian itu diukur dari pencapaian murid-murid dalam peperiksaan. Jadi, guru yang terlatih dan *commit* kepada pembangunan insan, mereka ini kalau dapat kita bangunkan. Yang ini *continuous education* yang kita perlu. Mereka akan dapat memastikan bahawa pendidikan manusia itu sendiri, memanusiakan manusia itu yang menjadi paksi pendidikan. Jadi, itulah yang

kita harapkan dari latihan ini dan diperkukuhkan oleh kepimpinan. Yang Berhormat tadi menyebut soal persekitaran.

Saya hendak menyambung terus Tuan Pengerusi, tentang Butiran 050100 - Pembangunan Infrastruktur. Ini juga kalau kita lihat dari tahun 2013, peruntukan yang diberikan adalah RM13,750,500. Tahun depan tambah RM30,000 sahaja, RM13,780,500. Padahal kita dengar Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak semua merengek. Semua merengek padang tak cukup, bilik kelas tak cukup, pintu rebeh, sekolahnya semua miskin-miskin dan lawatan kita juga, saya sering juga pergi ke Sabah kerana ada adik saya yang menikah dengan orang Sabah. Jadi, kita tengok di pedalaman, prasarana sekolah ini sangat miskin.

Jadi kalau kita ada cita-cita besar dengan PBS nya tadi, huraian yang dikemukakan yang besar tetapi prasarana asas atau *basic facilities* itu tidak ada, bagaimana kita hendak capai? Jadi sebab itu, kita menyeru rakan-rakan yang sebelah sana terutama daripada Sabah dan Sarawak kena kuat sedikit minta lagi supaya prasarana ini ditingkatkan, supaya cita-cita hendak membangunkan sebuah negara maju menjelang tahun 2020 itu dapat kita capai. Tuan Pengerusi, saya membentangkan ataupun mencadangkan dengan perubahan-perubahan dalam...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**Seorang Ahli:** Dia sudah habis kah belum?

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Saya sudah hendak...

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Batu Kawan.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Okeylah. Boleh, kalau Tuan Pengerusi benar, saya benar *last one*.

**Seorang Ahli:** Oh! Belum habislah? *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Belum habis lagi *[Ketawa]*

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih rakan seperjuangan saya. Tuan Pengerusi, apa pandangan kawan saya dari Johor ini mengenai status sekolah bantuan modal terutama sekali SJK(T), SJK(C) dan sekolah-sekolah di pedalaman dan berdasarkan konsep kementerian- '*1Student, 1Table, 1Chair*'. Apa yang kita lihat dan ia memang boleh diperiksalah. Saya mengalu-alukan semua yang ada di sini, Yang Berhormat untuk pergi melawat sekolah-sekolah kawasan pedalaman terutama sekali di kawasan Sabah dan Sarawak, SJK(T) di kawasan anda. Cuba tengok sama ada kalau sekolah-sekolah sebegini, ada tak konsep yang diuar-uarkan oleh kementerian- '*1Student, 1Table, 1Chair*'.

Saya pasti banyak dari Yang Berhormat-Yang Berhormat saya di sini akan balik dengan perasaan yang amat hampa sebab bila ditanya bila sekolah masukkan permohonan kepada kementerian, kementerian akan kata, "*Nanti, kami akan tengok mana, where we can cut cost and give it to you.*" dengan izin. Kadang-kadang sesebuah sekolah itu terpaksa menunggu untuk mendapat peruntukan setengah tahun, satu tahun, dua tahun atau tiada sama sekali. Ini amat-amat merunsingkan. Mengikut Perlembagaan, setiap pelajar di negara ini wajib untuk mendapatkan pendidikan di negara ini dengan ibu-bapa sebagai warganegara, anak-anak sebagai warganegara. Jadi, mengapa *double-standard*, dengan izin? Kementerian Pendidikan, apabila

diuar-uarkan, “*1Student, 1Table, 1Chair*”, tetapi inisiatif ini tidak dipraktikkan. Isu kedua, apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan isu keselamatan di sekolah.

Saya hendak menghubungkannya dengan isu penembakan pegawai bank, AmBank baru-baru ini yang ditangkap adalah yang memegang senapang. Akan tetapi yang bersalah adalah syarikat yang melantik atau memberi peluang untuk pembunuh ini mewakili mereka untuk *so call* dengan izin, *to protect society* dan saya ingin *highlight* kan satu peribahasa, “Harapkan pagar, pagar makan padi”. Dalam isu ini, saya juga difahamkan banyak sekolah sekarang di bawah tekanan di bawah kementerian untuk meningkatkan lagi keselamatan di sekolah tersebut.

Akan tetapi ini merupakan satu perkara yang tidak masuk akal kerana *security* yang telah diberikan adalah dari kementerian sendiri. Syarikat *security* itu, syarikat pengawalan adalah dari kementerian sendiri. Jadi, mengapa kena membebankan lagi sekolah? Tolong buat ini, tolong buat itu. Saya memang mintalah kementerian betul-betul melihat dan meneliti isu-isu ini sebab kita tahu sekolah bantuan modal selalu dianaktirikan, selalu dipinggirkan, dulu, kini dan selamanya.

Saya tidak tahu bila trend ini akan berubah? Tujuh tahun lagi negara ini akan memasuki Wawasan 2020. Sekolah-sekolah jenis bantuan modal terutama sekali di Sabah dan Sarawak untuk anak-anak kita dari Orang Asli dan bumiputera Sabah dan Sarawak, anak-anak Cina kami, anak-anak India kami masih dianaktirikan oleh kementerian dan kerajaan.

Jadi, saya berharap rintihan cikgu-cikgu, rintihan para pendidik di negara ini didengari oleh kementerian. Ini bukan soal politik. Tolong jangan, dengan izin, jangan *politicized issue* ini. Saya cukup menyampah tengok sekolah-sekolah yang tidak ada bantuan apa-apa. Sudah masukkan beberapa kali pun dapat *negative reply* sahaja. Jadi, mohon untuk kementerian betul-betul mengambil kira keperluan anak-anak kita bukan sekadar dari universiti tetapi dari *grass roots level*. Terima kasih.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Tuan Pengerusi, ucapan itu selari dengan rintihan yang kita kemukakan. Boleh masukkan dalam ucapan kami, ucapan Batu Pahat. Kalau boleh saya merumuskan Tuan Pengerusi. Kita boleh idealistik dalam pendidikan bahkan dalam seluruh program pembangunan kita, akan tetapi kita hendaklah realistik.

#### ■1620

Idealistik, idealisme kita tinggi mahu membangun sebuah negara maju. Realistik kita lihat apa yang ada sekarang ini, *what have we have now*. Kalau sekolah, sekolahnya dan prasarananya. Antara apa yang kita hendak capai dengan apa yang kita ada, kita rangka perjalanan dan tidak payah panggil konsultan-konsultan luar dengan bayar RM20 juta, ratusan juta. *We have enough consultants*. Kalau hendak minta tolong saya, saya boleh cadangkan profesor-profesor, guru-guru terlatih untuk jadi konsultan dalam bidang pendidikan kita dan melihat realitinya.

Jadi kalau kita realistik melihat kelemahan kita dan menggunakan kemudahan-kemudahan kita dengan menutup segala salah laku, kesilapan dan kebocoran yang berlaku, saya fikir kita dapat membetulkan, meletakkan pendidikan kita ini, memberikan prasarana yang lengkap,



menyediakan kepimpinan sekolah yang komited, saya selalu guna sekurang-kurangnya ada tiga 'C' iaitu ada "*character*" yang baik, ada "*concept*" ilmunya yang cemerlang, dan kemudian ada "*competency*" dan boleh tambah satu lagi akhirnya ada "*congruency*". Ini yang disebut oleh Yang Berhormat Lenggong tadi, antara sahsiah, ilmu, kemahiran dia selari. Dia tidak menjadi cakap tidak serupa bikin kerana itu dikutuk oleh Allah SWT di dalam Al-Quran [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]

Jadi Tuan Pengerusi, kita mencadangkan untuk melihat keseluruhan dalam pendidikan kita ini. Prasarananya taraf dunia, cikgunya taraf dunia, programnya tahap dunia dan baru kita boleh mencapai tahap dunia. Kalau luar bandarnya masih lagi luar bandar, dikekalkan dengan miskin, kita hendak capai tahap dunia, kita mimpi siang hari. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Fuh cantik. Ha, ini cikgu saya lagi [*Ketawa*]

#### 4.22 ptg.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tuan Pengerusi, saya pun turut sama hendak membahaskan dalam bajet Kementerian Pendidikan ini. Kita berterima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang telah melaksanakan transformasi teknik dalam perkara pendidikan teknikal dan vokasional. Pada awal tahun ini, diuar-uarkan kepada pelajar-pelajar bahawa selepas PMR ataupun selepas Tingkatan 3, pelajar-pelajar kita boleh memilih masuk ke kolej vokasional, belajar selama empat tahun, akan diberi diploma. Maka kita lihat sebahagian besar daripada anak-anak kita di peringkat bawah sudah mula melihat *internet* untuk melihat beberapa kursus di kolej vokasional.

Persoalan kita hendak tanya kepada kementerian. Sejauh mana pelaksanaan tersebut hendak dilaksanakan? Adakah diploma yang dikeluarkan oleh kolej vokasional ini diiktiraf oleh pihak kerajaan? Sejauh mana bahagian teknik telah melakukan perkara tersebut? Jangan nanti kolej vokasional, pelajar-pelajar banyak memilih bidang tersebut, akhirnya diploma tersebut tidak diterima, tidak diiktiraf dan memberi penyesalan kepada anak-anak yang memilih untuk masuk ke kolej vokasional.

Saya sendiri pun sering bercakap dengan pelajar-pelajar, kalau tidak lulus akademik, dia akan bagi diploma kemahiran. Kalau lulus akademik, dia akan bagi diploma vokasional. Minta kementerian menjelaskan perkara ini supaya cukup jelas hala tuju dan anak-anak kita di peringkat yang memilih untuk masuk kolej vokasional mengetahui masa hadapan mereka bila pilih bidang tersebut.

Dalam perkara B.41 juga, saya ingin melihat satu perkara lagi iaitu saya juga mengucapkan terima kasih kepada kementerian dan tahniah kerana prihatin atas daya usaha untuk menyediakan peluang pendidikan kepada anak-anak yang kurang bernasib baik seperti anak-anak jalanan dan tanpa dokumen pengenalan diri. Langkah menubuhkan pendidikan

alternatif seperti Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih di *Chow Kit Road* adalah memberikan satu peluang kepada mereka untuk belajar dan tinggal di negara kita.

Saya ingin mencadangkan supaya pendidikan alternatif seperti ini diwujudkan di kawasan-kawasan luar bandar terutamanya di tempat masyarakat Asli terutama seperti kawasan saya di Gerik. Saya menyedari sudah ada satu program K9, maksudnya daripada Tahun 1 sampai Tahun 6, manakala untuk sekolah menengahnya Tingkatan 1 sampai Tingkatan 3 dibuat di sekolah rendah di tempat tersebut. Akan tetapi ini baru permulaan dan kita belum melihat hasilnya lagi. Oleh sebab itu, minta pihak kementerian dan juga Menteri menjelaskan sejauh mana K9 yang akan dilaksanakan di sekolah RPS Kemar dan juga RPS Banun ini boleh membantu anak-anak Orang Asli di luar bandar.

Saya sendiri pun mungkin kurang bernasib baik kawasan saya tetapi saya berbangga dengan masyarakat Orang Asli yang walaupun mereka daripada suku yang paling rendah iaitu suku kaum Negrito, suku kaum Jahai, suku kaum Temiar, suku kaum Lanoh, suku kaum Kintak tetapi kumpulan ini kita tahu jenis yang masih ada perbezaan. Kalau kena marah oleh guru, tidak datang ke sekolah. Kadang-kadang kita beri makan kepada dua tiga kampung makan, kampung ini dapat makan dulu, mereka langsung merajuk untuk datang belajar di sekolah. Jadi sejauh mana?

Kita harapkan kementerian di bawah Butiran 020000 ini dapat membantu masyarakat Asli juga seperti masyarakat-masyarakat lain untuk mendapat pendidikan yang sama setanding dengan anak-anak kita di tempat yang lain. Saya mengharapkan juga untuk membantu ini, pihak-pihak berkepentingan dapat yayasan, GLC, NGO digalakkan memberi sumbangan kepada kementerian seperti mana saya difahamkan RPS Banun, pihak MK Land telah memberi sumbangan kepada Kementerian Pendidikan untuk memastikan K-Night dapat dijayakan di Sekolah Kebangsaan RPS Banun.

Dalam masa yang sama ada ura-ura cadangan bagaimana kita hendak menarik minat anak-anak tadi. Kalau duduk di sepanjang tasik supaya mungkin kita buat *floating boat* itu sebagai tempat untuk pembelajaran, menarik minat anak-anak tadi kerana mungkin sudahlah mereka masyarakat yang tinggal di kawasan terlampau dalam, hendak pergi ke sekolah yang ada, agak jauh. Jadi kementerian mungkin boleh fikirkan satu kaedah menarik minat mereka untuk kita ajar.

Sekurang-kurangnya pada sayalah selaku Ahli Parlimen Gerik, saya ingin melihat anak-anak Asli ini setidak-tidaknya mereka boleh menguasai 3M- mengenal angka, mengenal huruf, boleh membaca, dan boleh membuat olahan campur tolak bahagi darab semua ini. Jadi sekurang-kurangnya mereka juga walau keluar ke mana-mana, melihat tulisan-tulisan boleh membaca. Tidaklah mereka boleh dipergunakan, ditipu oleh pihak lain. Walaupun dari segi bercakap, saya percaya Orang Asli lebih hebat daripada kita. Kadang-kadang kita kena juga.

Tuan Pengerusi, dalam pada itu seperti mana yang saya katakan tadi, di negara kita, sambung balik yang ini- masih terdapat macam terutama kami yang duduk di sempadan yang cerita kahwin di sempadan, kahwin dua, tidak daftar, yang menjadi masalah dan kesian ialah anak-anak mereka. Walaupun mereka mungkin tidak ada kerakyatan tetapi sebagai manusia, mereka

perlu diberi juga pendidikan. Gunalah apa kaedah pun, sekurang-kurangnya mereka sebagai manusia boleh menguasai 3M yang macam mana saya sebutkan tadi.

Beralih kepada perkara yang ketiga juga iaitu kerajaan kita lihat telah berusaha sedaya upaya untuk meningkatkan kualiti pendidikan termasuk pendidikan agama.

■1630

Justeru, usaha menjadikan sekolah agama rakyat dan sekolah agama negeri sebagai sekolah agama bantuan kerajaan adalah sesuai dengan permintaan dan keperluan masa kini. Saya difahamkan setakat ini sebanyak 200 buah sekolah telah dijadikan sebagai SABK. Maka, saya ingin bertanya, berapakah jumlah sekolah agama rakyat dan sekolah agama negeri yang masih belum menjadi SABK.

Apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan semua sekolah agama rakyat dan sekolah agama negeri ini menjadi SABK. Maksudnya, berdaftar dengan Kementerian Pelajaran. Kalau tidak nanti pelbagai sekolah agama biasa terpaksa minta derma di R&R dan tempat-tempat lain. Kita mengharapkan supaya kementerian berunding, mendekati dengan sekolah-sekolah agama rakyat yang tidak berdaftar dengan Kementerian Pelajaran. Ini kerana kita lihat hari ini, dewasa ini kebanyakan ibu bapa di kampung, di bandar sendiri pun sudah meminati untuk menghantar anak-anak ke sekolah agama rakyat. Terutamanya untuk mendalami *al-tahfiz* kerana harapan ibu bapa hari ini setiap anak dapat menjadi tahfiz tetapi dia boleh pergi ke bidang-bidang sains. Pada bidang-bidang lain.

Harapan kita, Kementerian Pendidikan melihat sekolah-sekolah ini. Walaupun kita tahu RM50 juta dibantu untuk sekolah agama rakyat tetapi kita mengharapkan lebih banyak sekolah-sekolah agama rakyat berdaftar dengan Kementerian Pelajaran di mana guru-guru yang mengajar di sekolah tersebut diberi latihan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Semoga mendapat gaji yang lebih mencukupi menjadi seorang tenaga pengajar. Walaupun kita hendak melahirkan insan yang baik, kalau gajinya pun tidak sempurna, tidak mencukupi, akhirnya keikhlasan mereka mengajar macam mana. Serupa kadang-kadang kalau kita tengok dalam masyarakat kehidupan sehari-hari, seorang tok imam. Kalau kita sedekah RM50, kita sedekah RM50 untuk baca doa arwah, dibandingkan kita sedekah RM100. Kadang-kadang RM100 itu lebih panjang doa dia *[Ketawa]*

Jadi, inilah gambaran kita. Maksudnya, gaji yang berpadanan dengannya kita kena bagi sebab kita hendak melahirkan modal insan yang baik. Jadi, antara lain itulah yang saya hendak membahaskan dalam pendidikan ini dan saya menyokong dalam Jawatankuasa ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Ramai lagi hendak berucap. Jadi, saya hadkan 10 minit.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Tadi tidak had ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Tadi setengah jam seorang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, giliran saya kena hadkan. Kalau boleh pukul 5.30 Yang Berhormat Menteri menjawab. 5.30 petang hingga pukul 7 petang. Satu jam setengah. Masa itu Yang Berhormat sekalian boleh mencelah lagi. Jadi, saya jemput jiran saya, Yang Berhormat Temerloh.

#### 4.33 ptg.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Jiran yang baik. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.*

Saya merujuk kepada maksud Bekalan B.41, 080100 - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan akan turut menyentuh maksud Perbekalan Pembangunan 41, 01500 – Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan juga 00102 - Rendah Akademik. Sebelum itu sebagai mukadimah, saya terlebih dahulu merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan yang telah membawa satu saranan agar pihak kementerian memansuhkan ataupun menangguhkan pelaksanaan PBS. Tentunya pihak kami juga sangat memberi sokongan yang padu pada pandangan itu.

Yang kedua, saya melihat pada Bajet 2014 Kementerian Pendidikan ini. Bajet mengurus RM50.6 bilion dengan kenaikan 6.8% berbanding dengan Bajet 2013. Sementara bahagian pembangunan pula, hanyalah RM4.035 bilion. Menunjukkan 2.7% penurunan berbanding dengan Bajet 2013.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bajet untuk pembangunan pendidikan yang disalurkan dengan betul itulah yang paling penting dan mesti diberikan keutamaan berbanding bukan hanya tumpuan kepada bajet mengurus. Akan tetapi malang ia dilihat menurun.

Justeru, modal insan ataupun sumber manusia, ianya hanya dapat terbina mengikut acuan yang telah ditetapkan. Jika sekiranya bajet yang disalurkan itu sedemikian banyak, diurus tanpa tiris dan juga nilainya ditambah untuk melicinkan program pengawasan dan juga pembentukan pelajar dalam negara kita. Namun, kementerian dalam masa yang sama juga perlu memberikan perhatian terhadap Laporan Ketua Audit Negara agar kementerian tidak membazir, tidak tiris dan menyeleweng. Sebagai contoh, Laporan Ketua Audit Negara 2012 yang mana telah menunjukkan salah pengendalian yang teruk. Sehingga RM2.051 bilion digunakan untuk mengupah kontraktor keselamatan sekolah antara 2010 hingga ke 2012. Akan tetapi malang, perkhidmatan keselamatan mengikut tinjauan di 35 buah sekolah dan juga asrama yang ditinjau, rata-ratanya tidak memuaskan.

Tuan Pengerusi, bagi Butiran 080100 - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Bajet 2014 - RM80.4 bilion telah dikemukakan tetapi kita melihat Dewan Bahasa dan Pustaka kini merosot. Umum melihat ia bagaikan hidup segan mati tidak mahu. Di mana Dewan Bahasa dan Pustaka ini ataupun nama asalnya Balai Pustaka ialah sebuah jabatan kerajaan Malaysia yang ditubuhkan pada 22 Jun 1956. Untuk menggerakkan dan memartabatkan Bahasa Melayu dalam negara kita

sebagai Bahasa Kebangsaan, bahasa rasmi dan juga bahasa ilmu. Yang mana matlamat penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka ini kalau kita lihat pada apa yang tercatat dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka semakan tahun 1978, sekurang-kurangnya terhenti atas lima poin, lima perkara:

- (i) membina dan memperkaya Bahasa Kebangsaan;
- (ii) memperkembangkan bakat sastra;
- (iii) mencetak dan menerbitkan atau membantu dalam percetakan dan penerbitan buku-buku, majalah-majalah dan juga risalah dalam bentuk kesusasteraan dalam Bahasa Kebangsaan;
- (iv) membakukan ejaan dan sebutan; dan
- (v) menggalakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan.

Akan tetapi Tuan Pengerusi, masalah Dewan Bahasa dan Pustaka ini ialah Dewan Bahasa dan Pustaka tidak ada apa-apa kuasa dan tidak ada apa-apa mandat yang berautoriti tinggi untuk memastikan apa yang tercatat dalam matlamat penubuhan itu dapat dilaksanakan.

Hanya yang ada pada Dewan Bahasa dan Pustaka ini ialah keupayaan untuk mencadangkan, keupayaan untuk mengesyorkan. Malah, tidak ada pun untuk kemampuan menghalang, sebagai contoh PPSMI tempoh hari. Apa yang hari ini saya dengar, mantan Perdana Menteri cuba mencadangkan supaya ianya dilaksanakan semula setelah ia dimansuhkan. Demikian juga Dewan Bahasa dan Pustaka tidak ada kuasa untuk mendesak semua pihak. Bermula daripada pemimpin, Menteri sampai kepada rakyat biasa, termasuklah di mahkamah, menggunakan Bahasa Melayu 100%. Sebagaimana yang diperjuangkan ataupun bahasa Kebangsaan, sebagaimana yang diperjuangkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kalau kita lihat juga, sebagai contoh papan niaga, bahasa rojak. Nama syarikat tidak menggunakan bahasa Kebangsaan. Tahap penguasaan tahap pelajar bukan Melayu masih lagi berada di peringkat yang rendah dalam Bahasa Melayu. Ini menyaksikan kelemahan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam melaksanakan apa yang telah mewacanakan selama ini.

#### ■1640

Demikian juga dengan majalah Dewan Bahasa dan Pustaka seperti Dewan Budaya dan juga Dewan Bahasa yang diterbitkan. Ianya dilihat sebagai satu majalah yang elit, yang hanya dijual melalui perantaraan sekolah. Tidak dapat pun kita temui di pasaran, di kedai-kedai kaki lima ataupun di kedai mudah jumpa untuk dibeli dan dihayati dan turut sama disantap oleh rakyat dalam negara kita. Bagaimana nilai budaya dan bahasa diperjuangkan?

Tuan Pengerusi, demikian juga dengan kita melihat pada hari ini RM70 juta nilai buku ilmiah yang dilaporkan dalam satu kenyataan media Teras Pengupayaan Melayu buku ilmiah yang terperap dalam stor Dewan Bahasa dan Pustaka dengan nilai RM70 juta. Ini adalah merupakan satu perkara yang perlu diberikan perhatian. Tambah pula sejak daripada tahun 2002 yang lalu, Dewan Bahasa dan Pustaka dianggar kerugian antara RM20 juta hingga RM40 juta sedangkan sebelum penswastaaan iaitu sebelum tahun 2002 Dewan Bahasa dan Pustaka ini mengalami keuntungan setiap tahun RM20 juta.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi yang saya hendak sebut tentang Dewan Bahasa dan Pustaka ini. Perjanjian dan kerjasama dengan satu syarikat pencetak Dawama yang telah meletakkan Dewan Bahasa dan Pustaka menjadi keadaannya lebih tenat. Pada akhir tahun 2010 Dawama ini telah gagal menjalankan kerja percetakan buku teks Kementerian Pendidikan dan sekali gus memberikan gambaran yang buruk bahawa syarikat bumiputera gagal melaksanakan projek yang bernilai RM120 juta setahun ini.

Pada November 2012 saya difahamkan bahawa Dawama ini gagal untuk membayar hutang kepada pengusaha Melayu dan akhirnya tunggakan tersebut dibayar oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Namun masih ada pihak yang terlibat yang belum mendapat bayaran dan nisbah untung buku 20% Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga Dawama pencetak 80% telah juga menjadikan Dewan Bahasa dan Pustaka semakin hari semakin malap.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Temerloh boleh gulung.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Saya mengambil peringatan daripada peringatan Nabi kita Muhammad SAW [*Membaca sepotong hadis*] Sesungguhnya Allah kasih apabila kita melakukan suatu tugas, suatu amalan, suatu tindakan hendaklah dilakukan dengan penuh teliti dan berhati-hati supaya tidak mengalami kerugian dan melibatkan wang yang sebegitu banyak.

Sedikit lagi Tuan Pengerusi. Saya melihat kerajaan juga sekali lagi cuba untuk menggadai masa depan pendidikan negara dengan RM20 juta untuk perunding asing McKinsey and Co. untuk perkhidmatan perundingan dalam merangka Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Tahun 2013 sehinggalah tahun 2025. Seolah-olahnya kerajaan tidak lagi mempercayai cendekiawan tempatan sehingga sanggup mengimport kembali idea dan juga tenaga asing dalam Pelan Pendidikan Negara.

Ramai melihat ini seolah-olah untuk memberi kesan yang negatif kepada masa depan pendidikan negara kita di mana rakyat menyoal apakah justifikasi dan keperluan yang mendesak sehingga orang asing mengambil posisi untuk menentukan imej, menentukan dasar dan juga menentukan polisi pendidikan negara kita. Orang asing yang menentukan dasar epistemologi ilmu anak bangsa kita dalam negara kita mutakhir ini. Jadi rakyat juga berhak untuk persoalkan dan mempertikai mengapa pula sebuah firma konsultan yang bukan pakar pendidikan ini telah dilantik sedangkan kerajaan mempunyai ramai pakar yang mampu untuk melaksanakan tugas tersebut.

Akhir sekali Tuan Pengerusi saya juga ingin mengemukakan satu persoalan bagi maksud P.41 Butiran 01500 kepada kementerian berkaitan dengan UKM. Kami baru-baru ini bertemu dengan satu *signboard* UKM disebut di *signboard* itu "*Tanah Milik UKM*", dan tanah ini terletak di Mukim Lebak Temerloh. Saya hendak bertanya tentang status tanah ini apakah sebenarnya diletakkan *signboard* tersebut, dibina kampus kah atau sekadar untuk menyatakan bahawa tanah itu milik UKM kemudian dibiarkan semak naik sedemikian lama?

Jadi lokasinya berhampiran dengan padang golf di Tanjung Belenggu di Temerloh. Saya merujuk kepada kenyataan bekas Timbalan Menteri Pendidikan tempoh hari katanya ingin

membina sebuah universiti di Temerloh. Jadi saya harap tapak ini adalah bertujuan untuk membangunkan IPTA di Temerloh.

Akhir maksud P.41, Butiran 00102 di bawah tajuk rendah akademik. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian bagaimana kedudukan projek Sekolah Kebangsaan Seri Perak Sentul yang mana projek ini saya difahamkan telah pun tamat tempoh kontrak dan juga sepatutnya kontraktor utamanya telah layak untuk mendapat EOT dan permohonan EOT telah lama dikemukakan tetapi tidak ada tindakan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bagaimana status juga tentang *payment* kepada pihak konsultan di mana saya difahamkan pihak konsultan dan juga kontraktor bumiputera ini tidak dimuktamadkan setelah hampir setahun lebih projek itu berlangsung setelah sekian lama ia terbengkalai. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Sulung. Sila.

#### 4.46 ptg.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Lenggong boleh duduk dahulu. Saya akan terus pergi kepada tajuk. Pertamanya di bawah Butiran 14000 mengenai isu skim pensyarah yang saya kira perlu disemak semula. Kementerian Pendidikan ada sasaran sekurang-kurangnya 60% pensyarah di IPTA di seluruh negara ini memiliki kelulusan PhD menjelang tahun 2020. Jadi tenaga pensyarah yang berkelulusan PhD ini memang sangat penting dalam sumber manusia di universiti dan ia akan membantu mempertingkatkan jumlah penyelidikan universiti secara tidak langsung.

Akan tetapi apa yang saya tengok sekarang ini tidak ada insentif yang diberikan bagi memberikan satu motivasi kepada para pensyarah ini untuk menyambung pengajian PhD mereka. Saya juga dimaklumkan bahawa skim pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi Awam ini tidak pernah disemak sejak sepuluh tahun yang lalu. Pada pendapat saya jika sudah semestinya dan seharusnya para pensyarah yang berjaya menyelesaikan PhD mereka daripada tiga ataupun lima tahun sudah semestinya usaha mereka harus kita hargai kerana mereka ini memajukan diri mereka.

Jadi dari segi kenaikan, saya hendak mencadangkan kepada pihak kementerian ada mungkin memikirkan satu cara untuk mempertingkatkan lagi gaji permulaan kepada jawatan-jawatan ini. Jadinya secara tidak langsung jika ianya akan dapat meningkatkan daya saing di kalangan pensyarah untuk menyambung pengajian mereka di peringkat yang lebih tinggi dan juga menjulang profesion pensyarah yang kini didapati susah untuk mencari atau pun menarik graduan untuk menyertainya.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** [Bangun]

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Selain itu skim pensyarah ini yang disemak semula ini perlu juga dipertimbangkan agar skim pensyarah ini adalah berdasarkan *time based*.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Minta mencelah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Boleh?

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Boleh. Sekejap sahaja tau.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Parit Sulung. Saya agak tertarik dengan perkara yang dibangkitkan Yang Berhormat Parit Sulung berkaitan dengan melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD dan sebagainya. Ada satu masalah besar kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran mereka terutamanya di universiti-universiti tempatan ke peringkat Master dan PhD. Sering kali selepas mereka mendaftar dan mereka memulakan kursus, tempoh adalah terlalu lama mereka terpaksa duduk di bangku universiti. Ada di antara mahasiswa peringkat ijazah PhD terpaksa belajar sampai lapan tahun hingga sepuluh tahun masih tidak dapat Master dan PhD.

#### ■1650

Sedangkan, bila mereka pergi keluar negara, mungkin dalam tempoh dua tahun atau tiga tahun dapat ijazah PhD dan balik semula ke negara kita, tapi saya tidak tahu kenapa di universiti-universiti tempatan terlalu lama mereka terpaksa membuat- sering kali tesis yang mereka buat itu ditolak dan pelbagai masalah yang dibawa dan ini menjadi satu daripada perkara yang perlu diberi perhatian yang serius. Apa pandangan Yang Berhormat Parit Sulong berkaitan perkara ini? Terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Batu Gajah. Di sini saya harap pihak kementerian juga dapat meneliti perkara yang Yang Berhormat Batu Gajah dan juga Parit Sulong menyatakan ini, sebabnya memang mungkin sekarang ini pensyarah ini diikat dengan mutu penyelidikan. Lepas itu dinilai dengan jumlah *publication*, buku-buku yang dikeluarkan. Kemudian ada konsultasi lagi dengan masyarakat. Jika skim perguruan ini... *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi, ini bising dekat sini ini. Dia dengan dia ini. Kalau dia hendak apa-apa, boleh tidak kita rekomen dia berbincang dekat luar? Lepas itu saya hendak sambung *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Dan jika sistem perguruan ini- kita tengoklah sekarang kalau sistem pencennya, kadang-kadang setengah daripada pensyarah ini...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan dengan Yang Berhormat Lenggong senarai nama ada ini *[Ketawa]* Sila.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Mana tidak lama hendak buat, hendak habiskan belajar. Okey, sebab sistem pencen itu sendiri kadang-kadang pelajar itu yang diajarnya sudah dapat pencen 48,52 tapi pensyarah itu masih lagi pencen DS45. Jadi saya harap skim profesion perguruan ini dapatlah kementerian dikemaskinikan.

Lepas itu yang keduanya saya hendak pergi ke Butiran 00700. Ini mengenai ISMP. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri pun saya ada bincang mengenai perkara ini tapi saya



menerima banyak aduan, banyak persoalan mengenai ISMP ini yang saya juga dimaklumkan bahawa 13% daripada jumlah graduan yang menganggur itu adalah disebabkan oleh mereka mendapat kelulusan daripada ISMP. Boleh tidak kementerian memberitahu apakah yang menyebabkan graduan lepasan ISMP ini dia tidak dapat penempatan di sekolah-sekolah?

Saya hendak tanya juga kepada kementerian, adakah betul bahawa isu pengangguran graduan lepasan ISMP ini adalah disebabkan oleh pembekuan guru sandaran terlatih dan pembukaan penempatan guru sandaran tidak terlatih dan Kursus Pendidikan Lepas Ijazah? Jadi berapakah jumlah graduan lepasan ISMP ini setiap tahun dan berapakah setakat ini yang telah ditempatkan sebagai guru sandaran terlatih? Jadi saya harap perkara ini tidak menjadi satu masalah terutamanya kepada mereka yang berminat untuk menceburkan diri di dalam profesion perguruan. Jadi saya berharap mendapat maklum balas daripada pihak kementerian.

Seterusnya ke Butiran 050100.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lenggong sedikit. Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ini sudah masuk butiran lain.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Isu tadi, isu tadi.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ini betul-betul pasal kawasan Parlimen Parit Sulong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sekejap, isu tadi.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, isu mana? Silakan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Elok tidak payah benarkan celahan.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Sebab bisik-bisik tidak hendak.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Isu lepasan guru di IPG. Hari ini kita dapati mengikut laporan yang diterima, berlaku lambakan di mana guru-guru yang lulus daripada IPG dan mana-mana institusi lain dalam bidang perguruan dia bukan macam dahulu Yang Berhormat Parit Sulong, automatik terus boleh jadi guru. Sekarang berlaku lebih. Ini menjadi satu masalah. Dan ada di kalangan mereka berehat setahun. Ini menjadikan keadaan di mana kita membazirkan tenaga manusia. Antara punca ialah apabila yang dididik di universiti ataupun di institusi perguruan dia hanya khusus dalam kemahiran perguruan sahaja. Dia tidak boleh memenuhi pasaran yang lain. Yang Berhormat Parit Sulong, cadangkan kepada kerajaan supaya tambah kemahiran supaya mereka boleh dalam bidang lain.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Jadinya saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada dalam Dewan ini mendengar juga rakan saya Yang Berhormat daripada Lenggong yang memberikan cadangan melalui Parit Sulong.

Seterusnya butiran yang terakhir Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh gulung.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** ...Butiran 050100 mengenai Pembangunan Infrastruktur. Saya ada terima aduan. Ini daripada sekolah di kawasan Parlimen Parit Sulong iaitu Sekolah Kebangsaan Bandar, Batu Pahat. Sebelum ini ada kelewatan dalam dari segi pembinaan untuk dewan di dalam kawasan Sekolah Kebangsaan Bandar tersebut. Belum lagi siap. Mungkin hampir 95% siap. Jadi saya hendak tahu kenapa ada kelewatan seperti ini?

Baru-baru ini saya juga dimaklumkan bahawa bukan sahaja terdapat kelewatan tetapi juga dewan yang begitu indah, begitu besar ini, lebih cantik, lebih besar daripada bangunan kelas-kelas ini hanya boleh digunakan untuk main badminton sahaja. Jadinya saya hendak penjelasan daripada pihak kementerian, mengapa ini terjadi, dan sekiranya benar apa yang dimaklumkan kepada saya, saya harap kementerian buat sesuatu bagi membolehkan dewan yang indah ini yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan ini dapat digunakan juga oleh guru-guru dan juga pelajar-pelajar sebagai tambah nilai kepada pembelajaran mereka terutamanya di sekolah tersebut iaitu SK Bandar, Batu Pahat.

Terima kasih banyak-banyak Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Ipoh Barat.

#### 4.56 ptg.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin berhujah mengenai Butiran 020200, Butiran 00204 dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, saya hendak ambil tahu apakah pandangan kerajaan, walaupun ini telah diisytiharkan di Dewan ini dua tahun dahulu di mana kerajaan mengatakan bahawa guru-guru di sekolah Tamil atau guru-guru di sekolah Cina, guru bahasa lain akan disediakan. Macam di sekolah-sekolah Tamil, guru-guru bahasa Mandarin akan disediakan supaya anak-anak bangsa India dapat mempelajari bahasa Mandarin.

Di Ipoh ada satu sekolah di mana telah kemukakan permohonan untuk mempelajari bahasa Mandarin di sekolah Tamil tetapi saya difahamkan kementerian belum lagi membuat satu keputusan dan ini adalah sekolah yang pertama saya difahamkan di seluruh negara. Bolehkah kerajaan membuat satu keputusan dan juga menyediakan guru untuk sekolah tersebut? Sebenarnya saya telah rela untuk memberi satu guru sambilan untuk sekolah tersebut tetapi saya difahamkan ada bantahan tertentu mengatakan bahawa jika dari pembangkang, mereka tidak ingin membenarkan guru walaupun dengan sukarela saya ingin membiayainya tetapi tidak sedemikian.

Kita semua tahu keperluan fasih bahasa Mandarin adalah sangat mustahak, dan apakah tindakan yang dibuat supaya anak-anak kita dapat fasih dalam bahasa Mandarin? Ini kerana pada pandangan saya dan ramai, dalam kemungkinan 20 tahun hingga 30 tahun, itu akan menjadi lingua franca di seluruh dunia dan dalam *business*. Maka anak-anak kita perlu mempelajari bahasa Mandarin.

Kedua adalah tahun dahulu...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta penjelasan.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Sedikit Yang Berhormat Ipoh Barat. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Ipoh Barat, walaupun kerajaan memperuntukkan RM1.42 bilion untuk pengurusan sumber manusia di bawah kementerian tetapi walaupun negara kita sudah merdeka 56 tahun tetapi ikut kaji selidik yang disediakan oleh *union* NUTP dan juga Jiao Zhong, terdapat kekurangan guna tenaga pengajar di SJK(C) lebih daripada 1,200 orang. Akan tetapi pada masa yang sama, terdapat 460 guru yang telah pun habis latihan tetapi tidak dihantar ke sekolah-sekolah. Apakah pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat supaya masalah ini yang telah pun berlanjutan begitu lama, berdekad-dekad dapat diatasi pada tahun depan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar bangun.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya jawab soalan Yang Berhormat Taiping dahulu. Saya katakan itu menjadi sebahagian daripada ucapan saya dan mungkin saya boleh ulas sedikit selepas ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kapar.

■1700

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya ingin menekankan Butiran 130200 mengenai Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang kena-mengena dengan bahasa tadi. Saya terkilan dengan RM16,015,000 diperuntukkan untuk pembelian aset. Bagaimana pembelian aset dengan jumlah RM16,500,000 boleh memartabatkan Bahasa Malaysia dan memperkukuhkan bahasa Inggeris?

Saya merasakan bahawa memartabatkan Bahasa Malaysia dan memperkukuhkan Bahasa Inggeris, dana perlu diperuntukkan untuk mekanisme kemahiran seperti kemahiran mendidik, kemahiran menguasai bahasa dan sebagainya. Sebaliknya, dana yang begitu banyak diperuntukkan untuk belian aset. Saya ingin penjelasan Yang Berhormat, bagaimanakah aset-aset ini diperlukan untuk memartabatkan Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris?

Saya juga ingin mengambil kesempatan dan pendapat Yang Berhormat saya nampak kerajaan tidak begitu komited untuk memperuntukkan dana untuk memperkasa bahasa ibunda seperti bahasa Tamil dan bahasa Mandarin...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jangan panjang-panjang.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Termasuk bahasa-bahasa ibunda bahasa etnik kaum-kaum di Sabah dan Sarawak. Saya ingin Yang Berhormat mencadangkan supaya kerajaan komited dalam isu bahasa di Malaysia dengan menyeluruh supaya memartabatkan Bahasa Malaysia, memperkukuhkan bahasa Inggeris dan memperkasakan juga bahasa ibunda. Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat Kapar. Saya pohon agar Yang Berhormat Menteri menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang

Berhormat Kapar. Perkara yang lagi satu adalah baru-baru ini keputusan peperiksaan UPSR. Boleh saya dapat tahu, berapakah murid yang telah menduduki peperiksaan ini di semua sekolah, di sekolah kebangsaan, sekolah Tamil dan sekolah Cina. Apakah kerajaan puas hati dengan keputusan yang anak-anak kita peroleh dan lebih-lebih lagi dalam Bahasa Inggeris saya difahamkan standardnya telah turun pada tahun ini. Di sekolah-sekolah kebangsaan, bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu berapakah murid-murid mengikut bangsa, mengikut di mana *which state they come from*, di Perakkah. Apakah *standard performance* mereka?

Ini kerana saya difahamkan bahawa ramai di antara anak-anak kita yang di sekolah kebangsaan ini nampaknya *performance* mereka tidak baik, sangat kurang kalau dibandingkan dengan sekolah Cina dan sebagainya. Lagi satu adalah mengenai sekolah Cina yang di Bercham, Ipoh di mana satu sekolah yang terbesar di Perak. Dua tahun dahulu bila saya membangkitkan perkara ini, kerajaan mengatakan bahawa akan membina satu blok yang baru. Satu blok yang baru telah dibina tetapi setakat ini ada lagi banyak yang pohon untuk belajar di kawasan tersebut, di sekolah tersebut.

Ada tanah dekat 1 kilometer dari sekolah tersebut di pekan tersebut, di Bercham. Apakah sebab kerana tanah itu sudah diagihkan lebih daripada 20 tahun dahulu hingga sekarang satu sekolah Cina belum lagi dibina di tempat tersebut walaupun Bercham adalah satu tempat di mana 98% penduduknya adalah masyarakat Cina di mana ramai di antara mereka menghantar anak-anak mereka ke sekolah Cina.

Apakah tindakan yang kebelakangan ini supaya bukan sahaja di Bercham, tahun dahulu Perdana Menteri mengatakan tujuh sekolah Tamil baru dan beberapa sekolah Cina baru akan dibina. Walaupun saya telah mengemukakan beberapa soalan kebelakangan ini tetapi kerajaan mengatakan tapak sudah dikenal pasti, peruntukan pun sudah dikenal pasti tetapi pembinaan belum dimulakan.

Bila ia akan dimulakan dan apakah lesen-lesen untuk sekolah-sekolah di luar bandar khususnya sekolah-sekolah di mana ada murid kurang daripada 20 murid kerana ramai di antara masyarakat yang tinggal di estet dan kampung-kampung telah berhijrah ke pekan. Maka sekolah-sekolah itu tidak sesuai berada di tempat-tempat tersebut, di kampung dan estet-estet. Maka ia patut dibenarkan dialih ke pekan-pekan tetapi tidak ada keseriusan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini dan memberi peluang kepada sekolah-sekolah Tamil terutama sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina untuk dibuka pekan-pekan di mana ramai di antara murid-murid adalah ingin mempelajari *mother tongue* mereka.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat boleh gulung.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Lagi satu adalah mengenai *matriculation* Tuan Pengerusi. Baru-baru ini di Gopeng, di Pahang dan lain-lain negeri, kami difahamkan dan Timbalan Menteri I kata, *this is not the big issue*. Akan tetapi ini adalah *the big issue* di mana kalau kita mengasingkan satu peperiksaan mengikut bangsa. Bangsa bumiputera di satu kelas diasingkan, anak-anak bukan bumiputera di satu kelas untuk menjalankan peperiksaan matrikulasi.

Ini saya difahamkan kementerian tahu mengenai ini. Adakah ini semua digalakkan, penggalakan diberi oleh kementerian, *what is the standing?* Kenapa ada sistem *Apartheid* dalam *education*, kenapa kita perlu sedemikian? [*Tepuk*] *We should be encouraging Chinese, Indian, Malay, Orang Asli, Kadazan, Iban* untuk *compete each other* dalam peperiksaan. Itu adalah mustahak *so* kenapa ia diasingkan?

Saya hairan, dan setakat ini walaupun saya sudah mengeluarkan beberapa *statement* mengenai perkara ini tetapi kerajaan diam, dan lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan I kata, *this is not the big issue and avoid issue* tersebut. *We must confront, we must pull the bull by the horn. Let it be.* Tidak perlu kita khuatir, kita mahu, kita tidak kisah Cina, Melayu, India, Kadazan, apa bangsa pun asalkan dia perlu mendapat satu tempat untuk peperiksaan yang sama. Jangan asingkan mengikut bangsa, mengikut agama, mengikut *colour* kulit mereka. Ini adalah salah, dan apakah pendirian kerajaan? Apakah kerajaan sedar bahawa satu kesalahan yang sangat besar telah terjadi dan ini kali pertama sejak tahun 1998 Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya harap tindakan diambil terhadap sekolah-sekolah tersebut. Kalau tidak, kerajaan perlu memberi satu *consistent statement* mengenai perkara ini supaya kita dapat tahu adakah sistem diskriminasi ini, sistem *Apartheid* ini dibenarkan, digalakkan oleh kerajaan? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jerlun.

#### 5.07 ptg.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Pengerusi, terima kasih di atas ruang yang diberikan untuk berbahas dalam Kementerian Pendidikan di peringkat Jawatankuasa dan kita terima kasih kepada Perdana Menteri dan juga kerajaan yang tetap meletakkan pendidikan menjadi satu agenda yang pertama dalam negara dan peruntukan berjumlah RM54.5 bilion bagi kedua-dua mengurus dan pembangunan. Saya sekadar untuk menyentuh beberapa perkara yang mungkin ringkas kerana tidak ada masa. Satu adalah perkara yang berkaitan Butiran 03400, 131400 dan juga 00202 yakni Program Pembangunan Sukan, Bantuan Sukan dan juga Sekolah Sukan yang saya jumlahkan melibatkan hampir RM166 juta.

Jadi ini adalah sudah tentu bertujuan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berketerampilan, ada sahsiah, ada boleh menjadikan *all rounder* supaya mereka juga dapat *compete* dalam hal-hal yang berkaitan dengan kokurikulum. Ini juga ditambah dalam perkara 131300 berkaitan dengan Bantuan Kokurikulum berjumlah RM94 juta. Jadi sudah tentulah kita sering bercakap berkaitan dengan kemajuan sukan negara, jadi saya mencadangkan agar Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Belia dan Sukan mendapat melaksanakan Program NBOS iaitu *National Blue Ocean Strategy* di mana peringkat MSSM, MASUM dan juga

Majlis Sukan Negara dapat saling bekerjasama bagi memastikan peruntukan yang banyak ini tidak sia-sia dan dapat digunakan.

Akhir sekali kita dapat melahirkan murid yang cemerlang dan juga atlet yang gemilang. Jadi sudah tentulah kita melihat bahawa keperluan untuk...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu bangun. Ya, sila.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Jerlun. Saya cuma minta pendapat Yang Berhormat Jerlun dalam agenda untuk 1Murid1Sukan ini. Yang Berhormat Jerlun sedar tidak, kata banyak sekolah hari ini kerana bila kita buat *computer lab* ini sudah hampir 2,000 sekolah dalam negara kita ini sudah tidak ada padang. Jadi untuk kita hendak meningkatkan sukan, infrastruktur padang yang *basic* itu pun kita tidak ada, apakah ini dapat keadaan ini dapat menggagalkan hasrat kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat Jerlun.

■1710

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Saya setuju berkaitan dengan 1Murid1Sukan dan tidak ada prasarana yang cukup. Sudah tentulah ianya akan membantutkan hasrat tersebut. Namun kita juga boleh melalui pendekatan '*NBOS*' itu menggabungkan sekolah-sekolah berdekatan untuk menggunakan satu padang dan sebagainya tetapi boleh juga diadakan *indoor facilities* bagi sukan-sukan yang berkaitan dengan tangan seperti skuasy, badminton dan sebagainya.

Saya juga hendak sentuh tentang sukan ini bila kita tengok hari ini amat sedih sekali bila ada kejohanan olahraga tahunan sekolah-sekolah, hanya sekadar diadakan secara tangkap muat dan melepas batuk di tangga dan dahulu kalau zaman kita sekolah, ianya merupakan satu acara yang menjadi satu acara yang dilihat cukup penting di sekolah tersebut, tetapi kini ianya hanya sekadar menjadi satu aktiviti yang tidak dapat melahirkan bakat yang tinggi.

Jadi, kita perlukan kementerian supaya melihat tentang jurulatih di kalangan guru-guru. Kalau perlu, hantarlah mereka ke sekolah sukan di waktu cuti sekolah supaya mereka dapat lupakan masalah *laptop* dan sebagainya. Jadi, yang kedua berkaitan dengan sekolah menengah berasrama penuh 00203, saya melihat hanya RM33 juta. Jadi, soalan saya adalah berkaitan dengan perancangan, membina dan menyiapkan sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Jerlun yang saya faham telah pun diluluskan namun sehingga hari ini belum lagi *take off*. Jadi, nampak gaya kalau dengan bajet RM33 juta itu, saya rasa sudah tentu sekolah tersebut tidak termasuk dalam perancangan tahun 2014. Jadi, minta supaya Menteri dapat melihat perkara ini.

Yang ketiga, 050200 iaitu peruntukan untuk teknologi maklumat yang saya kira agak tinggi, RM409 juta. Adakah ini untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan PBS di mana ramai, semua boleh dikatakan bangun Yang Berhormat-Yang Berhormat. Bangun untuk bercakap tentang masalah ini. Cumanya adakah dengan peruntukan sebanyak ini, dapat membantu untuk menyelesaikan bebanan kerja yang dialami oleh guru-guru di sekolah yang kini terpaksa melakukan kerja-kerja perkeranian.

Seterusnya 090100 iaitu MQA ataupun Agensi Kelayakan Malaysia yang diberikan peruntukan RM31.5 juta. Adakah ini juga akan dapat membantu untuk melihat kolej-kolej IPTS, universiti dan kolej swasta yang seperti yang telah disebutkan oleh beberapa Yang Berhormat yang banyak menawarkan kursus-kursus yang tidak relevan, hanya sekadar untuk mengambil bahagian dan hendak berniaga, hendak mencari untung dan akhirnya melahirkan graduan yang tidak boleh diterima oleh pasaran. Jadi, minta supaya MQA dapat melihat dengan lebih *detail* lagi berkaitan dengan kelayakan-kelayakan kursus yang ditawarkan oleh IPTS.

Kelima, Butiran 101100 dan juga 02100, berkaitan dengan UiTM diberikan peruntukan RM1.9 bilion untuk belanja mengurus dan juga RM169 hampir RM170 juta untuk pembangunan. Yang ini kita sedar bahawa kerajaan berhasrat untuk melahirkan lebih ramai lagi graduan melalui UiTM dengan sasaran 250,000 pelajar setiap tahun dengan menubuhkan banyak lagi kursus-kursus dan juga kampus-kampus cawangan. Difahamkan untuk tahun 2014, dijangkakan seramai 191,139 pelajar dengan setiap tahun enrolmen atau pengambilan pelajar baru 80,000 orang dan juga melahirkan graduan sekurang-kurangnya 45,500 orang yang akan menambahkan lagi bilangan-bilangan graduan profesional contohnya graduan *accounting, engineers, QS*, undang-undang dan juga perubatan.

Jadi, kita mengucapkan tahniah dan terima kasih pada hasrat kerajaan untuk memperbanyakkan lagi graduan ini supaya kita dapat mengimbangkan bilangan *qualified professional*, dengan izin, berbanding antara suku kaum yang ada di negara kita. Yang keenam, yang ini tidak ada dalam peruntukan ataupun saya tidak nampak, tetapi kita sedar bahawa PIBG, Persatuan Ibu Bapa dan Guru memainkan peranan yang amat penting. Jadi Yang Berhormat Jerlun menggesa supaya kementerian melihat agar dapat membantu secara langsung kepada semua PIBG di sekolah-sekolah rendah dan menengah agar mereka diberikan peruntukan untuk mengurus persatuan mereka kerana kita melihat bahawa hari ini tak ramai orang yang teringin nak duduk dalam PIBG sebab hendak kena cari tabung-tabungan ataupun duit sendiri.

Jadi banyak AJK PIBG itu dilantik di kalangan waris-waris yang pandai bercakap ketika mesyuarat, terus dilantik menjadi AJK sedangkan bila mereka pegang jawatan, mereka terpinga-pinga kerana tidak dapat menggerakkan persatuan, hanya sekadar mengharap yuran sumbangan. Yang itu pun disekat oleh kementerian katanya tidak boleh kutip duit daripada murid untuk PIBG dan sebagainya kerana ianya menjadi satu masalah. Jadi saya menggesa supaya kementerian dapat melihat agar PIBG ini diberikan peruntukan untuk mengurus persatuan masing-masing.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Ha, nak habis dah. Kemudian ada juga peruntukan yang agak besar, Butiran 150100 - *NKRA Education* iaitu RM322,169,000. Jadi, ini satu peruntukan yang agak besar, jadi kita cuma hendak tahu juga apakah bentuk benda yang melibatkan *NKRA Education* ini kerana kita mahu supaya ianya dapat dirasai oleh kita semua. Akhir sekali, penyelenggaraan kawasan sekolah oleh kontraktor yang dilantik oleh jabatan dan kementerian di mana ada terdapat macam contoh di Kedah, kontraktor yang berasal dari Kuala Lumpur

menyelenggarakan sekolah-sekolah di negeri Kedah dengan menggunakan lesen orang Kedah sudah tentulah.

Jadi saya melihat bahawa ini pun satu perkara yang perlu diperbetulkan oleh kementerian kerana kita mahu supaya orang tempatan itu diberi peluang mengendalikan penyelenggaraan sekolah-sekolah tersebut walaupun mungkin hanya sekadar RM5000 ke RM6000 sebulan kerana ianya juga memberi peluang kepada mereka untuk mencari makan. Jadi, saya mohon menyokong, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Yang Berhormat Kuantan, sepuluh minit ya.

**5.17 ptg.**

**Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya di dalam perbincangan Bekalan Pembangunan B.41 ini di bawah Butiran 050100 - Pembangunan Infrastruktur.

Saya cuma ada satu perkara sahaja yang ingin saya bahaskan, Tuan Pengerusi iaitu saya pohon pihak menteri menjelaskan kenapa keluar satu surat arahan yang bertarikh 8 November 2013 untuk berpindah. Perpindahan Sekolah Kebangsaan St. Thomas untuk menumpang di Sekolah Kebangsaan Teruntum dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abu Bakar dalam daerah Kuantan. Sekolah Menengah St. Thomas kepada Sekolah Menengah Sultan Abu Bakar bermula sesi persekolahan tahun 2014.

Tuan Pengerusi, dalam keadaan di mana ada 1,100 murid yang terlibat di dalam perpindahan ini, saya pohon penjelasan daripada pihak Menteri dan pihak kementerian kenapa belum dikenal pasti lagi tanah untuk dibina satu sekolah yang baru dan kenapa tidak ada usaha perancangan untuk membina sekolah yang baru sebelum dipindahkan pelajar-pelajar Sekolah Rendah St. Thomas dan Sekolah Menengah St. Thomas?

Tuan Pengerusi, isu ini sudah daripada tahun 2008. Daripada tahun 2008 lagi, pihak tuan punya tanah sudah mengatakan bahawa mereka mahu mengambil alih tanah. Akan tetapi pihak kementerian gagal untuk mengenal pasti tanah untuk dibina sekolah yang baru dan sehingga kini tidak ada tanah yang dikenal pasti untuk dibina sekolah baru menggantikan sekolah sedia ada.

Yang Berhormat Menteri Besar menjanjikan dalam satu pertemuan pada 12 Oktober bahawa sekolah itu akan kekal sebagai Sekolah St. Thomas. Akan tetapi kekal itu bermaksud macam mana? Maksudnya katanya akan dibina satu sekolah baru dan sekolah itu akan kekal sebagai Sekolah St. Thomas. Akan tetapi sudah pun keluar surat arahan suruh pindah dan kena pindah pada 15 Disember. Tuan Pengerusi, tuan punya tanah sekolah rendah ialah *St. Gabriel, Montfort Brothers*. Tuan punya tanah sekolah menengah ialah *Archbishop of Kuala Lumpur*. Sekarang ini, pihak pemimpin di negeri Pahang mengatakan bahawa tuan punya tanah sudah menghalau dan menimbulkan kerisauan dan perasaan tidak selesa di antara kaum dan agama di Kuantan, Tuan Pengerusi. Saya amat khuatir dengan perkara ini kerana pada saya, ada surat-



surat di mana pihak tuan punya tanah mengatakan bahawa mereka membenarkan tinggal di situ sehingga 31 Disember 2015.

■1720

Tuan punya tanah sudah pun mengizinkan tinggal di tanah tersebut sehingga 31 Disember 2015 tetapi keluar arahan daripada kementerian untuk keluar pada 31 Disember 2013. Di masa yang sama mengatakan bahawa tuan punya tanah hendak ambil alih, hendak halau mereka, pelajar-pelajar daripada tanah tersebut sehingga menimbulkan pergeseran antara kaum dan antara agama. Ini tidak sihat Tuan Pengerusi. Saya amat khuatir tentang perkara ini.

Pohon penjelasan pihak kementerian, kenapa dalam surat ini pihak kementerian mengatakan bahawa sudah pun diadakan pertemuan dengan PIBG kedua-dua sekolah dan persetujuan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan pada 28 Oktober 2013. Tuan Pengerusi, ini adalah satu perkara yang tidak benar kerana yang menghantar surat kepada Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan ialah Pengerusi PIBG yang tidak mengambil kira pandangan semua ibu bapa dan juga pihak guru-guru di sekolah.

Saya selaku wakil rakyat telah pun menyusun satu pertemuan di antara PIBG dan juga pihak Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Tawau pada 7 November. Saya tidak buat bising tentang perkara ini Tuan Pengerusi sebab saya hendak bantu pelajar, saya tidak sanggup tengok pelajar dipindahkan, berkongsi sekolah, tidak ada perasaan identiti, *ownership*. Sampaikan di SABS itu sudah ada 1,400 pelajar. Hendak masuk lagi berapa ratus pelajar? Macam mana mereka hendak kongsi sekolah, hendak kongsi tandas, sampai di suruh buat tandas baru di SABS. Tuan Pengerusi, ini isu besar, ini isu pendidikan anak-anak kita yang melibatkan lebih 1,000 anak-anak Sekolah St. Thomas di Kuantan. Apa rasionalnya?

Pengerusi PIBG buat surat kononnya dialah *champion* tetapi dia tidak tanya pun AJK PIBG yang lain, dia tidak tanya pun guru-guru. Dia kononnya hendak jadi hero. Dia kata boleh pindah, dia yang kata boleh pindah ke Teruntum, dia yang kata boleh pindah ke SABS sedangkan PIBG dan guru-guru semua tidak bersetuju. Dalam pertemuan dengan Timbalan Menteri, pihak PIBG sudah mengatakan rayulah dengan tuan punya tanah sebab tuan punya tanah kata boleh tinggal sampai 2015. Kenapa perlu dipindahkan pelajar-pelajar yang hendak ambil periksa, yang akan terasa- kita tahu apabila anak kita pindah sekolah, macam mana dia punya stres dan dia punya kesusahan yang mereka lalui. Kenapa dibiarkan perkara ini berlaku?

Dalam pertemuan tersebut, wakil PIBG sudah pun merayu kepada Timbalan Menteri, suruh bercakap kepada tuan punya tanah, telefon dan rayu sebab saya sendiri sudah bercakap. Tuan punya tanah kata sekolah sudah ada dekat situ 60 tahun. Takkanlah tuan punya tanah zalim untuk menghalau pelajar-pelajar dalam tempoh masa yang begitu singkat?

Jadi, persoalannya Yang Berhormat Menteri kena jawab, kenapa dibuat keputusan yang begini? Kenapa tidak diambil kira kesejahteraan pelajar? Kenapa tidak tunggu sampai 2015 seperti yang ditawarkan oleh tuan punya tanah? Yang paling parah lagi, apabila pemimpin di negeri

Pahang menjadi ini isu politik, isu agama, isu kaum sehingga menimbulkan perasaan tidak selesa di kalangan pelajar dengan tuan punya tanah.

Saya sendiri sudah bertanya dan tuan punya tanah kata 60 tahun mereka sekolah dekat situ takkanlah tidak boleh runding lagi setahun, dua tahun sehingga sekolah siap, sehingga ada tanah hendak bina sekolah? Saya lihat itu perkara yang paling wajar. Daripada 2008, pihak *church* sudah pun mengeluarkan surat memberitahu hendak ambil alih tanah mereka. Akan tetapi tidak ada apa-apa pun yang dilakukan. Pihak kementerian seolah-olah tidak kisah pun apabila keluar surat daripada pihak *church*. Saya tidak menyebelah mana-mana. Saya hanya mahukan kesinambungan pembelajaran bagi pihak pelajar.

Saya tidak pernah membawa isu ini ke media, saya tidak pernah membawa isu ini ke Dewan sehinggalah saya habis usaha untuk membawa PIBG dan wakil mereka berjumpa dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akan tetapi, hasil daripada itu keluar surat suruh pindah juga. Saya pohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri dan pihak Yang Berhormat Menteri mesti jawab kepada wakil rakyat Kuantan yang mewakili 1,100 pelajar-pelajar Kuantan yang dipindahkan tanpa sebab. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Putatan.

5.25 ptg.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lepas Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Menteri jawab.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** ...Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya bagi satu jam setengah Yang Berhormat Menteri menjawab, dan kita boleh mencelah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya pun satu jam setengah juga?  
[Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lima minit.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Baru saya gulung Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara yang ingin saya kemukakan di Dewan yang mulia ini dalam Kementerian Pendidikan.

Bagi Maksud Bekalan 41 mulai daripada Butiran 020100 – Pendidikan Awal, Butiran 020400, 130300, 132200 dan bagi Maksud Pembangunan 41 bagi Butiran 03900 dan Butiran 03700. Jadi, saya tidaklah menyentuh soal apa yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli, rakan-rakan Yang Berhormat yang lain soal prestasi dalam IPTA dan sebagainya, dalam nilai-nilai modal insan yang mana peranan guru-guru kita.

Akan tetapi saya ingin balik kepada *basic*. Sebelum itu, sebelum saya lupa saya ingin menyentuh perkara soal program pembangunan luar bandar Sabah dan Sarawak. Ini saya rasa rakyat negeri Sabah hendak saya kemukakan kepada rakan soal infrastruktur atau prasarana di luar bandar. Walaupun dibawa oleh rakan-rakan yang lain tetapi khususnya kepada kawasan luar bandar yang terpencil, walau bagaimanapun kita telah pun membawa perkara ini bertubi-tubi di Dewan yang mulia ini. Namun begitu, pelaksanaan ini belum dapat kepuasan atau pun kelihatan di mata penduduk-penduduk luar bandar di negeri Sabah terutama sekali prasarana sekolah, perpustakaan, asrama, persekitaran, suasana kerja...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tuaran bangun.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Penjelasan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sekejap, sekejap. Sekolah, pelancongan, sekolah mubaligh, sekolah *mission* sebagaimana Kuantan sentuh tadi, saya sokong penuh.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Penjelasan Yang Berhormat Putatan...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini baru mukadimah. Tidak apa Yang Berhormat Tuaran sahabat saya, saya punya timbalan. Kalau tidak dia bocorkan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan, terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bercerita tentang pembangunan prasarana di luar bandar di Sabah. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di antara cabaran untuk membina infrastruktur pendidikan di negeri Sabah ialah keadaan muka buminya yang berbukit bukau. Apabila ia berbukit bukau, cabaran untuk menangani kesan alam sekitar adalah begitu penting.

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat lebih lima projek pembinaan sekolah menengah dan juga IPG di Sabah, di mana Kementerian Pendidikan sudah dikenakan denda. Ada yang RM15,000 ada yang RM20,000 oleh Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah kerana telah masuk membina bangunan tanpa kelulusan EIA. EIA yang diluluskan oleh Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah. Ini bukan Jabatan Alam Sekitar Persekutuan ya.

Oleh sebab itu, ini adalah satu perkara yang Kementerian Pendidikan selama ini tidak mengambil kira, dari segi bajet untuk peruntukkan untuk membuat Laporan EIA mahupun dari segi jadual pelaksanaan projek. Jadi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa ini wujud dan kalau sedar adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kita minta pihak kerajaan, pihak kementerian untuk mengambil kira hal-hal ini? Jika tidak, lebih banyak lagi projek-projek sakit di pembinaan sebelah di negeri Sabah. Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat saya dari Tuaran. Memang berlaku. Jadi, saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri yang duduk di sana mendengar itu ambil perhatian, ambil nota dan pantau bagaimana soal pelaksanaan itu gagal, yang menjadi *white elephant* atau gajah putih.

Jadi bukan sahaja di Sabah ini. Saya rasa perkara yang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor yang langsung tidak bertanggungjawab atau pun pegawai-pegawai yang langsung tidak bertanggungjawab soal bagaimana pelaksanaan tapak-tapak sekolah yang harus dibina itu, yang mana keperluan sekolah itu memang tanahnya agak begitu mahal. Jadi saya melihat daripada konsultannya itu...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pasir Gudang bangun.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sabar dahulu. Konsultannya itu dapat melihat supaya reka bentuk sekolah itu tidak memerlukan kawasan yang begitu luas yang boleh kita laksanakan, membina dengan bertingkat-tingkat. Walaupun sepuluh tingkat ia masih dinamakan sekolah. Kita memerlukan padang dan infra-infra yang lain. Jadi kita mahu melihat *maximize*, *optimize* kawasan-kawasan sekolah itu supaya tidak lagi ada lagi soal persekitaran dan sebagainya. Ya, Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan rakan saya Yang Berhormat Putatan. Saya ingin juga bertanya dengan Yang Berhormat Putatan soal pembangunan sekolah-sekolah ini. Bersetujukah Yang Berhormat Putatan supaya perhatian diberi dengan sewajarnya dengan kadar segera kepada semua permintaan pembinaan sekolah terutama sekali di kawasan-kawasan perumahan baru. Sepatutnya setiap perumahan baru yang dibina, soal pembinaan sekolah mestilah dimasukkan di dalam kawasan tersebut. Sebagai contoh di dalam kawasan saya, di kawasan Taman Scientex sepatutnya sudah dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa sebuah sekolah menengah akan dibina di Taman Scientex itu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Shah Alam duduk. Kawan saya dari Pasir Gudang dahulu. Duduk.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Amboi.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jadi itulah soal yang akan saya timbulkan juga. Soal kawasan saya pun serupa. Saya harap Yang Berhormat Menteri itu saya tengok dia pegang pensel atau tidak menulis perkataan ini. Scientex punya kawasan yang sudah lama. Saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri dapat memantau, melawat dan membuat sesuatu supaya rentetan daripada pengundi-pengundi Pasir Gudang itu dapat ditangani dengan segera.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Pasir Gudang.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jadi saya mengarah, ini bukan menyeru tetapi mengarah Kementerian Pendidikan ini untuk melawat...

**Beberapa Ahli:** Pasir Gudang, Pasir Gudang.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Pasir Gudang.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Pasir Gudang. Sorry. Jadi soal...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [Bangun]

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tunggu dahulu. Saya bagi. Serupa juga. Bagi pembekalan, pembelian pelbagai negeri iaitu Butiran 0900. Sama itu. Sama juga dengan kawasan Putatan Tuan Pengerusi. SMK Tagasan semenjak RMKe-8 kita bawa perkara ini. Tapak sudah dikenal pasti. Tanah sudah dikenal pasti.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan tidak mahu sebut SMK Kuala Krau kah?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kuala Krau juga belum dilaksanakan. Kuala Krau pun serupa. SMK Tagasan ini yang mana penduduk-penduduk memerlukan sekolah menengah. Yang Berhormat Menteri kebanyakan ibu bapa terpaksa menghantar anak-anak mereka dari awal jam 5 pagi ke sekolah-sekolah yang jauh daripada permastautinan ibu bapa itu menghantar anak-anak. Saya sudah bawa perkara ini dengan mantan Menteri pada beberapa penggal yang lalu, tetapi sekarang hanya tapak ditandai. Pelaksanaannya bila? Soalnya bila? Adakah Yang Berhormat Menteri pernah melawat kawasan ini atau pun tidak? Kalau tidak bagi tahu. Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Tuan Pengerusi, di Shah Alam pun masalah yang sama juga. Ia bukan sekadar di Sabah, di Sarawak atau pun negeri-negeri yang jauh. Yang mana yang dekat pusat bandar sendiri di Puncak Perdana, Sekolah U10 sudah lama proses pembinaannya. Sekarang ini tinggal 40%. Bila saya tanya tentang status, jawapan yang saya dapat telah 40% siap dan kos pembinaannya adalah sebanyak RM11.9 juta.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Putatan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ada dua isu. Di sini saya hendak tanya...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam tengah mencelah. Tidak boleh.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau boleh Yang Berhormat Putatan boleh tambah masuk dalam ucapan dia. Pertamanya, kenapa tidak beri tarikh siap? Hanya beritahu 40% sudah siap. Bila siap tidak tahu lagi. Tidak ada komitmen.

Keduanya, harga RM11.9 juta.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okey, harga itu tidak perlulah...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Putatan, minta...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sedangkan kita bina bawah Kerajaan Negeri Selangor, kita guna hanya RM5 juta sahaja. Kenapa yang ini sampai RM12 juta?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Shah Alam jangan lebih-lebih. Ini salah guna...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Putatan, celahan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sudahlah Yang Berhormat Shah Alam. Lenguh sudah berdiri.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Putatan, minta sedikit.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Satu bilik darjah RM1 juta.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini sudah salah bagi...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh beri jawapan. Saya mintalah Tuan Pengerusi *extend*lah masa. Ini kementerian yang besar.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Putatan, lain kali jangan bagi. Ini lupa diri ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Banyak isu. Kalau hendak berhenti pukul 5.30 petang terlalu suntuk. Kurang-kurang satu *round* lagi. Okey saya minta.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lenggong.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri, bantu juga Yang Berhormat Shah Alam ini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lenggong sedikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Putatan, dalam isu ini...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya dahulu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang mana satu Yang Berhormat Putatan?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya minta yang Yang Berhormat Putatan masukkan juga dalam ucapan Yang Berhormat Putatan. Ini soal pembangunan infrastruktur. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Kota Lima. Yang Berhormat Menteri, kita sudah buat cantik. Cuma saya minta kemudahan peralatan itu ditingkatkan kerana bangunan itu sudah siap. Cukup cantik.

Keduanya, padang Sekolah Rendah Kebangsaan Lubok Kawah, sudah lulus pada tahun 2003 tetapi tidak ada lagi. Masukkan juga yang ini. Kemudian saya minta supaya Sekolah Menengah Seri Budiman dinaiktarafkan supaya menjadi sekolah pilihan. Sekolah yang menempatkan pelajar-pelajar yang tidak dapat masuk mana-mana institusi pengajian tinggi. Masukkan dalam ucapan Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okey, Yang Berhormat Lenggong.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya sampaikan ucapan terima kasih kepada kerajaan.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Dengar itu Yang Berhormat Ipoh Barat. Yang Berhormat Ipoh Barat dengar itu. Yang Berhormat Kapar dengar itu. Ucapan terima kasih daripada wakil rakyat kepada kerajaan, sekolah Tamil.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Putatan, saya minta tolong sampaikan, tanyakan kepada kementerian.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Itu kewajipan kerajaan.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Ini berhubung dengan sekolah-sekolah yang tidak siap. Kita hendak tanya kepada kementerian siapa dia Apex Communication Sdn. Bhd. yang dikatakan kementerian memberi kontrak membuat 30 pembesaran sekolah dan juga empat sekolah baru. Mungkin antara sekolah-sekolah yang tidak siap ini disebabkan oleh kontraktor. Boleh tolong tanyakan kementerian? Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Lumut. Itu tidak masuk dalam butiran. Walau bagaimana pun nama kontraktor itu tidak ada dalam butiran. Jadi walau bagaimana pun sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Mahu jawab atau tidak itu terpulang, terserah kepada Yang Berhormat Menteri untuk jawab.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Putatan, Hulu Rajang.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya [Ketawa]

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Sama. Yang Berhormat Putatan, kita ini sama dalam pedalaman. Sabah dan Sarawak berdekatan. Apa yang penting SMK Belaga saya minta Kementerian Pelajaran berapa tahun telah siap. Bangunan lawa tetapi belum diduduki oleh murid-murid sekolah di SMK Belaga. Saya mohon Kementerian Pendidikan pergi ke kawasan saya di Hulu Rajang. Kementerian sebagai Menteri yang bertanggungjawab, bukan Menteri di sini tetapi Menteri di seluruh Malaysia. Saya mohon supaya diambil tindakan. Jangan tahu sebagai *white elephant* sahaja. Rugi tidak diguna pakai. Wujud hantu diam di sana nanti. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Asalkan jangan Lubok Antu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan, sila gulung.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Hulu Rajang itu beri keutamaan Yang Berhormat Menteri. Melawat kawasan Hulu Rajang itu amat perlu dibantu. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri melawat juga kawasan Hulu Rajang itu. Wajib.

Jadi saya ada soalan yang amat penting. Oleh kerana yang saya hendak sentuh itu yang paling mustahak sekali adalah kita *go back to basic*, dengan izin. Kita tidak perlu lagi cakap pasal IPTA. Kita mendengar, menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu memperkasakan ekonomi luar bandar. Jadi kita melihat satu butiran di sini yang mengatakan tadi saya sebutkan yang pertama iaitu pendidikan awal. Kalau kita boleh wujudkan sekolah sukan,

kenapa kita tidak boleh wujudkan sekolah teknologi pertanian? [*Tepuk*] Itu dia agenda kita. Mempertingkatkan pendapatan rakyat menjelang tahun 2020 supaya negara kita sama-sama meraikan satu negara sebagai negara maju.

Setuju atau tidak Yang Berhormat Menteri? Kalau ini dapat dipandang, daripada kita menggunakan istilah-istilah yang kita tidak pernah dengar pun. *We go back to basic*. Bagaimana kita memperkasakan ekonomi penduduk kita di luar bandar? Ini kerana apa yang kita latih di peringkat awal ibu bapanya tidak akan- anak, kamu mesti belajar supaya menjadi kerani di Jabatan Pertanian atau Jabatan Pendidikan, menjadi guru, engineer, jurutera. Menjadi jurutera macam Yang Berhormat Shah Alam tidak bolehlah. Menjadi doktor, arkitek dan macam-macam lagi. Menjadi ahli politik. Jadi, adakah ibu bapa menunjukkan jadi seorang usahawan tani?

■1740

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jadi kalau ada yang gagal, jadi tukang kebun. Itu sahaja, dia punya cara- negatif kepada karier pertanian ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekejap Yang Berhormat Putatan. Hendak kena belajar bersungguh-sungguh supaya peraturan mesyuarat dipatuhi [*Ketawa*]

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Pengerusi, sebelum saya gulung. Ada pula sekolah-sekolah agama di peringkat pendidikan awal, sekolah-sekolah agama yang didukung, disokong oleh parti-parti tertentu. Yang diindoktrinasikan membenci Kerajaan Barisan Nasional, ini tidak tahulah. Saya minta kementerian, kalau betul yang saya dengar ini, betul atau tidak, saya minta pihak kementerian dapat memeriksa ataupun memantau. Kegiatan apa yang dilaksanakan di sekolah-sekolah agama dan juga sekolah jenis kebangsaan. Ada juga unsur-unsur doktrin ideologi-ideologi sosialis. Bukan di Sabah, saya cakap di Semenanjung...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Macam BTN kah? Benci Cina, benci India.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kacaulah! Jadi, saya mohon pihak kementerian juga memantau apa yang berlaku di sekolah jenis kebangsaan ini yang mendoktrinasikan ideologi-ideologi komunis. Kalau adalah. Ini satu yang saya dengar. Jadi, tidak berapa sihat. Saya tidak senang hati mendengar ini. Kalau bilang saya tidak ikut peraturan mesyuarat, susah juga. Walaupun ada butiran-butiran yang banyak lagi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh mencelah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jadi, saya berharap Tuan Pengerusi dapat membenarkan saya mencelah kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan butiran yang sebut oleh Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang *handsome*.



**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, boleh mencelah nanti. Jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**5.42 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

Terima kasih kepada 37 Ahli Parlimen yang telah berhujah, 14 orang yang membahaskan, 23 Ahli Parlimen yang telah mencelah. Saya akan cuba sedaya upaya saya untuk memberi maklum balas secara terperinci. Kalau ada kekurangan, akan saya mohon kerjasama daripada Yang Berhormat supaya saya dapat memberikan maklumat secara bertulis kepada Yang Berhormat berkenaan. Sekiranya ada kekurangan dalam jawapan yang dibangkitkan sebentar tadi, tetapi saya akan cuba sedaya-upaya untuk memulakan penjelasan dengan memberi jawapan kepada semua perkara yang telah dibangkitkan.

Yang Berhormat Lembah Pantai telah membangkitkan isu penempatan guru. Saya ingin memberi penjelasan di sini Tuan Pengerusi, bahawa pengurusan penempatan guru baru merupakan fungsi utama bahagian pengurusan sekolah harian. Sehubungan dengan itu, bahagian ini sedang melaksanakan makmal khusus berkaitan dasar penempatan dan pertukaran guru dan beberapa siri sindikasi bagi membincangkan kaedah penyelesaian terbaik dan berkesan dalam menangani isu-isu berkaitan dasar pertukaran dan penempatan guru bersama pihak-pihak yang berkepentingan sejak bulan Ogos 2013. Makmal khusus ini berkaitan perkara yang telah dilaksanakan.

Bermula 20 hingga 23 Ogos yang mana turut dihadiri rakan seperjuangan saya, Yang Berhormat Tawau, Timbalan Menteri Pendidikan I. Sehingga September 2013 Tuan Pengerusi, sejumlah empat siri sindikasi dilaksanakan bersama-sama pihak yang berkepentingan seperti berikut bagi mendapat input, pandangan dan kaedah penyelesaian terbaik dan berkesan dalam menangani isu-isu berkaitan dasar pertukaran dan penempatan guru. Pada 9 September 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia dan kesatuan-kesatuan pendidikan.

11 September, Kementerian Pendidikan Malaysia dan agensi-agensi kerajaan seperti polis, tentera, bomba, kastam, imigresen, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Penjara, MARA, Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri, Pesuruhjaya Perkhidmatan Pelajaran. Pada 25 September, Kementerian Pendidikan Malaysia bersama Setiausaha Kerajaan Negeri (CUEPACS), Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Sumber Manusia, SPRM, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pada 27 September, semua ketua bahagian yang terlibat dalam *task force* penempatan dan pertukaran guru. Laporan status pelaksanaan sindikasi sentiasa dimaklumkan kepada pengurusan tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia. Dapatan makmal berkaitan pertukaran dan penempatan guru tersebut akan dikemukakan untuk makluman dan pertimbangan Jemaah Menteri setelah semua sesi sindikasi bersama semua pihak yang terlibat dalam proses penempatan dan pertukaran guru ini diselesaikan. Maka, kita akan melakukan

semua dalam bidang kita untuk memastikan masalah penukaran guru ini dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Kinabatangan dan beberapa lagi Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu ICT. Kemudahan peralatan ICT di sekolah-sekolah sentiasa dikaji supaya semua sekolah luar bandar dan pedalaman mendapat pencapaian *internet* yang munasabah untuk membolehkan PDP dan PDT dijalankan dengan baik. Kerajaan juga amat prihatin dengan keperluan pendidikan setara untuk semua dan berusaha untuk melengkapkan semua sekolah dengan peralatan ICT dan jalur lebar yang dapat menyokong keperluan pendidikan abad ke-21.

Melalui projek 1Bestari Net yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, semua sekolah di seluruh Malaysia disasarkan mendapat capaian *internet* jalur lebar sama ada 2mbps hingga 10mbps atau 4mbps hingga 10mpbs. Ini termasuk sebanyak 1,926 sekolah luar bandar yang mendapat internet melalui VSAT. Manakala, pada tahun 2013 sebanyak 1,250 buah sekolah luar bandar juga telah dilengkapi dengan kelengkapan ICT berteknologi *VDI Thin Client* di bawah RMKe-10. Kerajaan sedang melaksanakan pembekalan *Chromebook* sekolah-sekolah yang akan berfungsi sebagai makmal komputer. Maka, kementerian akan sentiasa mencari ruang bagaimana kita dapat memudahkan penggunaan sistem ICT ini supaya pendidikan ini dapat diteruskan menggunakan kaedah yang terbaru.

Yang Berhormat Lembah Pantai juga menimbulkan isu Program *MyBrain*, yuran pasca ijazah, tempoh bayaran balik. Untuk makluman, pembiayaan di bawah program *MyBrain* 15, pelajar hanya akan ditaja untuk yuran pengajian bagi mana-mana semester yang berada dalam tempoh pembiayaan. Seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran pembayaran *MyBrain* 15. Manakala, yuran pengajian semester di luar tempoh pembiayaan tidak akan dibayar. Isu PBS merupakan satu isu yang hangat didebatkan oleh semua Ahli Yang Berhormat. Kami sendiri di Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil perkara ini sebagai satu perkara yang sangat penting.

Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya hormati, isu PBS, pelaksanaan PBS bukanlah untuk bertujuan untuk membebankan guru. Akan tetapi untuk menyediakan satu bentuk pentaksiran pelajar yang lebih holistik dan tidak hanya berlandaskan kepada peperiksaan semata-mata. Kementerian sedia maklum, untuk melaksanakan sistem berkenaan banyak cabaran yang terpaksa dihadapi. Segala masalah yang dihadapi, saya bagi pihak kementerian mohon maaf kepada semua guru, hasrat kita bukan untuk membebankan sesiapa, Yang Berhormat.

Maklumat dan respons yang saya terima daripada semua Ahli Yang Berhormat, kita dengar. Kita dalam proses untuk mencari penyelesaian. Sekarang cuti sekolah, kementerian sedang - saya bercakap dengan Yang Berhormat, sedang mencari semua kaedah yang boleh supaya kita dapat selesaikan masalah sebelum akhir tahun ini. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, integrasi sistem akan diselesaikan pada akhir tahun ini. *Server* akan ditambah baik, *CATCH* akan dilaksanakan di mana data yang telah dimasukkan tidak akan hanya

menggunakan *single window*. Kementerian telah menjalankan kajian pementapan profesion baru (PPG) yang melibatkan pelaksanaan rintis seperti berikut.

- (i) penempatan 313 PTN 17 di Melaka untuk bantu guru data dan guru perpustakaan, dan media; dan
- (ii) 100 jurutera komputer FT17 di Melaka untuk bantu guru penyelaras bestari.

#### ■1750

Melalui *National Blue Ocean Strategy*, dengan izin, kajian telah diluaskan untuk melibatkan lapangan kajian iaitu beban tugas guru, ketidaksepadanan opsyen guru, saiz kelas yang ideal dan pertindihan pangkalan data. Maka kita akan terus meneliti dan mencari kaedah-kaedah untuk mencari penyelesaian yang terbaik untuk mengatasi masalah PBS ini. Ada banyak lagi isu yang telah dibangkitkan akan saya jawab secara terperinci...

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** [Bangun]

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Sabar dulu banyak lagi isu. Kalau ada dalam...

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** PBS, PBS.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Ya, ya. Banyak lagi isu. Ramai Ahli Yang Berhormat telah bangkitkan, banyak lagi isu di sini. Kalau akhir penyampaian saya hilang soalan yang diminta itu, jawapannya tidak ada, maklum kepada saya, saya akan berikan maklumat secara peribadi kepada Yang Berhormat sekiranya hilang ya mohon maaf.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Sikit mohon penjelasan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Nanti saya belum habis lagi.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Pasal PBS.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Sabar-sabar, saya kata ada lagi, banyak lagi sabar. Yang Berhormat Lembah Pantai juga membangkitkan isu e-Prestasi. Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan merupakan program rintis atau pra pelaksanaan penilaian. e-Prestasi adalah sistem dalam talian yang digunakan untuk membuat penilaian. Tempoh pra pelaksanaan penilaian ini telah dilanjutkan sehingga 31 Januari 2014.

Pelaksanaan sebenar hanya akan dibuat pada tahun 2015 setelah penambahbaikan dibuat berdasarkan program rintis. Penilaian dilakukan untuk melihat secara lebih tepat dan telus terhadap bidang tugas dan hasil kerja guru sepanjang tahun.

Yang Berhormat Lembah Pantai juga telah membangkitkan isu pengukuhan operasi pendidikan hutang PTPTN. Untuk makluman Yang Berhormat, PTPTN sentiasa bersedia berunding dengan peminjam yang menghadapi masalah membayar balik pinjaman penyenaian hitam pinjaman hanya dibuat sebagai langkah terakhir setelah 5 notis peringatan dihantar kepada peminjam atau 16 bulan selepas tamat pengajian.

Selain itu, peminjam yang tidak bekerja dibenarkan membuat penangguhan bayaran balik sehingga tempoh dua tahun. Berhubung saranan Yang Berhormat supaya kementerian membuat baik pulih sistem bayaran balik berasaskan sistem seperti di United Kingdom. Untuk makluman

Yang Berhormat, kementerian sedang membuat kajian kaedah bayaran balik melalui potongan gaji atau *income contingent loan repayment* (ICLF) berasaskan *threshold* pendapatan peminjam sebagaimana yang dilaksanakan di New Zealand dan Australia. Melalui kaedah ini, peminjam hanya perlu memulakan bayaran balik sekiranya pendapatan mereka melepasi tahap tertentu yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi peminjam yang membuat penukaran pembiayaan daripada konvensional kepada *ujrah*, pinjaman mereka akan distrukturkan semula. PTPTN akan menarik balik nama mereka daripada senarai hitam Jabatan Imigresen Malaysia.

Yang Berhormat Tenom telah membangkitkan isu kolej kediaman mahasiswa-mahasiswa. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sedar dan prihatin terhadap permasalahan kekurangan kolej kediaman pelajar di IPTA. Oleh yang demikian, 22 projek kolej kediaman sedang dilaksanakan dengan kapasiti hampir 85,000 pelajar di bawah Kerjasama Awam-Swasta atau *Public-Private Partnership*, dengan izin.

Yang Berhormat Tenom juga membangkitkan isu perkhidmatan *WiFi* atau capaian *internet*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi peningkatan kemudahan capaian *internet* tanpa wayar atau *WiFi* melibatkan tiga komponen utama berikut:

- (i) sambungan peningkatan lebar jalur gerbang *internet* ke kampus;
- (ii) sistem rangkaian setempat di dalam kampus; dan
- (iii) penyediaan peralatan *wireless* di dalam kampus.

Tempoh pelaksanaan perluasan *WiFi* di institusi pengajian tinggi awam mengambil masa selama 10 bulan. Ini melibatkan proses perolehan melalui tender bagi pembekal *internet* dan peralatan rangkaian dan pemasangan ujian dan pentauliahan. Perolehan untuk sistem rangkaian setempat serta peralatan *wireless* akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan peruntukan dari Kementerian Kewangan sebanyak RM349 juta melalui permohonan peruntukan tahun 2014.

Yang Berhormat Parit Buntar, mencadangkan agar semua dasar baru yang berkaitan pendidikan mendapat persetujuan *stakeholders*. Yang Berhormat, langkah kerajaan menggabungkan kedua-dua kementerian adalah merupakan antara usaha untuk membolehkan pelaksanaan Dasar Pendidikan diselaraskan secara bersepadu. Berpaksikan falsafah pendidikan kebangsaan serta berlandaskan Akta Pendidikan yang berkaitan. Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara memang mendapat pandangan daripada semua pihak termasuk dari kalangan guru-guru.

Yang Berhormat Parit Buntar juga membangkitkan isu yang mana premis sekolah digunakan untuk tempat menjadi mesyuarat parti politik. Pihak kementerian telah mengeluarkan Surat Pekeliling Bil.3/2008. Seperti berikut, saya baca perenggan 4. "*Semua pengetua dan guru besar adalah diingatkan supaya mendapatkan pandangan dan kelulusan daripada Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri akan sebarang permohonan untuk menggunakan premis atau kemudahan sekolah seperti bilik darjah, dewan dan padang permainan atau lain-lain oleh pihak luar. Ini tujuan untuk menjamin kesejahteraan serta menjaga keselamatan harta benda sekolah.*"

Memang perkara-perkara ini tidak dibenarkan sekiranya ada saya cadangkan kepada Yang Berhormat untuk memberikan surat aduan kepada saya kita akan membuat siasatan dengan sewajarnya. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Parit Buntar juga menimbulkan isu pertumbuhan kolej swasta yang tidak terkawal. Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2013 terdapat 520 buah IPTS yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah peruntukan atau institusi pendidikan tinggi swasta 1996 dengan pecahan seperti berikut- universiti 40, kolej universiti 27, kampus cawangan luar negara 8 buah, kolej 422 buah termasuk cawangan-cawangannya.

Oleh yang demikian, kementerian telah mula melaksanakan *moratorium* ataupun pembekuan ke atas penubuhan baru IPTS mulai 1 Februari 2013 selama dua tahun. Keputusan berkenaan merupakan salah satu kaedah kawalan oleh pihak kementerian bagi mengelak berlakunya lebih penawaran berbanding permintaan. Keputusan juga adalah berasaskan kepada justifikasi berikut, iaitu memberi fokus kepada pelaksanaan rasionalisasi sektor pengajian tinggi swasta melalui kaedah pembangunan dan perolehan kolaborasi ataupun penstrukturan semula IPTS. Memberi fokus kepada usaha meningkatkan kualiti program pengajian dan IPTS sedia ada.

Dalam menjaga kualiti program pengajian yang ditawarkan, kementerian sentiasa merujuk dan bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan seperti badan-badan profesional seperti *Malaysian Medical Council* (MMC) yang memastikan kualiti pengajian adalah sebagaimana keperluan hakiki profesion yang terlibat. Program pengajian juga turut dinilai kualiti dan akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia dan agen standard mutu pengajian adalah terbaik dibandingkan standard luar negara.

Yang Berhormat Parit Buntar juga membangkitkan isu ada IPTA yang tawarkan kursus yang tidak diiktiraf. Semua program akademik bersifat profesional perlu melalui proses audit oleh badan profesional berkaitan. IPTA perlu mengambil tindakan di atas semua teguran atau cadangan badan profesional. Sekiranya audit kali pertama gagal, audit kali kedua akan dilaksanakan sehingga badan profesional berpuas hati. Oleh itu, tidak timbul isu program yang tidak diiktiraf...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Untuk program... Sebentar, izinkan saya selesaikan jawapan ini. Untuk program undang-undang USIM...

**Seorang Ahli:** Izinkan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Salah kah?

**Seorang Ahli:** Betul, *exact word*. Oh! Hebat.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *Thank you*. Untuk program undang-undang USIM, isu adalah berkaitan graduan yang tidak menduduki *Certificate of Legal Practice* (CLP) sebelum bergraduasi. *Legal Profession Qualifying Board* (LPGB) sedang melawat USIM untuk melihat semula sama ada graduan perlu menduduki CLP atau pun tidak.

Untuk kes UMK, maklumat lebih terperinci diperlukan dan akan membuat sebarang tindakan yang selanjutnya. Sila Yang Berhormat Sepang.

## ■1800

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya rasa Yang Berhormat Menteri, sepatutnya apabila pelajar-pelajar ditawarkan oleh universiti ataupun universiti menawarkan satu-satu kursus khususnya undang-undang, perlu terlebih dahulu memastikan segala *syllabus* itu memenuhi kriteria yang ditetapkan. Saya rasa dalam kes USIM ini, saya pun merasa hairan kenapakah tidak boleh digunakan contohnya *syllabus* Universiti Islam Antarabangsa (UIA), kerana USIM juga adalah universiti berteraskan Islam yang mana UIA telah diiktiraf.

Jadi kalau - yang menjadi mangsa ialah pelajar. Ibu bapa telah hantar dengan harapan dan cita-cita supaya anak mereka boleh menjadi peguam dan sebagainya. Jadi ini menjadi mangsa kepada pelajar-pelajar yang telah grad. Saya juga masih hairan apabila universiti dalam negeri terpaksa melalui CLP kerana biasanya CLP ini hanya untuk pelajar-pelajar daripada luar negara. Jadi saya merasa ini satu perkara yang ada yang tidak kena di situ. Jadi minta Menteri berikan penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Gajah bangun.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Boleh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tahu dan bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada Menteri sedar atau tidak berkaitan dengan beberapa kolej swasta yang menawarkan kursus kejururawatan di mana kosnya adalah cukup tinggi, hampir RM60,000 hingga RM70,000 untuk mendapatkan kelayakan kejururawatan, tetapi selepas mereka habiskan kursus, mereka tidak boleh dapat kerja sebab kebanyakan hospital-hospital kerajaan mahupun swasta tidak mengiktiraf kelayakan mereka itu, sedangkan PTPTN pula sanggup memberi pinjaman kepada mereka. Selepas mereka habis belajar dengan memiliki kelayakan kejururawatan itu, mereka tidak dapat kerja dan akhirnya mereka juga terpaksa menanggung beban membayar PTPTN. Sijil yang mereka miliki itu tidak boleh digunakan di mana-mana pun.

Saya sendiri pernah cuba membantu beberapa orang pelajar dengan menelefon kepada beberapa buah hospital swasta menanyakan kepada mereka sama ada mereka sanggup menerima ataupun tidak dan hospital-hospital swasta itu dengan terus terang beritahu kepada saya, kelayakan mereka itu daripada beberapa kolej swasta yang agak terkemuka. Mereka membuat pengiklanan di merata tempat dan akhirnya hospital-hospital itu memberitahu bahawa kelayakan mereka itu langsung tidak diiktiraf dan mereka tidak akan diambil kerja di mana-mana hospital tersebut. Jadi, ini amat membebankan pelajar-pelajar tersebut, merugikan mereka dan mereka terpaksa menanggung satu beban tambahan. Bukan sahaja sijil tidak boleh pakai tetapi

mereka terpaksa membayar PTPTN. Apa pandangan ataupun jawapan Menteri berkaitan dengan perkara ini?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, boleh sekali dengan Yang Berhormat Kapar. Sila Yang Berhormat Kapar, ya.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Menteri, ini mengenai Butiran 101100 tentang IPTA. Tadi saya tidak sempat hendak bahas. Daripada 20 universiti yang diberikan peruntukan, nampaknya peruntukan sebanyak RM1,915,553,700 diberikan kepada Universiti Teknologi Mara (UiTM). Tiada universiti lain yang diberikan peruntukan yang begitu tinggi. UM, UKM, USM, UPM dan UTM lebih kurang RM500,000 dan baki 14 universiti yang lain diberikan peruntukan kurang daripada RM500,000.

Kerajaan menunjukkan konsistensi dalam memberikan peruntukan kepada UiTM iaitu pada tahun 2013, RM1.8 bilion dan kini RM1.9 bilion. Adakah konsistensi kerajaan dalam pemberian dana ini akan memberi pulangan kepada negara dalam bentuk melahirkan generasi masa depan yang mahir dan sempurna berbaloi dengan dana yang diperuntukkan kepada UiTM? Itu soalan pertama.

Soalan kedua, mengapa UiTM diberikan peruntukan yang amat tinggi? Adakah peruntukan hampir RM2 bilion ini boleh menaikkan taraf universiti iaitu UiTM dalam ranking antarabangsa? Minta penjelasan Menteri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Menteri. Saya hendak sambut apa yang Yang Berhormat Batu Gajah kata tadi, sebab bila PTPTN ini dia beri bantuan sepenuhnya *fees* kepada universiti-universiti ini yang kita tahu bahawa bila pelajar dia keluar, dia payah mendapat pekerjaan ataupun kalau mendapat pekerjaan pun, gaji dia amat rendah.

Saya percaya kebanyakan universiti swasta ini, hidup dia bergantung kepada pelajar-pelajar tajaan PTPTN. Maka mungkin PTPTN, Yang Berhormat Menteri boleh tengok, supaya jangan mengikut jumlah *fees* atau bayaran yang dikenakan oleh universiti itu dan *finance* keseluruhannya. Mungkin dengan mengurangkan syiling. Contohnya katakan RM70,000, PTPTN hanya beri syiling RM40,000 atau RM45,000. Saya yakin penuh bahawa dengan cara itu, *automatically fees* untuk universiti swasta ini juga akan berkurang kerana dia memerlukan pelajar tajaan PTPTN ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lenggong sudah catat itu. Sila.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih Tun Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** [Bangun]

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Saya cuma hendak sentuh satu perkara. Walaupun nampaknya remeh tetapi saya fikir penting iaitu Butiran 120000 berkenaan dengan KTAR. Oleh

kerana KTAR sudah dinaik taraf menjadi kolej universiti, jadi saya rasa nama itu harus diperbetulkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap sahaja tentang Universiti Malaysia Kelantan tadi. Saya difahamkan oleh pelajar bahawa Universiti Malaysia Kelantan ada menawarkan *engineering* dengan usahawan. Akan tetapi akhirnya, *engineering* pun tidak jadi *engineer* dan usahawan pun tidak jadi usahawan. Jadi ini yang bahayanya apabila ditawarkan satu kursus yang nampak menarik tetapi akhirnya tidak diiktiraf. Usahawan pun tidak ketahuan dan *engineering* pun tidak menjadi *engineer*.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu yang saya difahamkanlah. Minta kepastian daripada Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Selepas Yang Berhormat Lenggong saya fikir Yang Berhormat Limbang. Okey.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh catat, Yang Berhormat Menteri? Celahan banyak.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai kolej swasta. Saya hendak bangkitkan satu isu yang hari ini saya tengok dibincangkan juga dalam media sosial. Yang Berhormat Menteri, kadang-kadang kita fikir barangkali tidak munasabah umur sudah 39 dan ada yang sudah mencecah 40 tahun masih mahu buat diploma. Ini saya maksudkan ialah pelajar-pelajar daripada luar negara yang belajar di kolej swasta yang kebanyakannya ialah daripada negara Afrika.

Saya hendak sebut di sini, misalnya yang hari ini difahamkan, saya tidak tahu angka ini betul ataupun tidak, iaitu pelajar Afrika di Kolej Legenda di Mantin di Negeri Sembilan misalnya, begitu ramai sekali hingga menyebabkan berlaku masalah sosial. Ini membimbangkan kita. Kita memang mahu supaya kolej-kolej dan universiti kita di dalam negara ini dipenuhi dengan pelajar-pelajar luar negara. Akan tetapi kualiti pelajar itu sendiri, apakah dia datang ke negara kita memang kerana dia hendak belajar? Kalau itu maksudnya, *alhamdulillah*.

Akan tetapi apa yang kita bimbang, dia hanya menggunakan pas ataupun permit belajar ini tetapi dia buat perkara-perkara lain. Ini membimbangkan kita. Jadi, saya harap perkara ini diteliti. Isu misalnya seramai 5,000 pelajar Afrika. Saya tidak tahu betul atau tidak tetapi saya fikir ini mesti diteliti dan diambil perhatian kerana kita bimbang anak-anak kita terutama sekali perempuan dan sebagainya akan, saya tidak mahu sebut tetapi masalah-masalah sosial ini berlaku. Ini membimbangkan kita dan minta kementerian ambil perhatian. Kebanjiran begitu ramai pelajar-pelajar Afrika di dalam negara kita yang saya harap ini diberi perhatian kerana saya tidak mahu masalah-masalah lain berlaku.



**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, selepas Yang Berhormat Limbang, saya fikir Yang Berhormat Menteri jawab dahulu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Satu lagi. *Last, last.* Sama isunya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya jemput Yang Berhormat Limbang dahulu.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Menteri, ini tentang MQA ini iaitu tadi Yang Berhormat Sepang ada sebut tentang *certain* penuntut-penuntut kita ini tidak menjadi dan ini tidak menjadi. Jadi, ini tentang *Bachelor of Technology*. Terdapat banyak sekarang ini ditawarkan oleh universiti kita iaitu *Bachelor of Technology*. Saya difahamkan penuntut-penuntut di IPTA dan IPTS iaitu tentang mereka ini apabila *graduate* nanti, sebab mereka ini tidak mempunyai lembaga sendiri dan saya dengar mereka ini ada konflik sedikit tentang kelulusan ini. Kalau mereka ini bukan juga menjadi jurutera *because not recognized by Board of Engineer Malaysia* (BEM), tetapi mereka juga telah memohon untuk menubuhkan *board* mereka sendiri.

#### ■1810

Ini kerana kalau mereka ini difahamkan kalau mengikut bekerja di luar nanti apabila berkaitan dengan teknikal, kalau masuk jabatan kerajaan dan sebagainya, mereka hanya dikira sebagai *technician* padahal mereka ini juga *is the bachelor's degree* dan mereka ini *most of them pun quite brainier also, straight A's students, so these people*. Jadi saya berharap mereka ini dilihat, apakah status permohonan mereka untuk menubuhkan lembaga, *board of technology* ini dan macam mana hubungannya dengan BAM, *must be something there*. Jadi saya minta benda ini diperjelaskan dan kalau sekiranya memang perlu untuk ditubuhkan *board of technology* ini sendiri, saya rasa kementerian kena tengok sebab beribu *students* kita yang mengambil *Bachelor of Technology* dan ramai yang telah mengadu kepada saya juga. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Tuan Pengerusi, boleh...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Last.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Selepas Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Parit. Selepas itu, Menteri menjawab.

#### 6.10 ptg.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi yang sentiasa memantau perjalanan mesyuarat kita.

Tuan Pengerusi, saya terpanggil hujah daripada rakan saya daripada Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu dan Yang Berhormat Lenggong. Sebetulnya, kewujudan universiti swasta ini dan juga ada yang dipanggil *Open University* telah mengundang pelbagai permasalahan. Saya tidak tahu macam mana negara kita ini, kita boleh menjadi negara yang melahirkan universiti-universiti yang cemerlang tetapi bukan untuk kursus ada unsur-unsur penipuan.

Pertama, seperti berlaku tadi, bukan itu sahaja. Memang ramai pelajar yang teraniaya dijanjikan daripada kolej dan universiti ini, tiba-tiba tidak diiktiraf. Kedua, *Open University* ini mudah pula. Saya tidak tahu. Konvokesyen pun tidak, tiba-tiba dapat *degree* melalui *Open University*. Apa yang saya tahu, kalau betul-betul hendak mendapat *Masters* ini apa semua, kena pergi kelas. Saya pergi kelas satu minggu empat kali. Apa mahu buat? Terpaksalah [*Disampuk*] Kalau perlu betul-betul mahu tetapi yang saya nampak, tidak pergi kelas tiba-tiba terima...

**Seorang Ahli:** Doktor.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Doktorlah, macam-macam [*Ketawa*] Ini pun masalah juga. Habis, itu memang betul Yang Berhormat Lenggong kata. Ini disebabkan universiti swasta ini dijadikan sebagai sarang kadang-kadang untuk pelajar-pelajar dari *South Africa* ini menjadi sarang pelacuran, menjadi bapa ayam ...

**Seorang Ahli:** Pengedar dadah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pengedar dadah dan sebagainya. Oleh sebab itu ramai pelajar kita dieksploitasi mengedar dadah ke luar negara dengan bermacam-macam modus operandi. Jadi, harus dikaji dan diteliti kewujudan universiti-universiti sebegini tidak menguntungkan negara kita, bahkan banyak merugikan anak bangsa kita. Kalau betul-betul mahu mendapat *degreekah*, apakah kena berusaha. Jangan kita mengharapkan sesuatu tiba-tiba. Sepatutnya Malaysia ini memang terkenal dengan eksploitasi, macam-macam. Kalau saya cerita, tidak habis tiga jam macam mana rakyat Malaysia ini boleh mengeksploitasikan sesuatu untuk kepentingan diri masing-masing. Terima kasih. harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit.

**6.13 ptg.**

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri pasal UiTM Seri Iskandar. Saya dimaklumkan oleh pengurusan bahawa mereka hendak menutup Fakulti Perniagaan di UiTM Seri Iskandar dan dipindahkan ke UiTM Tapah. Kenapa ini berlaku dan apakah rasionalnya di sebalik tindakan itu? Ini sebenarnya akan merugikan pembangunan Seri Iskandar itu. Jadi saya minta supaya Yang Berhormat Menteri mengkaji balik dan buat keputusan yang terbaik demi kebaikan orang Parit. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Parit, semua telah mencelah.

Yang Berhormat Sepang, *just* secara ringkas. Seperti mana yang saya telah katakan sebentar tadi, kita akan melawat USIM sekali lagi untuk memantau keadaan dan cuba

membetulkan keadaan di sana. Daripada segi UMK pula, kita akan mendapatkan lebih maklumat terperinci sebelum kita mengambil tindakan yang sewajarnya. Akan tetapi, kita akan memastikan tidak ada penyalahgunaan kuasa dalam aspek akademik ini kerana ini sangat penting dan kita tidak boleh memberi satu gambaran yang tidak betul kepada pelajar-pelajar. Saya sedar ibu bapa, pelajar-pelajar telah menggunakan banyak harta benda mereka untuk menjadi seorang graduan dalam bidang-bidang tertentu. Kita tidak mahu mereka terpedaya. Terima kasih kerana memberikan kita maklumat itu.

Yang Berhormat Batu Gajah dan juga Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu bertanyakan tentang isu PTPTN dan juga kolej kejururawatan. Kita sedar ada beberapa isu. Kita akan cuba mengatasi masalah ini seberapa banyak yang boleh, penempatan mereka yang memerlukan dan kita sekarang lebih dengan izin, *careful* untuk memastikan pemberian PTPTN ini. Malah dalam Dewan ini, Pengerusi PTPTN pun berada bersama kita. Mereka pun sekarang mengambil pendekatan yang berbeza untuk memastikan, memberi bantuan PTPTN kepada kolej-kolej yang memenuhi segala syarat-syarat dan juga kelayakan-kelayakan mereka itu diterima oleh Majlis Akreditasi dan unjuran juga dilakukan untuk pengambilan baru dan sebagainya.

Yang Berhormat Kapar akan saya dapatkan maklumat ini kerana maklumat baru. Apabila saya dapat maklumat, saya akan berkongsi maklumat dengan Yang Berhormat Kapar.

Yang Berhormat Tebrau, saya ambil cadangan dan nasihat Yang Berhormat.

Yang Berhormat Lenggong, kita sentiasa memantau pelajar-pelajar dari luar negara, sentiasa. Bukan satu perkara yang dilakukan sebulan sekali atau seminggu sekali, sentiasa memantau. Setiap IPTS dan juga IPTA, ada tanggungjawab sendiri untuk memastikan pas-pas yang diberikan kepada mereka tidak disalahgunakan. Saya juga mohon kerjasama kepada sesiapa yang ada maklumat-maklumat yang mana pas pelajar ini disalah guna, beri laporan kepada kita dan juga Kementerian Dalam Negeri supaya tindakan dapat diambil. Kita harus sedar dalam masa ada pelajar-pelajar, mungkin ada segelintir pelajar-pelajar yang menyalahgunakan pas. Majoriti daripada pelajar-pelajar yang datang dari luar negara memang berniat untuk melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan akademik mereka cemerlang dan tamat di Malaysia kerana mereka percaya dengan sistem pendidikan universiti-universiti yang ada di sini. Itu satu pengiktirafan yang kita terima.

Yang Berhormat Limbang, saya akan menyemak status permohonan *Board of Technology* yang diungkit oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Kita akan semak dan akan berikan maklumat itu kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat Kinabatangan, saya juga mendengar apa yang dicadangkan dan juga segala isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Saya akan respons kalau sempat sebelum akhir hujah saya. Kalau tidak, secara peribadi saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat apa sebenarnya statusnya.

Yang Berhormat Parit, kita akan kaji. Apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat, kita akan kaji kesesuaian dan cadangan Yang Berhormat. Kalau ada *[Disampuk]* Kalau tidak hendak kajian, hendak buat apa? *[Disampuk]* Sabarlah ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh bangun.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Sabar. Saya hendak teruskan dahulu. Nanti kalau ada ruang saya beri kepada Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tidak ada. Kalau sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit. Tidak apa. Sabar dahulu. *I will give it, I will surely give you a space.*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Seputeh baru masuk. Dia baru *punch card* itu.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tidak apa, tidak apa. Hasrat dia baik.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri, sila.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Akan tetapi pastikan ada dalam Dewan. Nanti bila saya tengok Yang Berhormat tidak ada, susah pula *[Ketawa]* Tolong. Dia sibuk. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, saya teruskan. Yang Berhormat Parit Buntar tadi juga membangkitkan isu Sistem Latihan 1Malaysia. Yang Berhormat, saya mohon maaf. Saya tidak dapat memberikan jawapan kerana Sistem Latihan 1Malaysia di bawah bidang kuasa EPU, Jabatan Perdana Menteri. Maka saya akan berikan kepada mereka. Mungkin Yang Berhormat boleh dapat maklumat terperinci daripada pihak mereka juga.

Yang Berhormat Kinabatangan juga membangkitkan isu PBS. Kementerian seperti mana yang telah saya katakan tadi Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia amat peka dengan masalah capaian *internet*. Integrasi sistem akan diselaraskan pada tahun- untuk maklumat Yang Berhormat, saya sendiri telah mendapat satu *password* diberi pinjam oleh seorang guru untuk menggunakan sistem. Apakah masalahnya? Saya setuju benar. 1Data1Murid, masuk *save* dua minit, *to save* satu dokumen, dengan izin, mengambil masa dua minit. Katakanlah seorang guru ada tiga kelas. Setiap kelas ada 30 orang murid, 90 murid dua minit, tiga jam. Tidak boleh tahan. Saya setuju.

#### ■1820

Kita sedar seperti mana yang saya kata awal tadi, kita mencari cara dan salah satu caranya ialah untuk mempercepatkan *internet* dan kalau semua berjalan lancar, Januari nanti ia akan lebih pantaskan sistemnya baik, caranya baik tetapi sistem *internet* ini saja yang masalah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau tidak berjalan lancar, macam mana?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *We will cross the river when we reach the bridge [Dewan riuh]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *If the bridge is burn, how?*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *No, the bridge... We don't even reach the river* Yang Berhormat [*Dewan riuh*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey [*Dewan riuh*]

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *We have not even reach the river*, dengan izin [*Dewan riuh*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Then reach the river.*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Dengan izin ya, dengan izin.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya setuju. Kita mesti pastikan bahawa sistem ini boleh jalan, barulah kita laksanakan ini. Kita tidak boleh lah sekarang buat ujian dengan guru-guru kita sekarang, saya rasa ini tidak *fair*.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya belum beri laluan, tapi tidak mengapa lah Yang Berhormat saya beri juga laluan ya. Tidak mengapa, *no problem*. Saya faham Yang Berhormat, bukan Yang Berhormat sahaja rasa masalah ini. Kita semua di sini pun, kita di kementerian, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, sahabat-sahabat di sebelah sana semua rasa.

Akan tetapi yang baiknya bukankah kita semua hendak ringankan beban guru? Ya, kalau itu jawapannya, sabar sedikit. Ini cadangan yang kita buat ini memang merupakan cadangan yang dibawa daripada guru-guru. Kita hendak cari penyelesaian. Dalam proses melaksanakan ini ada kekangan. Kita sedar, nasib baik sekarang cuti sekolah, kita boleh selesaikan masalah. Okey.

Bila Januari mula kita akan- *we don't know there is a river* Yang Berhormat Kinabatangan ya. *We don't know, let us reach the river then we cross the bridge.* Ya dengan izin, saya teruskan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya dengan izin.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Saya teruskan ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Instrumen pentaksiran tidak hanya...

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Ya?

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Mohon laluan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Sabar, ini PBS ada dua *page*. *I can jawab you, and I give it to you*, tolong. Saya faham, sebentar ya, sebentar Yang Berhormat. Instrumen pentaksiran tidak hanya berbentuk ujian pen dan pensel, pentaksiran boleh dibuat dengan pelbagai cara seperti pemerhatian, soal jawab, latihan murid sendiri boleh dijadikan *evidence*. Penandaan *evidence* di dalam SPPBS juga telah dipermudahkan. Di dalam SPPBS, guru hanya perlu menandakan *evidence* yang dikuasai sahaja. Ban akan dijana secara automatik apabila semua *evidence* dikuasai bagi murid yang tidak menguasai kemahiran, maka guru perlu memberi latihan dan bantuan agar murid dapat menguasai sesuatu kemahiran.

Daripada maklumat pencapaian dan *evidence*, penguasaan penting untuk mengambil tindakan *remedial*, dengan izin untuk tujuan peningkatan pencapaian daripada Band 1 ke Band 6.

Kementerian Pendidikan Malaysia ambil maklum sistem, sama tadi. Okey Yang Berhormat Temerloh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Temerloh, sila.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tegaskan perkataan atau pun ucapan untuk meningkatkan keupayaan server ini sudah lama sebenarnya kita dengar. Daripada awal dulu lagi rungutan berkait dengan PBS ini sudah lama tetapi tidak selesai. Bila kita bangkitkan hari ini dan diminta supaya kita tangguhkan, disebut bahawa kita akan tunggu sampai ke akhir tahun ini.

Akan tetapi, persoalan kita ialah saya juga dapat maklumat katanya PBS ini akan dibekukan pada 30 November ini, apakah itu betul? Kalau nantinya akhir tahun ini tidak selesai juga masalah peningkatan tahap *server* ini, apakah PBS ini juga akan terus berlanjutan untuk tahun depan dan sekali lagi guru terpaksa terbeban dengan keadaan ini? Terima kasih.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh sedikit lagi Yang Berhormat? Sambung. Yang Berhormat saya mahu tanya satu perkara, manusia yang *brilliant* mana yang membawa sistem PBS ini? [Ketawa] Idea siapa yang membawa ini?

Kedua, negara mana yg menjadi contoh kepada kita tentang PBS ini? Contohnya di Eropah, di sebelah mana, kita laksanakan sistem ini?. Oleh sebab apa yang saya tahu negara Eropah sekarang ini mereka mempergiatkan untuk memperkasakan pelajar-pelajar mereka dalam bidang penguasaan ilmu, teknologi. Kalau kita ada seperti GiatMARA, kita *upgrade* pergi kolej GiatMARA. Kita boleh melahirkan *engineer*, *architect* dan sebagainya. Akan tetapi kita saya nampak mundur ke belakang.

Jadi siapa, manusia mana yang kita boleh kira sampai kementerian boleh terpengaruh dengan sistem ini? Ya, manusia mana yang melahirkan idea ini? Oleh sebab saya, tidak ada rasionalnya saya tengok idea ini dan kita bagi tempoh *insya-Allah* sampai tahun depan kalau ada 30 lagi SMS pengaduan sama saya, bermakna sistem ini tidak boleh pakai lah. Oleh sebab komputer *is always a computer*. Di kampung boleh mati, 'karan' boleh mati. Apabila elektrik mati, komputer ikut mati. Ganti komputer baru lagi. Itu masalah lagi. Akhirnya, pelajar-pelajar di luar bandar memang teraniaya.

Kedua guru lambat tidur, dia masuk kelas, *moody*. Saya tengok pelajar-pelajar semua gred tiga, semua Ban 3 sebab dia tengok pelajar yang cermat pun dia tengok otak dia bercelaru, "Hah tiga dia ini" [Ketawa] Jadi, akhirnya kita kembali ke jalan yang tidak baik. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tuan Pengerusi, lepas Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Seputeh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Baik terima kasih Tuan Pengerusi. Persoalan saya begini, adakah kajian benar-benar dibuat sebelum kita memperkenalkan PBS? Atau pun seolah-olah berlaku pada hari ini guru-guru menjadi bahan uji kaji semata-mata kerana kelebihan yang diterima adalah terlalu global, bukannya di cerita kita di tempat-tempat yang terpencil bahkan di kawasan saya sendiri, di kawasan Parlimen Kuala Nerus, dianggap kawasan bandar pun guru-guru menimbulkan persoalan capaian *internet*. Itu di kawasan yang masyhur, kawasan Gong Badak sebagai kawasan perindustrian pun isu yang sama. Jadi, bagi saya ialah sediakan prasarana terlebih dahulu dan kajian dibuat secara terperinci barulah kita teruskan PBS dan sekarang kita mesti tangguhkan PBS.

Kedua, isu PBS ini ialah isu pemarkahan yang bersifat subjektif. Kalau disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi, kalau *mood* guru ketika merekodkan maklumat pelajar dan sampai tiga jam tidak selesai lagi, *mood* markah itu akhirnya akan jadi cacamarba sahaja. Itu yang berlaku, terima kasih.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Yang Berhormat

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Padang Besar.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** [*Bangun*] [*Menunjuk ke arah Yang Berhormat Seputeh*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh, ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sini dulu, sini dulu.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Yang Berhormat, pertama sekali...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sini dulu.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Okey-okey

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, janji dikotai ya. Di sini saya hendak bangkit satu isu sebenarnya yang pernah dibangkit oleh pemuda MIC pada 8 Mac tahun ini. Mereka telah menghantar satu memorandum kepada Kementerian Pengajian Tinggi berkenaan dengan Profesor Ridhuan Tee Abdullah yang dituduh plagiarisme oleh Dr. Airil Yasreen Mohd Yassin. Di sini saya ada tesis Ridhuan Tee Abdullah dekat sini dan juga saya ada yang Dr. Airil yang ini *website* dia. Saya tadi sudah tunjukkan kepada Yang Berhormat Kinabatangan dan kita lihat *word-by-word*, *line-by-line* daripada artikelnya semua ini dan inilah tesis yang memberi kelayakan beliau untuk menjadi *associate* profesor dalam Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Selepas Pemuda MIC bangkitkan isu ini kepada kementerian dan selepas saya juga bangkitkan isu ini dalam ucapan dasar bajet yang lepas, Timbalan Menteri Pendidikan itu tidak menjawab langsung macam mengelakkan isu ini dan sekarang memang ada bukti di tangan saya ini. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap profesor yang *copycat*, artikel orang lain

dan juga malah ada bukti menunjukkan dia salin tesis pelajarinya sendiri, dimasukkan sebagai sebahagian daripada artikel akademiknya.

Jadi, kesemua tindak tanduk ini menjadikan pelajar kita begitu keliru khususnya dia mengajar tentang kursus *ethnic relation* dalam universiti itu yang mana beliau memang menghasut sesuatu kaum benci kepada kaum yang lain. Ada satu artikel yang disiarkan dalam *Utusan Malaysia* pada 18 Februari, beliau berkata tentang perayaan Thaipusam. Beliau berkata “Pernahkah kita bersungut ketika perayaan Thaipusam? Seminggu sebelum perayaan seluruh kawasan sekitar Batu Cave sesak, kenderaan di parkir sesuka hati, lautan manusia, satu warna berhimpun, seolah-olah tidak ada warna lain lagi di negara ini”.

Nilah pensyarah kita yang mengajar tentang *ethnic relation* dalam universiti yang melatih pakar tentera dan mungkin jeneral yang akan datang untuk negara ini. Orang yang begitu *rasict*, orang yang jadi *copycat* boleh lantik jadi profesor dalam satu universiti. Adakah Kementerian Pendidikan akan mengambil satu pendirian sekurang-kurangnya menyiasat, sekurang-kurangnya yang universiti itu harus ambil tindakan. Sudah pun Pemuda MIC membuat laporan ini, tidak ada tindakan.

#### ■1830

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cukuplah. Panjang...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya minta pandangan Yang Berhormat...

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** [Bangun]

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Timbalan Menteri tentang ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Padang Besar.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat Padang Besar. Bagi *chance*...

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Saya ingin bercakap tentang sistem PBS ini.

Jadi, pertama sekali Yang Berhormat, sebenarnya sebelum PBS ini kita ada sistem pangkalan data di mana pangkalan data ini untuk semua data-data murid, prestasi guru, untuk prestasi murid dan lain-lain. Jadi, mula-mula sistem APS selepas itu APDM, selepas itu SBS sebelum ke PBS ini. Akan tetapi sistem ini *problem* nya, ia tidak *integrate*. Jadi, sebelum sampai kepada PBS ini guru telah pun penat dari segi sistem data ini Yang Berhormat. Di mana mereka telah jemu dengan sistem ini yang sama sahaja. Sistem ini kalau kita *key in* tidak masuk, *key in* tidak masuk, sebelum sampai PBS ini.

Jadi, sistem ini kita *integrate* guru kena berulang-ulang buat benda yang sama. Jadi, ini yang menjadi masalah kepada guru. Selepas itu, untuk kita kurangkan beban guru. Saya berterima kasih kepada kementerian kerana kita hendak menyediakan pembantu guru, di mana kementerian mengumumkan kalau tidak silap saya 8,000 orang pembantu guru. Jadi, ini sesuatu yang baik tetapi sampai ke hari ini, tidak sampai lagi pembantu guru itu. Kita minta Yang Berhormat, kalau



boleh kita nyatakan bilakah pembantu guru ini akan sampai untuk kita mengurangkan beban guru. Terima kasih.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tentang PBS Tuan Pengerusi.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat kemudian, biar saya selesaikan dahulu.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Okey.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih. Saya pun kluatir juga kerana ramai Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu, Tuan Pengerusi suruh saya menyiapkan jawapan pada pukul 7.30 petang, jadi saya tidak mahu ada soalan yang tidak terjawab. Minta maaf Yang Berhormat. Terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** *No problem.*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *Thank you. God bless you Sir,* dengan izin.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Temerloh bertanyakan tentang teknologi. Yang Berhormat, masalahnya- biar saya jawab soalan ini, mungkin dapat menjadi jawapan kepada beberapa Ahli Yang Berhormat. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengadakan kajian keberkesanan PBS di sekolah. Dapatan menunjukkan bahawa PBS telah dapat dilaksanakan dengan baik di sekolah. Walau bagaimanapun, capaian *internet* memang menjadi masalah. Kementerian Pendidikan Malaysia seperti mana yang telah saya katakan sebentar tadi, masih berusaha untuk menaiktarafkan. Ini apa yang kita lakukan sekarang. Memang benar November kita akan *shut down to integrate, move to a new system* supaya capaian *internet* ini lebih pantas, lebih laju.

Yang Berhormat Kinabatangan, sistem ini bukan satu sistem unik yang pakai di Malaysia sahaja. Sistem ini sudah dipakai di negara-negara seperti UK, Australia, Kanada, Singapura. Ini permulaan, mungkin ada sedikit masalah. Akan tetapi sistemnya baik. Masalahnya ialah capaian *internet*. Saya bersetuju. Kita semua bersetuju bahawa capaian Internet ini menjadi masalah dan kita berusaha untuk menaiktarafkan capaian Internet. Sekiranya kita dapat melaksanakan ini, maka sistem ini memang akan meringankan tugas.

Yang Berhormat Seputeh, saya beri peluang Yang Berhormat kerana Yang Berhormat kawan baik saya untuk membangkitkan isu bersangkutan paut dengan bajet. Ini tidak ada kena mengena dengan bajet *[Tepuk]* Esok ada soalan lisan nombor empat, isu *plagiarism*, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat datang Dewan, tanya soalan tambahan, saya jawab okey. Kepada Yang Berhormat Padang Besar, saya berharap saya sudah menjawab soalan. Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak teruskan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya hendak buat *booking* dengan...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Saya...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Tuan Pengerusi, esok bagi *chance* saya tanya soalan tambahan, soalan empat.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Yang Berhormat...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih ya [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Mana ada macam itu Yang Berhormat.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Yang Berhormat, mengenai pembantu guru.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Saya teruskan ya. Tuan Pengerusi, saya teruskan.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]:** Yang Berhormat, tentang pembantu guru...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Mengenai pembantu guru ini kita akan laksanakan pada tahun depan. Semua ini akan secara *stages*. Sudah mula, program perintis di Melaka berjaya, kita akan mulakan tahun depan dalam keadaan *batch-by-batch*, dengan izin. Terima kasih. Yang Berhormat Kinabatangan dalam perbincangan beliau yang dicelah oleh Yang Berhormat Kota Bharu, pembekal *internet* tidak ada kemampuan. Syarikat pembekal *internet* yang telah dilantik melalui tender terbuka yang disertai hampir semua syarikat telekomunikasi tempatan. Spesifikasi yang terperinci berkaitan *connectivity* telah diberikan dan jawatankuasa teknikal telah mendapat penelitian sebelum syarikat dipilih ataupun dilantik.

Yang Berhormat Kinabatangan juga membangkitkan isu pelajar tidak dibenarkan mengikut kursus yang dipohon. Yang Berhormat, pemilihan pelajar ke IPTA adalah berdasarkan kepada sistem meritokrasi sepenuhnya dengan mengambil kira 90% markah akademik, ditambah 10% markah kokurikulum yang akan menghasilkan markah merit. Pelajar yang menerima tawaran kemasukan adalah mengikut pilihan yang dipilih sendiri oleh pelajar yang memiliki pencapaian merit yang tinggi. Pelajar yang menerima tawaran di luar pilihan adalah disebabkan oleh faktor kalah dalam persaingan markah merit. Namun begitu, program alternatif yang ditawarkan adalah berdasarkan bidang-bidang pilihan yang juga dipilih oleh calon.

Yang Berhormat Kinabatangan juga membangkitkan isu Sekolah Agama Rakyat, yang mana Yang Berhormat Kuala Nerus mencelah. Untuk melaksanakan PBS, semua sekolah memerlukan keperluan asas agar pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan. Ini soalan ringkas, jawapan ringkas tadi.

Yang Berhormat Bukit Bendera. Beberapa isu telah dibangkitkan oleh beliau. Janji tidak ditepati, Bajet 2013, taska OKU. Yang Berhormat, taska OKU di bawah bidang kuasa Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat. *Virtual Learning Environment* atau Pelantar Pembelajaran Maya. *Virtual Learning Environment*, dengan izin, adalah pembelajaran dalam persekitaran maya dengan adanya laman pembelajaran VLE di mana guru-guru boleh berkongsi bahan di laman pembelajaran tersebut. Jumlah laman semakin meningkat dengan adanya bengkel-bengkel perluasan pembangunan laman pembelajaran VLE. Maka guru-guru mempunyai pelbagai bahan yang boleh digunakan, latihan-latihan sebar luas VLE untuk pentadbir, guru dan

murid untuk membudayakan penggunaan VLE di sekolah juga diadakan. Khidmat bantu juga dilaksanakan dan amalan terbaik dikongsi dengan sekolah-sekolah yang terlibat.

Yang Berhormat Bukit Bendera juga mengatakan sama ada Program Penutur Jati akan dilanjutkan. Program Penutur Jati akan dilanjutkan selama dua tahun lagi tetapi peruntukan RM208 juta itu untuk program-program lain juga, termasuk Program Penutur Jati. Bukan Program Penutur Jati sahaja ya. Untuk isu Syarikat SMR HR. SMR HR ini juga terlibat dalam *English Language Training* (ELT), dengan izin. Bukan hanya dalam pengurusan sumber manusia, mereka ada terlibat dalam *English language training centre* ini juga.

Dalam aspek seperti mana Yang Berhormat Bukit Bendera bangkitkan, status terkini Program *MyBrain15*. *MyBrain15* akan diteruskan sehingga tahun 2015 disebabkan pelaksanaan Program *MyBrain15* diwujudkan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, maka pelaksanaan bagi 2016 hingga 2020 akan diteruskan sekiranya diluluskan oleh kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Bilangan pensyarah di IPTA yang ada PhD buat masa sekarang ialah sebanyak 15,136 orang.

Yang Berhormat Bukit Bendera membangkitkan tentang isu 4% kanak-kanak sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan kadar penyertaan murid dan seterusnya mengurangkan kadar keciciran, antaranya termasuklah:

- (i) memperkasakan pendidikan vokasional;
- (ii) Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli;
- (iii) menambahbaikkan kemudahan asas;
- (iv) memperbanyakkan program motivasi;
- (v) meningkatkan kesedaran ibu bapa; dan
- (vi) mewujudkan dan memperluaskan program-program bantuan seperti menyediakan bantuan awal persekolahan, pemansuhan yuran persekolahan, Biasiswa Kecil Persekutuan, Rancangan Makanan Tambahan, Skim Baucar Tuisyen dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin.

Selain daripada itu juga Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan kemudahan asrama di sekolah-sekolah terpilih dalam usaha untuk mengatasi keciciran. Kementerian Pendidikan Malaysia berkeyakinan langkah-langkah tersebut akan dapat mengatasi masalah keciciran dalam kalangan murid.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera, yang mana celahan Yang Berhormat Sungai Petani. Sekolah aliran Inggeris perlu dibuka. Buat masa ini kementerian tidak berhasrat untuk menubuhkan sekolah aliran Inggeris. Penekanan kepada penguasaan dalam Bahasa Inggeris akan dilakukan melalui dasar MBMMBI.

Yang Berhormat Bukit Bendera mengatakan apakah *indicator* lain digunakan oleh KPM untuk mengukur kualiti IPTA selain daripada *ranking* universiti? Yang Berhormat, sememangnya Kementerian Pendidikan Malaysia tidak begitu memberikan penekanan kepada *ranking*. Namun

begitu dalam mengukur kualiti IPTA, Kementerian Pendidikan Malaysia memberikan penekanan kepada pengukuran, sebagai contohnya penerbitan dalam jurnal berindeks.

■1840

Jumlah pelajar PhD yang *digraduatekan*. Kebolehpasaran graduan IPTA. *Rating* setara juga digunakan untuk mengukur kualiti IPTA. Di samping itu pengukuran juga ditekan kepada sesuatu bidang ilmu sebagaimana pengiktirafan *Association of Advance Collegues School of Business* dengan izin, AACSB ke atas *Putera Business School*, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan merupakan yang pertama diperoleh di Malaysia oleh sekolah perniagaan dan pengurusan.

Yang Berhormat juga membangkitkan isu tenaga pengajar di universiti, tutor di universiti yang mana Yang Berhormat Pandan mencelah. Lantikan tutor di IPTA bukan bertaraf tetap mahupun kontrak. Pegawai yang dilantik perlu menamatkan pengajian di peringkat Sarjana sebelum dipertimbangkan lantikan tetap oleh IPTA berkenaan. Oleh itu pegawai tidak layak cuti bersalin sebagaimana yang diperuntukkan kepada pegawai kontrak dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.2/2008 dan Pegawai Tetap dalam Perintah Am, Bab 'C'.

Yang Berhormat Jerantut membangkitkan isu dua sekolah alami masalah di kawasan beliau. Kementerian sentiasa komited untuk memperbaiki kemudahan walau dalam keadaan kekangan peruntukan. Namun demikian, untuk isu-isu yang telah dibangkitkan, saya berharap Yang Berhormat dapat kemukakan maklumat tepat nama sekolah yang dimaksudkan untuk tindakan susulan kementerian.

Yang Berhormat Jerantut juga membangkitkan isu beban tugas yang mana telah saya beri jawapan apabila menjawab soalan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai. Tentang aspek teknologi maklumat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerantut, antara...

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** *[Bangun]*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Dipersilakan.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya berbalik kepada isu program mentor penutur jati yang mana Yang Berhormat Menteri telah menjawab bahawa program akan dilanjutkan selama dua tahun. Adakah syarikat-syarikat perunding yang sama dilantik dan pada kos yang sama? Dan juga saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri atas dasar apakah yang kementerian membuat keputusan untuk melanjutkan program ini memandangkan sudah tiga tahun dilaksanakan tetapi keputusan bahasa Inggeris UPSR telah merosot. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat, saya akan berikan jawapan itu secara bertulis kepada Yang Berhormat ada tadi, *I will give it to you*. Kerana *I want to go back*, ia ambil masa, saya hendak cuba jimatkan masa. Akan *tetapi I will assure you I give the answers*. *Okey?* Terima kasih mohon dengan izin.

Isu teknologi maklumat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerantut, antara kekangan dalam merangkaikan sekolah dengan capaian *internet* adalah sekolah-sekolah di pedalaman yang tidak mempunyai akses *internet* yang baik. Walau bagaimanapun, 1BestariNet adalah satu usaha kerajaan untuk mengadakan kemudahan jalur lebar di semua sekolah tanpa mengira di bandar

atau luar bandar. Oleh itu penyediaan jalur lebar sekurang-kurangnya dua Mbps dilaksanakan untuk memastikan sekolah dapat mengoptimumkan penggunaan ICT dalam PDP, pengintegrasian SPS dan SPPBS juga dilaksanakan untuk menambahbaikkan capaian kepada sistem dan memudahkan guru mengemas kini data murid.

Yang Berhormat Jerantut juga membangkitkan isu pembinaan sekolah kebangsaan di Kampung Padang dan Sekolah Kebangsaan Jerantut Indah. Berdasarkan semakan kementerian, permohonan bagi membina sekolah kebangsaan di Kampung Padang dan Sekolah Kebangsaan Jerantut Indah telah pun dipohon dalam *Rolling Plan* Keempat bagi pelaksanaan tahun 2015.

Kelulusan permohonan ini bagaimanapun adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara. Isu kekurangan peruntukan untuk penyelenggaraan institusi. Kementerian sentiasa komited dalam usaha untuk membaik pulih dan menyelenggarakan institusi-institusi pendidikan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, peruntukan yang diterima adalah terhad bergantung pada keupayaan kewangan negara. Oleh yang demikian, kementerian akan memberi keutamaan kepada keperluan penyelenggaraan institusi yang lebih mendesak.

Yang Berhormat Jerantut membangkitkan isu mata pelajaran Pendidikan Islam perlu dikaji semula.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Jerantut, kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam sentiasa dibuat penambahbaikan seperti mana mata pelajaran yang lain. Terkini, mata pelajaran ini sedang ditambah baik melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dengan memasukkan elemen-elemen berkemahiran berfikir aras tinggi hebat, konsep wasatiyyah dan sebagainya. Di antara penambahbaikan Pendidikan Islam dalam KSSR dan KSSM, tahap pencapaian murid dibahagikan kepada enam tahap iaitu:

- (i) tahap satu - ilmu. Murid dapat menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan sahsiah;
- (ii) tahap kedua – amali. Murid dapat melaksanakan ilmu secara praktikal;
- (iii) tahap ketiga – amalan. Murid dapat mengaplikasikan ilmu dengan betul dan tepat;
- (iv) tahap keempat – iltizam. Murid dapat melaksanakan amalan ibadat secara bersungguh-sungguh;
- (v) tahap kelima – penghayatan. Murid dapat menaakul dan dapat memahami kenapa mereka melakukan sesuatu amalan; dan
- (vi) tahap keenam – tabiat. Murid laksanakan amalan sebagai amalan kebiasaan atau menjadi tabiat.

Selain itu, penilaian amali dan *farḍhu ain* yang telah dilaksanakan di Kementerian Pendidikan Malaysia akan terus diperkasakan supaya murid-murid dapat menghayati kehidupan sebagai seorang Muslim sejati.

Yang Berhormat Jerantut membangkitkan isu mohon program j-QAF dipanjangkan ke sekolah menengah. Yang Berhormat, pada tahun lepas Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran telah mengumumkan penangguhan pelaksanaan program j-QAF sekolah menengah sehingga isu

pelaksanaan program j-QAF sekolah rendah selesai. Di antara isu-isu di sekolah rendah adalah seperti berikut:

- (i) isu kekurangan guru j-QAF; dan
- (ii) program j-QAF belum dapat dilaksanakan di semua sekolah rendah.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah-langkah berikut untuk menyelesaikan isu-isu j-QAF di sekolah rendah:

- (i) perluasan program j-QAF di semua sekolah rendah tahun 2013; dan
- (ii) norma baharu, guru Pendidikan Islam termasuk guru j-QAF.

Kementerian Pendidikan Malaysia komited untuk meneruskan program j-QAF ke sekolah menengah setelah isu-isu berkaitan di sekolah rendah selesai dan meneliti pelaporan kajian serta penyelidikan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan IPTA seperti UKM mengenai pemerkasaan program j-QAF dalam transformasi sistem Pendidikan Islam di Malaysia.

Yang Berhormat Batu Pahat, dalam apabila membangkitkan isu keselamatan di sekolah yang mana Yang Berhormat Batu Kawan mencelah. Kementerian telah menggariskan peranan pentadbir-pentadbir kontrak bagi setiap peringkat yang merangkumi peringkat kementerian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan juga sekolah. Setiap peringkat tersebut haruslah menjalankan tanggungjawab dan peranan masing-masing dalam memastikan mutu perkhidmatan mencapai tahap yang disasarkan.

Yang Berhormat Batu Pahat juga apabila membangkitkan isu peruntukan kepada sekolah-sekolah bantuan modal, Yang Berhormat Batu Kawan mencelah. Antara isu, "*1student, 1table, 1chair*" dengan izin. Kementerian telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar di dalam Pakej Rangsangan Ekonomi dan Pakej Rangsangan Khas untuk menyelenggarakan dan kelengkapan di sekolah-sekolah bantuan modal seperti SJK(T) dan SJK(C). Memandangkan sekolah-sekolah bantuan modal diuruskan oleh Lembaga Pengelola Sekolah masing-masing, maka adalah terpulang kepada kebijaksanaan Lembaga Pengelola Sekolah tersebut untuk membelanjakan peruntukan-peruntukan yang telah diturunkan dan memastikan para pelajar dilengkapi dengan kemudahan yang secukupnya.

Yang Berhormat Batu Pahat membangkitkan isu prasarana sekolah di pedalaman amat daif terutama di Sabah dan Sarawak. Yang Berhormat, kementerian sentiasa berusaha untuk menyediakan prasarana yang sempurna kepada semua murid. Peruntukan juga diberikan untuk pembangunan infrastruktur dan lestari kepada semua jenis sekolah dalam memastikan semua murid menerima pendidikan yang sempurna dalam suasana yang kondusif.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang diambil untuk menangani isu-isu sekolah daif ialah dengan menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi kerja-kerja naik taraf, penyelenggaraan, peralatan dan kecemasan mengikut keutamaan berdasarkan *criticality* sesuatu projek yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, keutamaan akan diberikan bagi kes-kes kecemasan dan kritikal terlebih dahulu memandangkan peruntukan yang diluluskan adalah terhad.

Walau bagaimanapun, jika keadaan kritikal dan dalam keadaan mendesak, mana-mana sekolah boleh membuat permohonan melalui jabatan pendidikan negeri masing-masing. Skop latihan perlu diperluaskan kepada watak guru yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat.

Salah satu daripada 11 anjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia adalah untuk menumpukan kepada mentransformasikan profesion keguruan menjadi profesion pilihan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan guru berkualiti dan menepati keperluan semasa.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Gajah bangun Yang Berhormat.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Boleh saya habiskan yang ini sedikit Yang Berhormat? Terima kasih. Yang Berhormat Batu Pahat, kami juga, saya juga sedar profesion guru ini satu profesion yang begitu murni. Satu profesion yang bukan semua orang boleh menjadi guru.

■1850

Bagi saya profesion guru lebih hebat daripada seorang doktor. Memang tidak dapat dinafikan doktor menyelamatkan nyawa. Mungkin satu, sepuluh, seratus ribu nyawa tetapi seorang guru menyelamatkan satu generasi. Kita sedar, maka kepentingan untuk menambah baik profesion perguruan ini merupakan salah satu agenda utama dalam anjakan ini. Terima kasih. Sila Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut tentang Lembaga Pengelola Sekolah. Saya hendak bangkitkan satu perkara penting berkaitan dengan Lembaga Pengelola Sekolah ini. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa walaupun ia adalah satu syarat dalam Akta Pelajaran tetapi saya difahamkan banyak sekolah terutamanya sekolah-sekolah Tamil, tidak mempunyai Lembaga Pengelola Sekolah ini. PIBG ada tetapi Lembaga Pengelola Sekolah itu tidak ada. Apakah inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan bahawa Lembaga Pengelola Sekolah ini wujud di semua sekolah-sekolah Tamil supaya kebajikan sekolah-sekolah Tamil ini dapat diperbaiki. Ia adalah penting kerana ia juga adalah salah satu syarat dalam Akta Pelajaran. Saya rasa kerajaan harus mengambil satu langkah ataupun inisiatif untuk memastikan bahawa semua sekolah mempunyai Lembaga Pengelola Sekolah ini. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Batu Pahat. Tuan Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat Menteri. Guru menyelamatkan generasi, doktor menyelamatkan nyawa. Satu kenyataan yang sangat lunak, menyenangkan hati para pendidik semua dan tentunya menyenangkan hati ibu bapa juga kerana guru-guru dapat memainkan peranan yang demikian. Persoalannya Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri, itulah sebab kita sangat menekankan tentang sesuatu perubahan itu harus dilihat secara holistik. Kalau misalnya kita menyebut soal PBS, ia bukan soal sistem sahaja. Ia bukan soal komputer sahaja tetapi ia melibatkan soal kaedah

pengajaran, pembelajaran. Ia melibatkan soal *assessment*, pentaksiran yang kita hendak lihat hanya menerusi pemerhatian yang akhirnya diperhatikan, akhirnya dapat Ban 3 sahaja. Ia bukan soal beban guru, soal yang berkaitan dengan penaksiran itu sahaja tetapi berkait dengan bebanan lain.

Jadi maknanya, mesej kita Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi ialah supaya melihat perubahan ini secara serius, holistik dan sistemik. Ini kerana satu perubahan itu ia melibatkan yang lain. Kita sebutkan istilah, yang secara sistemik dan holistik. Ia macam kalau gigi sakit, *the whole body* sakit. Saya barangkali nanti ajak Yang Berhormat Menteri datang ke Batu Pahat dan saya panggil satu sesi guru-guru menerangkan terus terang. *I was a teacher*, saya bekas guru, saya bekas pengetua, saya bekas pensyarah dan saya tahu bagaimana sikap guru kalau berhadapan dengan bosnya yang lebih besar. Bosnya yang lebih atas. Selalunya jarang hendak bercakap dan hendak memberitahu, terutama kalau guru-guru kita di luar bandar, semua bagus.

Jadi, saya ajak Yang Berhormat Menteri supaya *we solve this problem*, jangan ditangguhkan. Kesannya banyak. Tadi kalau sekolah tidak ada elektrik, kemudahan tidak ada, macam mana hendak laksanakan semua sistem ini. Jadi, ia berkait antara satu sama lain. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Bukan tabiat saya untuk *cut short*.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Menteri. Sekejap, Hulu Rejang Yang Berhormat Menteri.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Sebentar. Boleh saya bagi penjelasan sedikit? Saya ada masa yang singkat. Saya hendak menjawab seberapa banyak soalan yang saya boleh. Akan tetapi kalau ada pencelahan begini, sahabat-sahabat kita yang lain telah membangkitkan soalan akan rasa kecewa. Tolong berikan saya peluang untuk menyelesaikan semua. Kalau ada masa, tolong bangkitkan soalan kepada saya secara individu dan saya akan cuba menjawab.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab yang Kuantan ya?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tidak ada. Yang Berhormat, bukan Kuantan sahaja. Ramai Yang Berhormat di sini.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Akan tetapi Kuantan saya minta khas, mesti jawab.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat, tidak begitu. Kalau sempat, saya akan jawab, kalau tidak sempat, saya akan beri secara bertulis kepada Yang Berhormat. Itu betul.

Yang Berhormat Batu Gajah. Saya sendiri akan mengambil inisiatif untuk memastikan semua LPS diwujudkan. Dalam proses, kita telah mewujudkan. Saya tahu ada masalah tetapi Jabatan Pendidikan Negeri bekerjasama secara sepenuh-penuhnya untuk memastikan penubuhan



LPS ini. Saya sendiri akan memastikan ia dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Ini komitmen kementerian agar semua LPS di sekolah-sekolah Tamil ini dapat ditubuhkan, diwujudkan secepat mungkin. Ada masalah sedikit. Itu masalah dalaman tetapi perkara-perkara itu kita boleh diselesaikan. Tidak ada masalah. Akan tetapi saya memberi komitmen, kita akan cuba menubuhkan LPS ini dalam semua sekolah Tamil dalam masa terdekat. Sekiranya ada kerjasama sepenuhnya daripada pihak pengurusan sekolah, PIBG. Tidak ada masalah.

Yang Berhormat Batu Pahat, saya ambil pandangan. Saya setuju. Oleh kerana itulah kita dalam 11 anjakan itu, profesion perguruan ini kita beri satu kepentingan yang begitu penting untuk menambah baik profesion perguruan. Malah Timbalan Menteri I, seorang guru cemerlang dari Sabah menjadi seorang memang vokal apabila kita membangkitkan isu guru dalam aspek perbincangan dalam kementerian.

Saya terus kepada jawapan-jawapannya. Yang Berhormat Batu Pahat juga membangkitkan isu sekolah bantuan modal sering dianaktirikan yang mana Yang Berhormat Batu Kawan memberi celahan. Tiap-tiap tahun Yang Berhormat, kerajaan menyalurkan peruntukan belanja mengurus dan bantuan persekolahan bagi pelaksanaan proses P&P kepada semua sekolah. Antara bantuan yang diberikan melibatkan bantuan geran per kapita, bantuan geran per kapita prasekolah, bantuan kurikulum sekolah, bantuan kurikulum prasekolah, bantuan makanan prasekolah, bantuan makanan asrama, bantuan bayaran tambahan persekolahan, bantuan terus kepada murid seperti Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, elaun murid keperluan khas dan juga diberikan berasaskan kelayakan dan kriteria yang ditetapkan kepada semua murid.

*Outcome based*, ada *outcome* untuk semua program, Yang Berhormat Batu Pahat juga membangkitkan. Pengurangan peruntukan RM8 juta itu hanya sebanyak 8% sahaja. Tidak memberikan kesan yang ketara memandangkan prestasi perbelanjaan tahun lepas dan tahun semasa menunjukkan peruntukan yang sedia ada masih mampu menampung pelaksanaan program ini tanpa menjejaskan prestasi pelaksanaannya. Kementerian Pendidikan Malaysia akan menyemak dan memberi pertimbangan yang sewajarnya, tertakluk kepada peruntukan keseluruhan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Yang Berhormat Batu Pahat, tentang isu dasar dan sistem yang tidak membantu, hanya mengajar akademik, yang mana pencelahan dibuat oleh Yang Berhormat Kuala Nerus. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa prihatin terhadap Pendidikan Islam. Di antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) program j-QAF di sekolah rendah telah diperluaskan kesemua sekolah rendah di seluruh negara pada tahun 2013. Elemen penting dalam program j-QAF adalah memberi penekanan kepada pemulihan Jawi, boleh membaca Al-Quran dengan betul, menguasai asas-asas bahasa Arab dan mengamalkan fardu ain dengan sempurna seperti mendirikan solat. Kementerian Pendidikan Malaysia memberi peruntukan khas setiap tahun untuk melaksanakan Kem Bestari Solat kepada seluruh sekolah rendah

- yang telah melaksanakan program j-QAF, kurikulum Pendidikan Islam dalam KSSR dan KSSM. Keseluruhannya merangkumi amali dan praktikal sebagai nilai tambah kepada kurikulum sedia;
- (ii) dalam pakej Rancangan Khas 2009/2012, sebanyak 140 SABK telah menerima peruntukan penyelenggaraan dan naik taraf. Ia bertujuan untuk memberi keselesaan prasarana dan fizikal yang kondusif kepada murid-murid di SABK. Program peningkatan prestasi akademik di SMKA dan SABK sejak tahun 2009/2013 telah melonjakkan pencapaian cemerlang sekolah-sekolah berkenaan. Contohnya, 43 buah sekolah SABK telah menerima tawaran baru, *the new deal*, dengan izin, lapan buah sekolah agama menerima anugerah Sekolah Berprestasi Tinggi dan 20 SMKA dan SABK diiktiraf sebagai Sekolah *Cluster* Kecemerlangan. Pencapaian peningkatan Band sekolah dalam NKRA juga menunjukkan ada juga peningkatan. Sejumlah 41 SABK telah berada di Band 1, 2 dan 3, manakala di Band 7 tiada SABK yang berada dalam Band tersebut. Sejumlah 45 SMKA telah berada di Band 1, 2 dan 3 manakala di Band 6 dan 7 tiada SMKA yang berada dalam Band tersebut.

## 1900

Isu prasarana sekolah di pedalaman amat daif terutama Sabah dan Sarawak. Kementerian sentiasa berusaha untuk menyediakan prasarana yang sempurna kepada semua murid. Peruntukan juga diberikan untuk pembangunan infrastruktur dan lestari kepada semua jenis sekolah dalam memastikan semua murid menerima pendidikan yang sempurna dalam suasana yang kondusif. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang diambil untuk menangani isu sekolah daif ialah dengan menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi kerja-kerja naik taraf, penyelenggaraan, peralatan dan kecemasan mengikut keutamaan berdasarkan *criticality* sesuatu projek yang dicadangkan.

Walau bagaimanapun, keutamaan yang diberikan bagi kes-kes kecemasan dan kritikal terlebih dahulu memandangkan peruntukan yang diluluskan adalah terhad. Jika keadaan kritikal dan keadaan mendesak, mana-mana sekolah boleh membuat permohonan melalui Jabatan Pelajaran masing-masing. Sistem pelaksanaan pembinaan Sekolah (K9) di RTS Pos Kemar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gerik. Program Sekolah (K9) di Pos Kemar telah pun beroperasi dengan menggunakan bangunan sedia ada. Walau bagaimanapun, bangunan sedia ada tidak mencukupi untuk menampung pelajar-pelajar yang ada. Oleh yang demikian, pembinaan blok tambahan di Sekolah (K9) di Pos Kemar dilaksanakan dalam dua fasa.

Fasa 1 bangunan tambahan telah pun siap dan dijangka diserahkan pada Disember 2013. Skop Fasa 1 merangkumi empat bilik darjah dengan asrama untuk 60 pelajar. Fasa 2-pelaksanaan Fasa 2 dijangka akan dimulakan pada suku tahun pertama 2014. Skop Fasa 2 merangkumi 12 bilik darjah dan asrama untuk 200 orang pelajar.

Yang Berhormat Gerik juga membangkitkan isu, sejauh mana pelaksanaan kolej vokasional diiktiraf. Diploma Vokasional Malaysia sedang *diverify*, dengan izin oleh *Malaysian Qualification Agency* (MQA) untuk diiktiraf oleh kerajaan.

Yang Berhormat Gerik juga membangkitkan isu anak jalanan tanpa dokumen SBJK atau Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih di Chow Kit, diberi peluang kepada mereka. Kementerian mengambil maklumat cadangan berkaitan sekolah yang berkonsepkan pendidikan alternatif seperti yang telah dilaksanakan di Chow Kit. Walaupun untuk mendirikan sekolah berkenaan, kesesuaian lokasi dan muridnya adalah keutamaan Kementerian Pendidikan Malaysia, selain daripada kemampuan kewangan kerajaan. Ini merupakan dasar pembelajaran *learning for all*.

Yang Berhormat Gerik juga membangkitkan isu cadangan dibina sekolah dalam bot atau *floating boat*. Cadangan tersebut akan diteliti kesesuaiannya dan saya berharap pihak Ahli Yang Berhormat dijemput untuk membantu menjayakan program tersebut.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga mengalu-alukan penyertaan agensi kerajaan, swasta, NGO, GLC yang boleh membantu khususnya dari segi kewangan. Dalam aspek....

**Seorang Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** ...Saya habiskan ini dulu Yang Berhormat. Dalam aspek pendidikan alternatif Yang Berhormat ya, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah sewajarnya dalam usaha menangani masalah kanak-kanak tanpa dokumen. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Surat Pekeliling Ikhtisas 1/2009 bertarikh 11 Mac 2009 telah mengeluarkan arahan bahawa mana-mana kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen dan salah seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara, boleh didaftarkan sebagai murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan setelah mendapat surat pengesahan atau surat pengakuan daripada Ketua Kampung.

Manakala bagi kanak-kanak yang bukan warganegara pula, kanak-kanak tersebut tidak dibenarkan mengikut pendidikan di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Pada masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia telah memutuskan dasar pendidikan alternatif kepada kanak-kanak tersebut. Penglibatan pelbagai agensi dan NGO dalam membantu menjayakan pendidikan alternatif amat diharapkan. Cadangan tersebut akan diteliti kesesuaian dan saya berharap Ahli Yang Berhormat juga dijemput membantu menjayakan program seumpama ini.

Tuan Pengerusi, saya gulung.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya boleh. Kalau tidak sempat boleh jawab secara bertulis.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Memang tidak sempat Yang Berhormat kerana ada lima atau enam lagi Ahli Parlimen yang akan mengambil masa setengah jam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Boleh jawab secara bertulis.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat, saya pohon sangat isu Sekolah St. Thomas ini dijawab kerana isu ini adalah isu yang perlu disegerakan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Yang Berhormat, bukan sahaja isu Yang Berhormat perlu disegerakan. Ramai lagi ahli Parlimen isu-isu semuanya penting.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Akan tetapi, mereka perlu pindah pada pindah bulan Disember. Mereka tidak ada sekolah. Mereka perlu tumpang sekolah. Yang lain ada isu-isu yang boleh tunggu. Tuan Pengerusi takkanlah...

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Yang Berhormat saya tidak beri laluan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan isu kanak-kanak, pelajar di Sekolah St. Thomas tidak penting bagi kementerian?

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Setakat ini sahaja yang dapat dijelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang ditimbulkan oleh ahli Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Adakah itu yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri? Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menunjukkan perasaan tidak ambil tahu langsung berkenaan dengan pelajar di Sekolah St. Thomas.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Terdapat isu-isu yang dibangkitkan telah dijawab secara lisan di Dewan yang mulia ini, namun jika terdapat isu-isu yang tidak sempat dijawab ianya akan diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apalah Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tidak kan lah macam ini?

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Saya sekali lagi mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan, teguran dan sokongan yang diberikan oleh ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kecemerlangan pendidikan negara.

**Tuan [Datuk Ronald Kiandee]:** Boleh rujuk terus kepada kementerian Yang Berhormat.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri bagi ruangnya Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Habis kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab di sini, takkan hendak rujuk lagi dekat Yang Berhormat Menteri? Hendak pergi tinggi mana lagi Tuan Pengerusi? Sudah sampai ke peringkat Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh jawab, sudah jumpa secara peribadi tidak selesai dan kemudian bahas dalam Dewan tidak jawab, hendak pergi mana lagi Tuan Pengerusi? Takkanlah Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh beri masa sedikit untuk menjawab soalan ini?.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya mendengar tadi jawapan Yang Berhormat Menteri. Banyak perkara yang juga penting.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Pengerusi saya dapat tahu bahasa Setiausaha Sulit kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri baru minta nombor, baru minta nombor telefon sudah 10 hari selepas jumpa Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat akan ambil tindakan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Baru minta nombor. Orang Kuantan baru cakap pada saya, baru minta nombor.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Pengerusi, takkan tidak boleh dengar pelajar hendak kena pindah ini? Pelajar hendak kena pindah.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Tidak apalah Yang Berhormat Kuantan, nanti dijawab bertulis.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Pelajar hendak kena pindah.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulung punya soalan pun kena jawab bertulis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kalau semua Ahli Parlimen macam ini, kita tidak berurusan dalam Parlimen Yang Berhormat.

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM50,565,450,000 untuk Maksud B.41 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM50,565,450,000 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM4,035,143,800 untuk Maksud P.41 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM4,035,143,800 untuk Maksud P.41 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]*

#### **Maksud B.21 [Jadual] – Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan 2014]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Kepala Bekalan B.21 dan Kepala Pembangunan P.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terbuka untuk dibahas.

*[Beberapa Ahli bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Sulong.

#### **■1907 mlm.**

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Akan tetapi, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan tadi minta jawab bertulis juga kepada Parit Sulong atas persoalan yang Parit Sulong bangkitkan. Okey Tuan Pengerusi saya pendek saja. Ada dua butiran.

Pertamanya Maksud P.21 Butiran 00100. Ini mengenai FAMA. Saya tidak nafikan peranan pasar tani ini memang sangat penting sebab ia memberi peluang kepada usahawan-usahawan tani memasarkan perniagaan ataupun barang-barang pertanian mereka. Di dalam Bajet 2014, ini saya hendak mencadangkan semula kepada FAMA untuk mewujudkan satu pasar tani wanita di kawasan Parlimen Parit Sulong.

Tujuannya saya telah bawa cadangan ini ke peringkat FAMA daerah dan juga FAMA negeri. Tujuannya adalah kerana usaha ini dapat dijadikan sebagai pemangkin kepada penambahan bilangan usahawan tani wanita di Malaysia ini. Memandangkan ianya telah di bincangkan, saya harap di dalam Bajet kali ini ianya dapat dilaksanakan. Saya juga hendak dapatkan status pasar komuniti ataupun nama singkatnya PAKAR. Pelaksananya adalah FAMA dan saya maklum bahawa pada masa ini terdapat tujuh pasar komuniti di negara kita dan dimaklumkan yang bilangannya masih belum lagi ditambah kerana masih menunggu kajian keberkesanan tujuh pasar komuniti yang sedang dibina ataupun yang telah selesai dibina.

Jadi, soalan saya kepada kementerian adalah bila hasil kajian ini dapat dimaklumkan? Keduanya pula saya harap pasar komuniti yang seterusnya dapat dilaksanakan di kawasan Benteng Peserai di kawasan Parlimen Parit Sulong. Kajian telah dibuat dan ianya telah dibentangkan di peringkat daerah dan nampaknya boleh di laksana. Jadinya saya cuma hendak tahu sekiranya bajetnya ada, bila ianya hendak dilaksanakan.

Yang seterusnya bagi Maksud B.21 bagi butiran 09000 di bawah LKIM. Tuan Pengerusi, Kumpulan Wanita Nelayan ataupun KUNITA ini adalah satu pertubuhan wanita nelayan melalui persatuan nelayan yang memang banyak menjalankan aktiviti perniagaan dalam menghasilkan produk-produk pemprosesan hasil perikanan untuk menambahkan pendapatan keluarga mereka.

#### ■1910

Jadinya, selain daripada produk-produk ini, kaum wanita nelayan ini juga menjalankan aktiviti ekonomi lain seperti jahitan, catering, *homestay* dan sebagainya. Akan tetapi, ada satu masalah utama iaitu produk-produk yang dihasilkan KUNITA ini yang saya tengok iaitu daripada aspek pemasarannya terutamanya untuk pasaran tempatan seperti di pasar-pasar raya besar ataupun di *hypermarket*. Ini adalah kerana kebanyakan produk KUNITA ini tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan terutamanya dari segi kualiti, kuantiti dan pengeluaran berterusan daripada aspek keselamatan makanan itu lagi dan segala-galanya.

Jadi saya hendak memohon penjelasan daripada pihak kementerian, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh LKIM untuk membantu KUNITA ini untuk memasarkan produk mereka di pasaran tempatan dan juga mungkin boleh dipasarkan di peringkat antarabangsa? Saya tidak nafikan bahawa ada terdapat produk KUNITA ini yang telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa seperti KUNITA Kongkong Laut di Masai yang menjual makanan ringan berasaskan perikanan ini ke Dubai dan Singapura dan juga KUNITA Miri yang mengeluarkan belacan yang bermutu tinggi dan menjualnya ke Brunei. Ini antara contohnya, Tuan Pengerusi.

Seterusnya, sehubungan daripada itu, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, berapakah sebenarnya jumlah kumpulan wanita nelayan ini yang telah berjaya menembusi

pasaran antarabangsa dalam usaha memasarkan produk mereka? Seterusnya, apakah yang diberikan kepada usahawan wanita ini, apakah jenis bantuan yang diberikan kepada mereka yang boleh sedikit sebanyak membantu mereka untuk meningkatkan kemahiran mereka untuk terus bersaing? Saya harapkan juga agar kursus-kursus untuk kemahiran bagi usahawan KUNITA ini dapat diperluaskan ke KUNITA kawasan Parlimen Parit Sulong. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulai.

#### **7.12 mlm.**

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh Butiran 020200 – Pembangunan Komoditi. Kalau kita merujuk muka surat 237 Anggaran Perbelanjaan Persekutuan ini, salah satu aktiviti untuk pembangunan komoditi ini adalah program Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Saya hendak cakap di sini bahawa selepas pelaksanaan sejak tahun 2000, Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 ini mendapati bahawa secara keseluruhan program TKPM ini di negeri Johor adalah kurang memuaskan. Kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut.

Pertama, Jabatan Pertanian Negeri Johor menyasarkan bahawa pendapatan bersih sekurang-kurangnya adalah RM3,000 sebulan bagi setiap peserta TKPM. Akan tetapi setakat tahun 2012, analisis Audit mendapati bahawa hanyalah 4.5% peserta telah memperoleh purata pendapatan bersih antara RM3,288 hingga RM22,266 sebulan. Manakala baki 65.5% tidak mencapai pendapatan disasarkan kerana memperoleh antara RM229 hinggalah RM2,922 sebulan sahaja.

Kelemahan kedua yang didapati adalah, setiap peserta TKPM sepatutnya mengusahakan tanaman sayuran keluasan minimum dua hektar ataupun buah-buahan minimum lima hektar. Akan tetapi, terdapat peserta yang mendapat tanah tanaman melebihi keluasan minimum. Contohnya, TKPM Ulu Tiram berkeluasan 43.7 hektar tetapi hanya terdapat tiga peserta. Maksudnya seorang peserta boleh dapat lebih kurang 15 hektar tanah tanaman. Akan tetapi sebaliknya, kita juga mempunyai peserta yang mendapat tanah tanaman yang kurang daripada keluasan minimum. Contohnya, 15 orang peserta pekebun di TKPM Lepau yang hanya berkeluasan 15.5 hektar tanah tanaman. Maksudnya seorang lebih kurang boleh dapat satu hektar tanah sahaja. Juga, ada terdapat tiga orang peserta di TKPM Fertigasi Pagoh yang berkeluasan 1.5 hektar tanah tanaman. Maksudnya seorang hanya dapat setengah hektar tanah tanaman sahaja. Jadi ini ada satu jurang yang cukup besar.

Kelemahan ketiga yang didapati dalam Laporan Audit kita adalah, walaupun peruntukan berjumlah RM4.38 juta telah diluluskan oleh kementerian ini sejak tahun 2010 hingga tahun 2012 untuk membiayai kemudahan infrastruktur asas, lawatan Audit mendapati bahawa 21.6% lot tanah tanaman tidak diusahakan dan tidak disenggarakan. Maksudnya ini adalah satu pembaziran untuk peruntukan yang diluluskan oleh kementerian ini.

Keempat, objektif utama TKPM adalah untuk memastikan bahawa bekalan makanan yang berkualiti dan selamat dibekalkan. Akan tetapi semakan Audit mendapati bahawa sebanyak 35%

sampel tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan telah melanggar peraturan penggunaan racun makhluk perosak. Sehingga bulan Disember tahun 2012, tiada peserta TKPM ini berjaya memperoleh persijilan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia kerana peserta belum mencapai piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia.

Kelima, Jabatan Pertanian mengambil masa sehingga 32 bulan untuk menyingkirkan peserta-peserta yang tidak menunjukkan minat untuk mengusahakan projek, manakala usaha urusan pengambilan peserta baru untuk menggantikan peserta yang digugurkan atau yang telah menarik diri dari menyertai program ini juga lewat dilaksanakan. Keadaan ini telah mengakibatkan lot tanaman telah dibiarkan tanpa peserta antara empat sehingga melebihi 24 bulan iaitu dua tahun.

Isu kelemahan keenam yang didapati oleh Laporan Audit adalah kos penyelenggaraan yang ditetapkan adalah sebanyak RM120 sehektar setahun. Sewa tahunan adalah sebanyak RM500 sehektar setahun. Ini dikenakan mulai tahun ketiga. Akan tetapi semakan Audit terhadap kutipan sewa mendapati bahawa prestasi kutipan kos penyelenggaraan dan sewa adalah amat rendah iaitu hanya di antara 4.3% sehingga 37.7%. Semakan Audit selanjutnya mendapati bahawa sejumlah RM40,845 ataupun 9.6% bayaran kos penyelenggaraan dan sewa tahunan telah dikutip. Manakala sebanyak RM167,501 ataupun 80.4% masih lagi tertunggak sehingga kini.

Jadi seperti yang didapati oleh Audit, antara faktor yang menyebabkan kegagalan TKPM terutamanya di negeri Johor ini adalah kerana sikap peserta yang kurang komited dan produktif. Jadi saya ingin menggesa kementerian kita supaya memilih peserta-peserta yang memang berminat dalam pertanian untuk memastikan peruntukan dan kemudahan yang disediakan dapat digunakan sepenuhnya bagi mencapai objektif TKPM ini.

Ini kerana di kawasan saya di kawasan Parlimen Kulai, kita memang mempunyai lebih daripada 100 punya pertanian. Mereka memang petani dan sumber pendapatan mereka adalah dari pertanian. Akan tetapi mereka menghadapi masalah untuk mendapat tanah tanaman ini. Mereka apabila menghantar permohonan untuk menjadi seorang peserta di bawah program TKPM ini, kesemua mereka ditolak. Tiada seorang pun daripada persatuan pertanian ini dari kawasan Parlimen Kulai ini yang dapat dipilih untuk menjadi peserta.

#### ■1920

Jadi bagi pandangan saya, petani yang berminat untuk menjadi seorang peserta dalam program ini memang ada tetapi malangnya antara mereka yang dipilih saya rasa kebanyakan mereka kurang berminat dan tidak menunjukkan komitmen.

Selain daripada itu, jurang pendapatan bersih antara peserta TKPM ini adalah sangat besar. Ada yang hanya memperoleh RM200 sebulan, tetapi ada juga peserta yang memperoleh melebihi RM20,000 sebulan. Saya rasa TKPM haruslah memperjelaskan kenapa ada peserta yang mendapat tanah tanaman yang melebihi 14 ekar tetapi ada juga mereka yang hanya dapat 0.5 ekar.

Jadi saya harap nanti Yang Berhormat Menteri ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab bolehlah menjelaskan sama ada program ini telah dilaksanakan dengan adil



ataupun hanya segelintir kroni yang mendapat manfaat daripada program itu. Saya rasa untuk mereka yang sekarang memperoleh pendapatan bersih melebihi RM20,000 sebulan, saya rasa soalnya adalah sama ada mereka masih layak untuk menyertai program ini dan terus menikmati sewaan lot tanah dan kos penyelenggaraan yang begitu rendah ataupun kita sepatutnya memberi peluang ini kepada petani yang lebih memerlukan peluang ini.

Ini adalah sedikit isu yang ingin saya bangkitkan. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar lagi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pengerang.

#### 7.21 mlm.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi pembahas pertama, kedua dan ketiga ini wanita. Hidup Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak perasan Yang Berhormat [*Ketawa*]

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Pertama sekali saya hendak ucapkan tahniah kepada kementerian kerana daripada kita lihat dalam Butiran Maksud 21. Memang kalau kita tengok transformasi kementerian adalah ke arah membawa negara kita kepada negara pembangunan. Saya ingin menyebut kepada Butiran 090000, 00500. Ini adalah terhadap LKIM. Sebenarnya pertama sekali saya hendak ucapkan tahniah kepada sahabat saya Yang Berhormat Kuala Selangor kerana menjadi Pengerusi LKIM. Jadi dia di sebelah saya, saya akan bercakap kepada Tuan Pengerusi.

Berkenaan dengan isu kalau kita tengok kepada ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri tahun lepas, beliau telah memberikan bantuan sebanyak RM300 juta untuk perumahan nelayan. Jadi saya agak terperanjat kenapa pada kali ini perumahan nelayan ini tidak disebut. Perkara ini perlu dilihat sebagai satu yang boleh dilihat sebagai, saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh menjawab kerana perumahan nelayan ini bukan kita sebut dalam aspek membina rumah yang baru tetapi lebih kepada menaik taraf rumah-rumah nelayan. Kalau kita tengok, saya sendiri sebagai Ahli Parlimen dalam kawasan pengairan berhadapan dengan ramai pengundi-pengundi nelayan dan sentiasa mereka mewujudkan satu dengan izin, *comparison* Tuan Pengerusi berbanding dengan agensi kerajaan yang lain seperti FELDA yang mana mempunyai projek perumahan mereka sendiri.

Jadi dalam aspek ini, saya berharap LKIM boleh memperluaskan tanggungjawab bukan sahaja membina perumahan nelayan sebagai satu daripada hala tuju LKIM tetapi juga diwujudkan bantuan kewangan untuk menaikkan taraf. Kalau kita tengok LKIM ini, bukan calang-calang agensi. Ini adalah agensi perniagaan. Bagi pihak nelayan dalam negara kita yang mana penglibatan perniagaan bukan sahaja dalam bidang tempatan tetapi juga dalam peringkat antarabangsa.

Jadi kewangan yang ada ini perlu diwujudkan satu tanggungjawab yang mana bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut tentang perumahan kepada masyarakat melalui

agensi SPNB, PR1MA dan sebagainya, saya melihat golongan nelayan ini perlu dilihat sebagai satu golongan khas terutama sekali dalam kawasan saya kawasan Parlimen Pengerang yang berhadapan dengan pembangunan minyak dan gas yang begitu hebat iaitu projek RAPID perlu tanggungjawab bersama-sama bukan sahaja LKIM, tetapi juga bukan sahaja kerajaan negeri tetapi yang lebih besar tanggungjawab adalah syarikat gergasi petroleum Petronas dan juga subkontraktor-subkontraktor seperti dialog dan sebagainya bertanggungjawab menentukan nelayan ini diambil kira kebajikan mereka, diambil kira kemampuan mereka bukan sahaja dalam aspek sara hidup tetapi juga perlu dilihat dari segi perumahan.

Setakat ini kalau kita tengok naik taraf perumahan, ini semua tanggungjawab wakil rakyat. Saya berharap sangat kalau boleh Yang Berhormat Menteri merangka satu tanggungjawab bersama kepada LKIM untuk melakukan dan melaksanakan tanggungjawab ini dalam aspek perumahan dan juga menaik taraf rumah-rumah para nelayan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Parit Sulong menyebut tentang wanita sebagai nelayan. Dalam kawasan saya Tuan Pengerusi, memang ramai wanita yang menjadi nelayan dan mereka ini kadang-kadang dalam hubungan suami isteri, keluarga. Saya punya kawasan ini dekat dengan Batam. Kalau dia tidak ikut, lari suami di Batam tidak balik. Itu sebab mereka ikut menentukan suami mereka balik jadi nelayan.

Dalam hal ini saya hendak menyebut kepada bantuan sara hidup yang diberi oleh LKIM kepada para nelayan. Dalam kawasan saya, kita bagi itu tiap-tiap bulan bantuan RM200, ramai yang memang memohon. Akan tetapi bila saya tengok mereka dan saya kenal mereka sebagai Ahli Parlimen, yang ambil ini orang-orang yang mempunyai kemampuan. Hanya kerana dia ada kad nelayan itu, bererti dia mampu dan berhak mendapat bantuan sara hidup. Orang yang ambil ini, tokeh-tokeh kapal nelayan yang besar-besar, bot-bot yang berenjin berkuasa tinggi yang bagi saya sara hidup RM200 kira bayar telefon *prepaid* sahaja. Saya tidak tengok RM200 ini dapat membantu mereka. Bukan saya menuduh tetapi saya berharaplah LKIM bersama kementerian dapat mengkaji semula sara hidup ini.

Kalau kita hendak bagi sara hidup ini, kalau kita tahu saya hendak bercakap RM200 ini bukanlah besar sangat kata orang tetapi RM200 ini boleh membantu. Akan tetapi bantuan yang RM200 tiap-tiap bulan ini mestilah kepada golongan-golongan nelayan yang betul-betul memerlukan bantuan ini. Kalau dia tokeh nelayan, dia ada bot besar, dia ada yang kerja dengan dia bawah itu ramai, kenapa kita hendak senaraikan dia dalam kategori nelayan yang memerlukan bantuan hanya kerana dia mempunyai kad nelayan. Itu sebabnya saya dimaklumkan oleh sahabat saya sebelah ini, LKIM ini, saya bincang-bincang dengan dia, saya dapat maklumat kalau kita kurangkan tokeh-tokeh bot besar ini lebih kurang 7,000 bot-bot besar ini, kerajaan mampu menyelamatkan RM55 juta. RM55 juta ini Tuan Pengerusi, bolehlah kita guna untuk perumahan, bolehlah kita guna untuk naik taraf rumah. Itu sebenarnya yang kita hendak. Itu dalam aspek perumahan.

Ini saya hendak bercakap fasal subsidi diesel. Saya ini sebenarnya dalam wakil rakyat kawasan pengairan ini, kadang-kadang kita rasa terkilan bila bercakap tentang subsidi diesel ini

yang berhadapan dengan para nelayan ini, kadang-kadang kita tengok sifat-sifat negatif hendak buat duit daripada curi diesel. Saya tidak hendak sebutlah tetapi kadang-kadang nelayan ini bila dia tidak ada kerja, dialah yang jual diesel. Dalam kawasan saya ingin saya sebut masalah laluan tikus yang PATI atau pendatang asing tanpa izin ini masuk. Ini semua kerja-kerja nelayan sebab dia hendak cari rezeki lebih. Dia hendak berhadapan dengan ekonomi yang bot-bot besar itu, dia tidak mampu. Jadi dia tahu. Ya lah kata orang nelayan ini dia pakar pada laut. Dia tahu segala-galanya dalam laut itu. Kadang-kadang hendak baca doa pun nelayan di laut ini doa dia lain daripada orang atas tanah. Itu sebabnya dia sendiri menawarkan dirinya melibatkan dalam aktiviti-aktiviti sedemikian sebab dia hendak dalam bahasa Inggeris dengan izin, *survival* para nelayan.

Oleh sebab itu saya berharap sangatlah dalam kawasan saya, kawasan RAPID ini kita tidak hendak nelayan yang menjadi keluarga turun-menurun ini diketepikan oleh pembangunan yang besar. Saya agak terperanjatlah bila saya baca Maksud 21 ini, butiran-butiran saya cari punya cari tidak ada disebut mewujudkan kompleks bersepadu nelayan. Tahun lepas ada letaknya RM7 juta untuk membantu di kawasan saya. Saya tengok tidak juga tolaknya tanah. Tahun ini tidak ada pula. Tidak akanlah RM7 juta itu cukup untuk membina kompleks bersepadu. Bila hendak buat projek minyak dan gas, janji nelayan macam-macam. Nelayan setuju tidak bantah, tidak akanlah lepas pilihan raya janji tidak ditunaikan. Ini saya hendak tegur ini.

#### ■1930

Saya sebagai Ahli Parlimen Barisan Nasional, saya yakin Yang Berhormat Menteri mesti peka perkara ini. Akan tetapi kadang-kadang LKIM ini, sahabat saya sebelah ini saya hendak minta dia, kalau boleh lebih peka kepada janji yang diberi sebelum pilihan raya. Tuan Pengerusi cuba bayangkan, daripada nelayan dekat sebelah bawah dekat kawasan Parlimen saya ini, mereka hendak kena pindah sebelah atas, dekat Sungai Musuh kononnya hendak buat Kompleks Bersepadu. Ya, nelayan semua pindah. Semua tidak ada bantahan, menyokong kerajaan. Akan tetapi, Kompleks Bersepadu Nelayan ini yang disebut RM7 juta tahun lepas ini, tahun ini tidak disebut. Itu yang saya hendak mempersoalkan Yang Berhormat Menteri.

Adakah peruntukan khas di bawah Kementerian yang tidak tertulis di sini yang menyebabkan kompleks ini boleh dibina dengan RM7 juta? Saya tidak setuju. Saya dimaklumkan kompleks ini lebih kurang RM30 juta hingga RM40 juta. Kompleks ini akan menjadi satu kompleks yang begitu besar, yang nelayan keluar ke laut bot kecil, bot besar, pemprosesan, semua aktiviti-aktiviti nelayan, aktiviti sampingan itu. Inilah kompleks yang akan menjalankan tanggungjawab tersebut. Jadi kalau kompleks ini tidak dibina, macam mana lah nelayan-nelayan yang ada dalam kawasan Parlimen saya? Jadi saya berharaplah Tuan Pengerusi, saya berharap sangatlah Yang Berhormat Menteri terutama sekali LKIM, Jabatan Perikanan kena peka isu ini.

Jangan pula kita terlampaui sangat mengejar macam-macam pembangunan, Projek RAPID ini projek antarabangsa, nanti sahabat kita dekat pembangkang ini dia suka ambil kesempatan. Nanti tidak bina nanti dia cakaplah macam-macam. Dia bawalah sepanduk dan sebagainya. Jadi perkara ini kita tidak hendak. Jadi saya berharap biarlah saya dalam Barisan Nasional yang menegur, kerana kita menegur untuk kebaikan.

Tuan Pengerusi saya juga hendak sebut berkenaan dengan- yang kedua itu saya bercakap tentang diesel ya. Saya hendak menyebut tentang peranan LKIM kepada nelayan. Ketiga, bagi saya ini aspek bantuan insurans. Saya baru-baru ini teringat kes-kes yang berlaku tiga tahun lepas dalam kawasan saya. Nelayan ramai-ramai minyak tumpah, dia menyaman syarikat kapal besar dalam bahasa undang-undang Tuan Pengerusi, kalau kapal jatuhkan minyak ikut undang-undang dia *strict liability*, kapal kena bayar. Akan tetapi sebab pergi ke mahkamah turun naik turun naik, *lawyer* kapal itu lagi hebat, kapal besar ini *lawyer* macam-macam. Peguam-peguam okeylah boleh menang kes, tetapi hendak dekat 1,000 lebih nelayan Tuan Pengerusi dapat lebih kurang RM1,000 sahaja.

Daripada Pengerang hendak ke Johor Bahru punya mahkamah itu, hendak ke Mahkamah di Iskandar itu Tuan Pengerusi, RM1,000 itu satu tahun punya cerita sudah habis duit minyak dengan duit tol. Jadi dalam perkara ini siapa yang bertanggungjawab membantu para nelayan dalam kes-kes tersebut? Bukannya dia saman sebab orang itu curi bot dia, tetapi dia saman kerana masalah minyak tumpah, kapal dagang asing. Jadi, saya berharap LKIM akan memainkan peranan yang lebih besar dalam aspek undang-undang. Mengambil tanggungjawab ataupun mungkin membayar bantuan guaman mungkin 50% diskaun dan sebagainya, atau rekomen peguam daripada LKIM supaya bila para nelayan hendak pergi ke mahkamah ini, dia tahu LKIM di belakang dia. Ya lah mungkin duit menang itu boleh diberi 10% pada LKIM, tetapi macam mana sekali pun, LKIM tidak boleh dalam transformasi mengejar ekonomi, LKIM mengejar kejayaan, mengejar kekayaan dan lupa tanggungjawab mereka kepada para nelayan. Ini adalah aspek ketiga bagi LKIM.

Kemudiannya saya hendak sebut tentang Butiran 23400 dan Butiran 27400. Ini berkenaan dengan Kemudahan Perikanan dan Pembangunan Usahawan Nelayan. Saya bercakap tentang nelayan ini, jangan hendak cakap macam-macam lah ya Tuan Pengerusi hendak buat pinjaman ini, hendak naik taraf bot ini, hendak buat beli enjin ini, ini semua masalah. Sepatutnya duit sara hidup yang RM200 ini, yang kerajaan hendak bagi melalui LKIM ini tidak perlulah RM200. Bagilah nelayan bantuan bot, bagilah nelayan bantuan enjin, sekurang-kurangnya dia keluar mencari rezeki. RM200 ini kita semua tahu, bayar *prepaid* satu hal, beli rokok hal kedua, ketiga macam-macam dia buat RM200.

Itu sebabnya Tuan Pengerusi, saya berharap kalau boleh dalam aspek ini lah, mentaliti kementerian mestilah mentaliti relevan kepada transformasi ekonomi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan bercakap tentang perubahan, inilah perubahan. Jadi saya yakin, kalau bantuan bot diberi, bantuan enjin diberi, para-para nelayan janganlah lagi disebut RM200. Bukan saya kata RM200 itu kecil, tetapi bagi saya perbelanjaan kerajaan berpuluh juta tiap-tiap tahun dalam aspek sara hidup. Nelayan kita sekarang ini pakai *handphone*, pandai tidaklah macam dahulu. Jadi bagi saya bantuan bot, dengan bantuan yang kita beri ini, teguran saya pada Yang Berhormat Menteri dan juga kementeriannya ialah tukarlah pandangan kita kepada sara hidup, berilah bantuan bot, bantuan enjin, sesungguhnya nelayan-nelayan dalam

negara kita akan menjadi nelayan yang bertransformasi. Dengan itu saya Yang Berhormat Pengerang menyokong. Terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** [Bangun]

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** [Bangun]

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** [Bangun]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Nibong Tebal.

### 7.35mlm

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membincang dalam B.21 dan P.21, Butiran 30000 Tuan Pengerusi. Saya pertama kali mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Pengerang kerana membawa isu orang-orang kecil. Dalam hal ini, iaitu Butiran 30000 - Tabung Ekonomi Usahawan Niaga, saya sekali lagi ingin menyambut baik usaha kerajaan memperuntukkan peruntukkan yang cukup banyak, sebanyak RM700 juta kepada program ini.

Sehingga kini, kita difahamkan sebanyak RM2.86 bilion telah pun disalurkan kepada peminjam-peminjam TEKUN dengan jumlah peminjaman sebanyak 272,104 peminjam. Usaha juga diberi kepada peminjam bukan sahaja bumiputera tetapi kepada kaum India dan kaum Tionghoa. Kaum India melalui SPUMI diperuntukkan sebanyak RM146.4 juta dan kepada orang-orang Tionghoa melalui jawapan yang diberikan kepada Yang Berhormat Labis didapati sebanyak RM30 juta disalurkan melalui *Malaysian Chinese Women Entrepreneur Foundation* iaitu pada 28 April 2011.

Saya ingin bincang perkara ini, berkenaan dengan *defaulters*, Tuan Pengerusi. Saya memandang serius perkara ini sebab kalau jawapan yang diberikan kepada Yang Berhormat Bayan Baru itu betul, tepat, kalau saya tidak silap pendengaran saya, ada terdapat 45% peminjam TEKUN yang tidak membayar balik pinjaman, ataupun *defaulters*, dengan izin. 45% ini adalah satu angka yang besar Tuan Pengerusi.

Kalau kita *translatekan* atau terjemahkan kepada angka, kalau 200,000 orang lebih maknanya 90,000 orang tidak bayar balik. Kalau nilai ringgitnya daripada RM2 bilion itu, maknanya RM900 juta. RM900 juta ini adalah cukup besar angkanya dalam usaha kita untuk membantu peniaga-peniaga kecil yang memerlukan bantuan ini.

Itu persoalan yang sepatutnya kita beri perhatian. Saya ingin tahu Tuan Pengerusi, terutamanya saya agak hairan, apa rasionalnya projek TEKUN ini diletakkan di bawah Kementerian Pertanian? Saya faham yang 'Kementerian Pembangunan Usahawan' dihapuskan tetapi apa rasionalnya yang projek TEKUN ini diletakkan di bawah Kementerian Pertanian dan kemudiannya apakah struktur pelaksanaan projek ini?

Siapa yang memantau, adakah kementerian ataupun TEKUN *Foundation*? Atau pun Yayasan TEKUN sendiri yang buat pemantauan pelaksanaan bagi program ini sehingga begitu banyak sekali peminjam-peminjam yang tidak dapat membayar balik pinjaman itu. Kalau macam

diberikan RM30 juta tadi kepada peminjam orang Cina bukit, saya tidak mempersoalkan yang memberi pinjaman kepada orang Cina tetapi diberi kepada *Young Entrepreneurs Foundation* ini. Ini maknanya apa? Ini maknanya kita *outsource* projek itu, mungkin. Begitu juga dengan SPUMI. Saya tidak tahu adakah TEKUN sendiri yang menjalankan pelaksanaannya ataupun kita *outsource* pada satu badan tertentu untuk melaksanakan program ini? Oleh kerana kita *outsource* kan pelaksanaan program yang begitu baik niatnya, begitu murni matlamatnya dan tidak dapat dilaksanakan dengan betul kerana pemantauannya tidak dilakukan dengan baik, maka itulah terdapat banyak *defaulter*.

Justeru itu Tuan Pengerusi, saya ingin menarik beri perhatian sangat kepada perkara ini sebab ramai sekali, ramai sekali peniaga-peniaga kecil di luar sana yang memerlukan bantuan ataupun modal tambahan untuk menjalankan ataupun memajukan perniagaan mereka.

#### ■1940

Contohnya, sebelum projek ini dilaksanakan, kita ada membuat satu kajian dan kita dapati yang 70% peniaga-peniaga kecil ini memerlukan modal pusingan, modal tambahan untuk mengembangkan perniagaan mereka. Jumlah 70% ini maknanya besar, 70% ini pinjam daripada *Ah long* untuk memerlukan modal tambahan dan kerajaan respons dengan mewujudkan program ini. Memang niatnya baik, itu yang kita katakan niatnya yang murni tetapi malangnya pelaksanaannya tidak begitu baik hingga 45% yang tidak bayar balik. Kalau masa projek perintis ini dilaksanakan dulu Tuan Pengerusi, hanya 4% yang tidak bayar balik. Jauh bezanya. Ini maknanya keberkesanan pelaksanaan pemantauan yang tidak betul. Jadi, pada hari ini kita minta Yang Berhormat Menteri memberi beberapa jawapan kepada kita terutama sekali dalam program pemantauan, siapa yang menjalan pemantauan? Adakah sistem pemantauan yang betul untuk menjejak, untuk mengenal pasti siapa dia *defaulter* ini?

Kategori yang macam mana yang tak bayar balik ataupun dalam kategori yang tidak bayar balik ini, adakah pinjaman yang RM50,000 ke atas? Berapa jumlah mereka ataupun daripada RM10,000 hingga ke RM50,000? Oleh sebab masa mula-mula projek ini dilaksanakan dulu kita memberi pinjaman hanya kepada RM10,000 maksimumnya. Jadi, boleh kah sekarang ini saya minta daripada pihak kementerian memberi jawapan yang berapa *debtor* di bawah kategori RM5,000 ke bawah, RM5,000 ke RM10,000. RM10,000 hingga RM20,000, RM20,000 hingga RM50,000 dan RM50,000 ke atas. Ini kerana saya dapati dalam pinjaman kepada orang Tionghoa melalui *Women Entrepreneurs Study*, RM30 juta tadi dan semasa jawapan awal yang diberikan itu. Kalau program yang awal, yang jawapan kepada Yang Berhormat Labis Tuan Pengerusi, iaitu pada April 2010, saya dapati pinjaman dikeluarkan RM727,000 dan dapat pinjam kepada 44 orang sahaja. Ini maknanya pinjaman yang besar juga pada satu-satu orang itu.

Jadi itu yang saya pohon tadi, kalau boleh kita pecahkan kategori yang tak bayar balik ini, yang RM50,000 ke atas ini berapa orang dan juga jenis perniagaan apa? Jenis perniagaan apa yang tidak membayar balik ini? Saya dapati semasa projek perintis dahulu, orang-orang kecil sebab itu kita sebut '*small people are bankable*' Tuan Pengerusi, dengan izin. Peniaga pasar malam, peniaga-peniaga kecil ini dia bayar balik dengan baik. Jadi dalam ini, kita minta

kementerian memberi jawapan kepada kita. Kategori atau jenis perniagaan apa yang tidak boleh membayar balik ataupun menjadi *defaulter* ini dengan terperinci, sama ada kategori pasar malam, gerai, mereka ini peniaga-peniaga kecil ataupun jahitan? Itu yang kedua.

Kemudian satu perkara lagi, falsafah projek ini diwujudkan, maknanya kita bagi pinjaman tetapi di samping pinjaman itu kita juga menggalakkan tabungan. Maknanya dia bayar balik mingguan, kalau pinjam RM10,000 dan bayar balik RM100 seminggu. Sejumlah kecil diambil untuk bayar wang simpanan dan jumlahnya besar. Dalam hal ini saya ingin tahu berapa jumlah simpanan peminjam yang terkumpul hingga kini? Masa projek perintis ini dilaksanakan dahulu, daripada enam juta peminjaman yang kita salurkan, kita dapat kumpulkan pinjaman RM1.3 juta tetapi sekarang RM2 bilion peminjaman dikeluarkan, mungkin simpanan itu cukup besar. Apakah rancangan pengurusan TEKUN atau pihak kementerian untuk membangunkan wang simpanan ini? Seterusnya, apakah perancangan masa depan projek ini sebab takkan kita nak bagi pinjaman sahaja, nak salurkan sahaja tetapi tidak ada perancangan untuk membangunkan seterusnya usahawan-usahawan perniagaan TEKUN ini, itu berkenaan dengan TEKUN.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi saya ingin sentuh tentang Butiran 04700 iaitu tentang pembangunan industri padi. Saya dapati sejumlah yang agak kecil diperuntukkan kepada pembangunan industri padi ini. RM200,000 sahaja kalau bandingkan dengan peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada lain-lain perkara. Industri padi ini, pembangunan industri padi maknanya industri yang cukup baik. Ramai petani, beratus ribu orang yang terlibat dalam ini dan ini menjadikan makanan *stable* ataupun *stable food*, dengan izin, bagi negara kita ini. Ini jumlah yang agak kecil. Jadi, kenapa kecil sangat peruntukan ini dan apakah program-program yang dilaksanakan ataupun yang dirancang untuk dilaksanakan dalam pembangunan industri padi ini? Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih atas ruang yang diberikan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong.

**7.46 mlm.**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi atas peluang diberikan untuk perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Saya ingin bercakap mengenai Bekalan 21, Butiran 060000 - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Kita tahu FAMA sebuah agensi yang diwujudkan oleh kerajaan, cukup penting, yang ditubuhkan untuk menyelaraskan dan meningkatkan pemasaran produk pertanian di Malaysia. Dah tentu harapan kita untuk memasarkan produk pasaran kita di peringkat antarabangsa dan kita lihat FAMA memainkan peranan yang cukup besar daripada membantu peniaga yang sekecil-kecilnya hinggalah ke yang paling tinggi sekali.

Oleh kerana itu FAMA cukup penting dalam usaha kita untuk membantu para petani terutama sekali dalam meningkatkan pemasaran. Kita lihat hari ini pelbagai produk yang dibuat, antaranya ialah dengan program-program pemasaran melalui program motor roda tiganya, dengan aktiviti di universiti, kemudian dengan Program Ladang Kontrak dengan pelbagai aktiviti popularnya, pasar tani, agro bazar dan sebagainya. Oleh kerana ia penting dan kita juga melihat

bahawa permintaan yang cukup banyak, kerana itu saya fikir pihak kementerian dapat memberikan tumpuan untuk menambah dan mempertingkatkan lagi produk-produk ini, diperbanyakkan supaya dapat dinikmati oleh ramai lagi aktiviti pertanian dan juga pengusaha-pengusaha di peringkat akar umbi.

Untuk itu juga saya harap dan ingin meminta kementerian untuk- saya tidak tahu, mungkin dah ada, supaya di pintu-pintu masuk utama negara terutama sekali di lapangan-lapangan terbang utama. Kerjasama melalui mungkin *Blue Ocean Strategy* dengan pihak Kementerian Pengangkutan untuk membolehkan produk-produk pertanian dipasarkan di semua pintu-pintu utama masuk dalam negara kita. Tidak kira lapangan terbang atau di pintu sempadan dan sebagainya supaya hasil-hasil pertanian di peringkat akar umbi ini dapat dipasarkan dengan lebih baik lagi.

Saya mahu bertanya setakat ini apakah usaha yang dibuat oleh pihak kementerian berkaitan dengan perkara tersebut? Selain daripada itu juga, saya juga mohon untuk FAMA membantu saya oleh kerana di kawasan Parlimen saya ialah kawasan tapak warisan dunia. Sejak akhir ini kita lihat begitu ramai pelancong dan pengkaji di peringkat antarabangsa datang dan kita tentu mahu supaya produk kita benar-benar *dibrandingkan* dengan begitu baik, dengan *packagingnya* dan sebagainya dapat dibuat dengan baik untuk diangkat jenama ini kerana perkataan Lenggong itu sendiri sudah diantarabangsakan melalui pengiktirafan UNESCO. Jadi, saya harap FAMA membantu untuk membolehkan pelbagai produk di Lenggong ini yang saya fikir FAMA pun tahu dan kementerian pun tahu, dapat benar-benar dibantu supaya hasilnya dapat dilakukan bersama.

Untuk itu juga saya percaya kalau FAMA boleh melakukan usaha melalui Kementerian Pelancongan misalnya untuk berbincang dengan ejen-ejen pelancongan misalnya. Kalau boleh, katakan pelancong datang ke negara kita dia berbelanja mungkin untuk satu pakej, untuk tiga malam perlu bayar RM400 ke RM500, mungkin dalam jumlah yang perlu dibayar itu juga dimasukkan kos untuk hasil-hasil produk ini.

#### ■1950

Jadi, maknanya dia datang ke sini termasuklah dia mendapat produk ini dengan sendirinya, produk kita itu dapat dipasarkan dan dibawa balik oleh pelancong berkenaan. Untuk itu, saya minta perkara ini diberi perhatian termasuklah membantu saya di kawasan Parlimen saya.

Satu lagi, ringkas sahaja Tuan Pengerusi Butiran 041400 - *One-Off* ini. Ini berkaitan dengan pusat pemprosesan industri perikanan di kawasan saya di Lenggong. Saya harap kementerian ambil serius perkara ini, saya tidak mahu ianya dijadikan satu bangunan 'gajah putih' nanti. Oleh kerana nampaknya aktiviti kita hendak letakkan peniaga-peniaga pekasam di situ yang asalnya memang diwujudkan idea dari Tun Dr. Mahathir dahulu untuk membolehkan industri pekasam benar-benar dapat dibangunkan dengan tersusun di situ dan peniaga-peniaga, pengusaha-pengusaha dapat dipusatkan di situ. Nampaknya kurang berkesan dan kalau kita lihat di situ juga saya percaya ada peralatan kilang dan sebagainya tidak digunakan dengan begitu baik termasuklah bangunannya.



Oleh kerana itu, saya ingin mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini, supaya bangunan dan kawasan yang berkenaan diubahsuai, dijadikan mini UTC untuk memusatkan semua agensi di bawah kementerian di tempat berkenaan dan ditambah nilai dengan pelbagai lagi kemudahan. Ini supaya tempat berkenaan dimanfaatkan oleh pihak kementerian dan nikmatnya diperoleh oleh rakyat. Sesuai juga kawasan berkenaan oleh kerana Lenggong ramai kehadiran pelancong. Dengan adanya kawasan berkenaan ia juga boleh dijadikan juga pusat tumpuan untuk membolehkan pelancong-pelancong luar datang, singgah di kawasan berkenaan, membolehkan mereka dapat membeli pelbagai produk pertanian.

Kalau tidak banyak produk pertanian daripada Lenggong bawa daripada luar dan boleh dijadikan satu yang menarik dan satu lagi destinasi pelancongan yang menarik di kawasan saya. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Puteh.

#### **7.52 mlm.**

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*, terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya ada beberapa isu untuk dibawa kepada perbincangan ini tentang subsidi baja padi. Saya hendak tambah sedikit. Pada hari itu kita ada buat soalan tentang subsidi pada padi ini kita tahu dalam butiran 120500 bahawa pemberian baja padi ini agak banyak, dekat RM500 juta dalam satu tahun untuk petani-petani dan subsidi untuk padi ini ada bermacam-macam-macam. Ini adalah penting untuk menjamin keselamatan makanan negara. Kita tahu 70% daripada makanan padi kita adalah daripada tanaman di Malaysia ini. Kita hanya import lebih kurang 30%. Jadi, penting sektor padi ini.

Jadi, apa yang berlaku di bawah sebagaimana yang kita tahu ada sedikit masalah khususnya di tempat saya di negeri Kelantan bahawa ada sesetengah petani-petani tidak mendapat subsidi baja padi ini, sehingga terpaksa kerajaan negeri mengeluarkan sedikit peruntukan untuk menampung. Walaupun seorang petani, kalau boleh kita tak nak menganiayai walaupun seorang. Kita hendak kalau boleh peruntukan ini cukup banyak, boleh diberikan kepada semua. Jadi, kita tidak ingin berlaku di sana itu peruntukan ini tidak sampai kepada petani yang berhak.

Jadi, cadangan saya adalah supaya kita mempertingkatkan peranan Lembaga Pertubuhan Peladang. Sebenarnya Lembaga Pertubuhan Peladang ini dengan peruntukan yang cukup banyak juga yang disediakan oleh kerajaan lebih daripada RM166 *million* lebih daripada itu untuk tahun 2014 ini. Jadi, peranan ini boleh dimainkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang untuk memastikan bahawa ahli-ahli mereka, petani-petani ini mendapat baja itu. Akan tetapi apa yang berlaku, persatuan ini pun tidak ada kuasa untuk menentukan bahawa ahli-ahli dia ini mendapat baja. Ini suatu yang cukup pelik.

Sedangkan kita lihat peranan yang dimainkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang ini di negeri-negeri yang maju seperti Jepun misalnya, mereka inilah yang membangunkan industri

pertanian di sana. Jadi, kalaulah kita boleh memainkan peranan yang lebih besar kepada pertubuhan-pertubuhan peladang ini, maka sudah pasti kita dapat membentuk petani-petani yang lebih hebat, matang dan lebih sepakat di bawah. Apa yang berlaku sekarang ini perpecahan di bawah dan perpecahan ini menyebabkan kerugian kepada kita semua. Jadi, saya bimbang tentang industri padi khususnya di Kelantan akan menjadi mangsa kepada kezaliman-kezaliman beberapa individu yang tidak memahami matlamat, tujuan kerajaan melaksanakan subsidi ini. Matlamat yang besar untuk kita gerakkan petani semua supaya bangkit dan memajukan pertanian ini. Itu pertama.

Kemudian, kita tahu pula satu isu yang kedua ialah tentang peranan yang patut dimainkan oleh KADA itu sendiri di bawah Butiran 08000. Peruntukan cukup banyak juga kepada KADA. Saya ingin tahu perkembangan terakhir tentang bekalan air. Bekalan air kepada sawah-sawah di kawasan jelapang padi KADA, adakah sudah selesai? Kalau selesai bagaimana perkembangan penanam-penanam padi setakat ini di kawasan KADA. Saya baru ini telah pergi ke kawasan Sungai Pinang. Saya tengok suatu keajaiban di sana. Bagi saya satu keajaiban. Bendang padi yang cukup hebat, bendang padi yang tumbuh dengan seimbang sekali dan bekalan air yang mencukupi di kawasan MADA lah ini, di Kedah.

Saya memberi tahniah kepada MADA kerana berjaya membentuk masyarakat petani yang cukup hebat, sepakat dan berjaya menjadi jelapang padi yang cukup memberangsangkan dan boleh menjadi contoh. Saya harap pihak KADA juga pergilah melawat di MADA, tengok perkembangan di sana. Tengok bagaimana mereka boleh bersepakat khususnya petani-petani, pengusaha-pengusaha, pengindustri dan sebagainya yang jentera-jenteranya yang cukup, pekerja-pekerja yang cukup hebat dan sebagainya. Jadi, kita lihat di sana perbezaan yang cukup ketara di antara apa yang berlaku di KADA dan di MADA. Saya harap pihak kementerian dapat melihat dan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada di dalam KADA ini.

Perkara yang ketiga yang ingin saya sebutkan di sini ialah tentang ternakan air tawar atau air payau. Di kawasan saya di Pasir Puteh kita ada satu kawasan yang kita kata Laguna Semerak yang mana di sana ada penternak-penternak ikan air payau atau air tawar yang menggunakan kawasan Sungai Semerak yang lama. Apa yang berlaku di sana ialah tiap-tiap tahun boleh dikatakan berlaku penyakit yang menyebabkan kerugian yang banyak kepada penternak-penternak ikan di sana.

Penyelesaiannya sudah diketahui. Kajiannya sudah dibuat oleh perikanan dan oleh pakar-pakar untuk menyelesaikan masalah penyakit yang berlaku boleh dikatakan bertahun-tahun di tempat ini. Akan tetapi penyelesaiannya itu ada, tetapi perlu pada sedikit peruntukan. Jadi, saya tidak mahulah hendak beritahu cara penyelesaian itu tetapi dikatakan bahawa air yang bertakung di dalam Laguna ini tidak boleh keluar ke laut dan perlu kepada satu saluran yang boleh menyambungkan kawasan sungai yang lama ini dengan laut.

Dengan adanya sambungan ini, air masin daripada laut itu dapat masuk dan seterusnya dapat membersihkan atau menyucikan kawasan air di sini. *Insyallah* penyakit-penyakit dan juga kerugian yang berlaku kepada penternak ikan air tawar ini akan berkurangan. Perkara yang sama juga berlaku di kawasan Tumpat di Pantai Sri Tujuh di mana penternakan ikan di sana juga boleh

dikatakan tiap-tiap tahun berlaku masalah kerana muara, tempat peliharaan ikan itu tertutup disebabkan oleh pasir. Maka, sedikit peruntukan perlu diberikan untuk membersihkan kawasan-kawasan ini supaya *insya-Allah* kawasan ini boleh mengeluarkan hasil tangkapan ikannya dengan baik, *insya-Allah*.

#### ■2000

Kemudian saya rasa yang satu lagi yang saya ingin masuk di sini ialah tentang peranan kepada FAMA *insya-Allah*. FAMA saya percaya boleh dikatakan ketika saya di Kelantan lebih kurang sepuluh tahun dahulu, bila kita bina misalannya itu kita mula Pasar Siti Khadijah dan FAMA, kita mula di sana tempat-tempat menjual buah-buah di tepi jalan. Dengan kerjasama daripada kerajaan tempatan, maka banyaklah kedai-kedai ini dapat dibina dan peniaga-peniaga kita dapat menjadi orang tengah atau meniaga untuk menjual hasil-hasil tanaman daripada petani-petani dan juga di pasar-pasar FAMA itu.

Jadi kita harap FAMA boleh memainkan peranan yang baik tetapi bagi saya untuk memajukan sektor penjualan ini, *networking* atau *marketing* kepada hasil-hasil pertanian kita tidak boleh bergantung kepada FAMA sahaja. Mentaliti pegawai-pegawai kerajaan tidaklah begitu maju sebagaimana di sektor perdagangan, perniagaan atau sektor swasta. Perlu ada kerjasama dengan orang-orang tengah, dengan orang-orang yang boleh membantu untuk memasarkan hasil-hasil pertanian. Pihak kerajaan melalui FAMA tidak mungkin dapat menyelesaikan sepenuhnya pemasaran hasil-hasil pertanian daripada ladang.

Oleh sebab itu kita harap *insya-Allah* kita boleh majukan, kita boleh bina golongan-golongan peniaga ini yang boleh menjadi orang tengah, yang tahu tanggungjawab mereka untuk memajukan sektor pertanian. Oleh itu saya tidak tahulah sama ada, ada di sana itu latihan-latihan untuk usahawan-usahawan ini yang menjadi orang tengah, *marketing* atau menjadi orang yang mengambil hasil daripada ladang kemudian membawanya ke pasar. Kita mesti bina golongan ini. Kalau boleh golongan ini sepatutnya datang daripada golongan muda yang kita kena latih, bentuk mereka ini, memberi ilmu kepada mereka dan memberi sedikit modal kepada mereka untuk mereka menjadi peniaga-peniaga yang boleh menjadi orang tengah kepada *chain* atau saluran perniagaan daripada hasil-hasil pertanian ini.

Oleh sebab itu kita perlu kepada transformasi kepada minda orang-orang muda sebenarnya. Kita selalunya menghadapi masalah untuk mengubah orang tua. Petani-petani tua ini cukup susah untuk kita ubah, untuk kita beri sesuatu yang baru yang boleh memajukan mereka. Kita terpaksa mentarbiahkan, mendidik dan membentuk orang-orang muda. Oleh sebab itu saya rasa peruntukan yang lebih banyak patut kerajaan sediakan untuk membina generasi muda untuk mewarisi petani-petani yang sudah tua. Rata-rata kita lihat petani-petani tualah yang mengusahakan bendang padi. Di mana orang muda? Orang muda tidak tahu di mana. Di tepi jalan, lumba motor, ambil pil kuda dan sebagainya. Tidak ada yang boleh mengganti. Jadi kita mesti memberi tumpuan kepada mendidik anak-anak muda ini supaya menjadi pewaris kepada petani-petani ini.

Jadi oleh sebab itu saya bersetuju sangatlah dengan cadangan daripada Yang Berhormat Kinabatangan bahawa kena bina banyak lagi sekolah-sekolah pertanian. Kena bina. Kolej-kolej pertanian dan mesti ada satu insentif yang baik daripada pihak kerajaan untuk mereka-mereka yang menceburi bidang ini. Kalau boleh kesedaran ini patut juga dilakukan kepada sekolah-sekolah. Di Kementerian Pendidikan itu kena ada sekolah-sekolah yang menjadi sekolah-sekolah pertanian. Bukan hanya sekolah sains. Bukan hanya sekolah perdagangan tetapi kena ada sekolah-sekolah khusus untuk pertanian. Kalau tidak mungkin masa depan kita akan gelap dalam sektor pertanian ini. Tumpuan itu mesti kita bina di sekolah lagi. Saya rasa itulah sedikit tiga atau empat perkara yang saya ingin memberi sumbangan dalam perbincangan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerlun.

#### **8.05 mlm.**

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kerana diberi peluang untuk turut berbahas peringkat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di peringkat jawatankuasa ini. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah pun diberikan peruntukan yang besar sejumlah RM6 bilion iaitu belanja mengurus sebanyak RM4.3 bilion dan pembangunan sebanyak RM1.6 bilion atau RM1.7 bilion.

Jadi saya hendak tumpukan perbahasan saya ini di sektor padi di bawah tajuk Butiran 010400 yang mana telah diberikan peruntukan sebanyak RM60.7 juta. Kita sedar bahawa objektif industri ini adalah untuk tahap sara diri sekurang-kurangnya 70%, memastikan bekalan beras yang mencukupi dan juga memenuhi dasar agro makanan negara. Ketika ini negara kita mempunyai lapan kawasan jelapang utama dan empat kawasan jelapang baru dicadangkan untuk dibuka. Pengeluaran padi ketika ini adalah sebanyak 2.5 juta metrik tan dan saya ucapkan terima kasih kepada kementerian dan juga Kementerian Kewangan yang telah memberi subsidi industri padi ini yang cukup tinggi sebanyak RM2.2 bilion merangkumi pelbagai insentif dan juga subsidi di dalam industri padi.

Kita juga menyedari di dalam NKEA padi kita telah diberikan insentif untuk memberi galakan kepada petani-petani untuk menyertai estet padi dan di bawah Butiran 140500 peruntukan RM20 juta telah disediakan. Selain daripada itu juga kita melihat bahawa kementerian mempunyai perancangan jangka panjang melalui Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) yang di bawah Butiran 010500 yang diberikan peruntukan sebanyak RM25 juta. Ini adalah untuk memperbanyakkan lagi latihan di kalangan anak muda yang terlibat termasuk juga dalam industri padi.

Sehubungan dengan itu di Kedah di bawah MADA kita tubuhkan MRTC ataupun MADA Rice Training Centre. Maka kita minta kepada kementerian untuk memberi perhatian khas kepada MRTC ini di bawah NATC supaya kita memperbanyakkan lagi anak-anak muda yang kumpulan pertamanya berjumlah 70 orang. Ketika ini sedang berada di tahap dua latihan tersebut dan kita

mahu supaya mereka ini nanti akan dapat keluar daripada MRTC dan boleh menjadi seorang pengurus ladang padi.

Kerajaan juga menggalakkan agro preneur muda di kalangan anak-anak muda sama ada siswazah tani dan sebagainya. Kita harapkan peruntukan RM25 juta ini akan dapat dipergunakan sebaik mungkin. Kita juga di bawah MARDI 050100 diberikan peruntukan sebanyak RM208 juta. Sudah tentulah MARDI ketika ini sibuk dan juga memang terlibat secara langsung dalam penyelidikan benih padi yang terbaik untuk digunakan di seluruh kawasan jelapang negara dan juga terlibat dengan ladang benih padi yang sah yang ketika ini melibatkan sejumlah 42,300 hektar.

Jadi saya melihat bahawa untuk jangka panjang. Mungkin kerajaan boleh kita cadangkan untuk memikirkan bagi menubuhkan Institut Penyelidikan Padi Negara seperti mana juga di Filipina yang ada *International Rice Research Institute* ataupun IRRI di Los Banos. Jadi apa yang penting adalah dengan adanya Institut Penyelidikan Padi Negara ini maka kerja-kerja berkaitan dengan penyelidikan padi sama ada dari segi benih dan sebagainya dapat diberikan tumpuan khusus khas mengikut kawasan jelapang padi yang ada dalam negara. Sudah tentulah usaha sama dan kerjasama dengan agensi-agensi seperti MADA, KADA dan juga MARDI akan dapat merealisasikan Institut Penyelidikan Padi Negara ini.

Jadi Tuan Pengerusi, saya sudah tentulah perlu juga menyentuh sedikit dan berterima kasih kepada kerajaan yang memberikan peruntukan kepada MADA di bawah tajuk 00800 dan 070000 di mana sebanyak RM104.8 juta telah diberikan untuk belanja pengurusan dan RM27.8 juta untuk belanja pembangunan.

#### ■2010

Kita juga sedar bahawa di kawasan MADA mempunyai sebanyak 8,000 hektar tanah yang diklasifikasikan sebagai kawasan tanah jerlus. Kita sedar bahawa kerajaan telah pun memberikan peruntukan untuk kita atasi masalah yang kita hadapi. MADA mempunyai kawasan tanaman padi sebanyak lebih kurang 96,000 hektar, mengeluarkan padi sejumlah 1.3 juta tan. Kalau dikirakan dengan jangkakan pengeluaran padi negara sebanyak 2.5 juta itu, maka MADA mengeluarkan lebih daripada 52%. Ketika ini jangkakan pendapatan purata setiap isi rumah di kawasan MADA adalah RM33,000 dan kerajaan menyasarkan untuk mencapai sehingga RM48,000 apabila kita mencapai negara maju 2020 nanti. Ini kita yakin akan dapat kita capai melalui NKEA estet padi dan juga aktiviti di bawah industri asas tani dan sebagainya. Jadi saya juga bersetujulah dengan rakan kita tadi yang berkata tentang industri asas tani bahawa kita tidak boleh hanya bergantung dengan masalah pemasaran bergantung rapat dengan FAMA.

Kita boleh bekerjasama tetapi kita perlu memperluaskan lagi aktiviti pemasaran ini dengan kerjasama kolaborasi sama ada dengan orang tengah, pihak yang terlibat seperti *supermarket Giant* yang besar, *hypermarket Giant* dan *Tesco*. Malahan kita juga perlu mengubah untuk mungkin melantik orang-orang yang berpengalaman di sektor swasta untuk mengepalai jabatan pemasaran industri asas tani ini, bagi memastikan produk keluaran petani-petani ini dapat kita pasarkan sehingga ke peringkat antarabangsa. Jadi di bawah NKEA ini juga, kita juga berterima

kasih kepada kerajaan yang telah menyediakan peruntukan yang begitu besar untuk meningkatkan lagi urusan pengairan dan saliran padi di kawasan MADA. Kita melalui peruntukan ini sehingga tahun 2020, *insya-Allah* kita akan dapat tingkatkan kepadatan tali air sehingga mencapai 30 meter satu hektar daripada 18 meter yang kita ada pada ketika ini.

Selain daripada itu, Menteri juga, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani sering menyebut dan menggalakkan supaya petani-petani juga terlibat secara langsung dalam aktiviti hiliran. Maka kita minta kepada kementerian, kerana selama ini MADA merupakan pengguna baja yang besar. Kita mempunyai kawasan yang cukup luas dan menjadi pengguna baja yang cukup besar sama ada baja campuran, sebatian dan juga foliar dan sebagainya. Kita difahamkan di bawah Butiran 120500 iaitu subsidi baja padi berjumlah RM465 juta. Saya difahamkan juga ketika ini kebanyakannya diuruskan oleh NAFAS ataupun Pertubuhan Peladang Kebangsaan. Maka kita minta supaya kerajaan ataupun Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dapat juga menimbangkan supaya MADA dapat terlibat secara langsung dalam pengedaran baja-baja itu dan kita juga dapat membantu *business arm* dengan izin, MADA seperti syarikat perladangan dan pertanian MADA.

Jadi itu adalah berkaitan dengan padi. Selain daripada itu juga di dalam bajet kali ini, kerajaan telah pun menubuhkan FACE iaitu *Food and Agriculture Council for Export*. Yang ini kita yakin bahawa melalui Majlis Eksport Barangan Pertanian dan Makanan ini akan dapat mempercepatkan lagi usaha kita untuk kita eksportkan barangan keluaran daripada negara kita ini ke peringkat antarabangsa.

Selain daripada itu, di bawah Butiran 140600 - NKRA untuk *Low Income Household* dengan izin, yang diberikan peruntukan RM41.3 juta. Maka kita harapkan ianya dapat dirasai oleh sama ada petani dan juga nelayan di bawah sana. Ada juga peruntukan NBOS atau *National Blue Ocean Strategy - RTC* berjumlah RM26.8 juta di bawah Butiran 140800.

Ini juga sudah tentulah dapat kita gunakan bagi kita memasarkan juga industri asas tani kita dan sebagainya. Selain daripada itu Tuan Pengerusi, sedikit berkenaan dengan LKIM. LKIM diberikan peruntukan sebanyak RM116 juta. Saya juga nak menyentuh sedikit tentang Skim Pembaikan Rumah Nelayan. Kita telah menerima sejak daripada tahun lalu, peruntukan bagi pembaikan rumah nelayan. Apa yang menjadi masalah di bawah sana adalah pelaksanaan projek tersebut, di mana kita mempunyai masalah kerana saya kira pihak LKIM tidak mempunyai kepakaran dalam bidang ini.

Di mana mereka kadang-kadang mempunyai dan menghadapi masalah untuk nak menentukan satu, daripada segi BQ projek satu-satu rumah yang hendak dilaksanakan sehingga ada masalah diambil kesempatan oleh kontraktor tempatan. Apabila diluluskan RM10,000, apa yang dapat diperoleh oleh rakyat hanyalah mungkin RM2,000 ataupun RM3,000. Jadi untungnya berlebihan sangat sehingga rakyat kompelin, membuat rungutan dan menjadi masalah kepada kita.

Selain daripada itu, dalam industri nelayan kita juga menyokong usaha kementerian untuk memastikan pukot yang tidak kurang daripada 38mm diharamkan penggunaannya kerana ianya

akan menjejaskan industri perikanan negara untuk jangka panjang. Jadi ini adalah terlalu sedikit kerana kita dah mula menjadi negara maju tetapi masih membenarkan sehingga 38mm, sedangkan macam Myanmar sudah pun menyekat sehingga sekurang-kurangnya 60mm. Jadi kita mengucapkan terima kasih kepada kementerian yang telah pun diberikan peruntukan yang begitu banyak. *Insyah-Allah* usaha kerajaan untuk meningkatkan nasib petani, nelayan, penternak dan sebagainya akan dapat direalisasikan melalui Bajet 2014 ini. Yang Berhormat Jerlun mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Alor Star.

### 8.16 mlm.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan di peringkat jawatankuasa. Sebelum saya bermula, saya ingin mengalu-alukan kehadiran Encik Haji Mohamad Fuad bin Haji Yaacob iaitu Pengerusi daripada Badan Bertindak Pesawah Malaysia, Kedah.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan Pembangunan 21, Butiran 010400 – Industri Padi dan Beras di mana RM60 juta lebih diperuntukkan dan dalam soal ini, saya ingin membangkitkan tentang isu Bernas.

Tuan Pengerusi, BERNAS ini adalah satu badan yang cukup penting dalam industri beras di Malaysia. Di mana BERNAS hari ini mempunyai *market capitalization of* lebih daripada RM1.6 bilion. Pada setakat hari ini juga BERNAS mengawal ataupun kontrol lebih daripada 25% pasaran padi dan juga 45% *local supply demand* dalam negara kita ini. Isu yang saya ingin bangkitkan Tuan Pengerusi, adalah bahawa kerajaan harus mengkaji semula peranan BERNAS dalam negara kita ini. BERNAS ini telah pun ditubuhkan dengan niat untuk meningkatkan *efficiency* pemasaran dan pemprosesan beras dalam negara kita dan untuk membantu nasib pengusaha-pengusaha sawah padi di negara kita ini.

Apabila BERNAS ini ditubuhkan dalam 1994, BERNAS ini 45% adalah di bawah kawalan *stakeholders* yang mempunyai kepentingan seperti NAFAS, KHIDMAT dan lain-lain perbadanan perladangan. Tuan Pengerusi tetapi hari ini, 83% milikan saham BERNAS ini adalah dimiliki oleh seseorang peniaga dan ini membangkitkan isu sama ada hala tuju ataupun tujuan BERNAS ini ditubuhkan telah lari daripada tujuan asalnya.

### ■2020

Sekarang pula perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh sebelum ini dalam peringkat perbahasan Jabatan Perdana Menteri. Namun demikian, perkara yang cukup penting ini tidak dijawab oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri...

**Seorang Ahli:** Ya.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Sebab inilah satu perkara yang cukup penting. Bagaimana satu syarikat yang ditubuhkan untuk menjana kepentingan petani-petani sekarang ini menjadi satu syarikat yang berorientasi kepada *profit* sahaja? Sekarang dia menjadi satu

perniagaan dan bukan lagi menjaga kepentingan-kepentingan petani-petani. Ini adalah satu perkara yang cukup penting dan harus dijawab oleh kerajaan.

Baru-baru ini juga kita telah pun, seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh dan ramai lagi kawan-kawan dalam Pakatan Rakyat, bahawa BERNAS sekarang ini dalam proses *delisting*, dalam proses untuk mengambil keluar syarikat ini daripada Bursa Saham, dan kita semua tahu apakah kesan ini. Apabila satu syarikat seperti BERNAS diambil keluar daripada Bursa Saham, apa yang akan berlaku adalah syarikat BERNAS ini tidak lagi dalam kawalan ketat kerajaan. Maksud saya, kalaulah satu-satu syarikat itu dalam Bursa Saham, setiap empat bulan dia perlu memberi audit *report*, memberi laporan *financial* dan sebagainya. Segala kegiatan transaksi-transaksi projek-projek syarikat juga harus diumumkan kepada *Security Commission*. Ini tidak akan berlaku lagi.

Apabila satu syarikat itu menjadi *privatize*, menjadi satu syarikat sendirian berhad, maka segala transaksi saham juga tidak akan diketahui. So, ini adalah satu masalah yang cukup besar. BERNAS ini adalah, boleh dikatakan satu syarikat yang penting untuk memelihara kepentingan negara dan *food security* negara kita ini. So, jadi bagaimanakah sekarang ini syarikat BERNAS boleh dimiliki oleh seseorang individu harus dijawab oleh menteri yang berkenaan. Ini adalah satu perkara yang cukup penting.

Kedua, dalam perjanjian yang ditandatangani antara kerajaan dan BERNAS dalam tahun 1996, ada juga *safeguard* dalam perjanjian tersebut di mana sekiranya BERNAS bertindak ataupun melakukan sesuatu operasi atau kegiatan yang bertentangan dengan polisi negara ataupun keselamatan negara seperti *delisting* ini, kerajaan mempunyai kuasa untuk menghentikan proses *delisting* ini. Kenapakah kerajaan, saya hendak tanya, kenapakah kerajaan tidak mengambil tindakan? Kerajaan mempunyai *golden share*. Jadi, apabila kerajaan mempunyai *golden share* dan syarikat BERNAS ini buat sesuatu yang *inconsistent with our national interest*, maka kerajaan harus bertindak. Kerajaan tidak haruslah berdiam. Ini adalah satu perkara *national interest*, *national security* yang harus dijawab oleh kerajaan.

Lagi satu isu yang saya ingin membangkitkan...

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Alor Star, minta laluan sikit?

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Ya.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih. Saya saja nak tanya kongsi dengan Yang Berhormat Alor Star. Betul katanya BERNAS ini akan *delisted* apa semua tapi hari ini- sebenarnya adakah Yang Berhormat Alor Star bersetuju bahawa BERNAS hanya mempunyai *share market* dalam 30% sekurang-kurangnya di Kedah, sedangkan 70% lagi padi-padi di Kedah itu dibeli oleh kilang-kilang swasta yang lain. Setuju tidak dengan saya?

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Apa yang saya ingin katakan, BERNAS ini ditubuhkan untuk memainkan satu peranan yang cukup penting di dalam negara kita ini. BERNAS diberikan monopoli untuk mendapatkan *license import* selama, yang sekarang ini telah dilanjutkan daripada tahun 2011 sampai tahun 2021. Dengan syarat, walaupun mendapatkan keuntungan, BERNAS ini mempunyai satu tanggungjawab sosial. Tanggungjawab sosial ini di antaranya ialah



bertindak sebagai *buyer of last resort*. Kita semua tahu untuk membeli beras *direct* daripada pesawah-pesawah padi. Jadi mereka memainkan satu peranan yang cukup penting. Mereka juga memainkan peranan di mana mereka akan mengagihkan subsidi beras dan padi. *So*, untuk mengatakan walaupun BERNAS ini tidak mempunyai *market share* yang besar di Kedah, saya tidak bersetuju. Mereka memainkan peranan yang cukup penting.

Seterusnya, saya ingin berkata, hari ini walaupun berjuta-juta wang telah pun dikeluarkan oleh kerajaan untuk menyokong dan membantu pesawah-pesawah padi di seluruh negara, tetapi petani-petani negara kita ini masih miskin. Antaranya ramai masih miskin tegar. Di Kedah sebagai contoh, pendapatan seorang petani yang saya difahamkan, sebab kos yang cukup tinggi walaupun bantuan diberikan oleh kerajaan, pendapatan bulanan mereka itu dalam lingkungan RM400 ke RM700 sahaja. Hampir boleh kata semua daripada pesawah-pesawah petani ini bergantung dan menerima BR1M. Perkara ini telah pun lama dibangkit.

Di Kedah sebelum ini, tahun lepas sahaja, dalam bulan Mei, hampir 3,000 pesawah kawasan Jerlun meminta kerajaan menaikkan harga belian padi dan kadar subsidi. Inilah yang dilaporkan dalam media Sinar. Dalam bulan Julai 2012, lebih daripada 100 petani mengadakan perhimpunan di Kedah agar memohon kerajaan menimbang semula kenaikan harga belian padi tahun lepas kepada RM1,500 per tan berbanding dengan harga lama termasuk kenaikan subsidi kepada RM500 yang sekarang ini pada RM240 satu tan ataupun 24 sen per kilo. Ini adalah perkara yang telah pun dibangkit lama tetapi tidak diaddresskan oleh kerajaan.

Dalam surat khabar yang sama ini, daripada *Sinar Harian* bertarikh 15 Julai tahun lepas, *headline*, '*Petani tunggu habuan*'. Pada masa itu pemimpin ataupun Ketua UMNO Kedah sendiri mengulas di sini berkata, "*UMNO Kedah mengesyorkan agar tuntutan petani di Kedah berhubung kenaikan harga belian padi dan kadar subsidi dimasukkan dalam perbelanjaan tahun 2013 yang akan datang*." Itu perbelanjaan lepas, sekarang tahun 2014 sudah, masih perkara ini tidak dipertimbangkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Tuan Pengerusi, saya melihat daripada *Hansard* dan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri kali ini apabila Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Jerlun membangkitkan isu ini mengenai kenapakah harga-harga padi lantai ini berbeza daripada satu negeri kepada satu negeri yang lain, jawapan Menteri dia kata, "*Perkara ini sudah lama tidak dikaji. Saya akan memanggil Kesatuan Pengilang Bumiputera, BERNAS, pertubuhan peladang pesawah dan sebagainya. Kita akan berbincang mewujudkan satu harga yang selaras*."

Mereka kata perkara ini tidak dikaji. Bagaimana tidak boleh dikaji? *Suddenly after 23 years* baru mereka bangunkah? Saya tidak faham...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, habiskan.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Jadi saya harap kerajaan akan mengambil perkara ini dengan serius dan memberi jawapan. Walaupun dikatakan di sini kerajaan akan mengumumkan satu harga yang baru mengenai subsidi dan sebagainya, saya berharap Menteri akan memberi

jaminan bahawa pendapat-pendapat peladang-peladang dan pengusaha-pengusaha sawah ini akan dirundingkan supaya mereka dapat satu *deal* yang bagus.

■2030

Janganlah sebab- walaupun di sini Menteri menjawab dahulu, "*Percayalah kepada saya*", sudah 23 tahun percaya sampai bila lagi? Dengan itu saya menamatkan perbahasan saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ramai Yang Berhormat. Saya rasa kita akan habiskan perbahasan jam 9 malam. Kemudian, satu jam setengah untuk Menteri menjawab. Kalau jam 9.30 malam cuma ada tiga orang Yang Berhormat, jadi yang lain itu minta maaf tidak dapat diberi. Yang Berhormat Hulu Rajang.

**8.31 mlm.**

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya dari Hulu Rajang mohon untuk turut serta di dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ini kerana di kawasan saya, pertanian adalah sumber hasil utama pendapatan penduduk tempatan. Pertama Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada butiran pertama ialah Maksud Bekalan 21, Butiran 010600 - Pengairan dan Saliran Pertanian.

Merujuk kepada butiran ini, semenjak anggaran tahun 2013 sebanyak RM124 juta telah dikurangkan. Begitu besar jumlahnya sehingga RM5.50 juta sahaja pada anggaran tahun 2014. Saya merasakan banyak lagi kawasan pertanian di luar bandar yang memerlukan peruntukan ini seperti di kawasan saya di Sungai Tunoh, Bahagian Kapit kerana ianya adalah sebuah penempatan pertanian yang baru dibuka. Maka, kegiatan ekonomi menjadi sumber pendapatan utama penduduk di kawasan ini yang amat memerlukan peruntukan untuk pengairan dan saliran pertanian.

Tuan Pengerusi, selain itu Parlimen Kapit yang berjiran dengan kawasan saya juga memerlukan sejumlah peruntukan di dalam pembangunan sistem pengairan di kawasan pertaniannya seperti di kawasan Nanga Merit. Mohon pihak kementerian dapat menyalurkan peruntukan yang mencukupi di kawasan-kawasan tersebut.

Pembangunan Akuakultur iaitu Butiran 040700. Untuk pembangunan akuakultur, saya mohon agar peruntukan sebanyak RM38 juta ini disalurkan kepada pembangunan akuakultur di kawasan Hulu Rajang. Saya berpendapat bahawa terdapat beberapa kawasan di Hulu Rajang yang berpotensi besar untuk dibangunkan di bawah program ini seperti Pembangunan Akuakultur di Tasik Bakun. Pembangunan akuakultur di Hulu Rajang dapat menjana pendapatan penduduk tempatan dan membangunkan ekonomi di kawasan mereka. Kawasan saya di Hulu Rajang yang terkenal dengan ikan air tawar seperti ikan empurau. Sebetulnya, harga ikan empurau sekilo tidak kurang dari RM800 hingga RM1,000 Tuan Pengerusi. Maka amatlah diharapkan kawasan Hulu Rajang seperti di kawasan saya dapat dibangunkan sebagai Pusat Akuakultur bagi ikan air tawar yang tinggi nilainya.

Butiran 120500 - Subsidi Baja Padi. Butiran subsidi baja padi bukit ini, saya mohon sebahagian daripada peruntukan RM465 juta ini dapat disalurkan untuk petani di kawasan Hulu Rajang yang menjalankan aktiviti penanam padi terutama sekali padi bukit. Seperti yang pernah saya kemukakan, rakyat sering merungut kepada kiranya bekalan padi bukit diberikan kepada mereka. Oleh itu, saya mohon agar diperbanyakkan lagi pemberian baja-baja ini supaya ia dapat menggalakkan, memenuhi kehendak di samping menggalakkan aktiviti penanam padi bukit bagi menambahkan lagi hasil tuai padi setiap kali musim menuai padi dijalankan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 04700 - Pembangunan Industri Padi. Saya merasakan peruntukan RM200,000 itu terlalu sedikit untuk dibangunkan sesebuah industri terutama sekali industri padi. Saya merasakan perlu banyak lagi peruntukan untuk aktiviti ini agar semua petani dapat- di dalam pembangunan industri padi, ini memandangkan makanan ruji masyarakat Malaysia adalah nasi. Pada khidmat saya, jika kerajaan ini benar-benar membangunkan industri padi, perlu ada peruntukan yang lebih banyak supaya kita dapat mengurangkan kebergantungan negara kita ke atas import beras dari luar negara.

Saya juga Tuan Pengerusi, ingin menegaskan sekali lagi bahawa lebih perhatian harus diberi kepada penanam padi bukit kerana rata-ratanya penanam padi bukit di kawasan saya di Hulu Rajang masih dijalankan secara tradisional. Maka dengan ini, saya haraplah bahawa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dapat mengambil tindakan yang lebih serius lagi. Dengan itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Nerus.

### 8.35mlm

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Saya mohon untuk merujuk kepada beberapa butiran antaranya Butiran 090100, Butiran 130400, Butiran 060100 dan Butiran 100100. Isu pertanian atau yang berkaitan dengan perladangan, nelayan dan sebagainya merupakan perkara yang sangat penting hatta dalam Islam kerana ia melibatkan persoalan yang melibatkan masyarakat yang disebut sebagai Fardu Kifayah kerana sampai masa kerajaan meneruskan satu usaha yang pernah dibuat pada zaman Perdana Menteri sebelum ini yang menjadikan pertanian sebagai satu perniagaan dan boleh digabungkan dengan idea yang dibawa datang oleh Kelantan iaitu pertanian sebagai satu ibadah.

Boleh juga kita buat moto yang baru untuk pertanian ini sebagai, "*Pertanian sebagai Kerjaya Berwawasan dan Beribadah*", sebagai satu usaha kita untuk menggalakkan bukan hanya orang-orang tua bahkan juga generasi baru untuk terlibat dengan pertanian ini secara lebih komersial, secara lebih moden dan lebih menghasilkan *income* yang besar. Ini kerana kita lihat mereka yang terlibat di bidang pertanian ini rata-ratanya adalah bumiputera yang berpendapatan sederhana dan juga berpendapatan rendah. Maka fokus kerajaan kepada bidang pertanian ini pasti sahaja boleh membantu negara untuk keluar daripada masalah kemiskinan yang kita hadapi pada hari ini.

Merujuk kepada Butiran 090100 - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Ada satu isu yang perlu kita bincang iaitu melibatkan nelayan tradisional dan juga nelayan komersial. Rata-rata nelayan komersial ini melibatkan ramainya di kalangan bangsa Cina tetapi nelayan tradisional melibatkan bumiputera yang berpendapatan rendah. Akhir-akhir ini, kelihatan bukan sahaja melibatkan rakyat Malaysia sendiri, bahkan juga melibatkan rakyat asing di kalangan daripada Thailand, Myanmar, Vietnam dan juga Filipina yang kehadiran mereka ini sebenarnya boleh mengganggu kepada usaha-usaha nelayan kecil peringkat tradisional dan ini yang berlaku di tempat saya di Terengganu di Kuala Nerus.

Aduan yang saya terima daripada ramai nelayan tradisional ini ialah gangguan di mana nelayan komersial ini yang mempunyai bot yang besar-besar, mereka juga bukan sahaja menangkap ikan di kawasan yang sepatut iaitu di kawasan yang jauh tetapi juga di kawasan persisiran pantai. Ia mengganggu kehadiran nelayan tradisional yang menyebabkan banyak pukat-pukat mereka menjadi rosak. Maka dari sinilah pemantauan daripada pihak terbabit khususnya di peringkat Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan juga Maritim untuk memerhatikan keadaan ini untuk memastikan bahawa nelayan ini dapat menghasilkan hasil yang terbaik untuk mereka.

Soalan saya untuk kementerian ialah berapa banyak bilangan nelayan tradisional yang telah berjaya diwujudkan oleh kementerian untuk menjadi nelayan yang komersial? Bukan asalnya nelayan komersial tetapi asalnya nelayan tradisional yang boleh kita *upgrade* mereka, kita tingkatan kehebatan mereka dan keupayaan mereka hingga menjadi nelayan komersial. Banyak manakah bilangan dan juga nisbah nelayan tradisional yang menjadi nelayan komersial ini, satu. Kedua, adakah pihak LKIM ini mempunyai perancangan dan program yang khusus untuk memprojekkan mereka ini daripada menjadi nelayan tradisional kepada nelayan komersial?

Kedua, isu prasarana khususnya di tempat sayalah di Seberang Takir di Parlimen Kuala Nerus. Sejak puluhan tahun, belum ada satu jeti moden. Cuma yang ada hanya jeti biasa daripada menggunakan buluh sejak saya kecil sampai sekarang saya dewasa, itulah jeti yang ada. Saya mengharapkan agar kerajaan boleh memberikan satu pengkhususan untuk kawasan saya untuk melihat keperluan diadakan jeti moden seumpama ini.

#### ■2040

Kedua, isu ekonomi nelayan di musim tengkujuh. Bagi saya, bantuan yang diberikan sebanyak RM200 tidak cukup untuk *cover* keperluan mereka terutamanya ketika musim tengkujuh. Maka, saya mengharapkan kepada kerajaan menimbang balik dan memikirkan jumlah yang wajar untuk mereka kerana musim tengkujuh ini tempohnya panjang. Bermula sekarang iaitu bulan November bahkan ada yang berlaku bulan Oktober. Ramai yang sudah tidak mampu untuk turun ke laut dan ia akan berpanjangan sehinggalah ke bulan Januari atau bulan Februari dan kesan besar kepada mereka terutamanya ketika mana musim awal persekolahan nanti. Saya mencadangkan agar jumlah itu digandakan sekurang-kurangnya pada jumlah RM400. Itu saya rasa lebih sesuai untuk mereka ataupun apa sahaja amaun yang sesuai difikirkan oleh kerajaan.

Saya juga ingin bertanya sejauh mana kerajaan merancang projek naik taraf hidup melibatkan hasil nelayan seperti projek ikan masin, projek keropok lekor kalau melibatkan kawasan

saya. Ini kerana saya melihat usaha ini agak lembap. Tidak ada satu usaha besar-besaran untuk dikomersialkan projek-projek melibatkan orang kampung ini, ikan masin dan juga keropok lekor. Yang ada hanya kecil-kecilan. Untuk demo di peringkat antarabangsa atau peringkat nasional, ianya masih bagi saya dalam keadaan yang agak lembap, agak *slow*. Jadi saya minta kerajaan beri respons untuk isu ini.

Seterusnya, Butiran 130400 - Insentif Hasil Tangkapan Nelayan. Satu isu yang timbul ialah isu orang tengah yang biasanya orang tengah ini adalah mereka-mereka yang kita kata bukan nelayan biasa, bukan nelayanlah. Sejauh mana kerajaan merancang supaya orang tengah ini terdiri daripada satu konsortium yang melibatkan nelayan yang akhirnya keuntungan daripada orang tengah itu akhirnya balik semula kepada nelayan-nelayan ini dalam bentuk dividen keuntungan dan sebagainya?

Seterusnya Butiran 060100 melibatkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Saya bersetuju dengan pandangan sahabat saya Yang Berhormat Pasir Puteh yang menyebut isu siapakah yang mengendalikan FAMA? Adakah hanya orang kerajaan yang tidak ada pengalaman dalam *business* ataupun gabung jalin antara orang kerajaan dengan orang *business*? Ini kerana sepanjang pemerhatian saya kerana saya juga sebelum ini selalu terlibat dengan program-program, festival, pameran yang melibatkan hasil tani ini, saya lihat usaha-usaha ini bila hanya dikendalikan oleh orang-orang kerajaan, pemikiran pemasarannya itu tidak pergi jauh. Kalau kita lihat, kalau tahun ini kita pergi melawat satu ekspo, kita bercakap dengan mereka yang berniaga hasil tani ini, tahun depan kita akan berjumpa dengan orang yang sama dan cuba kita tanya soalan, sejauh manakah peningkatan hasil mereka?

Rata-rata jawapan mereka ialah kita ini banyak dapat untung bila mana ada ekspo sahaja. Maknanya, ekspo itu gagal menjadikan mereka berjaya memasarkan produk sedangkan ekspo tujuannya bukan hendak menjual barang pada hari itu, mendapat untung pada hari itu tetapi bertujuan untuk memasarkan produk lebih jauh sehingga boleh kenal pihak kedua dan pihak ketiga dalam bidang pemasaran. Ini kegagalan yang patut kita perhatikan dan kita perlu ada satu muhasabah, peningkatan mereka yang berjaya kita *upgrade* sampai ke tahap yang jauh dari sudut pemasaran produk-produk seumpama ini.

Juga persoalan di FAMA, sejauh mana bilangan petani sendiri yang berjaya menjadi peniaga jaya? Ini saya minta angka daripada kementerian untuk kita lihat statistik pada tahun lepas dan tahun ini, sejauh mana kita berjaya melahirkan petani niaga yang berjaya? Ini kerana kita bukan mahu bilangan tetapi yang penting kita mahu kuantiti yang berjaya dan juga jauh mana kerajaan berusaha untuk mewujudkan satu konsortium pemasaran yang hasil dan keuntungannya akhirnya kembali kepada para petani ini juga?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, gulung.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terakhir, saya hendak sebut tentang Butiran 100100 - Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Satu sahaja saya hendak sebut iaitu berkaitan dengan para penoreh getah yang bila masuk musim tengkujuh, juga keadaan mereka sama macam nelayan, tidak ada pendapatan. Maka, apakah pelan Lembaga Pertubuhan

Peladang ini untuk memastikan mereka pada musim tengkujuh mereka juga mendapat hasil daripada sumber lain ataupun sekurang-kurangnya bantuan seperti mana bantuan yang dinikmati oleh nelayan? Itu sahaja daripada saya. Terima kasih.

[Beberapa Ahli bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, belakang sekali. Ya, silakan. Yang Berhormat Labuan.

#### 8.45 mlm.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Lima minit sahaja boleh.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Cukup. Saya ingin menyentuh nelayan tradisi di Labuan. Mungkin ia jatuh di Butiran 030000 dan juga Butiran 090000 - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Di Labuan, ada tiga buah pulau yang telah digazet sebagai Pulau Taman Laut awal tahun 1990-an tetapi *enforcementnya* cuma dilakukan bermula tahun 2010. Di ketiga-tiga pulau inilah sebenarnya kawasan yang mempunyai ikan yang banyak yang mana nelayan-nelayan tradisi di Labuan menangkap ikan mereka. Jadi sejak ia dijadikan pulau-pulau taman, maka *restriction*, dengan izin, telah pun dikenakan yang mana mereka tidak boleh lagi menangkap ikan di kawasan lingkungan dua nautika *miles* ataupun 1.5 *special* diberi kepada Labuan.

Ini telah menjejaskan kehidupan orang-orang kampung yang mana sebahagiannya adalah nelayan sepenuh masa dan sebahagiannya lagi adalah nelayan separuh masa. Mereka mungkin bekerja sebagai *driver* ataupun petani tetapi juga menjadi nelayan untuk menambah pendapatan mereka. Mereka telah pun menyatakan ataupun membuat beberapa protes termasuklah membuat *signature drive*, dengan izin, dan dihantarkan ke pejabat saya yang mana mereka merasakan tindakan itu tidak adil disebabkan mereka tidak diberi *consultation* ataupun gantian-gantian terhadap kehilangan daripada segi *income* ataupun cara hidup mereka telah terjejas.

Jadi, saya merasakan kerajaan patut memberikan peruntukan yang ada di beberapa seksyen di sini untuk membantu mereka di dalam pembangunan perikanan. Sebenarnya saya telah pun juga bercerita kepada mereka dan mereka sudah menunjukkan persetujuan di mana tukun-tukun perlu diletak di sekitar pulau, di luar daripada lingkungan yang dihadkan dan juga program-program seperti ikan sangkar dan juga pembangunan-pembangunan lain di kawasan kampung mereka supaya pendapatan dan kehidupan mereka yang terjejas itu diganti dengan pembangunan-pembangunan yang baru seperti ini.

Hal lain lagi, satu lagi Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada kerajaan- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia kerana telah membina sebuah kompleks di Labuan dan ia sudah hampir siap untuk beberapa lama tetapi tidak digunakan setakat ini. Saya berharap sebagai wakil Labuan ia akan dapat disiapkan dan dapat beroperasi secepat mungkin. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Timur.

**8.50 mlm.**

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekejap, berapa orang lagi ya?

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Satu, dua, tiga, empat, lima, enam. Lima minit ya?

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Okey, terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi ya kerana memberi peluang kepada Yang Berhormat Ipoh Timur untuk membahaskan Maksud Bekalan B.21 dan saya ingin membahaskan Butiran 040700 iaitu Pembangunan Akuakultur di peringkat Jawatankuasa ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menanya hala tuju kerajaan dalam bidang pembangunan akuakultur yang terutamanya dari segi penternakan ikan hiasan. Di dalam negeri Perak terutamanya memangnya adalah terkenal dengan penternakan dan pengeluaran ikan hiasan tropika yang pada masa ini kebanyakannya adalah dieksport ke negara Singapura dan difahamkan ini menjana pendapatan sebanyak lebih kurang RM300 juta setahun. Negeri Perak adalah merupakan negeri kedua yang ada penternakan ikan hiasan ini. Ikan-ikan yang ditenak dan dibiakkan di kawasan negeri Perak ini terutamanya di kawasan Kampung Bali, Tronoh, Gopeng, Sungai Siput. Ini memang terkenal dan mutu ikan yang dibiakkan dan dikeluarkan adalah sangat tinggi dan selalunya dieksport ke luar negeri terutamanya kepada negara Jepun dan juga Eropah.

Jadi, saya hendak tanya apakah langkah kerajaan untuk memastikan kegiatan ini digalakkan kerana sekarang di negeri Perak terutamanya, yang mana penternakan ikan hiasan ini kebanyakannya dijalankan di tempat-tempat bekas lombong, yang mana selepas keruntuhan harga bijih timah, lombong-lombong ini terbiar. Pengusaha-pengusaha ini mereka telah masuk ke kawasan tersebut untuk membiak ikan hiasan ini dan telah menjadikannya satu kegiatan atau pun perusahaan yang amat berjaya sekali.

Akan tetapi apa yang berlaku sekarang adalah tanah-tanah tersebut kini telah pun diberikan kepada pemaju-pemaju untuk membina perumahan dan tindakan sedemikian telah menjejaskan kawasan-kawasan ini dari segi perusahaan kegiatan penternakan ikan hiasan ini. Jadi, saya hendak tanya, adakah kerajaan mengambil berat tentang perusahaan ini, kegiatan ternakan ikan hiasan ini kerana ia adalah satu ternakan yang boleh menjana ekonomi di negeri Perak? Kita nampak sekarang seperti di kawasan Gunung Semanggol, Bukit Merah memang sekarang terkenal dengan ikan hiasan arowana yang seekor boleh mencecah nilai berpuluh-puluh ribu sekiranya kualiti yang amat baik.

Jadi, saya hendak kerajaan memberi perhatian kepada isu ini kerana seperti mana kami boleh lihat, negara Singapura walaupun sebuah negara yang kecil tetapi mereka mengimport

semua ikan yang dihasilkan daripada kawasan ini dan selepas itu mereka mengeksport ke luar negara seperti di Jepun dan juga Eropah. Kenapa kerajaan kita tidak mencari atau menggalakkan satu pemasaran sendiri, di mana kita tidak perlu eksport kepada Singapura kemudiannya dieksport kepada negara-negara lain.

Apa yang penting sekarang adalah kalau galakan diberikan kepada penternak-penternak ini terutamanya dari segi kegunaan tanah. Ia akan menjamin masa depan penternak-penternak ini dan mereka akan sudi untuk melabur wang sendiri untuk membina kawasan-kawasan penternakan ikan yang lebih canggih dan lebih baik. Akan tetapi apa yang berlaku sekarang mereka tidak membuat sedemikian kerana tanah-tanah mereka ialah TOL atau pun kita katakan penternak haram. Ini adalah tidak betul kerana mereka boleh membantu ekonomi kawasan tersebut dan juga negeri dan kemudian negara kita.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Oleh itu saya harap kerajaan boleh mengadakan satu polisi iaitu sama ada kita boleh merizabkan kawasan-kawasan ini agar pembangunan-pembangunan terutamanya pembangunan perumahan tidak masuk di dalam kawasan ini dan kawasan ini dirizabkan sebagai satu tempat yang mana boleh dijadikan sebuah satu *agro tourism* juga. Di mana *tourist*, dengan izin, boleh datang melihat bagaimana pembiakan ikan-ikan ternakan hiasan akuarium ini dihasilkan.

Oleh yang demikian saya hendak tanya sama ada kerajaan akan memberi galakan dari segi pemasaran dan juga bantuan modal kepada penternak-penternak ikan hiasan ini di seluruh negara Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jerantut.

#### **8.55 mlm.**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri dan juga Timbalan Menteri yang baru, yang *insya-Allah* akan memberikan nafas baru kepada kementerian ini. Tahniah juga kepada warga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang setia memperkasakan petani-petani di seluruh negara.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan Parlimen Jerantut. Pertamanya ialah perkara yang berkaitan dengan Butiran 010300 mengenai pembangunan. Jerantut terdapat sebuah pusat pemulihan ikan air tawar di Kampung Perlok, Jerantut. Dalam lawatan saya ke pusat tersebut baru-baru ini saya dapat maklumat bahawa masih lagi terdapat beberapa kelengkapan yang belum dilengkapi dengan sepenuhnya serta kakitangan pusat ini masih lagi tidak dipenuhi dengan secukupnya. Jadi, Yang Berhormat Jerantut memohon agar tahun 2014 ini segala kekurangan ini dapat dilengkapi.



Saya juga berharap agar pusat ini dapat dijadikan sebagai institut akuakultur kebangsaan kerana untuk makluman Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri, di kawasan ini terdapat kawasan yang luas, boleh dibangunkan sebagai pusat atau pun institut yang saya katakan tadi. Ditambahkan pula lokasinya sangat sesuai dikelilingi dengan hutan dan ada aliran sungai yang sangat cantik dan sesuai. Lebih-lebih lagi ia bersebelahan dengan kawasan Tuan Pengerusi sendiri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, tidak tambah masa.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Institut ini nanti *insya-Allah* dapat menarik minat para belia untuk menceburi dalam bidang perikanan. Perkara yang keduanya ialah berkaitan dengan Butiran 010600 - Pengairan dan Saliran Pertanian. Peruntukkan sebanyak RM5.25 juta, saya harap dapat diperluaskan ke Parlimen Jerantut dengan memberi perhatian kepada kawasan tanaman padi di Paya Kangsar, Pulau Tawar kerana kawasan ini dulu merupakan kawasan utama tanaman padi di Jerantut. Kelengkapan tali airnya masih boleh digunakan, cuma memerlukan sedikit pembaikan.

Butiran 020200 - Pembangunan Komoditi. Usaha kerajaan untuk mewujudkan TKPM adalah satu langkah bijak dan tahniah kepada kerajaan. Walau bagaimanapun di kesempatan ini saya memohon agar TKPM Rengat di Jerantut dapat diberikan bantuan tambahan kerana saya lihat projek ini dari segi kejayaannya masih lagi jauh untuk dicapai. Mudah-mudahan dengan peruntukkan tambahan ini akan dapat menggerakkan dan dapat mencapai matlamat penubuhan asal TKPM ini. Butiran 040700...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Perkara terakhir ya?

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Butiran 040700 - Pembangunan Akuakultur. Saya harap di Jerantut dapat sedikit peruntukan diagihkan bagi membaik pulih semula kolam-kolam yang terbiar, yang telah pun dibangunkan dulunya oleh Jabatan Perikanan sendiri.

Terakhirnya Tuan Pengerusi ialah Butiran 100100 - Lembaga Pertubuhan Peladang. Mudah-mudahan dengan pertambahan peruntukkan yang diberikan baru-baru ini kepada Lembaga Pertubuhan Peladang ini dapat memperkasakan kumpulan peladang muda dengan mengadakan pelbagai program untuk menarik minat golongan ini yang sekali gus *insya-Allah* ia akan menjadi pelapis kepada kumpulan peladang veteran yang mengusahakan pertanian sekarang. Jadi Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Jerantut mohon menyokong, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Siput. Selepas Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Pokok Sena.

**8.59 mlm.**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bimbang yang Berhormat Pokok Sena bising, sebut nama dia sekali. Sila Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey, saya akan ringkas sahaja. Terima kasih bagi saya peluang. Saya bawa dua isu yang sampai sekarang yang belum dibangunkan.

Satunya ialah pekebun kecil yang tanam sayur buah-buahan. Mereka ini ada ramai, beribu-ribu orang yang tidak ada geran terhadap tanah mereka. Walaupun mereka mengusahakan tanah itu selama dua generasi, 50 tahun, 60 tahun dan ada juga keluarga yang ada di situ sebelum negara merdeka, mereka tidak ada geran.

Apabila pembangunan datang, mereka diusir tanpa sebarang pampasan atau pun tanah gantian. Jadi, saya sudah bawa isu ini beberapa kali dalam Dewan tetapi tidak dapat jawapan. Nampaknya kerajaan masih tidak ambil kira masalah mereka ini.

#### ■2100

Jadi saya ingin mengesyorkan kita buat pindaan kepada Kanun Tanah, *National Land Code* untuk mempertahankan kepentingan mereka. Mungkin seksyen 48 ataupun 76 boleh diubahsuai untuk menjaga kepentingan petani kecil. Dua perkara di sini satu rezeki, satu lapisan rakyat kita yang tidak begitu kaya dan yang kedua ialah sekuriti makanan. Kita perlu makanan. Ini ada kemahiran yang amat berguna kepada negara kita, yang harus dipupuk, digalakkan dan dijaga. So, saya berharap Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan mengambil ini secara serius.

Isu kedua yang *last* saya hendak bawa ialah dalam Butiran 010200 - Perancangan. Saya mahu tanya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani apakah rancangan kementerian berkaitan dengan TPPA. Ini kerana di bawah TPPA, apa yang diminta oleh Amerika ialah tarif untuk kemasukan semua barangan termasuklah beras dikurangkan kepada angka kosong. Jadi pada masa ini, harga beras Amerika Syarikat ia boleh dijual dengan harga di bawah harga kos pengeluaran beras di sini. Ini akan membawa masalah kepada petani dan pesawah kita.

Apabila saya membawa isu ini kepada pihak MITI, mereka mengatakan tidak ada masalah kerana sekarang lesen mengimport beras hanya ada pada BERNAS, kita ada monopoli di mana syarikat lain tidak boleh masuk. Akan tetapi kontrak ini hanya sampai tahun 2021. Apakah dalam TPPA ini ada satu konsep, *national treatment* di mana firma-firma atau kompeni-kompeni Amerika juga mesti diberikan layanan yang sama. Jika selepas tahun 2021, kita teruskan hanya kepada BERNAS dan tidak beri kepada firma Amerika, mungkin dia boleh membawa kita ke Mahkamah Antarabangsa. Di bawah TPPA juga ada istilah *state-owned enterprise*, *state-linked enterprise*, GLC yang mereka hendak sekat. Jadi apakah jaminan kita untuk melindungi pesawah kita?

Pada masa ini tahap sara diri kita hanya 70% sahaja tetapi mungkin akan terjejas jika TPPA dilaksanakan. Jadi saya mahu tanya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani apakah pendirian mereka, MITI bawa isu *caught out*. Apa ertinya *caught out*? Ia hanya memberikan kita masa lima atau sepuluh tahun untuk mematuhi prinsip itu. Jadi saya berharap agar kita mengambil hal ini secara serius kerana kita tidak boleh kompromi sekuriti makanan kita kepada pihak korporat Amerika. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena. Ada dua sahaja.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila-sila.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh B.21, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Butiran 010400 - Industri Padi dan Beras.

Tadi rakan saya Yang Berhormat Alor Star telah pun menyebut beberapa perkara yang berkaitan dengan kegagalan BERNAS dalam membantu petani dalam meningkatkan taraf hidup petani. Kerana itulah matlamat daripada kewujudan BERNAS pada suatu ketika dahulu. Satu perkara lagi yang saya hendak sebut juga ialah saya tidak nampak apa peranan BERNAS dalam membantu pengilang-pengilang bumiputera. Oleh kerana itu adalah di antara suatu matlamat yang telah pun dibuat sewaktu mewujudkan BERNAS ini, pengambilalihan BERNAS oleh kerajaan daripada Lembaga Padi dan Beras Negara. Jadi saya hendak tanya apakah yang telah pun dilakukan, usaha yang dilakukan oleh BERNAS dalam meningkatkan dan membantu pengilang-pengilang bumiputera.

Saya juga hendak mendapatkan laporan terkini daripada pihak kerajaan tentang jumlah kilang-kilang bumiputera sewaktu LPN dahulu, Lembaga Padi dan Beras Negara dan jumlahnya sekarang selepas BERNAS mengambil alih iaitu sekarang ini, angka semasa jumlah kilang bumiputera. Begitu juga dengan pemborong-pemborong bumiputera. Ini sangat penting untuk melihat, untuk dilihat tentang kayu ukur apa yang telah pun berjaya dilakukan oleh BERNAS dalam membantu ataupun membangunkan industri pengilang-pengilang bumiputera.

Saya juga hendak mendapatkan angka semasa berapakah kilang-kilang yang bukan daripada bumiputera ini yang telah pun menjalinkan usahasama, JV dengan BERNAS. Ini juga sangat penting. Iaitu kilang-kilang yang bukan milik bumiputera iaitu kilang-kilang bukan bumiputera yang telah melaksanakan JV, kerjasama dengan Bernas. Ini sangat penting untuk melihat tentang kayu ukur, tentang usaha dan kejayaan Bernas dalam membantu pengilang-pengilang bumiputera.

Keduanya Tuan Pengerusi, Butiran 120400 - Subsidi Harga Padi. Saya sudah sebut baru-baru ini dan Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan bahawa subsidi akan dimasukkan dengan semua jenis subsidi yang dimasukkan dalam makmal untuk dilakukan kajian. Akan tetapi saya tidak pasti sama ada kajian itu hendak naik ataupun turun ataupun hendak dihapuskan. Ini kerana kalau kita melihat trend subsidi dari segi kerajaan melihat dari sudut subsidi ini, nampak macam kerajaan melihat bahawa subsidi ini tidak menguntungkan, penghapusan, pengurangan dan penghapusan subsidi, alasan kerajaan akan dapat melonjakkan ekonomi-ekonomi negara.

Jadi ini yang saya bimbang bahawa jika ini juga akan berlaku kepada subsidi harga padi. Sedangkan apa yang diminta oleh petani-petani sebelum ini yang pernah saya sebut ialah kita hanya minta daripada dua kupang lima duit kepada tiga kupang lima duit satu kilo, hanya dengan kenaikan 12 sen ataupun kalau kita lihat dahulu 23 tahun dahulu, RM165.40 se tan kemudian dinaikkan RM248.10 se tan. Satu metrik tan untuk harga sekarang. Jadi sebab itu sekarang yang hendak diminta oleh petani RM248.10 satu metrik tan itu kepada RM372.10 satu metrik tan.

Maknanya dari dua kupang lima duit, satu kilogram kepada tiga kupang lima duit satu kilogram lebih kurang.

Akan tetapi bagi saya bahawa itu pun masih rendah. Pemberian subsidi itu masih rendah jika hendak dibandingkan dengan subsidi kepada IPP. Subsidi gas, minyak dan sebagainya kepada IPP yang merupakan syarikat-syarikat besar dalam negara kita, yang juga salah satu kalau tidak silap saya IPP juga dimiliki oleh Syed Mokhtar. Jadi subsidi daripada IPP itu lebih besar daripada subsidi kepada petani-petani. Jadi bagi saya bahawa kenaikan 12 sen itu masih kecil...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya berjuang untuk orang Melayu ini.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jangan *mai* dalam Perhimpunan Agung UMNO nanti. Dalam Perhimpunan Agung UMNO nanti menjeritlah. Menjerit, menjerit semua nanti, "Oh, ini Melayu, GLC tidak membantu Melayu, Petronas tidak membantu Melayu. Inilah dia!".

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Tuan Pengerusi, kempen-kempen hendak pemilihan minggu ini...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi sebab...

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** ...Kempen, kempen.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Saya hendak katakan bahawa subsidi...

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Subsidi kepada IPP lebih besar kepada petani. Petani ini majoriti orang Melayu. Tapi memang...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Yang Berhormat Pokok Sena terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Nantilah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Tidak habis lagi.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Jadi saya hendak minta supaya bahawa mesti dilihat bahawa subsidi kepada orang Melayu bawahan ini yang perlu diberikan keutamaan untuk memberikan pembelaan, kesejahteraan kepada kehidupan mereka. Jadi sebab itu saya minta bahawa jangan lama sangat duduk dalam makmal, nanti lama duduk dalam makmal ini saya pun takut nanti Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri masuk makmal. Itu bahaya. Nanti petani-petani marah pula bawa mereka masuk dalam makmal.

Baik, yang ketiga saya hendak sebutkan di sini ialah Butiran 120900 - Subsidi Harga Beras. Saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Berapakah sebenarnya harga beras putih, *white rice*. Harga beras putih tempatan. Berapa harga sebenarnya di pasaran iaitu gred hancur 5%. Keduanya juga yang saya hendak tahu ialah berapa harga beras putih, *white rice*

*import* Vietnam, Vietnam gred, yang hancur 5%. Saya hendak tahu berapa harga sebenarnya iaitu harga tanpa menggunakan kaedah subsidi. Ini maklumat yang perlu diberikan oleh pihak kementerian kepada saya.

Ini untuk kita melihat sejauh mana beras tempatan dengan beras import, gred hancur 5% ini. Akhir sekali Butiran 121000 – Subsidi Benih. Jadi dan juga yang tadi ini satu lagi ialah beras ST15, Super Tempatan 15 ini. Masihkah prosedur pemberian kepada syarikat-syarikat seperti mana prosedur sebelum ini.

■2110

Adakah syarikat-syarikat yang sama yang masih mendapat kuota ST15 ini seperti mana yang pernah saya bangkitkan suatu ketika dahulu. Begitu juga dengan prosedur padi benih ini. Terima kasih Yang Berhormat rakan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Kedah. Selepas Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Menteri jawab. Lima minit, lima minit ya?

9.14 mlm.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya cuba cepat. Saya pergi terus kepada Butiran 010400 dan 010600, Industri Padi dan Beras dan juga Kualiti Padi dan juga tentang Pengairan dan Saliran. Ini saya sebut kerana kualiti padi yang kita minta dinaikkan harganya itu sangat berkait dengan faktor kualiti. Disebutkan bahawa kualiti padi di Kedah rendah, antara sebabnya adalah kerana pengairan.

Jadi saya ingin bertanya, apa yang kita boleh lakukan untuk pengairan tadi? Biasanya kalau kes kita sebut yang perbandingan Kedah dengan Sekinchan di Selangor. Perbezaannya antara lain yang terbesar ialah pengairan di Sekinchan itu jauh lebih baik.

Jadi untuk melakukan perubahan pada sistem pengairan di Kedah, saya rasa memerlukan reformasi yang sangat besar pada sistem pengairan yang telah diwujudkan dari tahun 60-an lagi. Jadi, apakah kerajaan merancang untuk melakukan sesuatu ke arah itu yang saya rasa perlu sangat dilakukan.

Seterusnya tentang peranan BERNAS, Lembaga Pertubuhan Peladang, Pertubuhan Peladang Kawasan, Koridor Utara dan lain-lain lagi dalam meningkatkan kualiti padi dan kualiti kehidupan petani. Kadang-kadang ada pertindihan yang saya rasa merugikan dan tak perlu ini harus dilihat kembali supaya kita dapat elakkan pertindihan tadi so, memudahkan kerja dan kita dapat mencapai objektif meningkatkan kualiti hidup petani dan juga kualiti padi yang kita hasilkan.

Walaupun telah disebut banyak kali tentang BERNAS, penswastaaan BERNAS, ada faedahnya tetapi saya masih merasakan bahawa untuk meletakkan BERNAS itu pada sesuatu syarikat atau individu, satu perkara yang sangat berisiko tinggi. Tidak susuk tubuh seseorang *tycoon* tetapi meletakkan *strategic crop*, dengan izin, begitu itu satu yang tidak bijak, berisiko tinggi kerana sebarang syarikat perniagaan dia punya matlamat asal dan matlamat utamanya ialah keuntungan sedangkan BERNAS mempunyai tanggungjawab sosial yang sangat besar.

Tanggungjawab sosial yang melangkaui buat keuntungan atau membeli padi atau menetapkan harga padi sahaja. Ada banyak perkara lain yang tak akan dapat dilakukan kalau di bawah pentadbiran swasta semata-mata.

Saya minta supaya pihak kerajaan melihat perkara ini dengan teliti kembali dan syor saya ialah kita memperkasakan petani daripada kita memperkasakan mana-mana ahli perniagaan. Memperkasakan petani, memperkasakan rakyat dan apabila masa depan petani terkait dengan BERNAS dan petani disedarkan tentang hakikat ini, mungkin saya rasa akan berlaku perubahan besar dalam minda dan pemikiran petani dari segi kualiti dan lain-lain lagi. Jadi ini perkara yang perlu kita lihat dengan teliti sebelum kita menyatakan bahawa penswastaan tadi boleh berjalan dengan tidak mengabaikan tanggungjawab-tanggungjawab sosial tadi.

Terakhir kerana kesuntukan waktu, saya ingin menyebut 120500 - Subsidi Baja Padi. Daripada maklum balas yang saya dapat, banyak baja subsidi tadi tidak digunakan dengan baik dan berlaku banyak pembaziran. Pada pandangan saya ini dapat dielakkan kalau kita menggunakan saluran persatuan, pertubuhan peladang kawasan (KPK). Kalau tidak kita gunakan saluran ini, kita tidak tahu kehendak petani yang sebenar, penggunaannya dan apa yang diperlukan. Maka berlaku pembaziran tadi. Kalau kita dapat elakkan pembaziran tadi, kita dapat menyelamatkan wang rakyat yang banyak. Terima kasih Tuan Pengerusi dan saya harap dengan itu kita dapat jawapan yang baik daripada kementerian. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Melaka.

#### 9.18 mlm.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa B.21 iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Saya ingin merujuk kepada butiran 030600 - Pembangunan Komuniti Ternakan. Tuan Pengerusi, saya difahamkan salah satu objektif kementerian kerana untuk meneroka dan menggalakkan pembangunan industri ternakan baru yang menguntungkan dan memenuhi permintaan serta cita rasa pengguna.

Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri, iaitu saya difahamkan satu industri penternakan yang baru yang juga, dengan izin, *environmental friendly* iaitu penternakan lebah madu atau *bee farming*. Saya difahamkan juga bahawa pihak kementerian sedang menggalakkan industri ini.

Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri dapat beritahu maklumat tentang dalam kajian kementerian, jumlah penternak lebah madu ini di seluruh negara dan pengeluarannya, adakah kita masih perlu mengimport dari negara lain? Begitu juga apakah perancangan kementerian untuk memberi bantuan dan sokongan kepada penternak industri ini? Apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk industri ini yang saya juga difahamkan satu industri yang akan membawa mengurangkan pergantungan kita terhadap import madu ini.

Oleh sebab sekarang masyarakat sudah *very health concern* dan madu ini ialah salah satu *supplement* yang dianggap banyak baik kepada kesihatan kita. Saya ingin juga tahu tentang penguatkuasaan kementerian terhadap industri ini. Saya difahamkan dalam pasaran masih terdapat banyak madu yang dijual ini kurang mutunya, ada campuran atau katakan *artificial honey*. Apakah kajian dari kementerian selama ini? Berapa peratus peratusan yang dibeli di pasaran ini ialah madu asli, *I mean the pure honey*. Bolehkah kementerian beritahu pada masa sekarang, adakah Kementerian Pertanian ini berusaha sama dengan swasta? Bagaimana dengan sambutan atau dengan produk usaha sama di antara kementerian dengan swasta? Dengan itu saya ucap terima kasih kepada Tuan Pengerusi untuk memberikan peluang saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, jemput Yang Berhormat Menteri menjawab. Ya, sila. Kita habiskan sebelum pukul 10.30 malam ya?

**9.18 mlm.**

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan juga terima kasih kepada rakan-rakan Ahli-ahli Dewan daripada sebelah sini dan sebelah sana yang telah membangkitkan beberapa persoalan di bawah Kementerian Pertanian dan juga Industri Asas Tani. Akan tetapi yang bertanya ini sudah hilang nampaknya *[Ketawa]*

Jadi maknanya tidak ada di sini, tidak payah jawab *[Ketawa]* Okey, mana yang tidak ada di sini kita jawab bertulis, setuju tak?

**Beberapa Ahli:** Setuju!

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Jadi saya tengok satu-satu, yang mana ada di sini *[Ketawa]*

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** *[Berjalan masuk ke dalam Dewan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Sulong ada.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat Parit Sulong ada? Yang Berhormat Parit Sulong, nasib baik ya. Yang Berhormat Parit Sulong ada membangkitkan berkaitan dengan pasar tani wanita di Parit Sulong. Ada permintaan, jadi ini kita akan rujuk kepada FAMA tengok ada peluang. Kalau sekiranya tempatnya ada dan juga sesuai...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini saya rasa kuasa Yang Berhormat juga untuk luluskan sebab pernah ada. Di Johor ada satu pasar tani wanita, jadi usahawannya wanita. Terbuka kepada semua. Jadinya kalau kelulusan lagi pun saya-Yang Berhormat Menteri Pertanian inilah yang saya *respect*, kagum, tengoklah pada malam ini begitu hebat sekali bersama dengan kita. Boleh luluslah. Kira ya Tuan Pengerusi ya?

■2120

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *Insya-Allah* lulus. *Insya-Allah*. Ada *qualified statement*. *Insya-Allah*. Saya sudah tengok belakang ini pegawai semua mengangguk, so beranilah saya cakap [*Ketawa*]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji [Pokok Sena]:** Kalau dia pun hendak pergi tumpang meniaga pun boleh [*Ketawa*]

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Saya diberi Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Parit Sulong ada membangkitkan soal pasaran untuk mempromosikan produk-produk industri asas tani. Jadi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ada buat program-program promosi yang dipanggil *in-store hypermarket*.

Selain daripada itu kementerian juga merangka pelbagai program promosi seperti pameran perdagangan, promosi bersama media bagi mengukuhkan *brand loyalty* di kalangan pengguna. Selain daripada itu Yang Berhormat Parit Sulong juga ada membangkitkan peluang pasaran yang lebih luas lagi di peringkat tempatan dan juga peringkat keluar negara.

Produk-produk yang dikeluarkan akan dipasarkan di semua agrobazar di bawah kelolaan FAMA. Kita membuka banyak agrobazar serta menerusi program *in-store hypermarket* tadi, akan memberi peluang kepada produk-produk industri asas tani di pasaran tempatan. Manakala untuk produk- ini sudah jauh malam ini, cakap pun tidak berapa betul [*Ketawa*]

Manakala untuk pasaran antarabangsa, kementerian pertanian sedang merangka beberapa *trading house* di luar negara. Kita hendak membuka *trading house* di luar negara umpamanya pada hari ini pun Menteri berada di Singapura bersama dengan para pegawai meninjau tempat yang sesuai untuk membuka agrobazar bagi kita membuka pasaran produk-produk kita ke *Singapore*. Selain itu nanti kita juga bercadang untuk membuka di negara lain sama ada Hong Kong, Australia atau mana-mana negara yang didapati ada permintaan kepada barang hasil industri asas tani kita.

Yang Berhormat Parit Sulong juga ada membangkitkan soal piawaian dari segi kualiti dan kuantiti. Beliau mengatakan tidak memenuhi tahap piawaian. Di sini ingin saya nyatakan bahawa kementerian ada menyediakan geran perniagaan bagi meningkatkan kualiti produk dari aspek mesin dan pengubahsuaian premis. Geran tersebut atas dasar nisbah 60:40 di mana usahawan hanya membayar 40%. Geran adalah antara RM50,000 hingga RM200,000 berdasarkan kepada tahap keusahawanan dan kebolehpayaan sesuatu produk.

Dari segi kualiti, Kementerian Pertanian ada menyediakan kemudahan tersebut menerusi agensi-agensi kementerian seperti pembungkusan dan pelabelan serta *nutrition* pemakanan. Sehubungan itu produk-produk KUNITA boleh dikemukakan terus kepada kementerian bagi tujuan pembangunan produk mereka.

Berkenaan dengan pakar iaitu pasar komuniti dan karavan yang dilaksanakan oleh FAMA. Untuk makluman Yang Berhormat, kajian impak telah dibuat dan empat projek baru yang akan dibina ialah di Keningau, Sabah, di Kota Belud Fasa 2, di Miri, Sarawak, dan Melaka di bawah program *Rural Transformation Centre* (RTC). Projek baru yang lain akan dipertimbangkan berdasarkan bajet yang kita boleh dapat di bawah *National Key Economic Area* (NKEA).



Usahawan pasar tani, pada masa ini untuk makluman Yang Berhormat Parit Sulong, ramai usahawan wanita yang mengambil bahagian dalam program ataupun projek pasar tani ini di seluruh negara. Ianya berjumlah 40% daripada bilangan peniaga-peniaga yang meniaga di pasar-pasar tani ini. *So it is considered as a big participation, very significant*, dengan izin.

Untuk pertanyaan kedua datangnya daripada Yang Berhormat Kulai. Ada sini lagikah? *[Disampuk] Oh, still there? Nampak quite heavy.* Yang Berhormat Kulai membangkitkan soal TKPM. TKPM yang dibangkitkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Kejayaan TKPM untuk pengetahuan Yang Berhormat Kulai, banyak tadi cerita kelemahan dan kegagalan dan sebagainya, dengan izin, *but you forget to mention the success story. Not very fair you know.* Kena *balance* sedikit.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita mulakan TKPM ini sejak tahun 2001. Lebih kurang 12 tahun yang lalu. Kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan kekal pengeluaran bahan makanan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran. Ini dua jenis buah-buahan dan sayur-sayuran. Bilangan TKPM sedia 68 projek di seluruh Malaysia. Keluasan yang dibangunkan ialah 9,204 hektar. Bilangan peserta ialah 1,019 orang. Ramai juga itu. Kuantiti pengeluaran ialah 44,875 metrik tan. Nilai pengeluaran ialah RM58.7 juta. Tadi Yang Berhormat tanya contoh TKPM yang baik di mana. *You want to know.* Ya. *You don't want to know?* Oh, yang baik tidak mahu tahu.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Boleh?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** TKPM yang baik ialah TKPM Lancang, Pahang. Tanaman angka.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya wakil rakyat dari Johor Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya lah, kita cakap TKPM seluruh Malaysia.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya bangkit tentang isu Johor. Kenapa tidak pandang Johor sekarang?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *Why are you so procure?*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya tidak, saya tidak...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *...And regional.*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya hanya rujuk kepada Laporan Ketua Audit.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Itu bukan saya yang cipta sendiri.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Jadi Yang Berhormat Menteri, kalau kita hendak jimat masa, teruslah pandang TKPM di Johor.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey, Johor ya? Jadi tunggu sebentar. TKPM terbaik TKPM Lancang, Pahang. Tanaman utama ialah angka, rambutan dan lain-lain. Keluasannya ialah 3,600 hektar. Bilangan peserta ialah 86 orang. Nilai pengeluaran ialah RM5.9 juta. Kuantiti pengeluaran ialah 33,000 metrik tan *[Disampuk]* Dia mestilah ada- *nothing is perfect.*

*Who is perfect? Are you perfect? Jadi being so idealistic. You know nothing in this world is perfect, isn't it? Even in DAP is full of macam-macam [Ketawa] [Dewan riuh] Banyak tipu-tipu DAP.*

■2130

TKPM Hulu Yam, Selangor, 118 hektar bilangannya [Disampuk] Johor ada ini. *Slowly, I am coming to it you know.* TKPM Ulu Tiram, Johor. Sayur-sayuran, luas bertanam tidak banyaklah, 33 hektar. Bilangan peserta, tiga orang. Nilai pengeluaran pun sikit, 0.5. Kuantiti 444 metrik tan. *I think they have to do something more to this.* Okey?... Akan tetapi kenalah kempen baik-baik. *But you don't, and condemn, condemn, condemn.* Jadi, *they lost confident.*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ini bukan saya yang kompelin tau, ini Laporan Ketua Audit. Siapa yang buat *condemn* ini?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ketua Audit dia komen, *you* janganlah panjang-panjangkan lagi [Ketawa]

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya cakap dan risau pula itu.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kita hendak cari *improvement*. You korek-korek lagi buat apa?

**Seorang Ahli:** Jawab, jawablah.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *Yeh, I am being practical, I am being realistic. If you want something good, we must think positive and work towards that.* Bukan kita pergi- *you know.;*

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, sila tegur Menteri jawab dengan baik-baik. Jangan keluar tajuk. Saya berharap teguran dapat diberikan oleh Tuan Pengerusi.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Apa tajuk keluarnya? Kita bercakap soal TKPM. Apa keluar tajuk pula? *You* kalau hendak tegur, pastikan teguran itu teguran yang betul ya? Okey, *you are not interested in* Besut, Terengganu apa semua ini ya. Okey, tidak payahlah, *I* ketepikan.

Pelaksanaan TKPM di Johor kurang memuaskan. Isu yang *you* bangkitkan tadi Yang Berhormat. Jadi jawapan kita di sini, keluasan yang telah diberi kepada peserta adalah sesuai dengan komoditi tanaman sayuran yang diusahakan. Pengusaha ini adalah komited terhadap projek yang diusahakan dengan tanaman sayuran secara terbuka.

Selain daripada mengusahakan tanaman sayuran, ada peserta yang mengusahakan tanaman secara fertigasi yang melibatkan tanaman cili. Tanaman secara fertigasi ini juga... [Menerima nota] Apa pula datang-datang lagi ini? [Ketawa] Kita hendak habis cepat, dia datang lagi [Ketawa] ...Mengusahakan tanaman secara fertigasi yang melibatkan tanaman cili. Tanaman secara fertigasi ini juga akan mendapat pendapatan melebihi RM3,000 sebulan. Tanaman fertigasi di bawah struktur pelindung hujan. So maknanya di sini, kita perlu membimbing usahawan ini akan cara-cara untuk menjadi petani yang lebih baik kerana kita lihat bahawa potensi untuk meningkatkan pendapatan mereka *is there. There's a lot of potential. What we need to do is to guide them towards to become a good farmers. That's all so you please help* lah.

Okey, ada lagikah Yang Berhormat ini? Lot tanah yang tidak diusahakan, terbiar tidak diusahakan. Jawapannya, peserta yang tidak komited akan dikeluarkan dan diganti dengan

peserta yang lebih berminat mengusahakan projek TKPM ini. *So we will look into that.* Mana yang tidak minat ataupun tidak serius, tidak sesuai, kita akan ganti dengan orang lainlah. *As simple as that.* Apa susahnya? *Maybe we have to look into that* lah.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ada apa hendak cakap lagi?

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ya, saya setuju dengan *approach*...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *I am... If you make a good...*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya hanya hendak...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak, dengar sini. *If* Yang Berhormat cakap benda yang baik, kita terima, tidak ada masalah. *I am very positive and open.*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Memang. Saya cakap saya setuju. Saya cakap saya setuju.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ha, okey. *Thank you.*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Akan tetapi saya hendak *highlight* di sini bahawa kalau ikut Laporan Ketua Audit, dia cakap Jabatan Pertanian di negeri Johor, mereka ambil masa yang melebihi dua tahun untuk menggantikan peserta yang tidak komited itu.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Jadi saya rasa itu adalah satu isu yang Timbalan Menteri kita bolehlah bantu kami.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *Point taken.*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Kalau kita hendak sama-sama untuk membantu petani untuk meningkatkan pendapatan mereka...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya, okey.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** ...Saya rasa kita tidak perlulah biarkan lot tanaman itu selama dua tahun.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *Right.*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Setuju tidak Timbalan Menteri?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *No,* dengan syarat kalau apa Yang Berhormat bangkitkan itu betul, kita akan perbetulkan *you know.*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *Audit Report* pun auditleh. Ini kita punya audit. Dia orang punya audit itu dulu. Ini sekarang mungkin sudah berubah. *So we look into that.* Kalau ada *such a long delay and birocracy, unnecessary birocratic process,* kita pun tidak suka. *Alright? So,* tidak payah cakap banyak-banyak, *we need to rectify that if what you said is true. If it is not true, then* tidak payahlah.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *[Ketawa]* Yang Berhormat Ipoh Timur- Yang Berhormat Ipoh Timur kah itu?

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Kalau dalam *Auditor Report* sudah ada, kenapa ada lagi "if"? Kalau semua ada "if", kita bincang sampai esok pun tidak ada tindakan.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat. Ini *Audit Report* buat bila?

**Seorang Ahli:** Tahun 2012.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Kalau begitu, bagi Dewan tahu apa tindakan yang telah diambil secara terperinci sekarang. Apa tindakan telah diambil? Apakah telah ditukar petani itu? Senang saja. Apa hendak "if", "if" semua ini, betul tidak?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Memang itu laporan dulu tapi kalau boleh bagi tahu apa tindakan terperinci sudah buatlah belum? Janganlah "if", "if"...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey, okey. Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat ini hendak mengingatkan saya peristiwa di Dewan Undangan Negeri di Ipoh tahu tidak? *[Ketawa]*

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Itu cerita lamalah. Yang Berhormat Timbalan Menteri, cerita lama. Itu cerita lama.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Cerita lama, jangan diulang lagi tahu. *[Ketawa]* Jadi sekarang ini, *in Audit Report* tahun 2012. Ini tahun 2013. Keadaan mungkin sudah berubah. *I have to check.* Keadaan mungkin sudah berubah. *So, we have to be, orang kata, fair. To you and be fair to us. And if it is true, is still there, we will do something to correct it.* Kalau benda itu sudah berubah menjadi baik, tidak perlulah. Apa yang hendak dipersoalkan lagi?... Okey?

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Jadi dari jawapan Menteri, maknanya Menteri tidak tahu adakah tindakan telah diambil. Kena *check*. Betul tidak?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sekejap Yang Berhormat Menteri. Saya tengok 15 minit macam tidak ada Pengerusi di depan ini. Peraturan-peraturan mesyuarat ya.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Dalam Dewan Undangan Negeri, macam itulah perangai dia.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, sila berubah tajuk yang lain.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, jadi saya sudah jawab ya itu peserta-peserta yang tidak- kita akan gantikan. Peserta baru akan dipilih melalui proses temu duga, melalui satu jawatankuasa khas pemilihan berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Okey? *Happy* ya.

Isu kutipan sewa yang lambat dikutip. Peserta ini membayar sewa setiap lot yang diusahakan dan tindakan telah diambil setelah setahun perjanjian ditandatangani. *So, they have collected.* Lagi, *residue* melebihi- kementerian berusaha untuk menasihati peserta agar mematuhi

amalan pertanian baik, *good agriculture practice* bagi memenuhi syarat-syarat MyGAP dan SLM. Banyak ini.

Tuan Pengerusi, seterusnya Yang Berhormat Pengerang. Ada lagi kah?

**Beberapa Ahli:** Sudah balik, sudah balik.

■2140

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Sudah balik ya. Okey ini sudah balik. Ada lagi?... [YB. Ledang masuk mengambil tempat dalam Dewan] Baru datang?... [Ketawa]

Yang Berhormat Parit Sulong ada lagi kah ini?...

**Beberapa Ahli:** Ada!

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ada lagi tambahan ni? Banyak sangat terselit sana, terselit sini.

Untuk Yang Berhormat Parit Sulong, berhubung dengan KUNITA ini. KUNITA ini ditubuhkan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah jawab tadi.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya? Ini ada lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah jawab.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak payah?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak payah.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak payah okey. *But this is extra point.*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Nanti dua kali lulus pula.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, susun kertas itu bagi elok sedikit.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Susun kertas bagi elok. Beritahu pegawai susun kertas bagi elok.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kalau hendak lulus sekali lagi boleh juga.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Pengerusi, saya hendak mencelah sedikit. KUNITA tadi itu kalau ada peruntukan atau apa yang Tuan Pengerusi kata boleh luluskan itu, tidak ada masalah. Boleh jawab, tidak ada masalah. Saya boleh tunggu.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat Pokok Sena kacau. Dia suruh susun elok-eloklah, apalah. Ini bercakap laju macam kereta api, macam mana hendak susun [Ketawa]

KUNITA ini telah ditubuhkan adalah bertujuan untuk membantu nelayan menambahkan pendapatan hasil keluarga dengan menjalankan aktiviti ekonomi. *Very general statement first.* LKIM dari semasa ke semasa sentiasa mengadakan program bagi membantu kumpulan KUNITA bagi meningkatkan kualiti hasil keluaran mereka. Dalam usaha meningkatkan kualiti hasil keluarga keluaran kumpulan KUNITA ini, LKIM ada menganjurkan program latihan.

*You want to know this* bukan? Program latihan berterusan dengan melibatkan pakar-pakar seperti MARDI untuk meningkatkan kualiti hasil keluaran. Sehingga kini, sebanyak 135 kumpulan, bukan 135 orang tetapi 135 kumpulan KUNITA yang telah ditubuhkan dengan 6,004 orang ahli di kalangan wanita nelayan, 6,000 lebih. Sehingga kini pasaran adalah di peringkat domestik dan belum mencapai peringkat antarabangsa. Namun, usaha akan diteruskan bagi meningkatkan lagi kualiti KUNITA ini...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Pengerusi ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada lagi?

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ada. Cuma fasal ini tadi sebab saya ada dalam perbahasan itu. Saya minta supaya memberi latihan untuk KUNITA di kawasan Parlimen Parit Sulong. Itu Yang Berhormat Menteri dia boleh luluskan jugalah. Sudah malam ini, bolehlah luluskan sekali.

**Seorang Ahli:** Lulus, lulus!

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Orang lain pun hendak juga. Jangan sebut Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, ini bercakap tidak *address* Tuan Pengerusi, tidak hormat.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Saya *address*.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, lulus boleh tetapi hendak dapat duitnya itu susah. Jangan main lulus sahaja.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lulus bersyarat.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak boleh. Nanti kita bincang dahulu di kementerian, tengok. Pegawai-pegawai lebih mengetahui tentang kemampuan kita.

Yang Berhormat Nibong Tebal yang membangkitkan soal peruntukan RM200,000 bagi pembangunan industri padi tidak cukup. Yang Berhormat Nibong Tebal kata kecil sangat. Peruntukan yang diluluskan digunakan untuk keperluan melaksanakan program industri padi seperti penyediaan dan apa tulis macam ini pun. Program industri padi seperti penyediaan dan perataan seluruh sawah dan input pertanian. Kementerian mengambil maklum peruntukan yang diluluskan.

*Actually* Yang Berhormat Nibong Tebal, Tuan Pengerusi, ini bukannya projek. Projek untuk pembangunan industri padi termasuklah pengairan. Pengairan beratus juta peruntukan kita dan juga untuk sebagai insentif-insentif berbilion. So, ini RM200,000 bukanlah bererti bahawa peruntukan untuk projek pembangunan dalam erti kata yang lebih besar yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat Nibong Tebal juga menyebutkan tentang peruntukan yang kecil itu. Jadi di sini kita ingin memaklumkan iaitu kita juga memberi insentif, subsidi RM2 bilion bagi subsektor padi dan ini adalah merupakan sokongan-sokongan bagi membangunkan industri padi dan beras negara. Panjang butiran-butiran berhubung dengan apa yang kerajaan buat Yang Berhormat Nibong Tebal, tentang sektor padi ini. Kalau boleh saya bacakan sedikit.

Jenis Subsidi	Jumlah (RM/juta)
harga padi	80
baja	465
insentif peningkatan hasil padi	80
insentif pengeluaran padi	563
harga beras	528
benih padi sah	85

Adalah tidak benar peruntukan kecil yang diperuntukkan untuk pembangunan industri padi. Ada tidak jelas?

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Menteri tanya sedikit. RM200,000 itu buat apa Menteri?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ini kerja kecil-kecilan sahaja dalam membuat *paper work*. *Maybe* kertas-kertas projek, macam itulah. Bukan sampai kepada *project itself*. *That is two different things*. *Preparations for the project paper are one thing. Project itself is a difference matter*. Apabila bercakap soal projek, ini yang saya bacakan tadi begitu banyak sekali yang kita buat Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi marah kalau kita lupa dia, sesekali kena sebut, dengan izin.

Yang Berhormat Lenggong...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya ingat RM200 juta itu. Mungkin silap. Takkan RM200,000. Menteri silap baca.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak, RM200,000 dalam bajet RM200,000 *but* ia merujuk kepada satu perkara yang berlainan. Bukan salah taip, itu salah betul.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Mana ada perkara salah betul.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak bukan salah taip, betul.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Malam-malam salah cakap.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Malam-malam ini kita jangan formal sangatlah Tuan Pengerusi. Sudah mengantuk semua. Kalau tidak buat macam ini, semua tidur.

FAMA, Yang Berhormat Lenggong membangkitkan perkara berkenaan dengan FAMA. Ingin dimaklumkan bahawa FAMA akan menambahkan ...

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Minta laluan Yang Berhormat Menteri, yang TEKUN belum jawab lagi.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** TEKUN, belum sampai ke TEKUN lagi.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Pergi ke Lenggong.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** FAMA dahulu. FAMA akan menambah pasar tani pada 2014 sebanyak 60 lagi, *caravan* 50, kemudian gerai buah-buahan 100. Jadi maknanya FAMA mempunyai program atau projek untuk menambahkan lagi pasaran untuk hasil-hasil pertanian kita dengan bilangan pasar tani, *caravan* dan juga GBBS yang lebih banyak lagi.

Yang Berhormat Lenggong juga ada membangkitkan soal untuk mempromosikan produk-produk pertanian di Lenggong. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Lenggong ada sebut dia kata Lenggong ini terkenal di seluruh dunia dan telah diiktiraf oleh UNESCO. Tahniahlah tetapi saya

rasa Pasir Salak lagi mendahului. Betul, siapa tidak kenal Pasir Salak. *It is the library of British, UK library* beratus-ratus tahun dahulu. Termenung Yang Berhormat Pokok Sena apabila saya sebut, apa pasal? Setuju tidak?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya bersetuju. Memang terkenal Pasir Salak ini, tambah Timbalan Menteri pula memang hebat, berani.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak- terkenal bukan pasal Timbalan Menteri. Ini dahulu *Si Pitung* punya hal.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** UNESCO tidak iktiraf.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kita menyokong kalau permintaan Yang Berhormat tadi itu satu cadangan yang baik untuk kita promosikan hasil-hasil pertanian kita di Lenggong, di tempat di mana pelancong ramai datang dan ini *win-win situation*.

#### ■2150

Yang Berhormat pun sebagai wakil rakyat dapat. Dia punya untung *political dividends* dan kita juga dapat dividen. Sebelah sana tidak dapatlah sebab dia tidak sama dengan kita.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, mencelah sedikit. Malam-malam ini kena mencelah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman:** Boleh.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Pengerusi, yang saya maksudkan begini. Kalau kementerian boleh bincang dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan mungkin buat *Blue Ocean Strategy*. Maksudnya kita tahu bahawa pelancong datang banyak dan dibawa oleh pelbagai agensi syarikat-syarikat pelancongan. Apa salahnya mungkin kalau boleh misalnya katakanlah pelancong datang untuk melancong di sini barangkali RM700 pakej. Mungkin dinaikkan ke RM750 tetapi RM50 itu untuk produk-produk kita itu. Jadi itu yang saya maksudkan. Kalau di Lenggong mulakan di Lenggong sebagai *pilot project*.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat kita akan tengok cadangan ini. Pihak pegawai mungkin akan buat kajian sebagaimana idea Yang Berhormat berhubung *Blue Ocean Strategy* ini dapat dilaksanakan bukan sahaja di Lenggong tetapi tadi Yang Berhormat juga ada sebut di pintu-pintu utama masuk ke dalam negara kita seperti di *airport* ataupun pelabuhan dan sebagainya. *So, that's a good idea*. Kita akan tengok.

Tuan Pengerusi, jadi itulah berhubung kait dengan apa yang dikaitkan dengan Yang Berhormat Lenggong. Ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Nibong Tebal berhubung dengan TEKUN. Tadi Tuan Pengerusi Yang Berhormat Nibong Tebal kata 45% NPL. Tidak betul itu Yang Berhormat. Dahulu pun saya sudah jawabkan? Dalam jawapan lisan dahulu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru. Yang Berhormat Bayan Baru yang mulakan tuduhan ini yang mengatakan TEKUN ini gagal kerana kita keluarkan pinjaman RM2.6 bilion tetapi kita telah kutip setakat ini cuma RM1.9 bilion. *So, ada lebih kurang RM700 million* tidak berkitip.

Saya sudah jawab dahulu *RM700 million* ini bukan bermaknanya hutang yang tidak dikutip. Ini jumlahnya antara *RM200 million - RM300 million is a new loan. It's a new loan. How can you collect a new loan? Last one year 2011* kalau tidak silap saya *about RM300 million. So, RM700*



*million minus RM300 million tinggal RM400 million.* Yang Berhormat rangkum sekali. *Loan* RM300 juta tahun 2012 itu pun dianggap NPL. Tidak betul. *You must know the fact.* Mesti tahu fakta sebelum buat tuduhan. Tidak betul.

**Seorang Ahli:** Tanya sahajalah!

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** So, tanya okey sini saya jawab.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kalau sudah jawab duduk sahajalah. Hendak lagi?

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Minta laluan.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tanya lagi, okey.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi kepada Yang Berhormat Bayan Baru itu *loan* yang dibayar lebih kurang 55%. Itu jawapan Yang Berhormat beri kepada Yang Berhormat Bayan Baru.

Jadi kalau yang dibayar 55% maknanya 45% lagi belum dibayar. Itu yang kata *non running loan* tapi *running loan* pun Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau pinjaman daripada awal pun kalau orang pinjam RM10,000, kita memang bayar sedikit-sedikit projek TEKUN ini sebab dia kutip mingguan, kecualilah sekarang ini projek TEKUN tidak kutip mingguan.

Jadi bila dikutip mingguan itu sudah tentu ada *outstanding loan* yang macam itu. Kalau 45% ini ataupun kalau jawapan kepada saya, saya tanya kepada Pulau Pinang...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** [*Bangun*]

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Sekejap Yang Berhormat Timbalan Menteri dan jawapan bertulis Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi pada saya di Pulau Pinang. Pulau Pinang lebih kurang 36% atau 26% dalam jawapan bertulis. Itu pun tinggi. Kalau 36% daripada RM2 bilion kalau di Pulau Pinang daripada berapa ratus juta itu pun tinggi Yang Berhormat Timbalan Menteri. So, itu bukan fakta yang salah.

Soalan saya yang saya risau dan bimbang ialah kalau orang ini tidak bayar Yang Berhormat Timbalan Menteri maknanya yang menyekat peluang beribu-ribu orang di luar yang lain itu yang memerlukan modal pusingan untuk mempertingkatkan kedudukan sosioekonomi mereka. Kita hendak bantu orang-orang itu dan kerajaan berhasrat hendak bantu yang itu. Itu niat yang baik tetapi kalau orang yang tidak bayar ini kalau kita tidak ambil tindakan langsung. Saya hendak tanya sekarang ini *what is the recovery plan* yang digariskan oleh kerajaan dan kementerian untuk mengutip *loan* ini? Apa pecahan-pecahan orang yang tidak bayar ini? Saya hendak Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab itu.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Nibong Tebal. Saya sudah kata tadi yang menjadi masalah yang dikatakan masalah itu bukanlah RM700 juta yang belum dikutip itu. Yang belum dikutip itu sini ada. Kalau hendak angka pun boleh iaitu yang dikatakan *defaulters is only RM157 million.* Lebih kurang 5.3%. *I don't know.*

*This is the figures* yang diberi oleh TEKUN but Yang Berhormat buat tuduhan kata 45%. Itu jawapan nombor satu.

Jadi jawapan kepada soalan selanjutnya Yang Berhormat kata apa tindakan untuk mengutip ini yang ada lebih kurang 5% yang dikatakan *defaulters* ini. Kita akan teruslah ambil tindakan. Tidak akan hendak biar sahaja. Kita bersetuju dengan Yang Berhormat iaitu walaupun jumlahnya jauh lebih kecil daripada apa Yang Berhormat sebutkan tadi, ini pun satu jumlah yang boleh kalau kita dapat kutip balik semula boleh membantu pihak peniaga-peniaga yang lain yang amat memerlukan bantuan daripada kita.

Kita faham apa Yang Berhormat sebut dan kita pun mempunyai semangat untuk membantu usahawan. Oleh sebab itu TEKUN sampai tadi saya sebut RM2.6 bilion. *Actually more than RM2.9 billion*. Takkanlah kerajaan keluar duit banyak begini kalau tidak ada *commitment to help the small businessman* ataupun *the small entrepreneurs but at the cause of doing that* adalah *a little bit our problem*, dengan izin, yang kita hendak kena selesaikan sebagaimana yang saya sebutkan tadi *you know* tidak ada yang sempurna. Jadi, Yang Berhormat kena terima hakikat itu. Okey, itu berkenaan dengan pinjaman TEKUN. Dana RM30 juta untuk orang Cina...

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tuan Pengerusi, bolehkah saya minta mencelah?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tebrau.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Minta kebenaran Tuan Pengerusi. Bolehkah tidak ini?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri benarkan, saya jemput.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Saya benar tapi saya tengok Tuan Pengerusi pun sudah letih ini. Kasihan pula *[Ketawa]*

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Hanya satu soalan sahaja. Tuan Pengerusi, saya cuma hendak tanya sama ada TEKUN ini adakah kementerian bercadang untuk buka kepada pemohon daripada bukan bumiputera? Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ini saya hendak sebut ini dana RM30 juta tadi untuk orang Cina tidak diuruskan oleh TEKUN Yang Berhormat Nibong Tebal. Untuk lain-lain ini saya rasa buat masa ini tidak ada bantuan untuk peniaga-peniaga Cina sebab masyarakat Cina tidak ada masalah *you know*. Kalau tengok daripada pinjaman *financial institution all the banks how many billions* sudah bagi kepada masyarakat Cina. Bukan kita kata kita hendak berdiskriminasi tetapi kita hendak membantu golongan yang memerlukan bantuan. Kita tidak ada tabung yang besar ratus-ratus bilion.

#### ■2200

Kalau kita ada tabung yang besar sampai beratus-ratus *billion then we can give to everybody and then we become like a bankers. Just like any other bank but this* TEKUN adalah tabung untuk membantu usahawan kecil untuk mengatasi masalah kemiskinan. Jadi, masyarakat kita daripada kaum bumiputera yang banyak menghadapi masalah. *Don't politicized all these*, jangan jadikan isu perkauman. *This is a small matter...*

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Cuma Tuan Pengerusi, saya hendak tanya satu lagi soalan mengenai TEKUN. Sungai Petani di sini [*Mengangkat tangan*]

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Saya hendak kepastian sekali lagi kepada Menteri sebab melihat data-data yang ada di tangan saya ini, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pada waktu itu pada tahun 2010, bertarikh 25 Mac 2010 mengatakan pada tarikh tersebut ada 33,149 orang yang tidak membayar hutang TEKUN ataupun berjumlah 17% daripada *total borrowers* dan amaunnya adalah RM133.27 juta. Jadi, daripada tarikh Menteri waktu itu menyebut iaitu pada 2010 dan hari ini 2013, kalaulah Yang Berhormat Menteri menjawab bahawa orang *defaulter* ini telah menurun dari 17% kepada 5.3% saya ucapkan tahniah dan syabas. Akan tetapi saya cuma hendak *confirmkan* sekali lagi dengan Yang Berhormat Menteri bahawa *defaulter* yang sebenarnya sekarang ini berada pada tahap 5.3%, itu benar. Terima Kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Mikrofon pun malam-malam tidak berapa berfungsi. Tuan Pengerusi, saya tahu Yang Berhormat Pokok Sena ini duduk di situ pasal apa, dia hendak tunggu jawapan bab BERNAS. Kalau tidak dia sudah tidak ada. Sabar ya, belum sampai tajuk itu lagi. Dia hendak tahu BERNAS sahaja, lain semua dia tidak minat.

Okey Yang Berhormat Sungai Petani, saya rasa Yang Berhormat salah dengar. Saya tidak kata 5.3% daripada bilangan peminjam. Saya sebut 5.3% daripada jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan. *There is 5.3% from RM2.9 billion of loan, clear? Maknanya what I am trying to say here* Tuan Pengerusi, Yang Berhormat, dahulu mungkin 2010 sebanyak 17% Yang Berhormat sebut tadi, jadi maknanya sekarang ini *we have improved tremendously from 17% to 5.3%*.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Itu yang saya hendak pengesahan bahawa memang benar bahawa *defaulter* tinggal 5.3%. Kalau itu...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Jumlah pinjaman, bukannya bilangan orang atau peminjam. *You know the different?* Orang yang meminjam mungkin berpuluh-puluh ribu, jumlah pinjaman RM2.9 bilion. *Loan NPL, you know NPL?*

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *Yes, I know.*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** [*Ketawa*] Yang Berhormat dahulu kerja di kedutaan...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Akan tetapi saya juga CEO...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *So, 5.3% ialah bersamaan dengan RM157 juta. Faham tidak? So, clear.*

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Oleh sebab itu saya kata tadi bahawa saya hendak pengesahan bahawa...

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Tuan Pengerusi...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Sebab sekarang ini kita ada Menteri baru. *My boss is very good.* Pegawai-pegawai pun sekarang bagus-bagus belaka.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya cuma hendak mengesahkan angka itu sebab itu saya kata kalau sekiranya jumlah *defaulter* daripada

17% turun sampai 5.3%, saya ucapkan tahniah. Namun begitu kita akan pastikan kita akan dapat angka supaya kita mengesahkan. Saya ucapkan tahniah. Terima Kasih, itu sahaja saya hendak *confirmation*.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta laluan, sedikit sahaja.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, saya tidak sebut *defaulter*, *I said NPL. Defaulter loans*, RM157 bilion...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Orang tidak bayar hutanglah, *defaulters*lah itu.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Apa Yang Berhormat, dia tidak faham ini. Saya kata duit, saya bukan cakap orang.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *You are talking about 5.3%* yang belum bayar lagi?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang belum bayar daripada jumlah RM2.9 bilion. Maknanya macam inilah.

**Seorang Ahli:** Berapa orang?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Orang saya tidak tahu. Hendak tahu berapa orang, saya akan bagi tahu.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** *Amount defaulted.*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Akan tetapi yang penting bukan orang, yang penting ialah duit, *how much money that is not collected?* Itu yang penting, bukan begitu? Kalau saya bagi pinjaman kepada Yang Berhormat, saya hendak duit itu bukan saya hendak duit itu, bukan Yang Berhormat...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Betul.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat, saya peduli apa.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tidak, tidak. Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi minta maaf ya. Saya ungkapkan tadi bahawa pada 25 Mac 2010 Menteri menjawab dalam satu PC mengatakan bahawa 17% ataupun 33,149 peminjam yang meminjam sejumlah RM133.27 bilion, mereka ini tidak membayar hutang TEKUN dan *declassified* sebagai *defaulters*. Jadi, saya sebut tadi 17% maknanya total daripada...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Peminjam.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *Yes*, 17% ataupun 33,149 tidak bayar hutang kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi *defaulters* yang ada dalam rekod Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang ialah cuma tinggal 5.3%. Saya kata kalau angka itu turun, saya ucap tahniahlah. Akan tetapi adakah ini benar? Itu saya hendak tanya.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak benar, sebab apa, kita bercakap perkara yang berbeza. Yang Berhormat bercakap bilangan peminjam, saya bercakap jumlah pinjaman. Jadi, mana sama? Kalau hendak sama, Yang Berhormat hendak tahu 5.3% ataupun RM153 juta ini, berapa orang yang terlibat? Itu saya terpaksa kena bagi jawapan yang lain, secara bertulis. Adil ya?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Adil.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kita adil. Yang tuduh zalim-zalim itu pasal apa? Yang Berhormat Pasir Puteh tidak habis-habis zalim. Nanti tunggulah [*Ketawa*]

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ada lagi? Tuan Pengerusi.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Satu sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Nibong Tebal.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima Kasih Tuan Pengerusi. Itu yang saya bangkitkan soalan tadi sebab kita hendak tahu kuantum pinjaman itu Yang Berhormat Menteri. Kita tidak mahu yang pinjam yang besar ini, yang lebih dari RM50,000 ataupun RM20,000 itu merupakan orang tidak bayar balik. Itu yang kita tidak mahu. Oleh sebab itu saya minta Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan jawapan bertulis selepas ini untuk menjimatkan masa. Jumlah hingga kini, jumlah pinjaman yang belum dibayar balik, kuantum dia, pecahan yang macam saya sebut tadi, yang RM5,000 ke bawah, yang RM5,000 ke RM10,000, yang RM10,000 ke RM20,000, kemudian yang RM50,000 ke atas. Berapa jumlah dia sebab kita hendak tengok...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Janganlah panjang.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Orang yang paling tinggi itu yang pinjam banyak tetapi itu yang tidak bayar dan merupakan jumlah tertunggak yang paling banyak. Kita hendak tengok peratus dia itu. Itu yang satu.

Keduanya, sebab kita hendak perhati jenis perniagaan, orang macam mana yang tidak bayar? Orang yang berniaga kecil-kecil macam mana atau orang yang kita bagi pada restoran ataupun kita bagi perniagaan besar-besaran? Itu yang kita hendak tengok sebab ianya akan bercanggah dengan tujuan ataupun matlamat penubuhan TEKUN ini. Saya harap Tuan Pengerusi, kita dapat jawapan bertulis juga. Terima Kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Nibong Tebal. TEKUN dari segi jumlah ataupun limit, amaun pinjaman ada had. Dia tidak bagi kepada peniaga besar-besar, boleh pinjam juta-juta, tidak ada. Oleh sebab kita hendak tolong peniaga kecil dan dengan sebab itu, *how to do it? We limit the maximum loan* yang kita bagi. Dahulu saya kira RM50,000 maksimum. *Now it has gone up to RM100,000 but category of business I cannot tell you now.* Itu kena *detail*, pegawai akan siapkan dan kita akan jawab bertulis *but I can assure you no big tycoons, big businesses* yang dapat menggunakan tabung TEKUN ini sebab *limit* dia RM50,000 dahulu, sekarang baru RM100,000. *You satisfied with that?*

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** No.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak *satisfied* juga? Jumlah RM100,000, bukan kita bagi sejuta [*Disampuk*]

Jadi, Yang Berhormat *more interested in the numbers* daripada bilangan pinjaman atau pun jumlah pinjaman. Okey, tidak apa *we can reply with that*. Jadi, ini lagi satu tadi dana RM30 juta untuk masyarakat Cina. Untuk maklumat tidak diuruskan oleh TEKUN. Seterusnya, pemantauan Program TEKUN, Yang Berhormat tanya tadi macam mana pemantauan. Lembaga Amanah yang diwakili oleh MoA, MoF dan EPU adalah Lembaga Amanah yang akan memantau perjalanan TEKUN daripada semasa ke semasa sama ada mereka menepati matlamat kita.

Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) diuruskan oleh TEKUN. Sejak dilaksanakan pada tahun 1998, seramai 12,319 usahawan India mendapat pinjaman dengan nilai RM153.8 juta, masyarakat India. Ini mereka yang memerlukan. Okey habis Nibong Tebal.

Yang Berhormat Lenggong tadi sudah berjawab dah.

**Seorang Ahli:** Rasional di Kementerian Pertanian tidak jawab pun.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Akan tetapi Yang Berhormat Lenggong tadi ada bertanya tentang penubuhan RTC dan UTC. Ini untuk maklumat, di bawah KKLW. RTC yang satu itu, bukan RTC yang lagi satu- itu 'Rahim Tambi Chik' bukan. Itu *Rural Transformation Centre [Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Makin tengah malam, makin macam-macam.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Melawak lah sedikit malam-malam ini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ya, betul-betul.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Apa Yang Berhormat Pokok Sena geleng kepala, pasal apa?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri ...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kalau tidak, tidak gelak *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *Sat gi* apa dia?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tidak, begini. Tuan Pengerusi, Pusat Pemprosesan Industri Perikanan di Lenggong itu asalnya untuk pekasam. Lebih pada RM4 juta dibuat, besar. Akan tetapi nampaknya tidak begitu berjalan dengan baik. Letak peniaga pekasam di situ lawan dengan yang letak orang kata itu tidak boleh jalan.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey, okey.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jadi, pusat itu mesti di optimum, dibuat lain. *So*, saya cadangkan kementerian sama ada swasta atau pun buat konsep RTC. Semua agensi kementerian pusatkan di situ. Saya telah mengusahakan untuk letakkan Kedai Rakyat 1Malaysia sebab tidak berdaya maju. Tidak berjaya sungguh. Saya takut nanti jadi gajah putih atau sebagaimana pusat perikanan darat di Banting. Itu merugikan. Kalau audit pergi nanti

masalah. Jadi, itu saya minta cadangan dalam Dewan yang mulia ini, ubah suai tetapi masih lagi Pejabat Perikanan tetapi ubah suai dengan lebih baik dan tersusun. Menteri dahulu sudah hendak cadangkan yang itu. Kalau tidak boleh swastakan.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, sejak menang jadi Majlis Tertinggi ini bercakap pun bukan main baik lagi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tahniah Yang Berhormat Lenggong. Itu idea yang bagus. Saya rasa pegawai-pegawai pun setuju...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Perak itu yang menang Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Untuk kita lihat bagaimana hendak membetulkan keadaan. Tidak ada apa ruginya kita hendak memperbaiki tempat itu dan memanfaatkan untuk nelayan-nelayan dan pengusaha-pengusaha. Saya setuju sangat dengan cadangan itu.

Tuan Pengerusi *[Disampuk]* sabarlah. Yang Berhormat Pasir Puteh. Yang Berhormat Pasir Puteh, saya ini bukan lah alim ulama Tuan Pengerusi, *but be careful*. No, saya ada baca kitab juga. Dalam zaman-zaman akhir zaman ini, ada para alim ulama yang menjual al-Quran untuk mendapat kepentingan dunia yang sedikit, *be careful. You know*, jangan gunakan ayat al-Quran untuk memberi justifikasi kepada kepentingan diri. Hendak mewajarkan hujah kita yang berupa kepentingan sempit, bukan kepentingan ramai. *You know it is a first advice, you don't know about Islam, you better keep quite. No*, itu Yang Berhormat Kota Melaka ya? Yang Berhormat Kota Melaka, *you don't know, you better keep quiet*.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Tidak boleh tanya kah?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Boleh.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Tanya apa masalahnya?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Akan tetapi *you are being cynical. You know you are being cynical as a sarcastic*.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** *I said was that answer, that's all*.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *No, no! I'm old enough to understand whether you are being significant or not*. Okay, tidak apa lah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Pengerusi, Malaysia lawan Qatar siapa menang?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Jangan panjang-panjang kan hal itu sebab Yang Berhormat Pasir Puteh dahulu pun tuduh kita menzalimi petani-petani dan hari ini pada malam ini pun tuduh kita menzalimi. Saya hari itu lupa hendak sebut, saya hendak sebut, tolong dengar ya.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Ya.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Sungai Kelantan itu kotor disebabkan oleh pembalakan di sebelah atas sana dan membawa lumpur-lumpur sehingga sungai itu menyebabkan masalah pengairan padi, sawah-sawah padi, orang-orang kampung. Siapa yang menzalimi orang-orang kampung ini, petani-petani, pesawah-pesawah ini?

Yang Berhormat kata Yang Berhormat Exco, Yang Berhormat tahu dasar-dasar dan juga tindakan kerajaan negeri. Kenapa dibiarkan pembalakan di sana berlaku sehingga menyebabkan pengairan petani menjadi terjejas dan petani menghadapi masalah? *Why you allow that?*

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Hendak beritahu maklumat itu tidak betul.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Apa tidak betul? Kita buat kajian, kita buat sendiri benda ini dari atas nun, kita ambil gambar.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Sudah berapa lama pembalakan telah berlaku di Kelantan?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Sepanjang masa.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Jadi, pemendapan di dasar air sekarang ini berapa lama, berapa lama sudah jadi?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Apa itu?

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Masalah air Sungai Kelantan ini berapa lama?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ini masalah air Sungai Kelantan.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Baru.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Siapa kata baru?

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Baru sahaja kan surutnya...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Sudah berlaku beberapa musim dah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri dengan Yang Berhormat Pasir Puteh, sekejap-sekejap. Elok tumpukan pada jawapan. Sudah 10.17 malam, kita hendak habiskan 10.30 malam.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Oh ya kah?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, tolong habiskan jawapan dan kita hendak luluskan kementerian ini.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Tepat pada soalan...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Jadi, ini...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pasir Puteh duduk.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Saya ingat oleh kerana kita ada 13 minit sahaja lagi, yang lain-lain itu saya tidak mahu jawab, tidak ada masa, jawapan bertulis. Saya hendak jawab soal BERNAS ini. Ya tidak? Atau tidak ada masa nanti? Setuju tidak semua sekali bertulis? Yang Berhormat Pokok Sena hendak bertulis semua?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Setuju, setuju, setuju.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** BERNAS tidak mahu?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sempat lagi tengok bola ini, sempat lagi.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Apa dia?



**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, kalau pilih jawapan bertulis pilih jawapan bertulis. Yang mana satu?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jawapan bertulis Yang Berhormat? Semua sekali [*Dewan riuh*] Baiklah, baiklah.

Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.21 dan Kepala Pembangunan P.21...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Pasal dia kata dia hendak jawab?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Hendak jawab kah jawapan bertulis ini?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dia kata dia hendak jawab BERNAS.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Dengar dahulu. Saya belum cakap habis kena potong-potong. Saya kata kalau hendak, saya cadangkan semua yang baki ini dijawab secara bertulis kecuali. Dengar tidak perkataan "kecuali"?...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** BERNAS.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Iaitu isu BERNAS.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey, itu sahaja.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jawab, jawab, jawab.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Setuju?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Setuju.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Pengerusi, setuju, setuju. Qatar pun sudah menang 1-0. Malaysia kosong Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, BERNAS ini dia telah diberikan *privatization* daripada LPN dahulu, BERNAS, kemudian *diprivatizekan* pada tahun 1996 kalau tidak silap saya. So, waktu itu *privatize* dengan tujuan untuk mengatasi masalah krisis pada masa itu. Krisis makanan. Jadi, ada banyak tuntutan dari segi kewangan, dari segi pengurusan yang mana melibatkan jumlah yang amat besar dan dikira bahawa melalui proses *privatization* BERNAS itu mengurangkan beban kerajaan untuk menangani masalah waktu itu.

#### ■2220

Jadi, walau bagaimanapun pada masa itu kita ada *golden share*. Kerajaan ada *golden share* bermaknanya pihak BERNAS tidak boleh berbuat sesuka hati. Ada pemantauan daripada pihak kerajaan yang mempunyai *golden share* itu Tuan Pengerusi. Selain daripada itu saya juga bersetuju bahawa BERNAS juga ada tanggungjawab sosialnya. Di samping mereka diberikan hak untuk mengimport beras dan boleh dikatakan monopoli dalam pengimportan beras tetapi mereka juga dikehendaki untuk melaksanakan matlamat-matlamat sosial. Umpamanya sebagaimana Yang Berhormat Pokok Sena sebut iaitu kilang-kilang padi bumiputera umpamanya. Kemudian

memantapkan lagi industri padi dan beras supaya petani-petani mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Jadi ini adalah fungsi-fungsi atau pun *obligation* pihak BERNAS yang telah termaktub dalam perjanjian *privatization* ataupun penswastan tempoh hari. Jadi di sini ada beberapa perkara yang kita rasa, saya pada kerajaan kita telah melanjutkan *concession* ini sehingga tahun 2021. Lebih kurang lapan tahun lagi. Walau bagaimana pun kita mahu supaya pihak BERNAS lebih bertanggungjawab dan kembali kepada matlamat asal peranan mereka sebagai satu badan korporat yang telah diberi tanggungjawab dan keistimewaan menjadi satu-satunya syarikat yang mengimport. Itu keistimewaan bagi mereka. Akan tetapi dalam pada itu mereka mempunyai tanggungjawab untuk membantu kerajaan membela nasib pesawah-pesawah padi. Membela nasib mereka di dalam industri beras.

Ini saya sokong tuntutan daripada pihak rakan-rakan di sebelah sana supaya BERNAS kembali melaksanakan peranan ini dengan lebih bertanggungjawab. Saya boleh juga bersetuju ada kelemahan-kelemahannya sedikit dan kita sentiasa mengambil langkah-langkah untuk mengingatkan BERNAS dewasa ini. Dalam banyak mesyuarat teguran telah diberikan, peringatan telah diberikan. Pegawai-pegawai di belakang tahu saya ada bercakap, Menteri bercakap dan kita mengingatkan BERNAS supaya jangan lupa kepada tanggungjawab asal mereka. Selain daripada tanggungjawab komersial atau pun *commercial orientation*, mereka juga mesti jangan lupa *social obligation* yang mana perlu dipertingkatkan lagi. Soalnya sekarang ini ada satu isu juga yang membimbangkan tadi yang dibangkitkan oleh rakan-rakan di sebelah sana iaitu langkah sekarang untuk *delisting* atau pun untuk memprivatekan syarikat BERNAS yang sebelum ini adalah sebuah syarikat yang berdaftar di Bursa Saham Malaysia...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** [Bangun]

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ini satu langkah yang saya dimaklumkan..

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Yang Berhormat Menteri. Sebelum kepada isu *delisting*. Saya ingat persoalan yang semua orang hendak tahu, Ahli-ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini adalah persoalan kenapakah BERNAS ini menjadi milik atau kawalan lebih daripada 83% kawalan syarikat ini dalam tangan seseorang peniaga sahaja?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey, kita tidak ada banyak masa. *You give me a chance.*

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** *But that is a very important issue.*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *I want to touch on that also but please don't disturb me.* Kita ada lima atau enam minit sahaja lagi. Ya, saya hendak pergi balik tadi soal *delisting*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ada 15 minit lagi Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *Delisting. You want to hear this. Delisting. Please sit down.*

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *No, they are all interested!*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Alor Star. Peraturan. Tolong hormat sedikit peraturan.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *You may not be interested but they are interested. Duduklah.*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *I am also sure everyone is interested why BERNAS only enriches one..*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *Waitlah! I am going to answer that. You don't worry about that. You think I don't have the answer? We are not like you, you know. We have the answer. You keep quiet!*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Teruskan, teruskan. Lima minit lagi.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Duduklah kalau hendak jawab. *So delisting* untuk buat *private* kita pun berasa bimbang kalau sekiranya *delisting* ini menyebabkan bahawa tidak ada kawalan kerajaan kepada BERNAS. *No! The opposition* tidak perlu rasa bimbang dan ragu-ragu sebab kita sendiri juga amat memahami perkara ini. *So we are also taking steps whatever ways.* Apa cara hendak pasti bahawa kalau *delisting* kawalan kerajaan mesti tetap ada kepada BERNAS. *That's number one.*

*Number two,* saya difahamkan selepas *delisting* dia akan ada proses yang hendak *consolidation*. BERNAS akan membuat *consolidation* dan selepas itu dia akan pergi *listing* semula. *I don't know. This may be right, may be not.* Dia akan pergi *listing* balik. Kalau pergi '*delisting*' balik maknanya *there is no control of one man like what you said just now. So don't jump the gun. Anything can happen in the future. Now is transition time, okay?*

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *Wait!* Kalau sekarang pun *you are talking about* Syed Mokhtar *controlling 80%. Okay..., right?*

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Ya.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Akan tetapi saya hendak beritahu BERNAS ini bukan Syed Mokhtar seorang yang bekerja di situ. Dia memberi pekerjaan kepada orang-orang bumiputera. Ramai juga anak-anak bumiputera bekerja di sana. *I mean* yang positif kita kata positif. Akan tetapi *share control by one person* kita pun tidak berapa senang.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *You ask my officers. I am in the meeting. I myself not very happy with one person having, orang kata control, also.* Sudah, lagi tiga minit.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sedikit sahaja.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Saya sudah minta. Saya sudah beritahu pegawai-pegawai. Kita baru beritahu kementerian. BERNAS mesti membuka ruang kepada peniaga-peniaga bumiputera. Kilang-kilang bumiputera. Kita tidak mahu lagi syarikat BERNAS buat *joint venture* dengan syarikat bukan bumiputera. Mesti buat. Semua banyak hendak soal mana ada masa.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sedikit sahaja. *Member, member.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat. Saya tabik Yang Berhormat. Hari ini jawapan Yang Berhormat jujur, ikhlas, terus terang. Yang Berhormat telah memberikan jawapan kerajaan sudah gagal untuk mengawal BERNAS. Itu dia. Kerajaan gagal untuk kawal BERNAS sejak sudah berapa puluh tahun kerajaan gagal untuk kawal BERNAS. Sekarang baru hendak seru supaya BERNAS kembali kepada matlamat asalnya untuk membantu petani membantu bumiputera. Ini bermakna saya cukup tabik Yang Berhormat memang anak cucu 'Si Pitung'. Terima kasih *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat jangan - dengar ini. Kita ini Allah SWT suruh kita memperbaiki diri. Betul atau tidak Yang Berhormat Seputeh? Kalau kita dapati ada kelemahan kita perbaiki. Ini tuntutan agama kita. *So, apa yang hendak dipolitikkan? It's nothing to politicize.* Kalau Yang Berhormat berpegang kepada ajaran agama Islam, kita terima. Ada benda kebaikan, *improvement* yang kita kena buat dari semasa ke semasa. Ini menunjukkan keberanian pihak kerajaan, keberanian pihak pemimpin untuk membuat pembaikan dan kemajuan bagi kepentingan rakyat.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *This is...* inilah sikap berani, bukan sikap pengecut dok mempertahankan apa perkara yang lemah di pihak parti pembangkang.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tahniah, tahniah.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Betul atau tidak?

**Beberapa Ahli:** Betull!

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat jangan cuba hendak laga-lagakan saya dengan sesiapa ya? *[Ketawa]*

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan kita di sebelah sini dan di sebelah sana..

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ada masa tambahan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Pun tidak betul.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Itu parti PAS- cara macam itu. *You can go.* Buatlah- "*Luncaj terjun dengan labu-labunya*". Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM4,367,380,000 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM4,367,380,000 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,667,613,200 untuk Maksud P.21 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2014 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM1,667,613,200 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2014]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 20 November 2013.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.31 malam]*